

PEMIKIRAN KRITIS DAN AMALANNYA DALAM  
MASYARAKAT INDIA BERPENDIDIKAN TAMIL DI  
MALAYSIA BERPANDUKAN TEKS TIRUKKURAL

KARTHEGES A/L PONNIAH

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

JABATAN PENGAJIAN INDIA  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2017

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: KARTHEGES A/L PONNIAH

No. Pendaftaran / Matrik: AHA120017

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (“Hasil Kajian Ini”):

PEMIKIRAN KRITIS DAN AMALANNYA DALAM MASYARAKAT INDIA  
BERPENDIDIKAN TAMIL DI MALAYSIA BERPANDUKAN TEKS  
TIRUKKURAL

Bidang Penyelidikan: KESUSASTERAAN TAMIL KLASIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 10 FEBRUARI 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 10 FEBRUARI 2017

Nama: PROF MADYA DR.S.KUMARAN

Jawatan: PENSYARAH, JABATAN PENGAJIAN INDIA, FSSS.

## Abstrak

Pemikiran kritis merupakan satu domain pemikiran yang membantu meningkatkan kefahaman, kejelasan dan keupayaan seseorang. Ia juga akan membantu penggunaan maklumat dengan berkesan di samping membuat pertimbangan yang rasional. Tirukkural merupakan satu teks berunsurkan kehidupan manusia yang boleh dijadikan panduan hidup. Kajian ini bertujuan mengkaji konsep pemikiran kritis dan amalannya dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Penekanan diberikan terhadap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat serta kemahiran penyelesaian masalah secara kritis dalam kehidupan seharian. Kajian ini berbentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 400 orang (200 lelaki & 200 perempuan) masyarakat India yang berusia 21 tahun dan ke atas. Mereka dipilih secara persampelan rawak berkelompok. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik dan satu set soalan temubual yang dihasilkan oleh penyelidik. Kebolehpercayaan soal selidik ini adalah sangat tinggi ( $r = 0.94$ ). Dapatan kajian diskriptif yang menggunakan kaedah penggredan menunjukkan tahap pengaplikasian gagasan penelitian sebab dan akibat yang berada dalam tahap cemerlang adalah sebanyak 5.0%, tahap sangat baik sebanyak 24.7%, tahap baik adalah sebanyak 43.0% manakala 21.3% responden berada di tahap yang sederhana. Di samping itu, 6.0% masih lagi lemah dalam gagasan ini. Bagi tahap pengaplikasian gagasan penyelesaian masalah pula, responden yang berada di tahap cemerlang adalah sebanyak 7.5%, tahap sangat baik adalah sebanyak 23.5%, tahap baik sebanyak 38.0% manakala 24.0% berada di tahap sederhana. Selebihnya, sebanyak 7.0% masih lagi lemah dalam gagasan penyelesaian masalah. Analisis inferensi menunjukkan faktor umur, tahap pendidikan dan kerjaya mempengaruhi tahap dan amalan pemikiran kritis secara nyata. Akan tetapi, jantina tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan terhadap amalan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Dengan ini, dapat dinyatakan bahawa, jantina tidak mempengaruhi pemikiran kritis yang disarankan oleh Tiruvalluvar. Kesemua dapatan analisis kuantitatif ini selaras dengan pandangan dan input yang diberikan oleh informan yang ditemubual. Hasil kajian ini membuktikan bahawa, masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia memiliki keupayaan berfikir secara kritis seperti mana yang disarankan oleh Tiruvalluvar. Tetapi, tahap pemikiran kritis ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti umur, tahap pendidikan, dan kerjaya. Sebagai kesimpulan, dapat dinyatakan bahawa pemikiran kritis berpandukan teks Tirukkural masih lagi diamalkan walaupun dunia ini sudah melangkah ke era teknologi maklumat. Ini menandakan Tirukkural masih lagi satu karya yang relevan dalam kehidupan seharian walaupun penghayatannya sedang merosot dalam kalangan muda mudi zaman sekarang.

## Abstract

Critical thinking is a thought domain that helps increase understanding, clarity and an ability to use information effectively. In addition, it enables one to make rational judgments or reasoning. *Tirukkural* is a text based on human life that serves as guidance. This study examined the critical thinking concept and its practice among the Tamil-educated Indians in Malaysia. A mixed method design that combined both quantitative and qualitative elements was used in this study. A total of 400 respondents that was divided into 200 males and 200 females aged 21 years and above from the Indian community was selected through clustered random sampling method. The instrument used in this study was a questionnaire developed by the researcher with a reliability ( $r = 0.94$ ). The descriptive study using grading method showed that the application of the concept of cause and effect portrayed an excellent level of 5.0%, very good level of 24.7% and 43.0% was within a good level while 21.3% showed medium level of application. In addition, 6.0% was still weak in the application of this idea. The application level of problem-solving skills denoted only 7.5 % on excellent level, while 23.5% portrayed a very good level and 38.0% showed a good level of with another 24.0% with a medium level of application of the problem solving skills in their daily lives. Inferential analysis showed that age, education level and profession affect the level of critical thinking and practice significantly. However, gender did not show any significant difference in the practice of critical thinking among the Tamil-educated Indian community in Malaysia. Therefore, gender did not influence the practice of critical thinking skills advocated by Tiruvalluvar. The findings of the quantitative analysis were consistent with the views and input provided by the informants interviewed. The results of this study proved that the Tamil-educated Indian community in Malaysia has the ability to think critically as suggested by Tiruvalluvar. However, the level of critical thinking is influenced by various factors such as age, education level and profession. To conclude, critical thinking skills advocated by Tiruvalluvar are still being practised although the world has stepped into the era of information technology. Thus, Thirukural marks its relevance in everyday life despite its declining appreciation among youths today.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya ke hadrat Tuhan yang maha berkuasa kerana dengan limpah kurniaNya saya telah mendapat kekuatan mental dan fizikal untuk meneruskan pengajian dan menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr.S.Kumaran kerana sudi mengorbankan masa tanpa mengira penat dan lelah untuk memberi bimbingan, nasihat, panduan dan tunjuk ajar sehingga saya dapat menyempurnakan penulisan laporan tesis ini. Budi baik Dekan dan semua pensyarah Jabatan Pengajian India, UM saya sentiasa hargai dan sanjungi.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan khas buat Dr.Gunathevan yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya darisegi tatacara penganalisan data. Seterusnya, saya juga merakamkan penghargaan saya kepada Pengurusan Tertinggi UPSI dan semua staf Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI.

Sebagai kenangan abadi, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri Pn.Tulasi dan anak-anakku serta ayahanda En.Ponniah yang menjadi sumber inspirasi dan dorongan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Pengorbanan mereka sentiasa kekal abadi dalam sanubariku.

Tidak ketinggalan, kesemua responden dan informan yang telah membantu saya dalam kajian ini. Tanpa kerjasama daripada mereka, adalah mustahil bagi saya untuk memperolehi data yang benar dan tepat. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada mereka dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan penyelidikan ini.

KARTHEGES A/L PONNIAH

Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Februari 2017

University of Malaya

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
BORANG PENGAKUAN TESIS	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
TRANSLITERASI	xviii
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1      Pengenalan	1
1.2      Latar Belakang Kajian	6
1.3      Permasalahan Kajian	16
1.4      Objektif Kajian	22
1.5      Persoalan Kajian	22
1.6      Hipotesis Kajian	23
1.7      Asas Teoritikal Kajian	26
1.7.1 Teori Kognitif Vygotsky	26
1.7.2 Teori Konstruktivisme	27
1.7.3 Teori Kohlberg	28
1.8      Kerangka Konseptual Kajian	29
1.9      Kepentingan Kajian	32
1.10     Batasan Kajian	34
1.11     Definisi Operasional Konvensional	35
1.12     Pembahagian bab	44

1.13	Kesimpulan	45
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	46
2.2	Tirukkural Dan Keunggulannya	46
	2.2.1 Asal usul Tirukkural	46
	2.2.2 Asal usul Pengarang	46
	2.2.3 Asal Usul Penamaan Tirukkural	47
	2.2.4 Zaman Tirukkural	51
	2.2.5 Keunggulan Karya Tirukkural	51
	2.2.6 Pembahagian Karya Tirukkural	53
	2.2.7 Nilai-nilai murni dalam karya Tirukkural	59
2.3	Pemikiran Kritis	60
	2.3.1 Definisi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Pemikir Kritis	60
	2.3.2 Kepentingan Pemikiran Kritis	64
	2.3.3 Instrumen Mengukur Kebolehan Pemikiran Kritis	67
2.4	Teori-teori Yang Berkaitan	73
	2.4.1 Teori Kognitif Vygotsky	73
	2.4.2 Teori Konstruktivisme	76
	2.4.3 Teori Penaakulan Moral Kohlberg	79
2.5	Kerangka Teorikal Kajian	84
2.6	Kajian Berkaitan Isu-Isu Masyarakat India Di Malaysia	
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Tirukkural	85
2.8	Kajian Lepas Dalam Pemikiran Kritis	107
2.9	Kesimpulan	122
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	123
3.2	Rekabentuk Kajian	124



3.3	Populasi Kajian	126
	3.3.1 Persampelan	127
3.4	Lokasi Kajian	137
3.5	Instrumen Kajian	137
3.6	Kajian Rintis	141
3.7	Tatacara Pemerolehan Data	143
3.8	Pentadbiran Instrumen Kajian	144
3.9	Tatacara Penganalisisan Data	145
	3.9.1 Analisis Diskriptif	147
	3.9.2 Analisis Inferensi	149
3.10	Kesimpulan	150
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	151
4.2	Elemen-Elemen Pemikiran Kritis Dalam Tirukkuṛaḷ	151
	4.2.1 Inferens	155
	4.2.2 Mengenalpasti andaian	158
	4.2.3 Deduktif	160
	4.2.4 Interpretasi	162
	4.2.5 Menilai hujah	165
4.3	Analisis Data Deskriptif	168
	4.3.1 Tahap Pengaplikasian Kemahiran Pemikiran Kritis Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkuṛaḷ	170
	4.3.1.1 Tahap pengaplikasian penelitian sebab dan akibat	172
	4.3.1.1.1 Interpretasi	173
	4.3.1.1.2 Menilai hujah	174
	4.3.1.2 Tahap pengaplikasian penyelesaian masalah	175
	4.3.1.2.1 Inferens	176
	4.3.1.2.2 Andaian	176
	4.3.1.2.3 Deduksi	177
	4.3.1.3 Tahap keseluruhan pemikiran kritis	178
4.4	Analisis Inferensi	179

4.4.1	Pengaruh Jantina Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia	179
4.4.2	Pengaruh Umur Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia	182
4.4.3	Pengaruh Pendidikan Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia	187
4.4.4	Pengaruh Kerjaya Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia	191
4.5	Analisis Temu Bual	194
4.5.1	Tema kajian	195
4.5.2	Rumusan Temubual	212
4.6	Kesimpulan	214
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	216
5.2	Perbincangan	216
5.2.1	Aspek pemikiran kritis dalam teks Tirukkural	217
5.2.2	Tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.	226
5.2.3	Tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.	229
5.2.4	Tahap pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil	233

	di Malaysia.	
	5.2.5 Tahap pemikiran kritis masyarakat India berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, pendidikan, dan kerjaya.	235
5.3	Kesimpulan	251
<b>BAB 6 RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>		
6.1	Pengenalan	252
6.2	Rumusan	252
6.3	Cadangan	254
	6.3.1 Cadangan kepada Individu	254
	6.3.2 Cadangan kepada Ibu bapa	256
	6.3.3 Cadangan kepada guru	256
	6.3.4 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	258
	6.3.5 Cadangan kepada badan bukan kerajaan.	260
	6.3.6 Cadangan kepada pengkaji akan datang	263
6.4	Penutup	264
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	266
	<b>LAMPIRAN</b>	300

## SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	31
Rajah 2.1	Zon Perkembangan Proksimal. (Vygotsky, 1962)	74
Rajah 2.2	Kerangka Teorikal Kajian	85
Rajah 3.1	Reka bentuk triangulasi serentak	124
Rajah 3.2	Strategi persampelan	134
Rajah 3.3	Tatacara Pemerolehan Data	
Rajah 3.4	Langkah-langkah dalam Analisis Data	146

## SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 1.1	Peringkat Perkembangan Oral Kohlberg 29
Jadual 3.1	Pemilihan sampel mengikut jantina dan kumpulan umur 135
Jadual 3.2	Kebolehpercayaan gagasan Penelitian Sebab dan Akibat dan Penyelesaian masalah 143
Jadual 4.1	Elemen-elemen pemikiran kritis dalam Tirukkural 152
Jadual 4.2	Taburan sampel mengikut jantina 168
Jadual 4.3	Taburan sampel mengikut jantina dan kumpulan umur 169
Jadual 4.4	Taburan sampel mengikut jantina dan tahap pendidikan 169
Jadual 4.5	Taburan sampel mengikut jantina dan taraf kerjaya 170
Jadual 4.6	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai kesemua komponen pemikiran kritis 171
Jadual 4.7	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai dua gagasan utama pemikiran kritis 172
Jadual 4.8	Tahap pengaplikasian gagasan penelitian sebab dan akibat 173
Jadual 4.9	Tahap pengaplikasian kemahiran interpretasi 174
Jadual 4.10	Tahap pengaplikasian kemahiran menilai hujah 174
Jadual 4.11	Tahap pengaplikasian penyelesaian masalah 175
Jadual 4.12	Tahap pengaplikasian kemahiran inferens 176

Jadual 4.13	Tahap pengaplikasian kemahiran berandaian	177
Jadual 4.14	Tahap pengaplikasian kemahiran deduksi	178
Jadual 4.15	Tahap keseluruhan pemikiran kritis	178
Jadual 4.16	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina	180
Jadual 4.17	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	180
Jadual 4.18	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina.	181
Jadual 4.19	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	181
Jadual 4.20	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina.	182
Jadual 4.21	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	182
Jadual 4.22	Analisis statistik ANOVA sehala bagi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural berdasarkan kumpulan umur	183
Jadual 4.23	Ujian Kehomogenan Varian( $a$ )	184
Jadual 4.24	Ujian ANOVA Sehala	184
Jadual 4.25	Analisis statistik ANOVA sehala bagi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural berdasarkan kumpulan umur	185
Jadual 4.26	Ujian Kehomogenan Varian( $a$ )	185
Jadual 4.27	Ujian ANOVA Sehala	185
Jadual 4.28	Analisis statistik ANOVA sehala bagi tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam	186

	pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural berdasarkan kumpulan umur	
Jadual 4.29	Ujian Kehomogenan Varian( $a$ )	186
Jadual 4.30	Ujian ANOVA Sehalu	187
Jadual 4.31	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.	188
Jadual 4.32	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	188
Jadual 4.33	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.	189
Jadual 4.34	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	189
Jadual 4.35	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.	190
Jadual 4.36	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	190
Jadual 4.37	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.	191
Jadual 4.38	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	192
Jadual 4.39	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.	193
Jadual 4.40	Ujian-t Sampel Tidak Bersandar	193
Jadual 4.41	Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.	194

### **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran 1 Maklumat Orang Bertemubual
- Lampiran 2 Borang Soal Selidik (Dalam Bahasa Tamil)
- Lampiran 3 Borang Soal Selidik (Dalam Bahasa Melayu)
- Lampiran 4 Kuplet Tirukkural yang digunakan dalam pembinaan item soal selidik

University of Malaya



## SENARAI SINGKATAN

KBKK	-	Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuraļ	-	Tirukkuraļ
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
Poruļ	-	Porulatigaram
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
SM	-	Sebelum Masihi
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
WGCTA	-	Watson Glaser Critical Thinking Appraisal
ZPP	-	Zon Perkembangan Proksimal

## TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Malaysia adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

<i>UYIR EḶUTTU / VOKUL</i>		
a - அ	ū - உ	ō - ஒ
ā - ஆ	e - எ	au - ஔ
i - இ	ē - ஏ	k̄ - ஃ
ī - ஈ	ai - ஐ	
u - உ	o - ஓ	

<i>MEY EḶUTTU / KONSONEN</i>		
k - க்	t - த்	l - ல்
ṅ - ங்	n - ன்	v - வ்
c - ச்	p - ப்	ḷ - ழ்
ñ - ஞ்	m - ம்	ḷ - ள்
ṭ - ட்	y - ய்	r - ர்
ṇ - ண்	r - ர்	ṇ - ண்

<i>KIRANTA EḶUTTU</i>		
j - ஜ்	h - ஹ்	sri - ஸ்ரீ
ṣ - ஷ்	s - ஸ்	kṣ - க்ஷ்

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pemikiran merupakan media yang menyumbang kepada penyampaian sesuatu maklumat kepada individu lain atau sesama manusia. Pemikiran merupakan satu-satunya perkara yang tidak dapat dikecualikan daripada umat manusia malah ia juga menjadi identiti bagi perbezaan individu. Pemikiran kritis merupakan satu domain pemikiran yang jelas menekankan penggunaan hemisfera otak kiri (Beyer, 1988 : 55-60 & 1995 : 8). Pemikiran penting dalam kehidupan seharian kerana dengan menguasai kemahiran ini, kita boleh menggumpulkan banyak maklumat dan menilai betul atau salah sesuatu idea itu serta dapat membuat tindakan atau pemilihan yang lebih tepat (Rajendran, 2010 : 23). Beyer (1988 : 65), menyatakan bahawa pemikiran kritis juga dapat membantu meningkatkan kefahaman, kejelasan dan keupayaan kita menggunakan maklumat dengan berkesan di samping membuat pertimbangan yang rasional.

Menurut Mohd Yusof Othman (1998 : 59), pemikiran mempunyai pengertian yang luas dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Namun, berfikir merupakan suatu usaha untuk meningkatkan pengetahuan seseorang. Oleh yang demikian, hanya orang yang mampu berfikir boleh melakukan perubahan dan boleh menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membina. Kemampuan dan keluasan berfikir tidak akan menjadikan seseorang itu stereotaip dalam tindakan dan amalannya. Zainal Kling (1993 : 400), menjelaskan bahawa konsep pemikiran sebagai kegiatan untuk membentuk sesuatu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir yang wajar bagi semua anggota masyarakat.

Joe Lau (2011 : 2) dan Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2003 : 2-5), menghuraikan bahawa kemahiran berfikir telah mula diberi perhatian istimewa oleh tamadun manusia sejak zaman Socrates, 2500 tahun dahulu lagi yang juga dikenali sebagai pemikiran kritis yang merangkumi pemikiran kreatif. Dalam menjana pemikiran kritis dalam kehidupan, Socrates telah menggunakan keberkesanan soalan untuk menilai dan mempertingkatkan kebolehan menjana dan memberi buah fikiran seseorang. Sarananya, menjurus ke arah soalan-soalan aras tinggi yang disebut sebagai '*deep questions*' diajukan untuk menggalakkan seseorang berfikir secara kritis sebelum sesuatu buah fikiran dapat dan layak diterima pakai. Metod penyualan Socrates yang dikenali sebagai "*Socrates questioning*" atau "Penyoalan Socrates" masih dianggap sebagai cara terbaik dalam pengajaran berfikir secara kritis dan kreatif masih banyak diamalkan sehingga kini.

Idea Socrates dalam berfikir secara kritis dan kreatif telah disoroti oleh Plato (murid Socrates yang banyak membuat catatan tentang pemikiran Socrates) dan Aristotle (seorang lagi ahli falsafah Greek). Mereka dan ahli falsafah Greek yang lain menyarankan betapa perlunya manusia berfikir sebelum menerima sesuatu maklumat (Andrew Lawless, 2014 :14 dan Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2003 : 5). Dengan ini, penyelidik dapat memahami bahawa pemikiran kritis bukanlah sesuatu yang baru walaupun baru diwarwarkan dalam sistem pendidikan Malaysia. Pemikiran aras tinggi ini telah dipelopori di seluruh dunia sejak 2500 tahun dahulu.

Dalam abad ke dua puluh, tokoh-tokoh seperti Benjamin Bloom bersama rakan-rakannya yang lain termasuk Krathwohl telah mendalami konsep penggunaan soalan seperti yang disarankan oleh Socrates dalam menjana kemahiran berfikir dengan berlandaskan domain kognitif (Steve Padget, 2013 : 37). Bloom adalah orang yang

bertanggungjawab dalam memperkenalkan istilah ‘aras pemikiran’ atau ‘*level of thought processes*’. Bloom menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi (*higher-order thought processes*) hanya boleh dikembangkan dengan menggunakan soalan atau objektif pengajaran aras tinggi. Bloom juga mengkritik bahawa keghairahan guru menggunakan soalan atau objektif pengajaran aras rendah telah melahirkan pelajar-pelajar yang tidak kreatif atau kritis (Rajendran, 2010 : 62).

Kemahiran berfikir adalah berkait rapat dengan kebolehan seseorang insan menggunakan kedua-dua domain kognitif dan afektif dalam membuat keputusan. Dengan kata lain, kemahiran berfikir adalah kemahiran seseorang menggunakan otak (kognitif) dan hati (domain afektif) sebagai landasan kepada keyakinan (*belief*) atau tindakan (*actions*) (Mohd Yusof Hasan, 2001 : 33).

Memandangkan keperluan semasa dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengimplimentasikan Kurikulum KBKK (Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif) sebagai satu unsur yang penting kearah peningkatan daya pemikiran pelajar supaya menjadi insan yang bersedia menghadapi cabaran hidup. Dalam usaha membentuk seorang individu yang berdaya saing, kurikulum KBKK telah dibahagikan kepada dua komponen yang penting iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif. Kemahiran berfikir secara kritis merujuk kepada keberkesanan seseorang dalam menggunakan minda untuk menilai kesahan atau kebaikan sesuatu idea, buah fikiran di samping membuat penilaian tentang sesuatu data atau maklumat. Kemahiran ini memerlukan kemahiran membuat analisa data atau menginterpretasikan kesahihan sesuatu maklumat (Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin & Hafsa Mohamed Makki, 2008 : 35-46).

Kemahiran berfikir beserta pelbagai jenis pemikiran telah dikodkan dalam karya-karya sastera dalam pelbagai bahasa sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Hal ini kerana, pemikiran tidak dapat dipisahkan daripada golongan manusia manakala kesusasteraan pula merupakan karya yang menggambarkan kehidupan manusia dalam bentuk estatika (Abdul Halim Ali, 2006 :8). Penyelidik juga berpendapat bahawa komponen sastera dalam mana-mana bahasa merupakan medan penjanaan idea-idea yang kreatif dan kritis.

Salah satu hasil karya kesusasteraan yang disanjung sebagai khazanah dunia serta berperanan sebagai panduan kehidupan umat manusia adalah Tirukkural. Karya klasik Tamil ini yang dihasilkan oleh pujangga Tiruvalluvar bukan sahaja menyampaikan maklumat peradaban bangsa Tamil klasik, malah melambangkan pencapaian masyarakat Tamil klasik dalam bidang pemikiran aras tinggi kira-kira 2000 tahun dahulu. Tirukkural yang dikelaskan sebagai kitab moral masyarakat Tamil membincangkan nilai-nilai murni bukan sahaja ditumpukan kepada kaum India, malah nilai-nilai tersebut merupakan garis panduan bagi seluruh umat manusia (Pope, 1981 : XXI).

Pada asasnya, masyarakat India, khususnya masyarakat Tamil, mempunyai pengetahuan asas tentang karya Tirukkural. Namun begitu, karya agung ini hanya dianggap dan diterima sebagai kitab moral Tamil yang mengutamakan nilai-nilai murni sahaja. Tambahan pula, ada segelintir daripada mereka yang beranggapan bahawa nilai-nilai murni yang ditekankan dalam Tirukkural tidak sesuai lagi dengan zaman moden ini (Palanisamy, 2012 : 110).

Nyanatheeva Barathi Swamigal (2013 : 77), menerangkan bahawa pandangan negatif terhadap ajaran Tirukkural yang menyatakan ianya ketinggalan zaman menjadi sukar bagi masyarakat India untuk mengamalkan setiap nilai yang terdapat dalam Tirukkural dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana sekiranya seseorang individu mahu berpegang teguh kepada ajaran Tiruvalluvar, individu tersebut seharusnya mempunyai pemahaman yang tinggi dalam amalan pemikirannya. Dengan kata lain, individu tersebut perlu mengamalkan pemikiran kritis untuk bertindak (Narayanasamy, 2012 : 103). Tiruvalluvar berpandangan jauh dan berfikiran luas. Buah fikirannya kompleks dan terlalu dalam maknanya sehinggakan masyarakat biasa tidak dapat memahami dan mempraktikkannya dengan sempurna (Palanisamy, 2012 : 112).

Walaupun kandungan Tirukkural agak kompleks, ia tetap menjadi amalan dalam kehidupan seharian dalam pelbagai lapisan masyarakat India tanpa disedarinya. Apa yang disarankan oleh Tiruvalluvar adalah kehidupan yang sempurna. Setiap tindak tanduk manusia dengan akibatnya telahpun disarankan oleh Tiruvalluvar melalui kuplet-kuplet Tirukkural. Apa yang jelas adalah, Tiruvalluvar menegaskan pemikiran secara kritis sebelum membuat sesuatu keputusan dan bertindak berdasarkan pendiriannya itu. Persoalannya, walaupun saranan Tiruvalluvar menjadi amalan dalam kehidupan seharian, sejauh manakah saranan ini menjadi kenyataan dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Oleh yang demikian, lebih banyak kajian untuk menganalisa penggunaan pemikiran kritis dalam golongan masyarakat India yang berpendidikan Tamil berpandukan karya Tirukkural wajar dijalankan. Ini akan membantu mengetahui sejauh manakah penghayatan nilai-nilai tersebut wujud dalam kalangan masyarakat India. Selain itu, kaji selidik mengenai pengamalan pemikiran kritis sepertimana yang

disarankan dalam Tirukkural juga agak penting bagi menilai tahap pemikiran masyarakat India yang berpendidikan Tamil kini di Malaysia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pemikiran merupakan satu proses mental yang memerlukan interaksi antara pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi membolehkan individu memahami dan mencorakkan alam sekelilingnya (Debra Hills, 2011 : 26). Manusia menjalani proses berfikir. Namun, jenis dan cara mereka berfikir adalah berbeza di antara individu dengan individu yang lain. Kualiti serta buah fikiran yang dihasilkan juga berbeza sesama individu. Seseorang yang berfikir secara kritis sentiasa menilai sesuatu idea dengan sistematik sebelum menerima idea tersebut sepenuhnya (Andrew Lawless, 2014 : 32 dan Steve Padget, 2013 : 63).

Perkataan 'kritis' berasal daripada perkataan Inggeris iaitu "*critic*". Kata dasar bagi perkataan kritis merupakan perkataan Greek yang berbunyi "*kriths*" (kritiks) yang membawa maksud menimbang (*judge*). Menimbang pula membawa erti menilai, membezakan, mencetuskan, dan menyoal sama ada sesuatu fakta itu benar ataupun salah. Berfikir secara kritis merupakan tunjang kepada pemikiran terbuka, iaitu kesanggupan menerima pandangan dan pendapat individu lain dan ianya memberi keupayaan untuk mempertimbangkan semula idea tersebut (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2003 : 10 dan Abdul Halim Ali, 2006 : 6).

Secara ringkasnya, kritis membawa maksud kebolehan seseorang untuk membantu dan memperbaiki idea-idea individu lain supaya ia boleh diterima atau ditolak. Oleh itu, tidak salah jika seseorang mengatakan bahawa kemahiran berfikir secara kritis



amat mustahak bagi setiap individu untuk meningkatkan taraf hidup manusia. Pemikiran kritis juga akan membawa kemakmuran dalam kehidupan manusia. Pemikiran kritis membolehkan setiap individu untuk berfikir dan bertindak secara rasional dalam apa jua keadaan. Pemikiran kritis menjadikan seseorang lebih rasional dan peka serta cekap dalam mengkaji sesebuah hujah mahupun pernyataan yang dikeluarkan secara pengucapan mahupun penulisan. Di samping itu, pemikiran kritis juga mampu meluaskan atau membuka minda seseorang agar lebih menerima berbanding terus menolaknya tanpa menganalisa baik-buruknya cadangan tersebut (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2003 : 10).

Individu yang tidak berfikir secara kritis akan menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, individu yang terlibat dalam kegiatan yang negatif seperti merompak, meragut, membunuh dan sebagainya merupakan individu yang tidak mempraktikkan pemikiran kritis dengan baik. Hal ini kerana, individu yang berada dalam keadaan emosi yang tidak stabil akan bertindak di luar kawalan sekiranya dia tidak mampu berfikir secara rasional. Sebaliknya, seseorang yang berfikir secara kritis akan menilai baik buruk yang bakal dihadapi terhadap tindakan tersebut.

Kenyataan ini telah dijelaskan oleh beberapa sarjana. Sebagai contohnya Baron, Granato, Spranca dan Teubal (1993 : 43), menyatakan bahawa;

*The present finding suggests that many children enter adolescence without a readiness to take probabilities into account, to think of frequencies as relevant to probabilities, or to think about the precedent setting effect of choices. There seems to be serious deficiencies when it comes to making decisions about drugs, contraception, health habits, or when it comes to understanding many public policy in which such issue arise.*

Apa yang dinyatakan oleh Baron et al. (1993 : 43), jelas menunjukkan bahawa, sekiranya kanak-kanak yang memasuki alam remaja gagal berfikir secara kritis terhadap baik buruk penyalahgunaan bahan seperti dadah, pemilihan gaya hidup, pemahaman dasar-dasar masyarakat dan sebagainya boleh membawa keruntuhan sosio budaya sesuatu masyarakat.

Seterusnya, menurut Hine dan Peacock (2000 : 67-75), dalam menghadapi dunia yang telah menjadi begitu kompleks, masyarakat terutamanya kanak-kanak kita perlu diajar untuk bertanya soalan-soalan seperti “Apakah buktinya?”, “Adakah cara lain yang lebih baik, lebih berkesan, lebih menjimatkan?”, “Adakah yang disampaikan pada saya benar?”, “Apakah mesej sebenarnya?” Dalam pada ini, kedua mereka menekankan kepentingan golongan muda bijak memilih, mengumpul maklumat dan pandai bertanya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dalam menjelaskan kegunaan pemikiran kritis, Tsui (1999 : 1850), menyatakan bahawa “...*fostering critical thinking skills is said to be essential to safeguard a democratic society with an able thinking citizenry and ensuing a competent work force in an increasingly complex world,*” di mana kemahiran berfikir dikatakan penting untuk melindungi masyarakat berdemokratik dan pemikiran rakyat dengan tenaga kerja yang kompeten dalam dunia yang semakin kompleks. Pandangan ini turut disokong oleh Kurfiss (1998 : pvi), dengan pandangan yang berbunyi “...*critical thinking is an essential capacity of citizens in a healthy democratic society*”. Kurfis menekankan kemahiran memilih diperlukan oleh umat manusia dalam segala hal termasuk memilih pemimpin dan kerajaan. Kebijaksanaan memilih merangkumi segala jenis pemikiran dan perbuatan yang dilakukan dalam kehidupan seharian (Dewey, 1993 : 8 dan Mal Leicester, 2010 : 71).

Di samping itu, Spaulding dan Kleiner (1992 : 162), menghujahkan bahawa pemikiran kritis perlu dalam pelbagai perkara mengenai kehidupan. “...*critical thinking skills has demonstrated importance in many areas of American life from assessing family problems to making political decision*”. Mereka menyarankan pemikiran kritis sangat perlu dari aspek pentadbiran keluarga hinggan pentadbiran negara. Pandangan dan kepentingan pemikiran kritis ini turut disokong oleh ramai ilmuan yang lain seperti Beyer (1995), Gibson (1995), Huberty dan Davis (1998), Hurst dan Milkent (1996), McBride dan Reed (1998), Mal Leicester (2010), Reed dan Kromrey (2001), dan Spaulding dan Kleiner (1992). Bahkan Mal Leicester (2010), memetik Sprizer, seorang chief executive officer (CEO) untuk Syarikat Tregore Inc. di Skillman, New Jersey, Amerika Syarikat yang mengatakan “...*stop engineering, stop knowledging, stop every management theory you use and get back to basic – like thinking critically*”. Berdasarkan pandangan ini, dengan adanya pemikiran kritis, segala kemahiran lain dapat dibina dengan tersendirinya. Kenyataan ini turut disokong oleh Lipman (1998 : 391), yang melebalkan pemikiran kritis sebagai *reasoning* atau penaakulan yang terlalu penting kerana ia merupakan asas kepada perkembangan kemahiran lain. “...*it is foundational to the other (reading, writing, speaking, listening, computation) development*”.

Kepentingan pemikiran kritis lebih jelas lagi apabila ia tercatat sebagai salah satu dari tujuan pendidikan dan tujuan persekolahan dalam dokumen-dokumen rasmi kerajaan dan institusi pendidikan (Abd Rahim Abd Rashid, 2000; Howe & Warren, 1989; Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) 1988; Kuhn, Deanna (1999); Paul, 1984; Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) 2001).

Pemikiran kritis yang meliputi elemen-elemen seperti bersifat konsisten, logikal, analisis, penilaian, kritikal dan tidak berat sebelah yang diterapkan oleh Abu Bakar As-Siddiq dalam kepemimpinannya ketika beliau menjadi khalifah umat Islam pertama selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. dalam sejarah Islam, dapat melahirkan manusia yang berwaras (Ainon Mohd & Abdullah, 2003 : 24). Elemen-elemen yang unggul ini dapat dipelajari ataupun dirasai melalui karya-karya sastra yang telah dihasilkan oleh karyawan-karyawan yang unggul seperti Tiruvalluvar.

Elemen pemikiran konsisten yang bererti pemikiran yang tetap dan tidak berubah dapat dipupuk melalui karya sastra Tirukkural. Setelah membuat keputusan tentang sesuatu perkara, maka ia tidak akan berganjak daripada keputusan tersebut. Namun begitu, ia mesti bersesuaian dengan prinsip betul kerana benar dan salah kerana salah. Elemen ini dapat dikaitkan dengan kuplet Tirukkural ke-251 dalam Bab 26: “Adalah sukar mengharapkan sikap belas kasihan daripada manusia yang membunuh untuk mendapatkan daging semata-mata membesarkan badannya sendiri” (*Taṇṇūn perukkarkut tāṇpiritu ūṇuṇpāṇ enṇaṇam ālum aru!*) (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 101). Kita dapat menyedari bahawa prinsip membunuh nyawa lain untuk kepentingan sendiri merupakan sesuatu yang salah melalui ajaran Tirukkural. Apabila kita berfikir secara kritis tentang kebenaran ajaran Tirukkural ini, maka kita dapat membuat satu kesimpulan tentang pemakanan daging. Keputusan ini akan konsisten sekiranya penelitian yang jitu tentang ajaran Tirukkural dibuat oleh kita.

Kedua, pemikiran kritis bersifat logikal yang boleh difahami bahawa logik akan menentukan sama ada sesuatu itu benar atau tidak dan ia akan bersandarkan kepada hujah akal. Salah satu kuplet Tirukkural yang dapat dikaitkan dengan elemen pemikiran kritis bersifat logikal adalah Thirukkual ke-450 dari Bab 45: “Mengenepikan

persahabatan orang-orang baik mulia, hanya akan menyebabkan keburukan sepuluh kali ganda dan membawa permusuhan yang tidak berfaedah” (*Pallār pakaiḷalir pattaṭutta tīmaittē nallār toṭarkai viṭal*) (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 188). Kuplet Tirukkuraḷ ini membawa maksud yang begitu mendalam kerana sebelum bertindak kita harus menganalisa kelogikan dari semua aspek. Bermusuhan dengan orang yang baik, tidak ada logik sama sekali kerana kita akan kehilangan teman yang baik dan terpaksa menyesal apabila sudah terlambat. Orang-orang baik sentiasa membawa kebaikan kepada seseorang. Apabila kita menghilangkan persahabatan mereka, sudah tentu kejadian-kejadian yang tidak diingini akan berlaku kepada kita.

Seterusnya, pemikiran kritis bersifat analisis bererti memberi perhatian terhadap unsur, elemen, bahan, dan ciri-cirinya satu per satu dan bertujuan menghurai dan meneliti setiap perkara itu. Bagi elemen bersifat analisis, kuplet Tirukkuraḷ ke-517 dari Bab 52: “Pemberian tanggungjawab kepada seseorang haruslah berdasarkan kebolehannya supaya tugas itu dapat diselesaikan dengan sempurna” (*Itaṇai itaṇāl ivaṇmuṭikkum enṛāyntu ataṇai avaṅkaṇ viṭal*) (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 215). Tirukkuraḷ ini memberi nasihat kepada kita untuk menganalisis dahulu kebolehan dan kesanggupan seseorang untuk melakukan kewajipan atau tugas yang diberikan kepadanya supaya ia tidak memberi kesan negatif pada masa akan datang.

Di samping itu, pemikiran kritis yang bersifat penilaian penting dalam membantu individu membuat keputusan secara bijak dalam sesuatu perkara. Tanpa ciri pemikiran kritis seumpama ini, maka seseorang tidak dapat membuat keputusan dengan bijak dan tepat. Jika diperhatikan secara teliti, kuplet Tirukkuraḷ yang ke-504 dari Bab 51: “Tinjauhlah sikap baik buruk seseorang sebelum membuat sesuatu keputusan berdasarkan kelebihanannya” (*Kuṇamnāṭik kurramum nāṭi avarruḷ mikaināṭi mikka koḷal*)

(Singaravelu Sachithanantham, 2013 : 210). Tiruvalluvar meletakkan garis panduan untuk menilai diri seseorang dengan merujuk kepada keberatan kebaikan dan keburukan yang dapat dilihat dan dinilai pada diri seseorang.

Selain itu, pemikiran kritis bersifat kritikal boleh difahami sebagai menimbang yang membawa maksud menilai, membezakan, memutuskan dan menyoal sama ada sesuatu perkara itu benar atau salah. Elemen pemikiran memainkan peranan penting dalam unsur pemikiran kritis. Kuplet Tirukkural ke-810 dari Bab 81: “Walaupun sahabat kita melakukan kesilapan, sekiranya kita memaafkannya lalu mengekalkan persahabatan yang harmonis dengan beliau, semua pihak akan memuji tingkalku kita” (*Vilaiyār vilaiyap paṭupa palaiyārkaṇ paṇṇiṉ talaiṇṇiyā tāṛ*) (Singaravelu Sachithanantham, 2013 : 339) mengingatkan kita tentang betapa susahnya untuk mengamalkan pemikiran kritis bersifat kritikal. Hal ini kerana, bukan semua orang yang boleh menerima kelemahan atau kesilapan rakannya dan masih berkawan rapat dengannya.

Elemen berikut dalam pemikiran kritis adalah bersifat tidak bias atau berat sebelah misalnya tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam mengambil sesuatu keputusan. Bersifat neutral dan tidak berat sebelah membolehkan ia rasional dan waras dalam membuat justifikasi terhadap sesuatu perkara. Contoh yang amat sesuai bagi elemen ini adalah kuplet Tirukkural yang ke-112 dari Bab 12: “Kekayaan orang yang bersikap adil dan saksama, tidak akan termusnah, dan akan membawa kebahagiaan kepada keturunannya” (*Ceppam uṭaiyavaṇ ākkaṅ citaiviṇṇi eccattir kēmāppu uṭaittu*) (Singaravelu Sachithanantham, 2013 : 45). Tuntasnya, melalui kuplet Tirukkural ini kita dapat pengajaran bahawa orang yang bersifat neutral dan tidak berat sebelah akan direstui tidak kira di mana jua mereka berada.

Pemikiran kritis menumpukan perhatian kepada kaedah-kaedah yang seharusnya digunakan oleh manusia untuk berfikir secara berkesan. Sekiranya diperhatikan dengan jelas dapat dikatakan bahawa pemikiran kritis yang bersifat nilai-nilai seperti peramah, bertolak ansur, menghormati hak orang lain, berfikiran positif dan sebagainya semakin meluntur di negara kita tidak kira masyarakat Melayu, Cina, ataupun India . Ini dapat dilihat daripada bilangan jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada polis yang mencapai puluhan ribu setiap tahun (Malaysia dan Banci, 2001-2009 : 136). Kini, kita dapat melihat kes-kes seperti berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai, kes meragut, masalah pergaduhan yang semakin banyak membuktikan secara tepat bahawa kita sedang menuju ke arah era kezaliman. Sekiranya aspek pemikiran kritis diambil kira oleh masyarakat, sudah tentunya masalah berkaitan kelakuan masyarakat tidak dipersoalkan sama sekali. Andai kata, masyarakat mengamalkan pemikiran kritis sepertimana yang diperkatakan dalam karya-karya sastera terutamanya seperti Tirukkural, kes-kes seperti ini mampu dibendung.

Tirukkural merupakan salah satu teks berunsurkan kehidupan manusia. Karya yang terdiri daripada 1330 kuplet ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tentang keadilan, kebendaan dan kebahagiaan. Justeru, karya Tirukkural merupakan karya kehidupan dapat dirujuk oleh semua individu. Tidak dapat dinafikan bahawa Tirukkural sesuai untuk semua agama dan lapisan masyarakat. Unsur-unsur yang diperkatakan dalam karya Tirukkural amat berfaedah bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengambilkira sebarang agama. Ajaran, setiap kuplet Tirukkural bagaikan sebutir mutiara yang menekankan pemikiran kritis dalam gayanya tersendiri dengan mengandungi pelbagai maksud tersirat. Walaupun, seseorang tidak mempunyai pengetahuan luas tentang pengertian kuplet Tirukkural, namun beliau masih boleh memahami maksud Tirukkural sekiranya menganalisis kuplet tersebut secara kritis.

Sebagai contoh, kuplet daripada Bab 13 ‘Kepunyaan Kerendahan Hati’ kuplet 127 menyatakan bahawa “Manusia harus mengawal lidahnya daripada yang lain-lain, jika tidak pertuturan yang kesat dan buruk akan membawa penderitaan” (*Yākāvā rāyīnum nākākka kāvākkāl cōkāppar collilukkup paṭṭu*) (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 51). Dengan membaca kuplet Tirukkuraḷ ini, seseorang dapat mengamati nilai-nilai murni seperti bertutur dengan baik, tidak menggunakan kata-kata kesat, dan sentiasa beradab semasa bertutur. Maka, kita dapat membuat konklusi bahawa Tirukkuraḷ merupakan salah satu sempadan yang menjelaskan secara terperinci tentang penghayatan nilai-nilai moral melalui pemikiran kritis.

Dengan membaca kuplet-kuplet Tirukkuraḷ, seseorang individu dapat meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni. Namun, seseorang hanya dapat mengenalpasti nilai-nilai murni yang terdapat dalam Tirukkuraḷ melalui pemikiran kritis sahaja. Selain itu, sekiranya seseorang itu menganalisa setiap kuplet Tirukkuraḷ secara terperinci dan berfikir secara kritis serta rasional, ia akan meningkatkan keupayaan individu tersebut untuk menghasilkan dan mencetuskan idea yang baru. Di samping itu, pemikiran kritis dalam Tirukkuraḷ dapat melahirkan masyarakat alaf baru yang memiliki gaya maklumat, kekuatan minda, nilai-nilai murni dan semangat jati diri.

Tirukkuraḷ memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan membolehkan masyarakat memberi pendapat dan hujah yang kritis dalam pelbagai situasi. Malah ia membantu membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar ke atas pelbagai situasi yang kita alami. Kemahiran berfikir secara kritis merupakan unsur yang diberikan penekanan dalam Tirukkuraḷ. Ini memberi pendedahan luas kepada pelbagai golongan masyarakat. Pengajaran Tirukkuraḷ bukan sahaja diamalkan di negara Malaysia malah ia meliputi beberapa negara seperti Singapura, India, Sri Lanka dan



sebagainya. Hal ini kerana, selain daripada Malaysia terdapat 153 buah negara lagi menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa perantaraan dan bahasa komunikasi secara formal mahupun tidak formal seperti negara China, Thailand, Maldives, Arab Saudi, Fiji, Australia dan lain-lain lagi. Mengikut kajian Sachithanathan (2009 : 6), bilangan orang yang menggunakan Bahasa Tamil di seluruh dunia adalah seramai 93,905,930 orang.

Maka, tidak hairanlah jika dikatakan bahawa pengajaran Tirukkural merupakan sesuatu yang sinonim di negara-negara berkenaan. Usaha menerapkan nilai-nilai murni melalui Tirukkural kepada golongan muda mahupun dewasa merupakan sesuatu yang diharapkan dan disarankan oleh semua pihak. Oleh itu, usaha tersebut giat dijalankan di institusi persekolahan di peringkat rendah, menengah, pra universiti dan universiti. Secara puratanya sebanyak 30 kuplet Tirukkural diajar kepada murid pada peringkat rendah berbanding 20 kuplet Tirukkural pada peringkat menengah diikuti dengan golongan remaja pada peringkat pra dan universiti mempelajari sebanyak 50 kuplet Tirukkural. Sebagai konklusinya dalam kurikulum bersepadu, pelajar yang mengikuti aliran Bahasa Tamil akan mempelajari 100 kuplet Tirukkural (Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Rendah (2008 : 34-37); Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Menengah (2008 : 48-52); Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Tingkatan Enam (2012); Kursus Pengantar Kesusasteraan Tamil Klasik, Universiti Malaya (2014); Kursus Kesusasteraan Tamil Klasik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (2014 : 71)).

Karya Tirukkural telah berusia melebihi 2000 tahun. Memandangkan karya ini menekankan kehidupan yang sempurna serta menekankan pemikiran kritis untuk memahaminya, maka adalah perlu untuk menilai samaada ajaran Tiruvalluvar masih relevan pada masa kini dan adakah masyarakat terutamanya masyarakat India yang

berpendidikan Tamil di Malaysia dapat berfikir berlandaskan ajaran Tirukkural. Berdasarkan pandangan penyelidik, hasrat Tiruvalluvar dalam keinginan melihat kehidupan yang sempurna umat manusia terutamanya masyarakat India, ianya masih menjadi realiti. Namun, pandangan ini perlu dinilai dengan menjalankan satu penyelidikan yang empirikal.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Tirukkural dapat dikaitkan dengan kesemua jenis pemikiran seperti pemikiran mendatar, pemikiran menegak, pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran divergen, pemikiran konvergen, dan pemikiran reka cipta. Namun, ianya sangat berkait rapat dengan pemikiran kritis. Walaupun setiap kuplet Tirukkural mempunyai dua baris tulisan (dengan tujuh patah perkataan), namun ianya mengandungi pelbagai makna yang mendalam. Dengan kata lain, setiap kuplet Tirukkural mengandungi makna tersirat dan ia bergantung kepada aspek pentafsirannya. Namun begitu, satu persoalan yang wujud di sini adalah sama ada sejauh manakah orang yang mempelajari atau mengetahui Tirukkural akan menganalisis serta mentafsir makna tersirat setiap kuplet Tirukkural tersebut.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, Tirukkural turut menjana pemikiran kritis. Masyarakat harus memberi tumpuan sepenuhnya untuk menguasai Tirukkural bagi memperkembangkan minda supaya dapat melahirkan insan yang berilmu serta mampu berdaya saing. Selain itu, ajaran Tirukkural bukan sahaja menjadi landasan atau garis panduan kepada golongan cendekiawan malah ia memberi pengajaran kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan buta huruf. Persoalannya sekarang, adakah ajaran Tiruvalluvar masih bersesuaian pada zaman kini

dan adakah pemikiran beliau dipraktikkan sekarang? Kewujudan Tirukkural menggalakkan lagi masyarakat berfikir secara kritis. Tetapi, apakah keadaan Tirukkural pada masa sekarang? Adakah masyarakat moden kini menggunakan pemikiran kritis seperti yang diutarakan oleh Tiruvalluvar ataupun berfikiran selain pemikiran beliau dalam perjalanan harian mereka?

Palanisamy (2012 : 19), menyatakan bahawa masyarakat melihat Tirukkural sebagai khazanah kesusasteraan Tamil, tetapi mereka kurang mengapikasi nilai-nilai murni yang disarankan oleh pujangga Tiruvalluvar. Dalam hal ini, terdapat juga golongan cendekiawan gagal mengapikasinya dalam kehidupan seharian kerana maksud tersuratnya dihafal tetapi maksud tersiratnya tidak dihayati. Oleh itu, timbul satu lagi persoalan bahawa sejauh manakah pemikiran kritis yang disarankan dalam Tirukkural difahami serta digunakan dalam rutin harian oleh masyarakat India terutamanya yang berpendidikan Tamil di Malaysia.

Sebenarnya, ajaran Tirukkural telah wujud pada semua golongan manusia di seluruh dunia. Ini kerana, Tiruvalluvar menulis kuplet-kuplet Tirukkural berasaskan kehidupan harian yang universal. Namun, beliau menekankan kehidupan yang sejahtera berasaskan nilai-nilai murni yang unggul. Tiruvalluvar menganalisis kehidupan masyarakat dengan menggunakan pemikiran kritisnya lalu menulis kuplet-kuplet Tirukkural yang unggul. Budaya berfikir secara kritis perlu dititikberatkan dalam konteks kehidupan seharian, dalam segala situasi dan apa jua keadaan sekalipun yang dihadapi sepanjang perjalanan hidup. Dengan ini pemahaman Tirukkural sudah tentu akan mencungkil pemikiran kritis dalam kalangan lapisan masyarakat.

Walaupun kesedaran terhadap pemikiran kritis adalah tinggi, namun status pemikiran kritis di kalangan masyarakat masih belum mencapai tahap yang sepatutnya. Pandangan ini telah diutarakan oleh Chiodo dan Tsai (1995), Derry Levin, Osana, Jones, dan Petersen (2000), Jungwirth (1989), Keeley (1992), Norris (1985), Perkins (1985), Spaulding dan Kleiner (1992) dan Tsui (1999). Tanpa bukti yang kukuh, masih ramai mudah mempercayai fenomena-fenomena paranormal (Gray & Mill, 1990). Ini termasuk juga para lulusan universiti yang mempercayai sesuatu tanpa bukti yang kukuh (Gray 1987 dalam Gray & Mill, 1990). Keadaan ini boleh diterangkan dengan pelbagai alasan, iaitu (i) mereka mungkin tidak mempunyai pemikiran kritis; (ii) mereka telah pun mempunyai pemikiran kritis tetapi bukan pada domain ilmu yang berkenaan; (iii) mereka telah pun mempunyai pemikiran kritis dalam domain berkenaan tetapi kurang mengamalkan pemikiran kritis berkenaan; (iv) mereka mempunyai pemikiran kritis tetapi kurang penaakulan moral (*moral reasoning*) (v) atau pun, mungkin, pemikiran yang mempunyai korelasi yang tinggi dengan pencapaian akademik tidak dipindahkan ke bidang lain? Maka, sekiranya seseorang dapat mengamalkan pemikiran kritis seperti pandangan Tiruvalluvar sudah tentu masalah seperti ini dapat dielakkan dengan jayanya.

Memandangkan kewarasan pemikiran kritis, para ilmuan mengatakan pemikiran ini penting dan perlu diperkembangkan di kalangan pelajar lagi (Beyer, 1988 dan Mal Leicester, 2010 : 75). Pelbagai contoh dapat dinyatakan bagi kenyataan ini. Zaman kini, di Malaysia terutamanya, dalam kalangan masyarakat India masalah rumah tangga semakin berleluasa. Pada asalnya masalah rumah tangga yang kelihatan agak kecil sebenarnya telah merumitkan keadaan dan seterusnya membawa kepada institusi keluarga yang kucar-kacir dan tidak sejahtera. Kini kes-kes penceraian masyarakat India telah meningkat dengan mendadak (Muthusamy, 2014 : Temubual) (Rujuk Lampiran

1). Tambahan pula, masalah ini membimbangkan dan merunsingkan pelbagai pihak. Menurut Guna (2015 : Temubual) (Rujuk Lampiran 1), kebanyakan kes penceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat kini sebenarnya melibatkan golongan elit iaitu golongan yang berpendidikan tinggi. Ini telah membuktikan bahawa tidak semestinya kesemua individu yang berpendidikan akan berfikir secara kritis baik buruk sesuatu perkara. Kadang-kala individu yang berpelajaran tinggi juga tidak mampu berfikir secara waras semasa berlakunya pertelingkahan. Akibatnya, hal ini boleh membawa pertelingkahan tersebut kepada satu isu yang lebih serius iaitu penceraian. Dalam Tirukkural terdapat 20 kuplet (Kuplet 41 hingga 60) yang membincangkan secara mendalam tatacara kehidupan suami isteri bagi melahirkan keluarga yang harmoni. Sekiranya masyarakat India sepandangan dengan Tirukkural, kenapakah masalah-masalah rumah tangga semakin meningkat pada masa kini?

Selain itu, sejak kebelakangan ini bilangan kes jenayah dalam kalangan masyarakat Malaysia didapati turut meningkat. Peningkatan kes-kes jenayah seperti vandalisme, gangsterisme, perlumbaan haram, pembunuhan, merogol, dan sebagainya kian meruncingkan pelbagai pihak. Tingkah-laku sebegini berkait rapat dengan daya pemikiran kritis si pelaku. Seseorang individu pastinya tidak akan melibatkan diri dalam kes-kes jenayah yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara sekiranya dia berfikir secara mendalam dan membuat pertimbangan mengenai tindakan yang bakal diambil. Perkara ini telah dijelaskan lagi dalam kuplet-kuplet Tirukkural 131 hingga 140 (Tamizharasan, 2005 : 120).

Pihak Polis Diraja Malaysia telah melaporkan kes-kes jenayah di Malaysia melibatkan masyarakat India meningkat (Muthusamy, 2014 : Temubual). Mengikut laporan bilangan jenayah di Malaysia mengikut kaum yang dikeluarkan pada tahun

2010, sebanyak 13,864 kes jenayah dilakukan oleh masyarakat India, bilangan banduan yang berada di penjara, nisbahnya didominasi oleh remaja India (Muthusamy, 2014 : Temubual). Ini menjelaskan bahawa nilai-nilai moral dan pemikiran kritis yang ditekankan dalam karya-karya sastera seperti Tirukkural tidak diikuti mahupun diamalkan oleh sebilangan besar masyarakat India pada era moden ini. Maka adalah penting untuk setiap individu mengamalkan nilai-nilai moral universal serta berpandangan kritis dalam melahirkan kehidupan yang sempurna seperti yang disarankan oleh Tiruvalluvar.

Ajaran ataupun hasrat Tiruvalluvar sangat penting kepada masyarakat India. Ini kerana Tiruvalluvar menghasilkan kuplet-kuplet Tirukkural berdasarkan gaya hidup masyarakat India pada masa tersebut. Segala kekuatan dan kelemahan telah ditekankan dalam kuplet-kuplet ini berdasarkan tatacara kehidupan seharian. Disebabkan pengalaman hidup serta maklumat yang diperhatikan daripada gaya hidup masyarakat, hasil nukilan Tiruvalluvar tidak lari daripada kehidupan yang dijadikan teladan kepada masyarakat India. Secara ringkasnya boleh dikatakan Tiruvalluvar mengutarakan hasrat beliau terhadap kehidupan manusia yang sempurna melalui kuplet-kuplet Tirukkural. Maka boleh juga dikatakan setiap gerak geri serta pemikiran masyarakat boleh dirujuk dalam kuplet-kuplet Tirukkural untuk dinilai kewajarannya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa ajaran Tirukkural merupakan ajaran yang dapat menyumbangkan kepada kehidupan yang sejahtera. Ianya sentiasa bersesuaian kepada semua umat manusia pada setiap masa. Persoalannya, adakah hasrat Tiruvalluvar dari segi pemikiran kritis yang dinukilkan menjadi realiti pada masa kini? Persoalan ini perlu dijawab untuk memartabatkan Tirukkural sebagai khazanah ilmu dunia. Sekiranya hasrat Tiruvalluvar dalam pemikiran kritis masyarakat wujud, sudah tentu masyarakat India yang berpendidikan Tamil dapat hidup dengan serba kebanggaan dari segi tatacara kehidupan

yang sempurna. Maka, kajian ini sangat diperlukan untuk melihat masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia secara khususnya untuk menganalisis beberapa faktor demografi dalam usaha mengumpul maklumat berkaitan kehidupan harian dengan pemikiran kritis dan Tirukkural.

Masyarakat India di Malaysia telah memulakan pendidikan awalnya dalam aliran Bahasa Tamil sejak zaman penjajahan British. Kurikulumnya sentiasa dimuatkan dengan teks-teks Tirukkural yang dijadikan panduan dan kesejahteraan hidup setiap individu. Akan tetapi apabila diteliti situasi sekarang adakah pembelajaran teks Tirukkural yang dikatakan pembina nilai-nilai moral berjaya menghasilkan insan yang holistik sepertimana yang diperlukan oleh negara kita.

Apabila meninjau isu-isu semasa dalam kalangan masyarakat India di Malaysia penyelidik dapat menyenaraikan beberapa faktor yang sedang mengancam kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Isu-isu yang sedang hangat diperbincangkan oleh ahli-ahli politik, ahli-ahli akademik dan lain-lain pihak yang menginginkan kemakmuran hidup masyarakat India adalah seperti berikut.

Mengikut Puvaneswaran (2014), Amy Natisya (2015), Lim Ann Lay (1997) masalah sosial dalam kalangan masyarakat India di Malaysia telah lama wujud disebabkan oleh tercicir dari persekolahan, kurang berpendidikan walaupun bersekolah, pengaruh rakan sebaya dan keadaan ekonomi keluarga yang tidak kukuh. Antara isu-isu yang diutarakan oleh mereka adalah seperti gengsterime, membunuh diri, penceraian, pengaruh alkohol dan penyalahgunaan dadah.

Selain daripada itu, Statistik PDRM 2010 menunjukkan hampir 45 peratus penghuni di penjara Simpang Renggam adalah masyarakat India (Rohana Man, 2010). Ini merupakan satu petanda yang sangat membimbangkan. Apabila meneliti kesemua faktor yang tersebut di atas, timbullah satu persoalan adakah Tirukkural yang dikatakan sebagai karya agung dan panduan hidup gagal membentuk insan yang seimbang dan harmonis.

Hubungan antara Tirukkural dengan pemikiran kritis yang diamalkan dalam kehidupan seharian oleh masyarakat India merupakan suatu konsep yang amat menarik untuk diselidik. Hal ini kerana, mungkin individu yang berfikir kritis tidak pernah mempelajari Tirukkural. Manakala, terdapat individu yang berpengetahuan luas tentang Tirukkural tetapi tidak mengaplikasi langsung nilai-nilai yang dibacanya dalam pergaulan sosial mahupun menjadikannya sebagai garis panduan dalam kehidupan seharian. Intipati Tirukkural harus dikupas dan dihuraikan secara kritis dan kreatif supaya menjadi panduan dan amalan dalam kehidupan seharian manusia.

Di samping itu, sebelum ini kita tidak dapat mengenal pasti golongan peringkat umur yang manakah mengamalkan pemikiran kritis dengan berkesan dalam masyarakat India. Peringkat umur dapat diklasifikasikan kepada golongan muda, golongan umur pertengahan dan juga golongan tua. Selain itu, kita juga tidak mempunyai suatu data yang jelas tentang gender manakah yang mengaplikasi pemikiran kritis berpandukan Tirukkural.

Akhir sekali, wujud juga persoalan tentang sejauh manakah pemikiran kritis dalam Tirukkural menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Sekiranya saranan Tiruvalluvar tentang pemikiran kritis menyumbang kearah kehidupan yang aman-



damai, bagaimanakah pula caranya untuk meningkatkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil? Tidak lupa juga, tentang cara-cara untuk meningkatkan pembelajaran Tirukkural oleh rakyat jelata. Oleh itu, suatu kajian amat diperlukan untuk mendapatkan maklumat atau data yang jelas sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang tersebut di atas.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- i. Mengenalpasti aspek pemikiran kritis dalam teks Tirukkural.
- ii. Menilai tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan inferens, mengenalpasti andaian dan deduktif dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.
- iii. Menganalisa tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat berdasarkan interpretasi dan menilai hujah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.
- iv. Melihat perbezaan yang wujud dalam pengaplikasian pemikiran kritis berdasarkan demografi dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan dan objektif kajian, penyelidik telah menetapkan lapan persoalan kajian seperti berikut:

- i. Adakah terdapat unsur-unsur pemikiran kritis dalam kuplet-kuplet Tirukkural?
- ii. Sejauhmanakah tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?
- iii. Sejauhmanakah tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?
- iv. Sejauhmanakah tahap pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?
- v. Adakah jantina mempengaruhi tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?
- vi. Adakah kumpulan umur mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?
- vii. Adakah tahap pendidikan mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?

- viii. Adakah kerjaya mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang kelima, enam, tujuh dan kelapan, penyelidik telah menentukan empat hipotesis utama dan lapan hipotesis sampingan seperti berikut:

Hipotesis Nul ( $H_0$ )

$HO_1$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

$HO_{1.1}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

$HO_{1.2}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

HO<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

HO<sub>2.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

HO<sub>2.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

HO<sub>3</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

HO<sub>3.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

HO<sub>3.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks

Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

HO<sub>4</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuraḷ wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

HO<sub>4.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

HO<sub>4.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

## **1.7 Asas Teoritik Kajian**

### **1.7.1 Teori Kognitif Vygotsky**

Perkataan kognisi membawa maksud berfikir. Oleh itu perspektif ini menegaskan kepentingan kebolehan manusia berfikir serta memproses dan menilai data-data serta maklumat sebelum bereaksi terhadapnya. Menurut pakar-pakar perspektif kognisi, manusia ialah binatang yang rasional dan aktif dalam menyelesaikan masalah mereka. Analoginya ialah seperti keberkesanan sistem pengolahan maklumat (*information*

*processing system*) yang dikawal oleh fikiran dan pengetahuan yang sentiasa berada di dalam keadaan sedar. Seorang pakar bidang psikologi kognisi ialah Jean Piaget. Piaget, seorang pakar dalam bidang perkembangan kanak-kanak menggunakan konsep 'kesimpulan empatik' bagi melakukan peninjauan ke atas kelakuan kanak-kanak. Data-data yang dikumpulkan oleh beliau melalui cara ini telah memperlihatkan kepada dunia psikologi tahap-tahap perkembangan kognisi dan intelektual kanak-kanak. Satu daripada teori beliau ialah perkembangan kognisi manusia tidak boleh diterangkan dengan cara pengumpulan pengalaman yang lampau, tetapi ia berlaku secara semula jadi dalam proses perkembangan manusia.

Ahli sosiologi yang memberi sumbangan besar dalam pengkajian Teori kognitif selepas Jean Piaget adalah Vygotsky. Dua idea Vygotsky yang sangat mustahak untuk dianalisis ialah internalisasi dan Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) di mana Vygotsky menekankan peranan persekitaran dan perkembangan intelek kanak-kanak. Mengikut beliau, perkembangan kognitif bergerak daripada aspek luaran kepada aspek dalaman melalui internalisasi, iaitu penerimaan ilmu pengetahuan daripada konteks. Tuntasnya, Vygotsky menyarankan bahawa peluang komunikasi dan interaksi bersama ibu-bapa, rakan dan orang luar dengan kanak-kanak akan membantu penerimaan ilmu pengetahuan dan pembelajaran apabila elemen-elemen di dalam persekitaran menerangkan sebab-musabab berlakunya sesuatu perkara (Luis C. Moll, 2014 : 52-61).

Berdasarkan hujah-hujah di atas, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa psikologi kognisi menerangkan kepentingan manusia berfikir. Teori ini akan membantu pengkaji mengenalpasti sejauh manakah tingkah laku masyarakat India yang berpendidikan Tamil dipengaruhi oleh pemikiran kritis sepertimana yang disarankan dalam Tirukkural.

### **1.7.2 Teori Konstruktivisme**

Teori konstruktivisme adalah salah satu teori pembelajaran yang sangat berkesan dalam dunia pendidikan. Piaget merupakan konstruktivis yang pertama meneroka, memperkenalkan dan menghuraikan teori pembelajaran mental Piaget. Berdasarkan teori konstruktivisme, penyelidik akan membina realitinya sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai realiti tersebut dengan menyusunatur dan mengurus maklumat supaya dapat membekalkan konteks terbaik untuk menjawab persoalan kajian. Golongan konstruktivis juga percaya ilmu adalah sesuatu yang tidak boleh dipindahkan tetapi ianya dibina oleh setiap individu. Di dalam konstruktivisme ilmu adalah sesuatu yang relative dan berubah mengikut masa.

Menurut Revegno dan Dolly (2006 : 133-152), pembelajaran melibatkan individu yang aktif dengan mencari pengetahuan dan melibatkan kerja-kerja amali, akan membantu seseorang membuat penyelidikan, secara sistematik dan berkesan. Teori konstruktivisme telah dijadikan panduan untuk mengenalpasti bidang kajian, topik kajian, permasalahan kajian secara umum berdasarkan pengetahuan sedia ada, pengalaman, situasi semasa, trend kehidupan dan sikap manusia yang mengejar kehidupan yang serba moden. Teori ini akan membantu pengkaji menetapkan persoalan kajian dan hipotesis secara umum serta perspektif yang global di mana ia akan memberikan gambaran yang luas tentang fenomena risiko pemikiran kritis masyarakat.

### **1.7.3 Teori Kohlberg**

Teori Kohlberg dikembangkan bersasaskan perkembangan kognitif dalam Teori Piaget (Lester dalam Woolfolk, 2012 : 81-112). Dalam kajiannya, beliau telah mengemukakan

dilema moral dalam usaha mendapatkan pandangan dan sikap kanak-kanak, remaja dan orang dewasa tentang moraliti.

Pada tahun 1958 melalui hasil kajiannya, Kohlberg telah membahagikan peringkat perkembangan moral kepada tiga peringkat yang utama dan setiap peringkat dipecahkan kepada dua tahap seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1.1: Peringkat Perkembangan Moral Kohlberg

Peringkat	Tahap
Pravonvensional	1. Orientasi Dendaan dan Kepatuhan 2. Orientasi Ganjaran Peribadi
Konvensional	3. Orientasi Harmoni antara Peribadi 4. Orientasi Undang-undang dan Peraturan
Poskonvensional	5. Orientasi Kontrak Sosial 6. Orientasi Prinsip Etika Sejagat


Teori ini akan membantu penyelidik untuk mengetahui sejauh manakah nilai-nilai moral yang ditekan dalam Tirukkural diamalkan oleh masyarakat India kini yang kebanyakannya dihanyut arus pemodenan. Dengan menggunakan teori ini, penyelidik dapat mengategorikan masalah sosial yang semakin menular dalam kalangan masyarakat India mengikut 3 peringkat sepertimana yang dinyatakan oleh Kohlberg serta mencari hubungan di antara pemikiran kritis yang disarankan dalam Tirukkural dan punca meningkatnya permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.



## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah satu rangkaian yang cuba menghubungkan kesemua aspek dalam sesuatu kajian. Terutamanya masalah kajian, tujuan, sorotan literatur, metodologi, pengumpulan dan penganalisan data. Kerangka konseptual berperanan sebagai peta yang berkaitan dengan penemuan secara empirikal. Kerangka konseptual kajian dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang aliran hubungan antara kesemua pembolehubah yang relevan berdasarkan teori-teori yang diterapkan oleh penyelidik untuk memperolehi dapatan kajian yang sempurna. Ia juga akan menjadi panduan untuk mencapai tujuan kajian yang sebenar.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Penyelidik akan mengumpulkan data berdasarkan demografi terhadap tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dan kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural. Data yang dikumpul akan dijadikan kriteria penilaian aplikasi pemikiran kritis berpandukan teks Tirukkural. Berdasarkan maklumat yang diperolehi satu kesimpulan terhadap dapatan kajian akan dibuat bagi menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Kepentingan Kajian

Pelbagai kajian berdasarkan Tirukkural sebagai kitab nilai-nilai moral telah dijalankan pada masa lalu. Kajian ini agak berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini kerana penyelidik cuba menyelami pengaplikasian pemikiran kritis Tiruvalluvar yang terkandung dalam kuplet-kuplet Tirukkural. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang sangat diperlukan pada masa kini.

Kajian ini dipercayai dapat membantu mengetahui situasi semasa berkaitan tahap pemikiran kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berpandukan teks unggul Tirukkural yang bersifat etika kehidupan. Kajian ini membuka ruang untuk menimbulkan persoalan berkaitan pemikiran kritis masyarakat India di negara ini misalnya, “Adakah masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia memiliki kemahiran berfikir kritis?”. Hasil dapatan kajian ini bakal membicarakan keadaan semasa pemikiran masyarakat India yang akan mendedahkan daya pemikiran berkenaan yang menjamin kesejahteraan hidup mereka. Selepas mengenalpasti tahap pemikiran kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil, persoalan berikutnya adalah berkenaan keperluan pemikiran tersebut dipertingkatkan. Seterusnya, kajian yang berunsurkan teks Tirukkural ini juga membincangkan faedah yang diperolehi oleh masyarakat India melalui pemikiran kritis mereka. Pada masa yang sama, ia juga membuka ruang untuk membincangkan usaha-usaha untuk mempertingkatkan daya pemikiran kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil di negara ini.

Seterusnya, kajian ini memberi gambaran jelas kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia tentang teks Tirukkural. Teks Tirukkural tidak mengandungi unsur-unsur keagamaan yang berpihak kepada sesuatu agama secara khususnya. Malah,

ia membincangkan perkara-perkara yang umum kepada semua masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa. Sehubungan itu, teks Tirukkural yang berusia melebihi 2000 tahun ini, yang diterima oleh semua lapisan masyarakat dapat membuktikan pengajaran Tirukkural masih relevan kepada penduduk-penduduk khususnya masyarakat India di Malaysia pada masa kini. Seterusnya, kajian ini juga memberi penekanan tentang usaha-usaha yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak misalnya individu, para pendidik, kerajaan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memastikan pengajaran Tirukkural disemai dalam kalangan masyarakat India di Malaysia.

Secara umumnya, Tirukkural yang dapat dikategorikan sebagai teks etika membincangkan perkara-perkara yang menekankan nilai-nilai moral. Nilai-nilai moral adalah perkara asas yang harus dihayati dan dipraktikkan oleh semua manusia dalam kehidupan seharian mereka. Sehubungan itu, dapatan kajian yang berunsurkan teks Tirukkural ini, secara tidak langsung menjelaskan tentang tahap nilai-nilai moral masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Maka, dalam kajian ini penyelidik menimbulkan beberapa persoalan berkenaan nilai-nilai moral masyarakat India yang berpendidikan Tamil di negara ini. Persoalan tersebut dapat memberi gambaran jelas tentang cara dan prinsip kehidupan mereka berunsurkan teks Tirukkural.

Selain itu, kajian ini juga dapat membuka peluang untuk pendekatan yang berbeza dan penerokaan yang baharu dalam Kesusasteraan Tamil Klasik dan Kesusasteraan Tamil Moden dari aspek pemikiran. Kajian ini adalah usaha yang melangkaui kajian yang terdahulu yang kebanyakannya berasaskan nahu bahasa, nilai moral, etika, perbandingan dan sebagainya. Menerusi kajian ini, penyelidik-penyelidik

yang akan datang dapat mempelbagaikan kajian-kajian kesusasteraan mereka dari sudut perspektif yang berlainan.

Kajian ini dapat memberi peluang kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggunakan Tirukkuraḷ sebagai komponen utama sukatan pelajaran bukan hanya dalam bahasa Tamil malah mata pelajaran lain seperti Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegaraan dan sebagainya. Tirukkuraḷ sesuai untuk diterapkan dalam sukatan pelajaran dalam usaha memupuk pemikiran kritis dan kreatif dalam diri pelajar seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada KPM tentang kuplet-kuplet Tirukkuraḷ yang bermakna dan sesuai untuk pelajar mengikut tahap pemikiran yang harus mereka capai.

Selain itu, hasil kajian ini juga akan menjadi dokumentasi kepada universiti serta rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang supaya sumbangan Tiruvaḷḷuvar untuk umat manusia keseluruhannya dan pencapaian pujangga tersebut dalam bidang pemikiran tidak lenyap ditelan zaman. Tiruvaḷḷuvar adalah seorang pemikir penting di mana hasil karya beliau harus dilihat secara mendalam dan meluas sama seperti ciptaan pemikir lain seperti Socrates, Aristotle dan Plato.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan ke atas 400 orang responden warganegara Malaysia yang berketurunan India. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada masyarakat India di Malaysia sahaja. Selain itu, orang yang telah mendirikan rumah tangga sahaja dipilih sebagai responden kajian ini. Pelbagai latar belakang yang berlainan seperti agama, tahap pendidikan, ketagori umur, jantina

turut dijadikan sebagai kriteria pemilihan responden dalam kajian ini. Dalam pada itu, bagi tujuan temubual, sepuluh orang responden berfokus turut dipilih dalam kajian ini.

Bagi pembinaan item-item soal selidik, pengkaji telah menggunakan kesemua tiga bahagian utama dalam Tirukkural iaitu *Arattuppāl* (Keadilan), *Poruṭpāl* (kebendaan), dan *Inpattuppāl* (Kebahagiaan). 45 soalan yang berunsur pemikiran kritis telah dibina berpandukan beberapa kuplet Tirukkural daripada bahagian-bahagian ini. Walaupun pada dasarnya satu soalan dari soal selidik direka berpandukan satu kuplet Tirukkural, namun ia masih dapat dibincangkan melibatkan beberapa kuplet Tirukkural yang lain.

Pembinaan soalan dalam soal selidik telah menggunakan model *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* sepenuhnya. Ia telah melibatkan lima aspek pemikiran kritis yang terdapat dalam model ini iaitu aspek andaian, pengakuan andaian, deduksi, interpretasi dan penilaian alasan. Perbincangan dapatan kajian telah menggunakan model *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* sebagai panduan untuk dianalisis.

## **1.11 Definisi Operasional Konvensional**

### **1.11.1 Tiruvaḷḷuvar**

Karya Tirukkural dihasilkan oleh pujangga yang bernama Tiruvaḷḷuvar. Tiruvaḷḷuvar dipercayai dilahirkan di Mayilai, Tamil Nadu. Namun demikian, tidak ada satu ketepatan yang jitu dalam tempat kelahirannya (Soomasundaranar, 1993 : 43). Sebenarnya, Tiruvaḷḷuvar bukan nama sebenar pengarang karya Tirukkural. Sehingga kini, nama pengarang Tirukkural masih tidak diketahui. Nama Tiruvaḷḷuvar diberi

kepada pengarang Tirukkural sempana maksud *Vaḷḷuvar* yang bererti orang yang bijaksana memberitahu apa yang berlaku pada masa akan datang. Selain nama Tiruvaḷḷuvar, nama-nama lain turut diberi kepada pengarang Tirukkural seperti *Nāyaṅār*, *Tēvar*, *Mutarpāvalaṅ*, *Teyvappulavaṅ*, *Nāṅmukaṅār*, *Matanupaṅki*, *Ceṅṅnāpōtakar*, *Perunāvalar* (Varatharasan, 2000 : VI). Namun, dalam kajian ini, nama Tiruvaḷḷuvar digunakan sebagai penulis karya Tirukkural kerana nama ini paling popular sebagai penulis karya Tirukkural dikalangan masyarakat India.

### 1.11.2 Tirukkural

Tirukkural merupakan karya sastera klasik Bahasa Tamil. Karya ini dihasilkan oleh pujangga Tiruvaḷḷuvar 2000 tahun dahulu. Karya Tirukkural terdiri daripada 1330 kuplet dan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu tentang keadilan, kebendaan dan kebahagiaan. Tirukkural yang diterjemahkan dalam pelbagai bahasa jelas menunjukkan bahawa karya klasik ini diiktiraf oleh masyarakat pelbagai bangsa di setiap pelusuk dunia kerana ianya menekankan tentang pemikiran kritis yang menjamin kehidupan yang sejahtera. Sebenarnya, Tirukkural mempunyai 133 bab kecil yang dipanggil sebagai *Atikāram* dan setiap *Atikāram* ini mempunyai 10 kuplet Tirukkural masing-masing. Secara keseluruhannya, Tirukkural menekankan nilai-nilai moral yang harus dijadikan garis panduan hidup oleh umat manusia. Jika dianalisa secara teliti, setiap Tirukkural menekankan pemikiran kritis yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup dan keamanan dunia.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menggunakan dua buah buku teks Tirukkural sebagai panduan. Teks yang pertama adalah terbitan Varatharasan (2009) untuk meneliti pemikiran kritis yang wujud dalam setiap kuplet Tirukkural. Teks kedua

pula hasil penulisan Singaravelu Sachithanatham (2013) terbitan Uma Publications untuk dijadikan panduan penterjamaan dalam Bahasa Melayu. Teks ini digunakan kerana disertasi ini ditulis dalam Bahasa Melayu. Karya ini sangat membantu dari aspek ketepatan perterjamaan Tirukkural yang asalnya dari Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu.

#### **1.11.2.1 *Aram* (*Arattuppāl*)**

Bahagian pertama Tirukkural yang berjudul *Aram* merupakan kuplet-kuplet mengenai sifat-sifat budi pekerti baik dan buruk. Sifat-sifat budipekerti baik, atau positif adalah seperti berikut: Kepunyaan kesayangan dan kebaikan hati, Sanjung tetamu, Pengucapan kata-kata manis, Kesaksamaan, Kepunyaan kerendahan hati, Kepunyaan kelakuan yang baik, Menjauhi diri dari meminati isteri orang lain, Kepunyaan kesabaran, Mengenali kemurahan hati, Pemberian derma, Kemasyuran, Kepunyaan belas kasihan, Pertapaan, Kebenaran, Fana, Penolakan kepentingan diri sendiri, Menginsafi kebenaran, Memisahkan keinginan dan Nasib. Seterusnya, sifat-sifat kelakuan buruk, yang harus dijauhi oleh seorang adalah seperti berikut: Menjauhi diri dari meminati kepunyaan orang-orang lain, Menjauhi diri dari pengucapan yang tidak berfaedah, Ketakutan terhadap kelakuan jahat, Penolakan makanan daging, Kelakuan yang tidak diingini, Menjauhi diri dari mencuri, Menjauhi diri dari mencuri, Menjauhi diri dari kemarahan, Menjauhi diri dari melakukan perbuatan jahat, dan Menjauhi diri dari pembunuhan. Selain daripada itu, bahagian *Aram* juga menitik beratkan aspek-aspek seperti Pemujian Tuhan, Keluhuran hujan, Keagungan orang yang menolak kepentingan diri sendiri, Menitikberatkan kepentingan kesusilaan, Hidup berumahtangga, Sifat baik teman hidup, Kelahiran anak-anak. Kuplet-kuplet Kural mengenai tajuk-tajuk tersebut di atas adalah termasuk dalam bahagian *Aram* kerana, ajaran-ajaran yang terkandung dalam kuplet-



kuplet Kuraḷ itu adalah berkaitan secara erat dengan prinsip-prinsip etika dan kelakuan moral (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : ix-xi).

#### **1.11.2.2 *Poruḷ (Poruṭpāl)***

Bahagian kedua Tirukkuraḷ berjudul *Poruḷ* adalah terdiri dari tujuh puluh bab, yang berkaitan dengan pelbagai aspek ketatanegaraan seperti institusi jawatan raja, pemerintahan, ekonomi, pendidikan, pengetahuan, persahabatan, dan lain-lain. Kuplet-kuplet yang berkaitan dengan kenegaraan dan pemerintahan terdapat dalam bab-bab yang berikut: Keagungan raja; Pemerintahan cokmar yang adil; Pemerintahan cokmar yang zalim; Menjauhi diri dari tindakan kejam; Pengintipan; Menteri; Kedutaan; Negara; Kubu; Keagungan bala tentera; Keteguhan hati bala tentera; Kemenangan permusuhan; Mengetahui tentang permusuhan; Permusuhan dalaman. Bab-bab yang berikut adalah berkaitan dengan beberapa aspek ekonomi: Cara-cara menghasilkan kekayaan; Kekayaan yang sia-sia; Persawahan; dan Kemiskinan. Seterusnya, bab-bab berikut membincangkan hal ehwal pentadbiran dan rakyat jelata sesebuah negara: Ilmu; Ketiadaan ilmu; Ilmu auditori; Kepunyaan pengetahuan; Kritikan dan pembetulan kesilapan atau kesalahan; Memperolehi persahabatan orang tua; Menjauhi diri dari bergaul dengan kumpulan hina; Cara bertindak selepas pertimbangan berhati-hati; Mengenai kekuatan (orang lain); Mengetahui masa (yang sesuai atau betul untuk tindakan); Mengetahui tempat (yang sesuai atau betul untuk tindakan); Meninjau dan memperolehi penjelasan mengenai orang yang dapat dipercayai; Mengenai kebolehan (bakat) orang dan mengamanahkan tugas-tugas kepadanya; Menghargai saudara mara; Menjauhi diri dari kelupaan; Pandangan mata yang bersifat kesayangan dan belas kasihan; Kepunyaan kecergasan yang bersemangat; Menjauhi diri dari kemalasan; Kepunyaan kerajinan; Menjauhi diri dari menunduk kepada penderitaan; Kekuatan

perkataan; Kemurnian tindakan; Keteguhan tindakan; Cara bertindak; Pergaulan dengan raja; Mengetahui kehendak orang lain; Mengetahui sifat para hadirin majlis; Menjauhi diri dari merasa takut terhadap para hadirin majlis; Persahabatan; Peninjauan tentang persahabatan; Persahabatan lama; Persahabatan jahat; Persahabatan yang tidak diinginkan; Kebodohan; Keangkuhan (kesombongan) orang yang jahil; Perselisihan; Menjauhi diri dari menyaitkan hati orang-orang tua yang mulia; Menjauhi diri dari menurut perintah isteri; Perempuan jalang; Menjauhi diri dari minum arak; Perjudian; Ubat; Keturunan keluarga yang mulia; Kehormatan; Keagungan; Kemuliaan; Kepunyaan kesopanan; Kepunyaan rasa malu; Cara-cara meninggalkan martabat keluarga; Permintaan untuk bantuan, pemberian kedermawanan; Ketakutan terhadap permintaan untuk bantuan, pemberian kedermawanan; dan Kehinaan. (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 155-160).

### **1.11.2.3 *Inpam (Inpattuppāl)***

Bahagian ketiga dalam Tirukkural berjudul *Inpam* atau *Kāmam* (cinta) adalah terdiri dari dua puluh lima bab. Sebanyak tujuh bab iaitu dari bab yang ke-109 hingga bab yang ke-115 adalah bertemakan cinta rahsia si-teruna dan si-dara sebelum perkahwinan, manakala sejumlah lapan belas bab iaitu bab yang ke-116 hingga bab yang ke-133 menggambarkan cinta suami dan isteri. Adalah dipercayai oleh kebanyakan sarjana Tamil bahawa tema percintaan yang digambarkan dalam bahagian ini, mungkin berdasarkan beberapa aspek tema *akam* (percintaan) seperti yang digambarkan dalam puisi klasik Tamil pada zaman Sanggam (abad yang ketiga sebelum Masihi hingga abad yang ketiga Masihi). Berikut ialah judul-judul bab dalam bahagian ketiga karya Tirukkural: Kesengsaraan si-teruna yang disebabkan oleh kecintaan si-dara; Pengenalannya terhadap kehendak hati si-dara dari tanda-tanda luar; Kegirangan pelukan; Si-teruna memuji kecantikan si-dara; Pengucapan mengenai keluhuran cinta; Pengucapan

mengenai pengabaian perasaan malu; Pemberitahuan mengenai desas-desus yang mendedahkan cinta rahsia kepada orang-orang lain; Perpisahan suami dari isteri yang tidak dapat ditanggung oleh isteri; Keluhan isteri kerana ketiadaan suami di sisinya; Kepudaran kecantikan mata isteri yang berjaga dengan penuh minat untuk kepulangan suaminya; Kepucatan badan isteri yang disebabkan oleh kesedihannya; Kesengsaraan isteri keseorangan; Keluhan isteri yang mengingot suaminya; Pengucapan isteri mengenai mimpi-mimpinya; Keluhan isteri di senjakala; Kepudaran kecantikan anggota badan isteri; Pengucapan isteri seorang diri dengan hatinya; Kepudaran ketenangan hati isteri; Kerinduan isteri untuk kepulangan suami; Pemberitahuan mengenai pengenalan tanda-tanda luar; Kerinduan isteri untuk pelukan suaminya; Pertengkaran isteri dengan hatinya; Merajuk (pertengkaran) kekasih yang berpura-pura; Kehalusan rajuk; dan Kesukaan merajuk (Singaravelu Sachithanatham, 2013 : 449-452).

### **1.11.3 Kuplet *Kural* (Kuplet Tirukkural)**

Menurut tatabahasa sajak Bahasa Tamil iaitu *Yāppilakkaṇam*, *Kural* membawa maksud sejenis sajak pendek yang terdiri dari dua baris. Ia dinamakan sebagai kuplet. Setiap kuplet *Kural* terdiri daripada tujuh patah perkataan iaitu barisan pertama terdiri daripada empat patah perkataan manakala barisan kedua terdiri daripada tiga patah perkataan.

### **1.11.4 Pemikiran**

Kata dasar bagi perkataan pemikiran adalah fikir. Suatu perkara yang amat jelas mengenai konsep pemikiran adalah manusia merupakan ciptaan unik Tuhan yang mempunyai keistimewaan untuk berfikir. “Fikir” pada asalnya merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk menggunakan kedua-dua domain kognitif dan

afektif dalam membuat sebarang keputusan atau sebelum mengambil tindakan. Jika diperkatakan secara spesifik, kemahiran berfikir merupakan kemahiran seseorang menggunakan otak (kognitif) dan hati (domain) sebagai landasan kepada keyakinan (*belief*) atau tindakan (*actions*). Pemikiran ditakrifkan sebagai “aktiviti mental yang mengeluarkan idea, menyelesaikan masalah, mengemukakan cadangan ataupun memenuhi kehendak untuk memahami” (Ruggiero, 1984 : 176). Enam dimensi dalam budaya kemahiran berfikir termasuklah dimensi bahasa, sikap dan nilai, pengurusan mental, semangat strategi, pengetahuan peringkat tinggi dan mengajar untuk aplikasi. Sebenarnya, kemahiran berfikir dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah. Di samping itu, terdapat beberapa jenis kemahiran iaitu pemikiran mendatar atau lateral, pemikiran menegak, pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran divergen, pemikiran konvergen, pemikiran reka cipta dan pemikiran celik akal (Rajendran, 2010 : 20).

#### **1.11.5 Pemikiran Kritis**

Pemikiran kritis merupakan kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu idea, meneliti kebenaran kesahan atau kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Merujuk pandangan Ennis (1989 : 4-10) iaitu, “*the process of reasonably deciding what to believe or do*” iaitu secara sedar menimbangkan pelbagai aspek mengenai sesuatu dan kemudian menentukan apa yang dipercayai dan apa yang akan dilakukan seterusnya. Pemikiran kritis dapat diukur dengan pelbagai cara. Salah satu kaedah penilaian pemikiran kritis adalah melalui *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* (WGCTA). WGCTA terdiri daripada lima aspek iaitu,

inferens, mengenalpasti andaian (pengakuan andaian), deduksi, interpretasi dan menilai hujah (penilaian alasan) (Goodwin Watson & Edwin Glaser, 2002 : 1-10).

Kajian ini menggunakan lima aspek WGCTA sebagai aspek-aspek pemikiran kritis bagi mengenalpasti tahap pemikiran kritis masyarakat India Malaysia. Lima aspek berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) (2001 : 4), WGCTA dapat didefinisikan seperti berikut:

(a) Inferens

Kemampuan menentukan kesimpulan awal yang munasabah, yang mungkin benar atau tidak benar sesuatu inferens berdasarkan maklumat yang di beri.

(b) Mengenalpasti Andaian

Kebolehan untuk mengenalpasti anggapan yang dibuat dalam sesuatu kenyataan yang diberi.

(c) Deduksi

Menentukan dan menyusun sama ada sesuatu maklumat atau kesimpulan yang diberi adalah mengikut tertib daripada sesuatu kenyataan atau tidak.

(d) Interpretasi

Membuat pertimbangan terhadap sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan, berdasarkan bukti atau dalil yang sah atau tidak.

(e) Menilai hujah

Membezakan antara hujah yang kuat dan relevan dengan hujah yang lemah dan tidak relevan bagi sesuatu persoalan atau isu.

### **1.11.6 Masyarakat Tamil**

Orang Tamil adalah sebuah kumpulan etnik yang berasal dari Tamil Nadu, India dan Sri Lanka. Bahasa yang digunakan oleh mereka adalah Bahasa Tamil. Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa klasik. Masyarakat Tamil telah menghasilkan kesusasteraan yang terkenal yang dikenali sebagai Kesusasteraan *Caṅkam*. Masyarakat Tamil kini telah tersebar di seluruh dunia dan dianggarkan penduduk beretnik Tamil di dunia adalah seramai 93,905,930 orang (Sachithanathan, 2009 : 6).

### **1.11.7 Masyarakat Tamil Malaysia**

Orang-orang India telah berhijrah ke Malaysia sejak 2,000 tahun yang lalu. Kumpulan-kumpulan seperti komuniti Chetty Melaka dan komuniti India Muslim merupakan keturunan penghijrah semasa Kesultanan Melaka dan kemudiannya semasa pendudukan Melaka oleh orang Portugal dan Belanda. Perolehan Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) oleh pihak British antara tahun 1786 hingga 1824 memulakan satu aliran masuk dari negara India secara berterusan yang terdiri daripada buruh, pedagang dan sipai (askar) yang melibatkan diri dalam bidang pembinaan, pertanian dagangan, pertahanan, dan perdagangan (Sinnathamby, 2000 : 27). Bagaimanapun, penghijrahan orang India secara beramai-ramai dari sub benua India ke Tanah Melayu menyusul selepas peluasan pemerintahan British ke negeri-negeri Melayu yang terletak di pantai barat sejak dekad 1870-an; dan pertumbuhan ekonomi perladangan getah yang

kemudian. Penduduk India di Tanah Melayu dan Singapura sebelum kemerdekaan terdiri terutamanya daripada orang dewasa lelaki yang meninggalkan keluarga mereka di India dan Sri Lanka. Oleh itu, dengan kedatangan dan kepulangan mereka, bilangan penduduk India naik turun dengan kerap (Ramasamy, 1999 : 14-15). Pada tahun 1901, bilangan penduduk India di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah lebih kurang 120,000. Menjelang 1931, bilangan ini telah bertambah menjadi 640,000 di Tanah Melayu dan Singapura. Bilangan penduduk India tidak berubah sehingga tahun 1947 disebabkan mereka pergi ke negara Myanmar semasa penaklukan Jepun sebagai rekrut untuk Angkatan Tentera Kebangsaan India, dan kuli untuk Landasan Kematian (Dhandayutham, 1982 : 94). Pada tahun 2009, seramai 1.9046 juta masyarakat kaum India merupakan penduduk warganegara Malaysia. Ini merupakan 7.4% peratus daripada keseluruhan penduduk negara kita (Malaysia dan Banci, 2001-2009).

Walaupun, kaum India Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum, namun, penduduk Selatan India merupakan yang majoriti daripada mereka. Tambahan pula lebih kurang 80% daripada jumlah kaum India di Malaysia merupakan penduduk beretnik Tamil. Ini mendorong kepada penggunaan Bahasa Tamil secara meluas di negara kita. Antaranya, penerbitan surat khabar harian Bahasa Tamil, sekolah varnikular Bahasa Tamil telah menjadi bukti kukuh kemonopoli Bahasa Tamil terutamanya masyarakat Tamil di Malaysia. Selain daripada masyarakat Tamil, etnik Telugu dan Malayalam merupakan etnik India yang besar juga menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pembelajaran dan komunikasi walaupun mereka memiliki bahasa ibundanya sendiri. Maka, dalam kajian ini istilah masyarakat Tamil yang digunakan oleh pengkaji mewakili masyarakat kaum India yang boleh memahami dan berkomunikasi Bahasa Tamil.

## 1.12 Pembahagian bab

Kajian penyelidikan ini terbahagi kepada enam bab secara keseluruhan. Bab pertama merupakan bab pendahuan yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, asas teorikal kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional konvensional.

Bab kedua ialah bab sorotan literatur. Antara perbincangan yang diperjelaskan dalam bab ini ialah teori-teori kajian, kajian bidang pemikiran dalam negara dan luar negara, kajian teks Tirukkural dalam negara dan luar negara.

Bab ketiga akan membincangkan tentang metodologi kajian. Dalam bab ini perbincangan tentang rekabentuk kajian, populasi serta persampelan kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, tatacara pemerolehan data, pentadbiran instrument kajian, dan tatacara penganalisan data telah dibincangkan.

Bab keempat membincangkan dapatan kajian. Bab kelima dimuatkan dengan perbincangan lanjutan hasil kajian manakala rumusan dalam bab keenam adalah kesimpulan yang dapat dinyatakan oleh penyelidik berdasarkan dapatan kajian.



### **1.13 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, Bab Satu membincangkan mengenai pengenalan tentang karya agung Tirukkural dan pemikiran kritis. Kajian ini memfokuskan amalan pemikiran kritis masyarakat India Malaysia. Pemikiran ini dilihat dari aspek pemikiran kritis dan pengajaran Tirukkural. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang terkini tentang daya pemikiran kritis masyarakat Tamil Malaysia serta kedudukan teks Tirukkural sebagai khazanah pemikiran.

University of Malaya

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan ulasan kajian-kajian lepas berkenaan perkara-perkara yang berada dalam skop kajian. Perbincangan ini terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu 1) Tirukkural 2) Pemikiran kritis 3) Teori-teori berkaitan kajian dan 4) Kajian-kajian lepasan berkaitan skop kajian.

#### 2.2 Tirukkural Dan Keunggulannya

##### 2.2.1 Asal usul Tirukkural

Tirukkural merupakan salah satu karya etika yang disanjung tinggi kerana kewibawaan ajarannya yang bersifat universal di kalangan masyarakat Tamil. Karya tersebut diibaratkan sebagai pelita hidup masyarakat Tamil. Ini kerana, nilai-nilai yang diterapkan dalam Tirukkural dapat dijadikan sebagai prinsip hidup. Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui kenyataan seorang sarjana barat yang bernama G.U.Pope:

*...the masterpiece of Tamil literature-one of the  
highest and purest expressions of human thought*

*(Pope, 1981: xvii)*

Karya Tirukkural diterjemahkan dalam lebih kurang lapan puluh dua bahasa termasuk bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Rusia, bahasa Jerman, bahasa Cina dan sebagainya (Mohan Kumar, 2014 : 3). Constantine Joseph Beschi, seorang paderi dari negara Itali telah menterjemahkan karya Tirukkural pada tahun 1730 dalam bahasa

Latin (Singam, 1977 : 4). Seterusnya, pada tahun 1886 Rev.Dr.G.U.Pope pula menterjemahkan karya tersebut dalam bahasa Latin (Mohan Kumar, 2014 : 5). Keunggulan Tirukkural menyebabkan 310 huraian dihasilkan oleh para cendekiawan (Venggasalam, 2003 : 53).

### **2.2.2 Asal usul Pengarang**

Karya Tirukkural dihasilkan oleh pujangga bernama Tiruvalluvar. Nama Tiruvalluvar bukan nama sebenar pengarang tersebut. Sehingga kini, tidak ada satu ketepatan yang jitu dalam nama dan tempat kelahirannya. Beliau dipercayai dilahirkan di Mayilai, Tamilnadu (Soomasundaranar, 1993 : 41). Zaman Tiruvalluvar merupakan satu zaman yang kurang maju dari segi kemodenan infrastuktur. Oleh itu, sejarah kehidupan beliau tidak dicatatkan dengan menyeluruh. Tiruvalluvar merupakan seorang pemikir termasyur dunia. Kelahiran pengarang yang terulung ini dikatakan sebagai unik. Manakala, kewibawaan bahasa dan sasteranya pula dikatakan luar biasa. Hal ini jelas dihuraikan dalam ungkapan Rev.G.U.Pope seperti berikut;

*...Tiruvalluvar, was undoubtedly one of the great  
geniuses of the world.*

*(Pope, 1981: ii)*

### **2.2.3 Asal Usul Penamaan Tirukkural**

Tirukkural dapat ditakrifkan sebagai suatu karya etika yang merangkumi kuplet-kuplet pendek dan padat. Saranan daripada kuplet-kuplet ini berkaitan elemen-elemen kehidupan yang membicarakan kehidupan mulia berasaskan prinsip akhlak. Karya ini dapat dijadikan sebagai panduan ke arah pembinaan modal insaniah dan seterusnya pembinaan bangsa.

Tiruvalluvar's *Kural* is one of the gems of the world literature  
(Professor M. Winternitz, German)

(Mohan Kumar, 2014 : 28)

Perkataan '*Tiru*' dirujuk sebagai kemuliaan, keindahan, dan kehalusan. Manakala perkataan '*Kural*' pula didefinisikan sebagai pendek dan padat. Selain itu, perkataan ini juga merujuk kepada ciri pembentukan syair dalam Tamil Klasik yang digelar *Venpā* (Ilankumaranaar, 1997 : 7). Justeru, kuplet Tirukkural juga dipanggil sebagai '*Kural Venpā*'.

Tirukkural juga dikenali dengan nama-nama yang lain. Nama seperti *Aram* juga diajukan kepada karya tersebut. *Aram* membawa maksud dharma ataupun moral. Suba Manikkam seorang ilmuwan yang terkenal di Tamilnadu menambahkan perkataan '*Tiru*' di hadapan istilah '*Aram*' dan menamakannya karya '*Tiruvaram*' (Mohanraj, 1981 : 39). Makna yang tersirat disebalik nama tersebut adalah karya mulia yang berorientasikan cara hidup baik serta bermoral. *Aram* juga dilihat sebagai tatasusila ataupun cara hidup yang unggul. Tatacara yang luhur dan baik tidak dapat diasingkan daripada kehidupan seseorang manusia. Sehubungan dengan itu, nama *Aram* yang menekankan kesusilaan hidup tepat dengan gelarannya.

Tambahan pula, karya Tirukkural juga dikenali dengan nama *Iraṇṭu* yang bermaksud dua. Nama ini merujuk kepada kuplet Tirukkural yang terdiri daripada dua baris. Tiruvalluvar berjaya menyelitkan sebanyak mungkin maklumat yang berguna dalam dua baris. Kesemua maklumat ini berupaya menginsafkan manusia dan mengubah pemikiran mereka. *Auvaiyār*, seorang sasterawan agung Tamil mengibaratkan karya Tirukkural sebagai *Iraṇṭu* kerana bentuknya.

Berdasarkan istilah ‘dua’, seorang tokoh sastra Tamil yang bernama *Iṭaikkāṭar* menyimpulkan karya tersebut dengan

*Kaṭukai tuḷaittu ēḷ kaṭalaip pukutti  
kurukat taṛitta kuraḷ*

(Tirukkuraḷ sekecil biji sawi namun maknanya besar daripada tujuh lautan)

Ini bermaksud karya Tirukkuraḷ adalah suatu hasil ciptaan yang tepat dan dalam dua baris. Walaupun Tirukkuraḷ berbentuk dua baris tetapi maklumat yang tersurat dan tersirat seluas lautan.

Karya Tirukkuraḷ juga dikenali sebagai *Ōtu* yang membawa maksud buku yang menjelaskan tatabahasa. Karya etika ini memberi keterangan tatasusila manusia dalam bahasa puitis. Perkara tersebut jelas terlihat dalam karya tatabahasa Tamil yang termulia yang berjudul *Tolkāppiyam* di mana Tirukkuraḷ dinyatakan sebagai karya untuk orang yang mulia. Ini jelas dilihat dalam ayat *Tolkāppiyam* seperti berikut:

*Uyartōr kuriya ōti ṇāṇa*

(*Poruḷ* -33)

Selain itu, Tirukkuraḷ juga dikenali dengan nama *Kuraḷamutu* yang bermaksud bahasa puitis bagai madu. Nama ini tepat dengan maksudnya. Ia terbukti dengan laungan seorang lagi cendekiawan zaman klasik yang bernama Alanggadi Vanganar dengan ungkapan seperti berikut:

*Tirukkuraḷ pāmaraiṇi nūḷ. Atu tēnamutu cuvaimikkatu.*

*Innūḷirku iṭu inai ētumillai*

(Kandungan Tirukkuraḷ ibadat madu yang tiada tandingan dan menjadi punyaaan rakyat jelata)

(dalam Soosai, 1978 : 7)

Bekas Presiden India, Dr.Shankar Dayal Sharma dalam Dias (2003 : 9) menyatakan ‘Tirukkuraḷ *considered as the Tamil Veda*’.

Kenyataan beliau jelas menggambarkan peranan Tirukkuraḷ sebagai karya suci. Ia merupakan karya dalam bahasa Tamil yang penuh dengan ajaran-ajaran murni. Atas ciri-ciri sebegini Tirukkuraḷ dikenalpasti sebagai *Tamiḷmaṛai*. Karya ini juga digelar sebagai *Teyvanūḷ* iaitu kitab Tuhan. Elemen-elemen yang berunsur kerohanian yang terdapat dalam kuplet-kuplet menjadikannya sebagai *Teyvanūḷ*.

Karya Tirukkuraḷ mendukung tiga aspek kehidupan yang penting iaitu *Aṛattuppāl* (keadilan), *Poruṭpāl* (kebendaan) dan *Inpattuppāl* (kebahagiaan) yang menjelaskan segala aspek ilmu kemasyarakatan. Oleh itu, ia juga dinamakan *Muppāl* atau *Pāḷmuṛai* yang bererti pendukung tiga aspek kehidupan. Seseorang akan mencapai *Vīṭu*. *Vīṭu* bermaksud kebebasan (Kebebasan rohani bererti kerohanian mutlak yang tidak mempunyai konsep kelahiran semula) sekiranya mereka dapat mengikuti ketiga-tiga aspek kehidupan ini sebagai pedoman hidup mereka (Nagappan Arumugam, 2008 : 15).

Tirukkuraḷ juga digelar dengan nama *Poyyāmolī* yang bermaksud kata-kata benar yang tidak mempunyai amanat palsu. Amanat yang dilaungkan berperanan menjelaskan pemikiran manusia. Intipati ajaran *Kuraḷ* mengarahkan seseorang manusia ke arah kebenaran.

Pernyataan-pernyataan di atas jelas memperlihatkan ciri-ciri Tirukkuraḷ yang penuh dengan keunggulan dan gelaran-gelaran yang diberikan kepadanya oleh tokoh-tokoh ilmuwan sastera Tamil dan ilmuwan Barat. Kesemua gelaran ini menggambarkan

kelebihan dan keunikan yang dimiliki oleh kuplet-kuplet di dalam karya pujangga Tiruvalluvar.

#### **2.2.4 Zaman Tirukkural**

Walaupun zaman kewujudan pengarang Tirukkural kurang jelas, Tirukkural dipercayai dikarang sekitar abad 1 SM. Maraimalaiyadigal (1985 : 20), menyatakan Tiruvalluvar dilahirkan pada tahun 95 SM. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa karya tersebut dikarang sekitar abad kedua Masihi. Namun, para ilmuwan Tamil sebulat suara menyatakan zaman Tiruvalluvar adalah pada tahun 31 SM. Keputusan ini diambil dalam Persidangan para sarjana Tamil yang terdiri daripada 530 orang yang diadakan di *Pachaiappa College* pada tanggal 31 Mac 1939. Persidangan ini dipengerusikan oleh Sarjana Tamil terulung bernama U.Vee.Saminatha Iyer (Visvanathan, 1990 : 12). Pandangan mereka diperkuatkan dengan huraian berikut;

*The work itself is believed, on fairly reasonable evidence,  
to have been written in the 1<sup>st</sup> Century B.C and  
accepted by the Tamil Academy of Madurai in the year 31 B.C.  
(Dias,2003 : 31)*

#### **2.2.5 Keunggulan Karya Tirukkural**

Beberapa ahli akademik dan tokoh akademik dan tokoh-tokoh sastera telah menggambarkan Tirukkural sebagai salah satu karya yang unggul dan sesuai dengan peredaran zaman. Berikut adalah beberapa kenyataan dan ungkapan yang diberikan oleh mereka. Kumaran (2015 : 88) menyatakan bahawa Tirukkural adalah karya yang amat sesuai untuk dijadikan panduan hidup masyarakat sejagat tanpa mengira agama dan bangsa. Setiap kuplet yang terkandung dalam Tirukkural membawa makna yang sangat relevan dalam kehidupan seharian. Beliau menegaskan bahawa penghayatan

Tirukkural yang mendalam akan membantu manusia menetapkan halatuju kehidupannya yang sejahtera. Pengamalan Tirukkural dalam kehidupan seharian akan membantu meningkatkan personaliti dan kewibawaan seseorang.

Karya Tirukkural yang bersifat sejagat membawa kemakmuran dalam kehidupan seseorang manusia kerana ia mengandungi tiga elemen penting iaitu etika, kekayaan dan kesukaan. Keunggulan Tirukkural telah menarik perhatian sarjana sarjana Barat dan Timur sehingga mereka meluahkan perasaan dan penghayatan yang tidak terhingga terhadap karya tersebut. Baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak juga menyatakan Tirukkural adalah karya yang universal (Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Perasmian Persidangan Tamil Antarabangsa yang Ke-9, 29.1.2015 di Kuala Lumpur, Universiti Malaya). Selain daripada itu, berikut merupakan antara luahan tokoh-tokoh terkenal mengenai Tirukkural.

*Saya mempelajari Bahasa Tamil untuk membaca Tirukkural*

- *Mahatma Gandhi*

*Memang Tirukkural kitab permai Asia*

- *Mao Tze Tung*

*Kitab Tirukkural mutiara bercerah*

- *John Kennedy*

*Bacalah Tirukkural demi pahala*

- *Leo Tolstoy*

*Segala ilmu pengetahuan terdapat dalam Kitab Tirukkural*

- *Abraham Lincoln*



*Saya pernah membaca Tirukkural beberapa kali. Isi bernas yang terdapat dalam karya ini boleh mencanaikan fikiran*

- Tun Abdul Razak

*Tirukkural adalah salah sebuah kitab kegemaran saya. Valluvar nescaya pujangga dunia.*

- Lee Kuan Yew

*What is the use of great length, when the short work of Valluvar alone is enough to edify the world? It contains all things, and there is nothing which it does not contain*

- Edward Jemitt Robinson

(dalam Mohan Kumar, 2014 : 31)

### **2.2.6 Pembahagian Karya Tirukkural**

Karya etika Tirukkural mengandungi tiga bahagian utama dengan 1330 kuplet dalam 133 bab iaitu *Aram* (keadilan) yang meliputi 38 bab, *Porul* (kebendaan) yang merangkumi 70 bab dan *Inbam* (kebahagiaan) yang dibincangkan dalam 25 bab. Setiap bab mempunyai sepuluh kuplet yang terdiri daripada dua baris. Baris pertama mempunyai empat patah perkataan manakala baris kedua mempunyai tiga patah perkataan.

Karya Tirukkural tidak menjurus kepada etika agama semata-mata tetapi lebih berkonsepkan etika hidup seseorang insan. Segala nilai yang diterapkan dalam karya ini relevan dengan peredaran masa dan boleh diamalkan sehingga ke akhir hayat tanpa batasan agama, bangsa dan negara. Tiruvalluvar menjelaskan pendapatnya di bawah tajuk-tajuk kecil.

### 2.2.6.1 *Arattuppāl*

Bahagian pertama Tirukkuraḷ iaitu *Arattuppāl* membincangkan etika kehidupan manusia secara menyeluruh. Etika merupakan disiplin ilmu yang mengkaji prinsip dan kaedah kehidupan bermoral dan tindakan serta kelakuan manusia yang betul. Sejak zaman *Tolkāppiyam* (abad ke 3 SM), kebudayaan Tamil menitikberatkan konsep etika kehidupan. Ketamadunan manusia dikatakan muncul dengan tabiat yang mengutamakan kebahagiaan hidup. Kebahagiaan hidup manusia pada zaman tersebut bersifat tidak teratur dan tidak mempunyai sebarang prinsip sebagai pegangan hidup. Maka, suatu disiplin yang mementingkan akhlak moral diwujudkan. Umat manusia mula menyedari kebahagiaan harus dikecapi melalui lunas-lunas kemuliaan. *Arattuppāl* menitikberatkan etika kehidupan yang mengutarakan kepentingan nilai etika. Ia dibahagikan kepada empat sub bahagian iaitu, *Pāyiram* (Doa), *Illaraviyal* (Kekeluargaan), *Turaviyal* (Pelepasan Nafsu) dan *Ūliyal* (Karma Hidup).

#### 2.2.6.1.1 *Pāyiram*

Bahagian ini mengandungi empat bab. Setiap bab mempunyai sepuluh kuplet dan keseluruhannya terdapat empat puluh kuplet. Bab pertama merupakan Pemujian Tuhan (*Kaṭavuḷ vāḷttu*). Bab kedua membicarakan Keluhuran Hujan (*Vāṅ cirappu*). Bab ketiga pula mengenai keagungan orang-orang yang telahpun menolak kepentingan diri sendiri (*Nīttār perumai*) dan akhir sekali bab keempat menerangkan Kepentingan Kesusilaan (*Araṅ valiyuṛuttal*).

#### **2.2.6.1.2 *Illaraviyal***

Bahagian ini membincangkan institusi kekeluargaan dan mempunyai dua puluh bab yang mementingkan tatasusila kehidupan. Bab ini bermula dengan kehidupan berkeluarga, kebahagiaan isteri, anak pinak, cinta, penerimaa tamu, kemesraan bahasa, kesyukuran, ketelusan hati, penguasaan diri sendiri, kesucian kelakuan, kemurniaan isteri orang, pengampunan, ketiadaan iri hati, ketiadaan perasaan loba, pengelakan perbuatan loba, bencana kata-kata sombong, kegentaran perbuatan jahat, kepuasan, dermawan dan kemasyhuran.

#### **2.2.6.1.3 *Turaviyal***

Bahagian ini mempunyai tiga belas bab yang memiliki seratus tiga puluh kuplet. *Turaviyal* merupakan konsep yang mementingkan kehidupan soleh. *Turaviyal* mengutamakan kebenaran mulia yang luhur. Tajuk belas kasihan, menjauhi makanan daging, pertapaan, tabiat munafik, mengelakkan penipuan, kebenaran perucapan, menjauhi tabiat kemarahan, menjauhi kekejaman, mengelakkan pembunuhan, kesementaraan, keinsafan akan kebenaran dan penjahanaman nafsu merupakan nilai-nilai yang diterapkan dalam bab ini.

#### **2.2.6.1.4 *Ūliyal***

Bahagian ini membincangkan konsep karma. Ia membincangkan nasib yang diperolehi melalui kelahiran sebelum. Selaras dengan kepercayaan agama Hindu dan Kesusasteraan Tamil, Tirukkuraḷ banyak membicarakan sebab musabab dan akibat dosa umat manusia.

### **2.2.6.2 Poruṭpāl**

Bahagian kedua ini dikenali sebagai kebendaan. Tiruvaḷḷuvar berpendapat kebahagiaan harta benda adalah kurang kepentingannya jika dibandingkan dengan etika kehidupan. Oleh itu, beliau telah membincangkan kebahagiaan material selepas perbincangan etika kehidupan. Beliau beranggapan kehidupan bahagia hanya boleh dikecapi dengan nilai-nilai mulia yang sejati. Selain itu, beliau juga menyatakan sikap materialistik tidak akan memenuhi cita rasa jiwa manusia yang luhur dan hanya akan membawa kepada kebinasaan. Beliau menitikberatkan etika murni dalam mencari kebahagiaan harta benda. Dalam bahagian ini Tiruvaḷḷuvar menyenaraikan enam sub bahagian untuk menekankan konsep kebahagiaan iaitu Politik (*Araciyal*), Kementerian (*Amaicciyal*), Harta (*Poruḷiyal*), Kesahabatan (*Naṭpiyal*), Kesusahan (*Tuṇpaviyal*) dan kerakyatan (*Kuṭiyiyal*).

#### **2.2.6.2.1 Araciyal**

*Araciyal* (Politik) mempunyai keupayaan menghidupkan dan mengarahkan sesuatu tamadun ke arah kecemerlangan. Pada keseluruhannya, bahagian ini terdiri daripada dua puluh lima bab yang menerapkan nilai-nilai berikut. Antaranya adalah sifat seorang pemerintah, ilmu, ketiadaan ilmu, nasihat orang mulia, pengertian, menjauhi kecacatan, persahabatan mulia, menjauhi pergaulan dusta, penimbangan saksama, penimbangan kekuatan musuh, kesesuaian waktu, pemilihan tepat, pemilihan, menghargai kaum keluarga, bahaya kelalaian, pemerintahan adil, kezaliman, menjauhi keganasan, bertimbang rasa, pengintaian, keazaman, bahaya kemalasan, ketekunan usaha dan kesabaran.

#### **2.2.6.2.2 *Amaicciyal***

Bahagian ini mengandungi sepuluh bab dengan seratus kuplet. Bab-bab ini menekankan keluhuran seseorang pemimpin pentadbiran. Tajuk-tajuk seperti menteri, kefasihan, kesucian, perbuatan, kebolehan, pelaksanaan, duta, pengadapan, baginda, penilaian airmuka, menilai para hadirin, dan menjauhi kegugupan merupakan antara tajuk yang dibincangkan.

#### **2.2.6.2.3 *Poruḷiyal***

Komponen ini terdiri daripada lima bab yang mengandungi lima puluh kuplet. Kelima-lima bab tersebut menjelaskan kepentingan serta kewibawaan sesebuah negara. Tajuk-tajuk yang terkandung dalam bab ini ialah negeri, kubu, pemerolehan kekayaan, kegagahan bala tentera dan keikhlasan perwira.

#### **2.2.6.2.4 *Naṭṭiyal***

Bahagian ini pula membicarakan keunikan persahabatan dalam lima bab iaitu persahabatan, pemilihan sahabat, persahabatan murni, persahabatan bahaya, dan persahabatan palsu.

#### **2.2.6.2.5 *Tuṇṇaviyal***

Bahagian ini mengandungi 120 kuplet yang membicarakan kepadahan akibat perbuatan kurang baik. Antara aspek yang dibincangkan ialah kebodohan, kesombongan,

keseteruan, sifat musuh, menilai musuh, musuh dalam selimut, kesanjungan pemerintahan, suami lemah, pelacuran, arak, perjudian dan ubat.

#### **2.2.6.2.6 *Kuṭiyiyal***

Bahagian *Kuṭiyiyal* merangkumi tiga belas bab yang mengandungi 130 kuplet. Saranan dari kuplet ini berkaitan kehidupan seorang manusia. Antara bab yang dikemukakan adalah keturunan mulia, kemuliaan, keagungan, kebaikan, budi bahasa, kekayaan suci, kepentingan kesopanan, kebajikan keluarga, pertanian, kemiskinan, meminta sedekah, keburukan mengemis dan kehidupan keji.

#### **2.2.6.3 *Inpattuppāl***

*Inpattuppāl* merupakan bahagian ketiga dalam Tirukkural. Tiruvaḷḷuvar memperkembangkan kuplet-kuplet dalam bahagian ini berlandaskan ilham yang diperolehi daripada Kesusasteraan Sangam. Perasaan cinta merupakan suatu yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia sejak dulu lagi. Tiruvaḷḷuvar berjaya menjelaskan aspek kebahagiaan cinta berlandaskan nilai-nilai moral yang ditetapkan. Kehidupan manusia dikatakan akan menjadi sempurna jika lelaki dan perempuan mempunyai hubungan yang bermakna. Ini akan menjamin kehidupan yang bahagia dan sejahtera serta dapat membentuk umat manusia yang beretika tinggi. Keseluruhannya bahagian ini mencakupi dua sub bahagian iaitu *Kaḷaviyal* (alam cinta) dan *Karpiyal* (alam rumah tangga).

### **2.2.6.3.1 *Kalaviyal***

Komponen ini mempunyai tujuh bab yang membincangkan 70 kuplet. Pada umumnya Kalaviyal membincangkan perhubungan percintaan dan tingkah laku pemuda-pemudi yang dilamun cinta. Tajuk-tajuknya pula berbaaur derita kecantikan, ketelitian pandangan, pelukan bahagia, pujian kejelitaan, keutamaan cinta, menjauhi keseganan dan desas-desus.

### **2.2.6.3.2 *Karpiyal***

Tiruvalluvar menggariskan aspek kehidupan manusia dalam alam rumah tangga dan kekeluargaan dalam bahagian ini. Beliau menyatakan kehidupan pasangan harus berprinsipkan lunas-lunas murni yang ditetapkan. Komponen ini mengandungi lapan belas bab dengan seratus lapan puluh kuplet. Kehidupan selepas mendirikan rumah tangga diberikan kepentingan kerana ia merupakan asas kepada pembinaan hidup yang sejahtera. Dalam proses pembinaan kehidupan sejahtera ini seseorang yang berumah tangga harus bersedia dari segi fizikal dan mental bagi mengatasi sebarang cabaran yang dihadapi.

Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah kegetiran perpisahan, meratapi kegetiran perpisahan, merana demi kerinduan, meratapi kesengsaraan perpisahan, penderitaan perpisahan, kerinduan tanpa hala tuju, pujian kepada impian, kekeluhan, kepudaran, kejelitaan jasad, berbicara bersendirian, kehilangan kesopanan, kerinduan kekasih, meneroka perasaan kalbu, kerinduan pelukan asmara, memarahi hati, bergurau cumbu, kehaluan kecumbuan dan keindahan kecumbuan.

### **2.2.7 Nilai-nilai murni dalam karya Tirukkural**

Tirukkural sarat dengan nilai-nilai yang perlu dijadikan sebagai prinsip pegangan dalam kehidupan seseorang manusia. Nilai-nilai yang dibincangkan dalam Tirukkural ini memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam membentuk kehidupan yang mulia dan suci. Antara nilai yang diketengahkan dalam karya etika ini adalah kepercayaan kepada Tuhan, keadilan, amanah, baik hati, bekerjasama, berdisplin, berhati-hati, berhemah tinggi, berjimat cermat, bersatu padu, bersimpati, peramah, bersyukur, bertanggungjawab, berterima kasih, bertoleransi, ikhlas, jujur, kasih sayang, kesederhanaan, pematuhan, mencintai alam, menghargai masa, menghormati, kebersihan fizikal, pemurah, prihatin, rasional, sabar, taat, tolong-menolong, bermaaf-maafan, bercakap benar, beriman, bermaruah, berdedikasi, berjasa, rendah diri, bersikap positif, berilmu, berusaha dan peka. Dapat disimpulkan di sini bahawa nilai etika karya Tirukkural membicarakan nilai etika yang bersifat sejagat dan mampu mewujudkan kemakmuran hidup masyarakat global. Selain membina modal insan yang berwawasan Tirukkural juga dapat membentuk sahsiah hidup manusia yang suci dan benar.

## **2.3 Pemikiran Kritis**

Definisi dan kemahiran, kepentingan pengukuran dan statusnya merupakan aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam konteks pemikiran kritis dalam bahagian ini.

### **2.3.1 Definisi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Pemikir Kritis**

Menurut Gibson (1995 : 27-36), pemikiran kritis mempunyai pelbagai definisi serta makna yang berbeza di antara ahli psikologi dan juga ahli falsafah. Berdasarkan kajian



yang dilakukan oleh Beyer (1995 : 188), di mendapati bahawa perkataan kritis berasal daripada perkataan Yunani “kriterion” yang membawa maksud satu *benchmark* untuk membuat sesuatu penentuan. Pemikiran kritis juga diperhalusi sebagai salah satu cara pemikiran kognitif peringkat tinggi yang merangkumi aspek pemikiran reflektif, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan yang relatif. Definisi ini hampir sama dengan pandangan Shahrin Hashim (2010), iaitu:

*Pemikiran adalah aktiviti yang dilakukan oleh manusia hampir setiap masa. Pemikiran secara mudah boleh difahami sebagai apa saja yang berlaku dalam minda kita. Kritis membawa banyak pengertian yang sederhana seperti sangat mendalam, terperinci, mengamati dan sebagainya. Ia juga dimaksudkan sebagai pemahaman secara mendalam dan kritis bagi mempertingkatkan pemahaman. Pemikiran ini membantu individu menganalisis pernyataan dengan berhati-hati dan mencari bukti yang sah sebelum membuat keputusan.*

*(Shahrin Hashim, 2010)*

(dalam Aziz Yahaya & Shahrin Hashim, 2010 : 96)

Pemikiran kritis juga dapat dikaitkan dengan kebolehan penaakulan logikal yang meliputi aktiviti mental untuk (a) menyimpulkan sesuatu implikasi yang sah; (b) membuat demonstrasi dan (c) menyusun pengetahuan dalam urutan sistematik, sama ada secara deduktif atau induktif (Hiram, 1957 : 125-132).

Harnadek (1981), berpendapat pemikiran kritis merangkumi pelbagai jenis mod pemikiran. Seseorang pemikir kritis mempunyai sembilan ciri, iaitu (a) berfikiran terbuka mengenai idea-idea baru; (b) tidak berhujah tentang sesuatu perkara yang tidak diketahuinya; (c) mengetahui bilakah maklumat tambahan tentang sesuatu perkara diperlukan; (d) dapat membezakan rumusan yang mungkin benar dengan rumusan yang pasti benar; (e) menyedari bahawa manusia mempunyai pandangan berlainan tentang maksud sesuatu perkataan atau perkara; (f) berusaha untuk mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan umum apabila membuat penaakulan; (g) menyoal setiap perkara

yang tidak munasabah; (h) cuba membezakan pemikiran emosi dengan pemikiran logikal; (i) berusaha untuk menambahkan perbendaharaan katanya supaya dia dapat memahami pernyataan yang disuarakan oleh orang lain, dan supaya dia dapat mengemukakan ideanya dengan jelas.

Antara definisi yang diutarakan oleh Brookfield (1987), Facione (1984), McPeck (1981), Sternberg dan Baron (1985), merupakan idea yang hampir sama tentang pemikiran kritis iaitu pemikiran kritis membolehkan seseorang membuat keputusan atau mengambil tindakan yang rasional.

Secara keseluruhan, terdapat dua definisi yang membawa idea yang berlainan selain daripada membuat keputusan. Paul (1992) (dalam Scheffer dan Rubenfeid, 2000 : 352-360), mengatakan pemikiran kritis adalah seni memperbaiki pemikiran. Menurut Lipman (1988 : 266), pemikiran kritis adalah pemikiran yang bertanggungjawab dan berkemahiran yang sensitif kepada konteks dan bermekanisma pembedaan sendiri. Akan tetapi, kebanyakan definisi pemikiran kritis bersependapat dengan idea yang diutarakan oleh Ennis (ten Dam & Volman, 2004 : 359-379), seperti berikut:

Ennis (1962 : 81-111), mengutarakan bahawa pemikiran kritis sebagai penaksiran yang betul terhadap pernyataan. Beliau berpendapat bahawa konstruk pemikiran kritis dapat dinilai daripada dua belas aspek atau dimensi: (a) menangkap maksud sesuatu pernyataan; (b) menentukan sama ada terdapat sebarang kekaburan dalam suatu urutan penakulan; (c) menentukan sama ada pernyataan-pernyataan adalah bercanggahan di antara satu sama lain; (d) menentukan sama ada sesuatu kesimpulan harus menyusuli atau tidak; (e) menentukan sama ada sesuatu pernyataan adalah cukup spesifik atau tidak; (f) menentukan sama ada sesuatu pernyataan adalah aplikasi

daripada sesuatu prinsip tertentu; (g) menentukan sama ada sesuatu pernyataan pemerhatian (*observation statement*) boleh dipercayai atau tidak; (h) menentukan sama ada sesuatu kesimpulan induktif adalah berasas atau tidak; (i) menentukan sama ada sesuatu masalah sudah dikenal pasti atau tidak; (j) menentukan sama ada sesuatu itu adalah andaian; (k) menentukan sama ada sesuatu definisi yang dibuat mencukupi atau tidak dan (l) menentukan sama ada sesuatu pernyataan yang dibuat oleh pihak berkuasa boleh diterima atau tidak.

Beliau memperluaskan maksud pemikiran kritis sebagai pemikiran reflektif dan munasabah yang memfokuskan proses untuk menentukan apa yang perlu dipercayai atau yang perlu dilakukan. Beliau mengatakan bahawa pemikiran kritis wujud apabila berlakunya interaksi antara satu set disposisi dengan kemahiran kognitif. Penggunaan empat jenis kemahiran iaitu kemahiran asas, inferens, penjelasan dan penyelesaian masalah (*basis, inference, clarity and problem solving*) merupakan proses membuat keputusan. Pertukaran ini meluaskan penggunaan definisi tersebut (Chiodo & Tsai, 1995 : 374-382). Mengikut Ennis (1987 : 10):

*Critical thinking as I think the term is generally used is a practical reflective activity that has reasonable belief or action as its goal. They are five key ideas: practical, reflective, reasonable, belief and action. Thus defined, critical thinking is reasonable reflective thinking that focuses on deciding what to believe or do. This definition does not exclude creative thinking such as creative acts in formulating hypotheses, alternative ways of viewing a problem, question, possible solutions and plans for investigating. Creative thinking is not equivalent to the higher order thinking skill, in part because the idea is so vague. However, critical thinking as a practical activity includes most or all of the directly practical higher order thinking skill. Furthermore, critical thinking includes disposition, which would not be included in a listing of skills.*

*(Ennis, 1987 : 10)*

Berikutan dengan itu, berdasarkan *Watson-Glaser critical thinking manual* (1980 : 1-10), pemikiran kritis dibahagikan kepada lima kemahiran mental: (a) membuat inferens yang betul; (b) mengenal pasti andaian dalam maklumat; (c) membuat deduksi yang betul; (d) membuat interpretasi yang betul dan (e) menilai kekuatan sesuatu hujah.

Bermula dari tahun 1987, Jawatankuasa Precollege Philosophy of The American Philosophical Association (APA) telah mengusahakan untuk mencapai satu persetujuan yang umum tentang definisi dan konstruk pemikiran kritis. Metodologi Delphi yang dibangunkan oleh *Rand Corporation*, bersama 46 orang pakar yang berlainan disiplin ilmu dari Amerika Syarikat dan Kanada telah berbincang mengenai definisi dan konsep pemikiran kritis. Mengikut Laporan Delphi dalam Facione (1990 : 2):

*“Critical thinking is to be purposeful, self-regulatory judgment which results interpretation, analysis, evaluation, and inference, as well as explanation of the evidential, conceptual, methodological, criteriological, or contextual considerations upon which that judgment is based. The ideal critical thinker is habitually inquisitive, well-informed, trustful of reason, open-minded, flexible, fair-minded in evaluation, honest in facing personal biases, prudent in making judgements, willing to reconsider, clear about issues, orderly in complex matters, diligent in seeking relevant information, reasonable in the selection of criteria, focused in inquiry, and persistent in seeking results which are as precise as the subject and circumstances of inquiry permit.”*

*The Delphi Report*  
(dalam Facione, 1990 : 2)

Semua perbincangan telah memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai tanggapan dalam definisi pemikiran kritis yang wujud. Secara ringkasnya, pemikiran kritis merangkumi dua komponen utama, iaitu kemahiran kognitif dan disposisi efektif. Dalam erti kata lain, pemikiran kritis adalah pemikiran reflektif, iaitu berfikir dengan mendalam dan memberi pertimbangan yang serius tentang sesuatu. Seorang pemikir

perlu mempunyai kemahiran kognitif tertentu untuk membolehkannya menilai rasionaliti sesuatu idea, objek atau kejadian. Di samping itu, pemikir kritis juga perlu memiliki nilai yang menjadi panduan semasa membuat sesuatu keputusan.

### **2.3.2 Kepentingan Pemikiran Kritis**

Menurut Taksonomi Bloom (1956 : 42), pemikiran kritis melibatkan tiga jenis aktiviti mental, iaitu analisis, sintesis dan penilaian. Tujuan mengajar pemikiran kritis adalah supaya individu-individu boleh berfikir secara adil, mempunyai objektif yang jelas dan bertindak dengan tepat (Cleland & Pearse, 1995 : 31-38). Pemikiran kritis ialah satu bentuk pemikiran yang bukan sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu. Ianya bersifat mengkritik. Individu yang mempunyai pemikiran kritis akan memberikan perhatian terlebih dahulu terhadap sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan sebelum memberikan pendapat mereka. Mereka yang mempunyai pemikiran ini juga amat berhati-hati di dalam membuat pilihan kerana mereka tidak mudah menerima sesuatu perkara dengan sepenuhnya (Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak, 2006 : 35-55).

Berdasarkan definisi yang diutarakan oleh Ennis et.al (1985 : 2), pemikiran kritis merupakan aspek utama dalam kehidupan. Menurut Nelson-Jones (1985 : 13), manusia dikatakan unik dalam kebolehannya untuk berfikir dan membuat pilihan. Beliau juga berpendapat manusia perlu membuat pilihan dan harus bijak membuat pilihan. Tanpa disedari, tindakan mereka yang gagal membuat pilihan atau dikenali sebagai suspend judgement adalah sebenarnya membuat pilihan (McPeck, 1981 dalam Zohar et.al. 1994 : 183-196).

Sehubungan dengan itu Capon dan Kuhn (1979), (dalam Lawson, 1985 : 569-617) menyatakan bahawa pemikiran kritis harus diberi perhatian walaupun membuat keputusan dalam hal-hal sekecil seperti membeli barangan di pasaraya, hal-hal berkaitan keluarga, kerjaya, pengurusan kewangan dan mendidik anak (Freeley, 1996 : 151-167; Smith & Kienzler, 2004 : 227-235). Selain daripada itu, beberapa orang penyelidik menyarankan bahawa pemikiran kritis harus dipupuk dalam aspek-aspek seperti berikut: menangani pemasaran barangan yang agresif (Wahti Mahidin, 2005 : 34), memahami propaganda media (Bohlken, 2000 : 56), menjalankan urusan yang berkait dengan kesihatan dan pembelian ubatan (Ludwig, 2005; Smith & Kienzler, 2004; Sternberg & Bhana, 1986), mengatasi isu mengenai kredibiliti fenomena akibat limpahan maklumat (Carlson, 1995; Cortes & Richardson, 1983; Laughlin, 1992; Mohd Zamir Bahall, 2003; Presseisen, 1988; Tan, 2005) dan mentafsir fenomena paranormal (Gray & Mill, 1990).

Menurut Greenockle dan Purvis (1995 : 49-53), Schwager dan Labate (1993 : 24-26) dan Tishman dan Perkins (1995 : 24-31), pemikiran kritis amat penting semasa memikir strategi terbaik dalam sukan dan permainan manakala Brants (2000 : 72-75), berpendapat bahawa dunia perniagaan juga bergantung kepada pemikir kritis. Selain daripada itu, Paul (1987 : 4-41), mengemukakan bahawa pemikiran kritis merupakan elemen penting untuk perkembangan individu. Di samping itu, pemikiran kritis amat diperlukan untuk individu membuat keputusan yang bijak untuk memastikan menguntungkan individu itu sendiri, masyarakat dan negaranya (Bensley, 1998; Beyer, 1998; Boone, 1995; Kurfiss, 1988; McTighe & Schollenberger, 1991; Nickerson, 1987; Rosnani Hashim & Suhailah Hussein, 2003; Schafersman, 1998; Seigher-Ehrenberg, 1991). Namun demikian, pemikiran kritis sangat penting untuk isu-isu yang berkaitan

dengan kepentingan awam dan demokrasi (Arons, 1985; Hynd, 1996; Kurfiss, 1988; Nickerson, 1987; Paul, 1987; Spaulding, & Kleiner, 1996; Tama, 1989; Tsui, 1999).

Walau bagaimanapun, pihak yang berkuasa mengharapkan pemikiran kritis daripada warganya supaya mengikut dan bersetuju dengan hala tuju mereka (Bensley, 1998; Brookfield, 1987; McTighe & Schollenberg, 1991). Nickerson (1987 : 34), juga bersependapat dengan pandangan ini. Beliau mengatakan bahawa:

*'I believe that often, when people in position of authority (parents, teachers, teenagers, military leaders) say that they wish that people over whom they have authority (childrens, students, employees, subordinates) could think, they mean they wish their charges or subordinate were more skillful at accomplishing goals set, or at least endorsed by their superior. Seldom do they have in mind a concept of thinking that is sufficiently broad to include the questioning of the goals themselves and the authorities that have set them. But the ability to think deeply, critically and creatively about goals is essential and its cultivation becomes increasingly imperative in view of the rapid advance in technological know-how'*

(Nickerson, 1987 : 34)

Secara ringkasnya, kekurangan kemahiran untuk berfikir secara kritis mungkin menjadikan individu tidak mendapat peluang untuk memperbaiki diri dan menyusahkan negara. Keadaan ini akan menjadi lebih teruk jika individu sendiri atau warga negara ini gagal berfikir secara kritis sehinggakan mewujudkan peluang untuk melibatkan diri dalam jenayah (Lynch, 1993 : 32-36).

### **2.3.3 Instrumen Mengukur Kebolehan Pemikiran Kritis**

Menurut Paul (1984 : 4-41), semua individu mempunyai kebolehan untuk berfikir secara kritis akan tetapi berbeza dari segi kapasiti seseorang individu lain. Walaupun kebanyakan individu boleh berfikir secara kritis, ia mungkin gagal berfikir secara kritis

dalam situasi tertentu. Disebabkan prestasi kebolehan kemahiran pemikiran kritis yang rendah, aspek pengukuran menjadi lebih kompleks. Hal ini bukan kerana tidak berkebolehan tetapi individu sendiri tidak kecenderungan untuk menggunakan pemikiran kritis. Oleh itu, pentaksiran pemikiran kritis wajar diambil kira dalam konteks pengukuran (Norris, 1985 : 211), dan tidak dijalankan dengan satu cara sahaja (Aretz, Bolen & Devereux, 1997 : 12-24). Merujuk kembali kepada kemelataan (*abundance*) literatur yang membincangkan aspek pengukuran dan status semasa yang berbentuk empirikal amat terbatas sekali (Philips & Bond, 2004 : 277-294) khususnya di kalangan pelajar sekolah menengah (Rollins, 1990 : 47-53).

Sehubungan dengan itu, Spicer dan Hanks (1995 : 85), mengemukakan tujuh instrumen piawaian yang boleh membantu mengukur kebolehan pemikiran kritis pada masa kini. Instrumen tersebut adalah; (a) *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal* (Ujian Pemikiran Kritis Watson-Glaser); (b) *Cornell Critical Thinking Test* (Ujian Pemikiran Kritis Cornell); (c) *The Ross Test of Higher Cognitive Processes* (Ujian Process Kognitif Aras Tinggi Ross); (d) *The New Jersey Test Of Reasoning skills* (Ujian Kemahiran Penaakulan New Jersey); (e) *The Ennis-Weir Critical Thinking Essay Test* (Ujian Esei Pemikiran Kritis Ennis-Weir); (f) *The California Critical Thinking Skills Test* (Ujian Kemahiran Pemikiran Kritis California) dan (g) *The California Critical Thinking Dispositions Inventory* (Inventori Disposisi Pemikiran Kritis California).

Ujian Pemikiran Kritis Cornell, CCTT telah dibangunkan oleh Ennis dan Millman. Elemen-elemen dalam ujian tersebut dibina berlandaskan konsepsi Ennis terhadap pemikiran kritis. Ujian berkenaan diperolehi dalam dua tahap, iaitu Tahap X dan Tahap Z. Ennis, Millman dan Tomko (1985 : 193), CCTT Tahap X mengandungi 71 item beraneka pilihan yang dibahagikan kepada empat seksyen utama. Dalam



seksyen pertama, seseorang dikehendaki menentukan sama ada sesuatu fakta yang diberi menyokong hipotesis yang dikemukakan atau tidak. Seksyen kedua mengukur kebolehan seseorang untuk menilai kebolehpercayaan sesuatu pertanyaan pemerhatian berdasarkan kredibiliti sumber maklumat.

Dalam seksyen ketiga, seseorang perlu menentukan sama ada sesuatu pernyataan adalah menyusuli daripada premis atau tidak. Seksyen terakhir melibatkan proses pengenalpastian andaian. CCTT Tahap Z terdiri daripada 52 items yang menguji kebolehan seseorang untuk; (a) menentukan sama ada sesuatu kenyataan menyusuli daripada sesuatu premis atau tidak; (b) mengesan perbincangan yang menyangsikan; (c) menilai kebolehpercayaan pemerhatian dan sumber maklumat; (d) menentukan hala tuju sesuatu sokongan, jika ada, bagi sesuatu hipotesis; (e) memilih jangkaan yang berguna untuk pengujian hipotesis; (f) mendefinisi istilah dan (g) mengesan sebarang jurang yang wujud dalam argumen.

Pentaksiran pemikiran kritis juga dilakukan dengan menggunakan soalan esei dan aneka pilihan berasaskan taksonomi Bloom (Dobson, 2001; Keeley & Browne, 1986; Keeley, 1992; Wan Mohd Rani, 1996), TAMI (Jungwirth, 1989) dan pelaporan sendiri (Aretz & Gorrell, 2002; Pike & Barnes, 1996).

Sehubungan dengan itu, Ujian Kemahiran Penaakulan New Jersey dibangunkan oleh Virginia Shipman pada tahun 1983. Ia mengandungi 50 item beraneka pilihan yang mengukur 22 jenis kemahiran. Kemahiran tersebut adalah (a) mengubah kenyataan; (b) menukar kepada bentuk logikal; (c) kemasukan atau penyisihan; (d) mengenal pasti soalan yang tidak sesuai; (e) mengelakkan daripada membuat kesimpulan secara terburu-buru; (f) penaakulan analogikal; (g) mengenal pasti andaian; (h) menghapuskan

alternatif; (i) penaakulan induktif; (j) penaakulan dengan menggunakan hubungan; (k) mengesan ketaksamaan; (l) mengenali hubungan sebab dan akibat; (m) mengenal pasti alasan yang baik; (n) mengenali hubungan yang simetrikal; (o) mengkategorikan penaakulan silogisme; (p) mengenali perbezaan dari segi jenis dan darjah ketidaksamaan; (q) mengenali hubungan transitif; (r) mengenali kenyataan pihak berkuasa yang menyangsikan; (s) membuat penaakulan menggunakan matrik 4 kemungkinan (4-possibilities matrices); (t) kenyataan yang kontradik; (u) penaakulan “*whole-part*” dan “*part-whole*” dan (v) penaakulan silogisme bersyarat. Julat indeks kebolehpercayaan Ujian Kemahiran Penaakulan New Jersey adalah di sekitar 0.80 (Sternberg, 1986 : 433-449).

Menurut Facione dan Facione (1992 : 340), Inventori Disposisi Pemikiran Kritis California, CCTDI berbeza dengan instrumen pengukur pemikiran kritis yang lain. Facione (1990), berpendapat bahawa CCTDI digunakan untuk mengukur penguasaan individu dalam tujuh aspek disposisi pemikiran kritis seperti yang dinyatakan dalam Laporan Delphi. CCTDI mengandungi 75 item yang dikelaskan kepada tujuh sub skala yang berbeza; (a) menentukan kebenaran; (b) berfikiran terbuka; (c) analitis; (d) bersikap sistematik; (e) berkeyakinan diri; (f) sikap ingin mengambil tahu dan (g) kematangan kognitif.

Skor maksimum keseluruhan CCTDI ialah 420 mata. Pemerolehan sebanyak 350 mata ataupun lebih menunjukkan penguasaan yang baik terhadap semua disposisi. Indeks Cronbach Alfa bagi keseluruhan inventori dilaporkan di sekitar 0.90 manakala indeks kebolehpercayaan untuk sub skala adalah dalam julat 0.70 hingga 0.80 (Facione & Facione, 1996b : 485).

Ujian Pemikiran Kritis Watson-Glaser, WGCTA merupakan ujian perintis dalam pengukuran pemikiran kritis (Ennis, 1958 : 155-158). WGCTA telah diperkenalkan oleh Goodwin Watson dan Edward Maynard Glaser pada tahun 1942 dan telah diperkembangkan lagi pada tahun 1964. Pada tahun 1980, WGCTA diubahsuai dan dikemaskini semula menjadi Bentuk A dan Bentuk B (Woehlke, 1985). Kedua-dua bentuk tersebut mengandungi 80 item yang mengukur lima jenis kebolehan kemahiran kritis yang berbeza: (a) membuat inferens; (b) mengenal pasti andaian; (c) membuat deduksi; (d) membuat interpretasi dan (e) penilaian hujah.

Menurut Watson Glaser membuat inferens merupakan langkah yang diambil oleh individu untuk membuat kesimpulan awal yang mungkin benar atau pun tidak berdasarkan maklumat daripada pemerhatian. Berdasarkan beliau untuk membuat inferens kita perlu membuat pemerhatian yang sepenuhnya. Pemerhatian yang teliti akan membantu untuk membuat andaian yang tepat. Seterusnya, langkah mengenal pasti andaian adalah cara untuk memilih sesuatu andaian dengan betul. Sesuatu andaian perlulah dipertimbangkan berdasarkan kenyataan yang diperolehi daripada pemerhatian. Sejurus dengan itu, keputusan yang diambil akan menjadi keputusan yang wajar.

Seperti yang dibincangkan oleh Watson Glaser kemahiran membuat deduksi merupakan kemahiran berfikir yang membolehkan kita menggunakan kesimpulan dan prinsip umum untuk menaakul sesuatu kesimpulan yang belum dinyatakan tentang maklumat atau situasi yang spesifik. Namun begitu, sering berlaku kekeliruan tentang perbezaan antara induktif dan deduktif. Berdasarkan beliau deduktif memberi kesahihan yang muktamad dalam kenyataan yang menjadi asas taakulan manakala induktif pula merupakan kemungkinan yang boleh berlaku berdasarkan sesuatu situasi dan ia

bukanlah muktamad. Oleh itu, untuk menjana idea kemahiran deduktif merupakan asas yang kukuh.

Seterusnya, langkah membuat interpretasi juga merupakan elemen yang penting dalam mengukur pemikiran kritis. Hal ini kerana, interpretasi atau penafsiran adalah proses komunikasi melalui lisan atau gerakan antara dua atau lebih pembicara yang tidak dapat menggunakan simbol yang sama, baik secara simultan (dikenal sebagai interpretasi simultan) atau berurutan (dikenal sebagai interpretasi berurutan). Sesuatu interpretasi merupakan sebahagian daripada sesuatu persembahan atau penggambaran informasi yang diubah untuk menyesuaikan dengan suatu kumpulan simbol spesifik. Informasi itu adalah berbentuk lisan, tulisan, gambar, matematik atau pelbagai bentuk.

Akhir sekali, penilaian hujah adalah elemen penting untuk membuat pemikiran kritis. Pemikiran kritis dan dialog sering dijemakan dalam bentuk hujah. Hujah dialektik memerlukan rayuan kepada kepercayaan dan nilai untuk membuat keputusan yang penting. Dalam semua kerjaya, kelas akademik, dan hubungan, kemahiran hujah boleh digunakan untuk meningkatkan pembelajaran apabila kita merawat pemikiran sebagai proses perdebatan. Perbezaan yang signifikan dalam pendekatan telah muncul sebagai cara terbaik untuk memupuk kemahiran yang diperlukan untuk membentuk, dan mempertahankan hujah. WGCTA mempunyai indeks kebolehppercayaan yang tinggi, iaitu di antara 0.70 hingga 0.82. Korelasi WGCTA dengan ujian kebijaksanaan adalah sederhana tinggi, iaitu di sekitar 0.30 hingga 0.75 manakala korelasi dengan ujian pencapaian pula memberikan nilai antara 0.20 hingga 0.65 (Watson & Glaser, 1980 : 12).

Secara ringkas, kebanyakan instrument yang telah dibangunkan memfokuskan pengujian kemahiran kognitif pemikiran kritis. Jenis kebolehan mental yang diukur dalam instrumen bergantung kepada model pemikiran kritis yang digunakan. *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal* (Ujian Pemikiran Kritis Watson-Glaser) merupakan satu-satunya usaha perintis untuk mengukur disposisi afektif seorang pemikir kritis. Oleh yang demikian, lima aspek yang diutarakan dalam penilaian Watson Glaser akan digunakan sebagai pengukur dalam kajian ini.

## **2.4 Teori-teori Yang Berkaitan**

### **2.4.1 Teori Kognitif Vygotsky**

Lev Vygotsky (1896-1934), merupakan ahli psikologi Russia yang asalnya mendalami ilmu perubatan tetapi akhirnya mempelajari bidang undang-undang dan kesusasteraan. Lev Vygotsky menekankan peranan sosial dan budaya dalam perkembangan individu.


Pada tahun 1960-an dan 1970-an, perkembangan bidang psikologi dipengaruhi kuat oleh teori dan idea Piaget. Namun, pada akhir tahun 1970-an dan 1980-an sumbangan Vygotsky mempengaruhi pemikiran semasa.

Teori Vygotsky menerangkan bahawa individu harus mempelajari melalui konteks sosial dengan keluarga, rakan sebaya dan sekolah. Tema Teori Vygotsky ialah perkembangan kognitif individu berlaku dalam konteks sosial iaitu perkembangan kognisi termasuklah penguasaan perkembangan yang telah ditetapkan oleh budaya atau masyarakat. Mereka dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh individu dengan rakan sama ada yang baik atau buruk. Mengikuti Vygotsky dalam setiap

peringkat umur, perkembangan kognisi individu berlaku dalam dua peringkat iaitu tahap sosial dan tahap individu (Gary D.Borich & Martin L.Tombari, 1996 : 274-290).

Vygotsky (1978 : 58-72), berpendapat bahawa tahap sosial dapat digunakan untuk memperihalkan tentang perkembangan intelek individu. Interaksi sosial sesama rakan sebaya, guru, ibu bapa dan keluarga akan membantu seseorang untuk memperolehi maklumat atau ilmu. Pada masa yang sama individu berpeluang mempelajari pandangan dan buah fikiran orang lain untuk mengubah sikap egosentrik yang menjadi penghalang utama untuk berfikir secara kritis.

Vygotsky (1962 : 85), memperkenalkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (*Zone of Proximal Development, ZPD*). Menurut Gary D.Borich & Martin L.Tombari (1996), Zon perkembangan proksimal yang diutarakan oleh Vygotsky juga dikenali sebagai zon peluang gerak balas maksimum (*zon of maximum response opportunity*). ZPD adalah jarak antara tahap perkembangan sebenar yang ditentukan oleh penyelesaian masalah secara bersendirian dengan tahap perkembangan potensi yang dicapai melalui penguasaan ilmu di bawah bimbingan orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih berkemahiran. Bantuan persekitaran ialah interaksi antara seorang individu dengan guru, rakan yang lebih matang, persekitaraan fizikal dan aktiviti pembelajaran yang sesuai. Aktiviti seperti perbincangan, bertukar pandangan, berkongsi maklumat dan berkomunikasi akan membantu untuk memperbaiki konsep dan menambah pengetahuan individu seterusnya dapat merangsang fungsi-fungsi mental berdasarkan konsep ZPD.



Rajah 2.1: Zon Perkembangan Proksimal (Vygotsky, 1962)

Rajah 2.1 menunjukkan Zon Perkembangan Proksimal. Zon Perkembangan Proksimal terdiri daripada batas kemampuan potensi, batas kemampuan sebenar dan zon perkembangan proksimal seperti yang dikemukakan oleh Vygotsky.

*Scaffolding* merupakan bimbingan atau tunjuk ajar orang dewasa dan rakan yang lebih berpengetahuan dalam menguasai sesuatu kemahiran mahupun sesebuah bidang. Seseorang individu dapat mempelajari kemahiran itu sendiri disebabkan bimbingan yang diberikan secara penuh di awal pembelajaran sehinggakan individu tersebut dapat membuat sesuatu tanpa sokongan. Santrock (2007 : 96), menyatakan bahawa *Scaffolding means changing the level of support*. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru atau rakan sebaya yang mempunyai kemahiran dapat mengawal bimbingan mengikut kesesuaian seseorang individu.

Seterusnya, apabila pelajar mempelajari kemahiran baharu, guru akan menggunakan 'pengajaran lansung' (*direct instruction*) dan bimbingan akan diberhentikan selepas individu sudah mula menguasai kemahiran tersebut. 'Berdialog' merupakan cara yang penting semasa menggunakan *Scaffolding*. Vygotsky berpendapat bahawa remaja mempunyai banyak kemahiran akan tetapi tidak sistematik

dan tidak pandai menyusun fakta yang sedia ada. Oleh itu, pertanyaan guru yang sistematik akan menjadikan pelajar seorang yang bersistem dan konsisten seterusnya pandai menyusun fakta. Dengan mempratikkan semua yang dibincangkan, maka perkembangan kognisi seseorang individu akan berkembang.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, penyelidik menghubungkan Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky dan pemikiran kritis masyarakat India di Malaysia daripada aspek aras pemikiran dan juga proses Zon Perkembangan Proximal. Berdasarkan Vygotsky aras pemikiran akan menentukan kapasiti seseorang untuk menganalisis sesuatu idea ataupun pernyataan dengan tepat. Kategori ini melibatkan proses kognitif yang sederhana. Sepertimana yang diketahui, aras pemikiran kritis yang rendah yang meliputi cara membanding dan membezakan, membuat kategori, membuat urutan, meneliti bahagian-bahagian kecil serta keseluruhan dan menerangkan sebabnya adalah berbeza daripada pemikiran kritis tinggi.

Hal ini kerana, pemikiran kritis tinggi melibatkan proses kognitif dan metakognitif. Kemahiran metakognitif iaitu menerusi daya taakulan akan membezakan tahap pemikiran dengan kemahiran membuat ramalan, usul periksa andaian, membuat inferensi, mengesahkan sumber maklumat, membuat generalisasi dan mencari sebab serta membuat kesimpulan. Oleh itu, seseorang individu perlu menguasai asas pemikiran aras tinggi yang kukuh. Apabila individu tersebut memiliki asas yang kukuh, maka daripada itu dia dapat memperkembangkan potensi dan sekaligus berfikir secara kritis dengan lebih waras.



## 2.4.2 Teori Konstruktivisme

Menurut McBrien dan Brandt (1997 : 63), konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain.

Seseorang membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baru yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud (Briner, 1999 : 173).

Konstruktivisme juga dipandang dari skop di mana ianya adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Ini bermakna bahawa sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut, dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif daripada luar. Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya, setiap insan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih ( Nik Azis Nik Pa, 1999 : 138).

Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005 : 21-41), menyatakan bahawa pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana pelajar digalakkan membina konsep sendiri dengan menghubungkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan sedia ada pada mereka. Dalam proses ini, pelajar dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara. Konstruktivisme

merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia. Penggunaan teori konstruktivisme sangat penting kerana ia merupakan satu perubahan paradigm daripada pendekatan perlakuan kepada pendekatan yang berasaskan teori kognitif.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas maka pengertian pembelajaran secara konstruktivisme bolehlah dirumuskan seperti berikut. Konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa individu membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, seseorang akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, penyelidik telah menghubungkan Teori Konstruktivisme dan pemikiran kritis masyarakat India Malaysia dengan menyatakan bahawa pengetahuan yang sedia ada pada seseorang individu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang hidupnya akan membantu individu tersebut untuk menjana idea ataupun ilmu yang baharu. Proses perkembangan kemahiran berfikir akan menjadi lebih luas apabila individu tersebut mula meneroka ilmu dan idea-idea yang baharu di masa hadapan. Ini akan menjadi asas pemikiran kritis dalam proses pembelajaran dan juga penimbaan pengalaman dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan pembelajaran dan pengalaman yang dimiliki oleh seseorang individu dalam kehidupan seharian, individu tersebut mampu meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis ke arah penghidupan yang sempurna. Pembelajaran dan pengalaman yang dimiliki akan mendorong seseorang individu untuk membuat penilaian tentang sesuatu data atau maklumat. Pemikir memerlukan kemahiran untuk

membuat analisis data atau maklumat yang hendak dikritisnya dengan cara membuat perbandingan, membezakan kepentingan, menyusun atur, mengelaskan dan juga mengenal pasti sebab dan akibatnya. Pendekatan sebegini dapat membimbing seorang pemikir untuk meneliti sesuatu masalah dengan tepat.

Seterusnya, pembelajaran dan pengalaman yang ditimba membolehkan seseorang individu untuk menilai hujah-hujah yang dikemukakan oleh orang lain. Kemahiran untuk menganalisa sesuatu pendapat mahupun idea dengan menggunakan kemahiran berfikir secara kritis mampu menjadi asas yang kukuh untuk membuat kritikan. Malahan, kita akan berupaya untuk berhujah dengan berkesan berdasarkan idea-idea yang bernas yang telah diperolehi dengan pengalaman diri seseorang. Hakikatnya, pembelajaran, pengetahuan yang sedia ada dan pengalaman yang dimiliki membantu seseorang lebih kritis dan peka serta cekap dalam mengkaji sesuatu pendapat mahupun pernyataan yang dikeluarkan secara pengucapan atau pun penulisan.

### **2.4.3 Teori Penaakulan Moral Kohlberg**

Lawrence Kohlberg ialah pengasas kepada Teori Penaakulan Moral. Beliau telah dilahirkan pada 25 Oktober 1927 di Bronxville, New York dan menamatkan pengajian peringkat ijazah di Universiti Chicago. Beliau mengambil masa yang lama untuk membuat kajian tentang pandangan kanak-kanak dan orang dewasa tentang isu moral dan akhir sekali menghasilkan Teori Penaakulan Moral.

Teori Kohlberg dikembangkan berasaskan perkembangan kognitif dalam Teori Piaget (Lester, 1997, dalam Woolfolk, 1997 : 319-330). Dalam kajiannya, beliau telah mengemukakan dilema moral dalam usaha mendapatkan pandangan dan sikap kanak-

kanak, remaja dan orang dewasa tentang nilai-nilai moral. Dilema moral merupakan cerita atau hipotesis yang dicipta dan bukannya berasaskan kisah benar. Responden telah diperdengarkan tentang dilema Heinz dan ditanya pendapat mereka tentang tindakan Heinz. Dilema moral Heinz adalah seperti berikut:

*“In Europe a woman was near death from a special kind of cancer. There was one drug that the doctors thought might save her. It was a form of radium that a druggist in the same town had recently discovered. The drug was expensive to make, but the druggist in the same town had recently discovered. The drug was expensive to make, but the druggist was charging ten times what the drug cost him to make. He paid \$200 for the radium and charged \$2,000 for a small dose of the drug. The sick woman’s husband, went to everyone he knew to borrow the money, he could only get together about \$1,000....He told the druggist that his wife was dying and asked him to sell it cheaper or let him pay later. But the druggist said: “No, I discovered the drug and I am going to make money from it.” So Heinz got desperate and broke into the man’s store to steal the drug for his wife. Should the husband have done that?”*

*(Sprinthall, Sprinthall & Oja, 1998 : 194)*

Kohlberg telah mengemukakan hipotetikal moral atau cerita tersebut kepada responden kajiannya. Kohlberg mendapati gerak balas responden bukan sahaja berbeza dari segi peringkat umur tetapi juga berbeza alasan mengenai tindakan yang perlu diambil. Pada tahun 1958 melalui hasil kajiannya, Kohlberg telah membahagikan peringkat perkembangan moral kepada tiga peringkat yang utama dan setiap peringkat dipecahkan kepada dua tahap.

Peringkat Prakonvensional merupakan tahap pertama yang dibincangkan dalam Teori Kohlberg. Dalam peringkat ini, kanak-kanak prasekolah, kebanyakan murid sekolah rendah, sebilangan murid sekolah rendah menengah dan sebilangan daripada pelajar sekolah menengah atas. Peringkat ini dapat dibahagikan kepada dua tahap iaitu Tahap 1: Orientasi Dendaan dan Kepatuhan dan Tahap 2: Tahap Ganjaran Peribadi.

Orientasi peringkat ini sangat mudah, iaitu orang yang berkuasa akan menetapkan siapa betul dan salah. Sprinthall, Sprinthall dan Oja (1998 : 194), mengatakan prinsip moral adalah berdasarkan 'Ikan Besar makan Ikan Kecil' atau '*Survival of the fittest*'. Moraliti di peringkat ini juga terbentuk berasaskan kepada prinsip hedonism, iaitu mengelak daripada kesakitan atau dendaan. Kanak-kanak mengandaikan bahawa pihak yang berkuasa menurunkan peraturan tetap yang perlu dipatuhi tanpa perlu dipersoalkan.

Tahap 2 menerangkan falsafah yang mendasari orientasi peringkat ini ialah sekiranya seseorang itu berbuat baik maka individu itu akan dibalas dengan kebaikan. Peringkat ini juga dikenali sebagai *utilitarian hedonism*, iaitu seseorang menilai untuk melakukan sesuatu berdasarkan keinginan untuk mendapatkan ganjaran atau balasan baik. Tindakbalas yang selesa diertikan sebagai tidak baik. Konsep keadilan pada kanak-kanak di peringkat ini ialah semua orang perlu mendapat peluang yang sama rata.

Peringkat kedua iaitu peringkat konvensional di mana kanak-kanak sekolah rendah (tahun 5 dan tahun 6), sebilangan pelajar sekolah menengah rendah dan kebanyakan pelajar menengah atas. Peringkat ini dibahagikan kepada dua tahap, iaitu Tahap 3: Harmoni antara peribadi (*Good Boy-Nice Girl*) dan Tahap 4: Orientasi Undang-undang dan Peraturan.

Dalam Tahap 3 orientasi unsur moral telah berubah kepada *social order* dan *social role taking perspective*, iaitu cuba membayangkan apa yang individu lain rasa sekiranya mengalami kejadian yang buruk. Kanak-kanak mula membayangkan perasaan orang lain. Di samping itu, unsur moral seseorang yang berada pada tahap ini dikatakan sudah boleh menerima norma masyarakat.

Orientasi Undang-undang dan Peraturan menjelaskan bahawa individu biasanya merujuk kepada norma-norma masyarakat, peraturan dan undang-undang sebagai sesuatu yang muktamad dan semua orang mestilah mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Orientasi juga merujuk kepada kesanggupan untuk melakukan sesuatu tanggungjawab dalam masyarakat dengan mematuhi segala peraturan yang sedia ada dan ini akan membantu untuk membawa keharmonian kelompok.

Akhir sekali, peringkat Poskonvensional di mana ianya menekankan elemen yang penting. Tahap pemikiran moral ini jarang terdapat dalam kalangan pelajar iaitu sebelum mereka mencapai umur 20 tahun. Kebiasaannya, tahap pemikiran sebegini menjadi asas kepada pelajar universiti dan juga golongan individu yang memperjuangkan sesuatu prinsip kehidupan. Peringkat ini dibahagikan kepada dua tahap, iaitu: Tahap 5. Orientasi Kontrak Sosial dan Tahap 6: Orientasi Prinsip Etika Sejagat.

Dalam tahap kontrak sosial, pemikiran moral dikaitkan dengan usaha-usaha mempertahankan hak asasi, nilai-nilai moral dan sebarang kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh masyarakat. Berdasarkan pendapat undang-undang dan peraturan yang digubal adalah sangat fleksibel dan diubahsuai pada masa hadapan berdasarkan norma masyarakat pada masa hadapan.

Berdasarkan Tahap 6, iaitu prinsip etika sejagat ianya dianggap sebagai peringkat yang tertinggi dalam pemikiran moral seseorang kerana ia melibatkan soal falsafah tentang moral itu sendiri. Individu pada peringkat ini selalunya mempertikaikan dan sering mempersoalkan tentang nilai dan norma. Anggapan yang betul akan

ditentukan berdasarkan prinsip pilihan sendiri di mana ianya sesuai untuk semua golongan masyarakat dan diterima pada semua masa dan keadaan. Prinsip keadilan, persamaan hak dan menghormati maruah individu merupakan antara aspek-aspek yang penting dalam prinsip etika sejagat. Oleh itu, semua orang harus mematuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan dan dilarang untuk menggunakannya ke arah matlamat yang tidak adil.

Terdapat dua ciri penting mengenai peringkat-peringkat perkembangan moral Kohlberg pada tahap ini. Pertamanya, mengenai urutan perkembangan moral iaitu peringkat-peringkat perkembangan moral adalah berbentuk urutan yang tidak varian dalam perkembangan individu. Keduanya, urutan ini adalah sejagat, tidak kira negeri dan juga jantina.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, penyelidik menghubungkan Teori Penaakulan Moral dan pemikiran kritis masyarakat India berdasarkan karya Tirukkural dengan menjelaskan bahawa perkembangan yang berlaku dalam mengamalkan nilai-nilai moral menyebabkan seseorang individu akan berfikir matang, berilmu, berdisiplin dan juga berwawasan. Penaakulan moral yang matang juga sangat penting kerana pemikiran yang rasional memudahkan pembelajaran dan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja.

Dalam kajian ini, penyelidik memberi fokus kepada tahap Poskonvensional di mana ianya menekankan tentang Orientasi Kontrak Sosial dan Orientasi Prinsip Etika Sejagat. Dengan mendalami nilai-nilai moral yang terdapat dalam karya Tirukkural, maka individu akan akur bahawa undang-undang dan peraturan diperlukan untuk memelihara ketenteraman masyarakat. Ini akan mendorong individu untuk berfikir lebih

kritis dan hasilnya mereka dapat menilai undang-undang yang ditetapkan berdasarkan hak individu. Kemampuan untuk mengubahsuai undang-undang dan peraturan dapat dikuasai dengan sempurna oleh individu tersebut.

Perubahan yang progresif ke tahap yang lebih kompleks yang tidak boleh diterbalikkan, maka perkembangan moral membayangkan andaian bahawa karya Tirukkural mampu menjana pemikiran kritis seseorang. Pada masa yang sama, mereka tidak akan melakukan sesuatu yang bercanggah dengan moral manusia malahan isi kandungan yang meliputi makna yang mendalam itulah yang akan membentuk jiwa, moral dan akhlak seseorang manusia.


Kohlberg juga menyarankan bahawa setiap individu mesti melalui urutan proses ini dari peringkat rendah ke peringkat tertinggi dalam perkembangan moral mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dapat mencapai peringkat tertinggi dalam perkembangan moral (Woolfolk, 1979 : 319-330).

## **2.5 Kerangka Teorikal Kajian**

Berdasarkan penerangan tentang karya agung Tirukkural dan pemikiran kritis, pengkaji dapat mengkaitkan teori-teori Kognitif Vygotsky, Teori Konstruktivisme serta Teori Kohlberg dalam satu kesinambungan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2. Teori Vygotsky digunakan sebagai asas untuk mengukuhkan pernyataan masalah kajian di mana Vygotsky menyarankan pengetahuan sedia ada yang kukuh sangat penting untuk pembinaan ilmu baru. Teori Konstruktivisme pula dijadikan panduan untuk melihat sejauh manakah masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia memiliki pengetahuan sedia ada berdasarkan Tirukkural ke arah pemerolehan ilmu baru serta



amalannya dalam kehidupan seharian. Manakala Teori Kohlberg digunakan sebagai panduan untuk melihat kesan teks *Tirukkural* yang menyaranakan pemikiran kritis terhadap pengukuhan dan pengamalan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian masyarakat India Malaysia.



Rajah 2.2: Kerangka Teorikal Kajian

## 2.6 Kajian Berkaitan Isu-Isu Masyarakat India Di Malaysia

Isu-isu sosial masyarakat India di Malaysia biasanya dibincangkan melalui karya-karya sastera seperti cerpen, novel dan puisi. Sasterawan yang menghasilkan karya-karya ini menjelmahkan isu-isu sosial ini dengan lebih efektif dari perspektif rakyat jelata. Maka kajian-kajian tentang karya-karya Sasterawan tempatan memberi maklumat yang lebih jitu tentang isu-isu sosial masyarakat India di Malaysia. Berikut merupakan beberapa kajian tentang sasterawan tempatan berkaitan dengan isu sosial yang menggambarkan daya pemikiran masyarakat serta masalah-masalah kaum India di negara kita.

Ilampuranan (2015), mengkaji tentang masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia dan mengkaji kerelevanan di antara masalah sosial dengan keadaan kehidupan sebenar masyarakat India dalam cerpen A.Nagappan. Beliau mengkaji cerpen-cerpen A.Nagappan berpandukan teori Sosiologi Sastera. Hasil kajian menunjukkan beberapa masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Antara masalah sosial yang digambarkan dalam cerpen-cerpen tersebut adalah kemiskinan, keciciran pendidikan, kepimpinan, penghambaan, keruntuhan moral, kesihatan dan pengaruh alkohol. Secara keseluruhannya, beliau mendapati cerpen A.Nagappan mencerminkan kehidupan sebenar yang pernah dilalui oleh masyarakat India di negara ini. Bagi mengatasi masalah sosial ini pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan oleh kerajaan umpamanya peruntukan khas untuk pemulihan status ekonomi dan kepelbagaian peluang pendidikan di semua peringkat pengajian untuk semua kaum. Sehubungan itu, melalui kajian ini diharapkan pelbagai isu lagi akan terus dikaji demi kesejahteraan semua rakyat di negara ini.

Komathy (2015), mengkaji tentang masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam cerpen M.Ramaiah. Kajian ini bertujuan mengenalpasti masalah sosial yang dipaparkan serta menilai kesesuaian masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah dengan cara kehidupan moden masyarakat India di Malaysia. Kajian ini mengenalpasti 24 jenis masalah sosial daripada 38 buah cerpen yang telah dipilih bagi tujuan penyelidikan. Masalah berkaitan dengan sosial mencatat tahap yang paling dominan iaitu 54 peratus. Melalui kajian ini juga didapati sebanyak 63 peratus masalah sosial masih ketara dan 37 peratus masalah kurang ketara dalam kalangan masyarakat India. Cerpen-cerpen M.Ramaiah berjaya mencerminkan masalah sosial sebenar yang dialami oleh masyarakat India di Malaysia. Kajian ini mendedahkan pelbagai dilemma serta permasalahan yang berlaku dalam masyarakat India dengan harapan dapat mengubah situasi dan menghulurkan bantuan serta perhatian kepada masyarakat India demi mengurangkan beban masalah sosial yang dihadapi.

Penelitian Riina (2015), terhadap karya-karya N.Mageswari yang berfokuskan imej wanita India dan struktur sosial mereka di negara ini menunjukkan bahawa kaum wanita masyarakat India masih lagi kurang memiliki tahap sosiologi yang optimum. Penulisan N.Mageswari mencerminkan wanita India di Malaysia masih lagi gagal menerajui kehidupannya sendiri tanpa bergantung kepada orang lain seperti suami dan ahli keluarga. Beliau juga menyatakan bahawa kebolehan menyelesaikan masalah dan konflik dalam kehidupan seharian masih lagi rendah dalam kalangan wanita India. Faktor-faktor inilah yang mendorong mereka gagal dalam kehidupannya serta membuat keputusan membunuh diri alam remajanya. Selain daripada itu, peniruan imej dan gaya pelakuan-pelakuan filem Tamil juga salah satu punca mereka kurang berfikir secara matang dan menentukan halatuju kehidupannya.

Selain daripada karya-karya sastera, terdapat juga kajian-kajian yang membincangkan isu-isu masyarakat India di negara kita. Antaranya, Rajenthiran (2013), membincangkan isu-isu mempelajari Bahasa Tamil di sekolah rendah dan menengah. Beliau mengutarakan faktor-faktor penghalang dalam pembelajaran dan pengajaran yang efektif. Antara penyebab pelajar-pelajar India gagal mengikuti kelas Bahasa Tamil adalah teknik pembelajaran dan pengajaran yang kurang menarik. Guru-guru Bahasa Tamil perlu berusaha meningkatkan kaedah-kaedah pedagogi yang berkesan mengikut trend zaman sekarang. Selain itu, penyingkiran mata pelajaran Bahasa Tamil juga menjadi faktor penghalang dalam kegagalan mengambil mata pelajaran tersebut. Para pelajar kurang menganalisis kelebihan serta keperluan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Beliau mencadangkan pelajar-pelajar perlu didedahkan untuk berfikir secara kritis dalam menangani isu-isu bahasa. Tindakan ini boleh membantu meningkatkan daya pemikiran pelajar-pelajar ini untuk menghadapi cabaran hidup serta penyelesaian masalah yang berkesan dalam kehidupan sehariannya.

Kajian bertajuk Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru telah dijalankan oleh Elangko (2015). Kajian ini menganalisis kedudukan sosioekonomi masyarakat India dalam jangka masa sebelum dan selepas pelaksanaan DEB. Penyelidikan ini juga dilaksanakan dalam ruang lingkupan matlamat serampang dua mata DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa DEB kurang berjaya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat India kerana dalam proses pelaksanaan DEB, masyarakat India terlalu jarang dibawa bersama-sama dengan etnik-etnik lain untuk menikmati faedah pembangunan ekonomi dalam arus pembangunan nasional. Kedudukan sosioekonomi kaum India bertambah merosot semasa dan selepas DEB berbanding kaum-kaum lain di

Malaysia. Kadar kemiskinan tegar kaum minoriti India di Bandar dan luar Bandar juga kekal statik meskipun tamat tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang 2. Taburan dan corak guna tenaga kaum India dalam sektor dan jenis-jenis pekerjaan juga tidak menggambarkan komposisi mereka dalam kependudukan Malaysia. Kadar pemilikan ekuiti dan modal saham syarikat berhad milik kaum India bukan sahaja tidak berganjak dalam tempoh DEB tetapi merosot dalam tahun-tahun selepasnya berbanding dengan etnik-etnik lain. Ini menyebabkan kaum minority India ketinggalan jauh dalam banyak aspek kehidupan berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Amy (2015), melihat kesan migrasi masyarakat India dari bandar ke luar bandar dan impaknya terhadap sosioekonomi. Kajian ini dilakukan di daerah Petaling Jaya Negeri Selangor. Hasil kajian menunjukkan perpindahan ini disebabkan oleh peluang pekerjaan dan gaji yang lumayan di sektor perindustrian. Kebanyakan migrasi ini mendirikan penempatan di tanah milik kerajaan dalam satu keadaan yang kurang selesa. Apabila pembangunan negara mengambil alih tanah-tanah kerajaan ini, mereka dipindahkan ke rumah-rumah pangsa. Faktor kediaman yang tidak kekal ini telah mewujudkan pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat India walaupun dapat meningkatkan taraf sosioekonominya. Dari aspek moral pula didapati terdapat kemerosotan dari segi hubungan kekeluargaannya dan semangat kekitaan. Ini berpunca dari kegairahan mereka mencari pendapatan yang tinggi tanpa mengira masa. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mencadangkan bahawa usaha untuk mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan nilai-nilai moral serta tahap sosial yang sihat perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera. Pembentukan modal insan yang diharapkan oleh negara tidak mungkin tercapai dengan kekayaan dan harta benda.

Ganesan (2013), menyelidik bagaimana aspek latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep sendiri murid serta aliran sekolah mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah. Menerusi kajian ini beliau mencadangkan beberapa langkah dan strategi untuk mengurangkan masalah pencapaian akademik yang melibatkan keluarga terhadap murid India di sekolah menengah rendah. Dapatan kajian menunjukkan aspek latar belakang keluarga iaitu pendidikan ibu bapa, ketiadaan bapa di rumah, struktur keluarga, stail keibubapaan dan motivasi dari kalangan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik murid. Penglibatan golongan dewasa dalam struktur keluarga dan mengawasi pergerakan anak-anak membantu dalam pembelajaran anak-anak. Hasil kajian memperlihatkan penglibatan langsung dan tidak langsung ibu bapa terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah. Pembentukan konsep sendiri murid iaitu matlamat atau cita-cita, penguasaan 3M, pencapaian sekolah rendah, masalah disiplin, tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran, keinginan untuk belajar dan bertanya di dalam kelas serta hiburan turut mempengaruhi pencapaian akademik murid India sejak dari tahap menengah rendah. Ini membuktikan keluarga harus memainkan peranan yang penting dalam pembinaan sahsiah diri sejak bangku sekolah lagi. Tumpuan ini akan meningkatkan tahap pemikiran mereka ke arah penyelesaian masalah yang berkesan mengikut situasi dan keperluan semasa. Ini akan meningkatkan kemahiran berdikari dalam kalangan generasi muda masyarakat India.

Karthegees (2015), menyelidik kes bunuh diri dalam kalangan masyarakat India di Sungai Petani, Kedah untuk mengenal pasti punca-punca berlakunya masalah tersebut. Kajian ini telah berfokuskan kes-kes yang berlaku dari tahun 2009 hingga 2012. Tinjauan ini memberi maklumat berkenaan 29 kes bunuh diri yang berlaku di sekitar bandar Sungai Petani, Kedah. Maklumat mengenai kes ini telah diperolehi

daripada ahli keluarga dan juga rakan-rakan mangsa bunuh diri. Kajian menunjukkan bahawa masalah cinta dan konflik keluarga merupakan punca utama kes ini berlaku. Di samping itu, kelayakan akademik dan pegangan agama yang rendah turut menjadi punca tersirat dalam kes ini. Kes bunuh diri yang berpunca daripada tekanan jiwa yang tinggi perlu dielakkan melalui tindakan yang drastik. Kajian ini juga menyarankan bahawa bunuh diri bukanlah pilihan terbaik apabila berhadapan dengan konflik. Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik berpendapat bahawa masyarakat India Malaysia gagal berfikir secara waras dan kritis apabila menghadapi sesuatu konflik dalam hidup. Berfikir secara rasional dengan menganalisis sebab dan akibat sesuatu tindakan seperti bunuh diri boleh dikurangkan.

Jagathan Naidu (1996), telah mengkaji implikasi DEB terhadap masyarakat India di Malaysia. Tinjauan yang dilakukan oleh beliau membuktikan bahawa DEB memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat India di Malaysia. Mengikut ulasan beliau, kediaman mereka di ladang dan kawasan setinggan memberikan kesan terhadap pendidikan anak-anak mereka yang menyebabkan pencapaian akademik yang rendah dan kadar keciciran yang tinggi. Tanpa pendidikan yang sempurna, mereka tidak meningkatkan taraf hidup keluarga mereka dan terus menyambung pekerjaan ibubapa mereka dengan pendapatan yang rendah dan tidak konsisten. Bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di luar negeri adalah terhad kerana keluarga mereka yang miskin dan kesukaran mendapat biasiswa dari pelbagai pihak termasuk kerajaan.

Dari segi masalah ekonomi, pertumbuhan pesat ekonomi negara tidak direbut oleh masyarakat India, terutamanya mencari peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta. Walaupun terdapat mobiliti sosial daripada luar bandar ke bandar, terutamanya

di sektor pembuatan, kebanyakan pekerjaan yang dilakukan oleh mereka adalah kerja am. Pekerjaan jawatan tinggi dan bergaji besar adalah sangat kurang di kalangan masyarakat India.

Keadaan ini masih lagi mengekalkan ikuiti masyarakat India dalam satu petarus sejak kemerdekaan. Ketiadaan peluang pekerjaan dan penglibatan dalam perniagaan yang sama rata juga meningkatkan kadar jenayah dalam kalangan masyarakat India. Ini bermakna kerajaan harus memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India di Malaysia supaya rasa ketidakpuas hatian terhadap sistem yang sedia ada dapat dikurangkan sekaligus mengurangkan isu-isu semasa yang mengganggu keamanan negara.

Rohana Man (2010), dalam rencananya dalam Utusan Malaysia melihat tentang peningkatan kes-kes jenayah dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Beliau mengkodkan Datuk Kamaruddin Md Ali, Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman sebagai sumber rujukan beliau. Masyarakat keturunan India yang sering terlibat dalam jenayah seperti gangsterisme, pergaduhan, rompakan dan pecah rumah, meletakkan kaum itu sebagai salah satu ancaman kepada keselamatan negara. Beliau berkata, antara faktor yang menyebabkan masyarakat India banyak terlibat dalam jenayah adalah kerana mengalami kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari estet ke bandar-bandar besar. Polis mengenal pasti tiga faktor utama lain yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah melibatkan masyarakat India di seluruh negara sejak 24 tahun lalu iaitu ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral serta pengangguran. Keadaan itu diperkukuhkan dengan jumlah pesalah berketurunan India sebanyak 316 orang atau 45 peratus daripada keseluruhan 702 pesalah yang kini ditahan di Penjara Simpang Renggam, Johor. Jumlah itu



menunjukkan pesalah berketurunan India ramai terlibat dalam jenayah jika dibandingkan dengan jumlah populasi sebenar masyarakat India di negara ini. Bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Mohd. Zaman Khan berkata kumpulan gengster India mampu bertindak ganas dan kejam berdasarkan beberapa kes yang berlaku sekitar tahun 1980-an. Berbanding gengster kaum lain, katanya kumpulan samseng yang dianggotai kaum India sering bertindak kejam terhadap mangsa termasuk melakukan pembunuhan yang tidak berperikemanusiaan. Contoh kekejaman yang pernah dilakukan oleh kumpulan gengster India yang pernah mendapat liputan meluas media pada sekitar tahun 1990-an adalah Bentong Kali yang melakukan rompakan dan membunuh mangsa.

Di samping itu, Profesor Madya Dr. Sivamurugan Pandian (dalam Rohana Man, 2010) berkata, faktor ekonomi dan sosial dikenal pasti menjadi punca utama kenapa belia India banyak terlibat dalam kegiatan gengsterisme. Menurutnya, kebanyakan belia India yang terlibat dalam kegiatan gengster berasal dari keluarga pekerja ladang yang tahap ekonominya rendah. Sivamurugan menegaskan, jika kerajaan mahu mengatasi masalah gengsterisme yang melibatkan belia India, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengatasi masalah sosial dan ekonomi masyarakat India terutama pekerja ladang yang masih berada pada tahap yang rendah. Menurutnya, kedudukan ekonomi yang rendah itulah yang memaksa belia India mudah terjebak dengan kegiatan samseng dan apabila mula terlibat, mereka menjadi begitu taksud terhadap kumpulan. Beliau menganggap isu gengsterisme dalam kalangan belia India hari ini begitu kronik dan berada pada tahap yang membimbangkan. Beliau juga mahu pelbagai pihak berikhtiar dan berusaha membantu menyelesaikan masalah tersebut. Ini termasuklah pertubuhan bukan kerajaan, parti politik, kementerian berkaitan dan polis yang diharap dapat menggerakkan usaha demi menyedarkan masyarakat India bahawa kerajaan ada

menyediakan kemudahan seperti latihan dan kursus jangka pendek untuk membangunkan ekonomi mereka. Menurutnya, peranan ibu bapa keluarga India di ladang juga mesti dipertingkatkan untuk memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dalam kegiatan samseng. Antara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah mengawal anak-anak agar tidak terlalu kerap menonton filem-filem Tamil yang mempromosikan arak, seks bebas dan gengsterisme.

Berdasarkan kesemua pandangan pengkaji-pengkaji di atas, penyelidik dapat merumuskan bahawa pelbagai faktor seperti politik, ekonomi, sosiobudaya memainkan peranan yang penting dalam kemerosotan akhlak masyarakat India di Malaysia. Walaupun rakyat Malaysia diwajibkan mengikuti pendidikan sekolah rendah hingga ke sekolah menengah, mereka masih lagi gagal menguasai kemahiran berfikir secara berkesan untuk melaksanakan kehidupan yang serba sempurna. Kelemahan berfikir secara rasional dan kritis menyumbang ke arah pelbagai masalah sosial yang dihadapi pada masa sekarang. Kesemua kajian ini telah membantu penyelidik memfokuskan tunjang utama kajian ini iaitu sejauh manakah pemikiran kritis berpandukan teks Tirukkuraḷ membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat India di Malaysia.

## **2.7 Kajian Lepas Berkaitan Tirukkuraḷ**

Dalam kajian yang bertajuk ‘Amalan nilai-nilai murni yang unggul dalam karya Tirukkuraḷ’ oleh Mohan Kumar (2014), berpendapat bahawa karya Tirukkuraḷ kaya dengan nilai-nilai keunggulan yang bermakna. Walaupun nilai keunggulan pada umumnya dikaitkan dengan ciri-ciri agama tetapi kuplet-kuplet Tirukkuraḷ juga mempunyai nilai-nilai keunggulan universal yang melibatkan kemuliaan hidup seseorang insan. Nilai-nilai murni yang unggul karya Tirukkuraḷ tidak memberi

sebarang penjelasan khusus tentang kemuliaan sesebuah agama tertentu malah penekanannya ditujukan semata-mata kepada kemuliaan hidup seseorang insan mengikut tatacara yang suci. Dalam memahami fenomena sosial masyarakat, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam penerangannya. Kajian keseluruhannya menekankan kepada penghasilan makna secara berfokus dan mendalam kuplet-kuplet Tirukkuraḷ. Analisis kajian pula digambarkan secara penghuraian interpretasi naratif. Sebanyak empat puluh dua nilai etika umum dijadikan sebagai sampel dalam hasil perbincangan pengkaji ini. Segala nilai etika tersebut difokuskan kepada nilai kengggulan suci yang digarapkan melalui karya Tirukkuraḷ.

Annadurai (2015) menjalankan kajian tentang implikasi pembelajaran Tirukkuraḷ dalam kurikulum Bahasa Tamil di Malaysia terhadap pembentukan insan holistik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran Tirukkuraḷ memberi impak yang sederhana ke arah pembentukan insan yang holistik. Walaupun masyarakat India mempelajari Tirukkuraḷ dari sekolah rendah sehinggalah pengajian tinggi, kemahiran menginterpretasi, menghurai secara kritis intipati kuplet-kuplet Tirukkuraḷ masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Beliau berpendapat bahawa kekurangan ini wujud disebabkan oleh kelemahan individu dari segi mengkaji sebab dan akibat sesuatu masalah untuk menyelesaikannya secara berkesan.

Rajendran (1986), dalam karyanya *Tirukkuraḷil camutāyak kūrukaḷ* (Unsur-unsur sosial dalam Tirukkuraḷ) mendefinisikan sosial sebagai hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan. Dalam kajiannya, beliau telah menganalisis setiap kuplet yang terkandung dalam Tirukkuraḷ dan keberkesanannya dalam mewujudkan unsur-unsur sosial yang positif. Hasil kajian ini memberikan perincian tentang perkara-perkara yang perlu dijauhi oleh manusia. Antara perlakuan positif yang dikemukakan

adalah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu terhadap masyarakat, sifat-sifat buruk yang harus dijauhi oleh seseorang, memberi nasihat, menjauhi diri dari mengumpat, menjauhi diri dari meminati isteri orang lain, menjauhi diri dari mencuri, mementingkan kebenaran, menjauhi diri dari melakukan perbuatan jahat, menjauhi diri dari minum tuak, penolakan daging, menjauhi diri dari iri hati dan menjauhi diri dari pelacur. Pengkaji menekankan kepentingan menjauhi perlakuan yang tidak bermoral dengan berpandukan karya Tirukkural. Beliau juga telah menganalisis bagaimana Tirukkural menggambarkan sifat-sifat positif yang perlu dijadikan panduan kehidupan masyarakat. Antaranya ialah kepentingan mempraktikkan sifat ikhlas dan kejujuran sesama manusia bukan hanya dalam ucapan tetapi juga dalam perbuatan. Beliau menekankan masyarakat perlu berhujah tentang baik buruk sesuatu perkara seperti yang disarankan dalam Tirukkural.

Karya kritikan yang berfokuskan ‘*Nāmakkaḷ kavīṅṅariṅ Tirukkural tēlivurai ōr āyvu*’ (Penjelasan Tirukkural oleh *Namakkal Kavignyar*) oleh Rathakrishnan pada tahun 1992 di Universiti Annamalai telah berjaya mencungkil kelebihan pengertian Namakkal Kavignyar. Pembicaraan beliau telah dibandingkan dengan pengertian-pengertian ilmuwan yang lain seperti Parimelalagar, Varatharasan dan Karunanithi mengenai Tirukkural. Dalam kritikan tersebut pengkaji telah berjaya meneliti dan membuktikan pengertian Tirukkural oleh Namakkal Kavignyar yang tidak mempunyai sebarang percanggahan dengan pengertian ilmuwan terdahulu serta membantu dalam penginovasian. Mengikut pengkaji, Namakkal Kavignyar telah mengupas maksud Tirukkural dengan lebih kritis dan mendalam. Pandangan kritikan Namakkal Kavignyar dalam pengolahan maksud amat mendalam serta membolehkan pembaca dapat menghayati kuplet Tirukkural dengan lebih berkesan. Malah pengkaji juga telah menganalisis pengertian Tirukkural oleh Namakkal Kavignyar yang bersesuaian

dengan perkembangan masa. Selain itu, beliau juga telah menganalisis penerapan pemikiran Gandhisme dalam pengertian Namakkal Kavignyar.

Ramachandran (1977), telah meneliti '*Tirukkuralil maṇitap potumai nalam*' (Prinsip akhlak dalam karya Tirukkural). Tirukkural merupakan karya prinsip-prinsip etika dan moral yang menyeluruh. Selaras dengan itu, kajian ini lebih berfokuskan prinsip akhlak dan moral yang terdapat dalam Tirukkural dan perlu dipatuhi oleh manusia. Moral dapat didefinisikan sebagai tingkah laku yang sejajar dengan tatasusila dan peraturan masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji telah menekankan kepentingan prinsip moral dalam pembentukan insan kamil dan juga lapisan masyarakat yang berakhlak. Akhlak merupakan asas pembentukan masyarakat yang cemerlang, aman dan makmur. Bagi mencapai akhlak tersebut terlebih dahulu pembentukan akhlak individu diutamakan. Hal ini kerana, individu berakhlak dan progresif yang menentukan masyarakat yang sejahtera. Hal-hal ini telah dibincangkan secara mendalam dalam Tirukkural. Pengkaji telah membincangkan kuplet-kuplet Tirukkural secara kritis bagi membuktikan tatacara kehidupan manusia yang berakhlak mulia.

Dalam pada itu, kajian '*Tirukkuralil tamilar paṇpātu*' (Pendedahan budaya Tamil dalam Tirukkural) juga mengutarakan tanggungjawab seorang individu terhadap masyarakat. Kajian ini telah dilakukan oleh Muthusamy (1981) di Chennai. Kajian ini menganalisis karya Tirukkural yang mencerminkan peranan yang perlu dimainkan oleh seseorang individu. Dalam kajian ini, beliau menekankan peri pentingnya tanggungjawab individu yang memainkan peranan efektif dalam kehidupan sosial seperti mencari nafkah, menjaga keluarga, memelihara dan membesarkan anak-anak, serta melibatkan diri dalam kebajikan social secara kritis. Pengkaji telah menjelaskan secara lebih mendalam mengenai peranan Tirukkural yang membicarakan seorang

individu harus sedar akan peranan dan kedudukannya dalam kelompok masyarakat serta berusaha untuk melaksanakannya.

Kajian yang dilakukan oleh Ravindrakumar (1971), iaitu '*Tiruvalluvarum kamparum ōr oppiyalāyvu*' merupakan satu analisis perbandingan tahap pemikiran di antara Tiruvalluvar dan Kambar, dua penyair termasyur Tamil. Kehidupan golongan petani tidak begitu menyerlah dalam zaman Kambar. Namun, Kambar sedar akan kepentingan golongan petani yang merupakan asas kepada kehidupan. Oleh kerana, Kambar hidup dalam zaman pertengahan (*Bakti*) beliau lebih memberikan fokus kepada Karya Ramayana. Akan tetapi, Kambar sempat merekodkan keunggulan Marutam - kawasan pertanian yang subur, raja-raja dan petani dalam karyanya. Pujangga tersebut juga telah menghasilkan karya "*Ēr elupatu*" yang memaparkan kelebihan golongan petani. Seperti yang telah diperkatakan di atas, pangkaji telah berjaya membandingkan aspek-aspek pemikiran kritis dan kreatif yang terdapat dalam kedua-dua karya ciptaan Tiruvalluvar dan Kambar.

Kajian oleh Velu (1979), yang bertajuk '*Tirukkuṛaḷ kauṭīlāyam oppāyvu*' (Analisis perbandingan di antara Tirukkuṛaḷ dan *Kauṭīlāyam*) membincangkan bahawa karya Sanskrit merupakan terjemahan daripada karya klasik Bahasa Tamil. Karya Bahasa Tamil menjadi akar tunggal kepada penciptaan karya-karya yang lain. Pengkaji juga telah menganalisis kandungan *Kauṭīlāyam* yang mengandungi intisari Tirukkuṛaḷ yang mengutamakan pemikiran kritis.

Selain itu, kajian yang bertajuk '*Tirukkuṛaḷil uḷḷa carvatēca marṛum uḷnāṭṭuc caṭṭak kūrukaḷ*' (Elemen perundangan dalam negara dan antarabangsa yang terdapat dalam Tirukkuṛaḷ) oleh Rajendran (1998), telah memberikan perincian bahawa

Tirukkural merupakan buku perundangan. Tirukkural adalah karya etika yang disanjung tinggi kerana kewibawaan ajarannya yang bersifat universal. Tirukkural sarat mengandungi nilai-nilai moral, etika, kasih sayang, pengetahuan, dan bersifat subjektif. Dalam kajiannya pengkaji telah menganalisis undang-undang masyarakat Tamil yang terdapat dalam Tirukkural kearah penyelesaian masalah dengan baik. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa undang-undang zaman sekarang adalah intipati daripada undang-undang Tirukkural yang berusia 2000 tahun.

Kajian yang bertajuk '*Piraturai nōkkil Tirukkural*' (Tirukkural dalam pelbagai bidang) oleh Sellammal (1999), menganalisis penerapan Tirukkural dalam pelbagai bidang darisegi menentukan sebab dan akibat, mencirikan sesuatu fakta dan membuat inferens sebelum menyelesaikan sesuatu masalah. Contohnya, dalam bidang sosiologi, psikologi, komunikasi, penterjemahan, pendidikan, dan perubatan. Kajian ini juga telah berjaya membicarakan bagaimana setiap bidang yang dibincangkan mempunyai hubungan dengan Tirukkural dan kehidupan seharian manusia.

Devaraasu (2003), dalam kajiannya yang bertajuk '*Tirukkural kāmattuppālum kaṇṇatācan kavitaikaḷum*' (Bahagian kebahagiaan dalam Tirukkural dan sajak Kannathaasan satu bandingan) telah menganalisis koleksi intipati sajak Kannathaasan dan hubungannya dengan Tirukkural. Penguasaan sastera memainkan peranan yang dominan dalam penulisan kreatif. Penulis yang berkebolehan mampu memajukan ilmu kesusasteraan. Kannathaasan menyerlahkan gaya tersendiri dalam penulisannya. Selain itu, penulisannya juga mencerminkan cara kehidupan beliau dan orang sekeliling serta keadaan masyarakat. Beliau telah meneliti setiap perkara dalam kehidupan dan menjelaskannya secara terperinci. Sifat berperikemanusiaan, sifat kebajikan, baik dan

buruk, suka duka merupakan antara tema penulisan Kannathaasan. Pengkaji telah menghubungkan penulisan Kannathaasan dengan karya etika Tirukkural.

Balaji Uthayasankar (2005), dalam bukunya *Tirukkuralil tanimanita aramum camutāya aramum'* (Kebajikan individu dan masyarakat dalam Tirukkural). membuktikan bahawa karya etika Tirukkural amat sesuai dengan peredaran masa. Saranan daripada setiap kuplat Tirukkural menjelaskan kepentingan kebajikan individu dan masyarakat dalam setiap generasi. Karya etika Tirukkural bukan sahaja berfungsi sebagai karya kesusasteraan malah ia juga sarat dengan prinsip-prinsip etika dan moral yang bersifat holistik. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa Tirukkural patut dianalisis secara kritis dan dijadikan sebagai pedoman hidup.

Gaandhi (2007), dalam kajiannya bertajuk *Tirukkuralil camūkaviyal cintanaikal'* (Pemikiran Sosiologi dalam Tirukkural) menjelaskan bahawa institusi keluarga perlu diberikan keutamaan kerana ia merupakan asas kepada pembinaan bangsa yang proaktif seperti yang telah dicerminkan dalam Tirukkural. Kajian ini juga meneliti peranan individu dalam sistem kekeluargaan dalam menangani penyelesaian masalah. Setiap individu dilihat sebagai pencorak masyarakat yang bakal dibina. Oleh itu, setiap individu perlu hidup secara aman dan damai sesama mereka, serta mencurahkan kasih sayang untuk mengekalkan keluarga yang sejahtera. Nilai-nilai seperti mengenang budi, pembangunan masyarakat, menjauhi diri dari meminati isteri orang lain, ketakutan terhadap kelakuan jahat merupakan antara perkara yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian seseorang individu bagi menjamin kekukuhan institusi keluarga.



Penyelidikan '*Ara ilakkiya neriyil Tirukkuraliṅ paṅku*' (Peranan Tirukkural dalam kesopanan dan kesusilaan) pula membicarakan prinsip moral yang perlu diamalkan oleh setiap individu untuk menjalankan kehidupan yang sejahtera. Kajian ini telah dilakukan oleh Nadesan (2005), dari Universiti Annaamalai. Hasil kajiannya menerangkan norma dan nilai kehidupan yang perlu dipatuhi terutamanya dalam aspek individu, sosial, politik dan agama. Berdasarkan aspek yang telah diberikan di atas pengkaji telah mengklasifikasikannya kepada empat bahagian iaitu kehidupan rumahtangga, kehidupan rahib, kehidupan politik dan kehidupan am. Pengkaji telah menganalisis setiap aspek yang dinyatakan berpandukan Tirukkural.

Terjemahan sebuah karya unggul memerlukan pemikiran yang kritis dan kreatif. Karya Tirukkural telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa disebabkan kekayaan kandungannya. Kajian yang dijalankan oleh Ramasamy (1991), dari Universiti Chennai yang bertajuk '*Tirukkuralil āṅkilamoli molipeyarppil uḷḷa cikkalkal*' (Cabaran yang dihadapi dalam terjemahan Tirukkural ke Bahasa Inggeris) telah memberikan perincian mengenai cabaran yang dihadapi dalam proses terjemahan Tirukkural. Kajian ini membicarakan bagaimana terjemahan Tirukkural dalam Bahasa Inggeris mengekalkan keunggulan dan ketulenan kuplet Tirukkural. Selain itu, kajian ini juga telah berjaya menganalisis beberapa skop yang diberikan keutamaan dalam sesebuah terjemahan iaitu, maksud, ciri-ciri, gaya, dan sturuktur bahasa yang terdapat dalam teks asal.

Kajian seterusnya tertumpu kepada '*Tirukkuralum pirkāla nīti nūlkalum*' (Tirukkural dan karya moral terkemudian). Kajian ini telah dijalankan oleh Selambumani (2006) dari Universiti Madurai Kaamarasar. Kajian ini meneliti ajaran-ajaran yang terdapat dalam karya-karya unsur moral secara kritis. Kesusilaan, kekayaan, kesukaan dan *Mōṭcam* merupakan antara elemen yang perlu dikecapi oleh manusia

dalam kehidupannya. *Mōṭcam* hanya dapat dikecapi dalam kelahiran semula. Karya-karya yang menjelaskan tiga aspek mustahak yang perlu dicapai iaitu, *Aṛam* (kesusilaan), *Poruḷ* (kekayaan), dan *Inṭam* (kesukaan) dipanggil sebagai karya etika ataupun dikenali sebagai *Kīlkkāṇakku*. Karya tatabahasa seperti *Tolkāppiyam* dan *Pāṭṭiyal Paṇṇiru* memberikan penjelasan tatabahasa kepada karya *Kīlkkāṇakku*. Karya ini mangandungi sajak mengenai *Aṛam*, *Poruḷ*, *Inṭam* atau salah satu daripadanya dalam bentuk *Venṭpā Yāppu*. Hal ini demikian kerana penghuraian nilai-nilai moral secara ringkas dalam bentuk *Ōraṭi* (serangkap), *Īraṭi* (dua rangkap) dan *Nāṅkaṭi* (empat rangkap) telah menjadi kebiasaan dalam karya-karya moral. Ini menjadikan *Venṭpā Yāppu* sesuai dijadikan sebagai panduan tatabahasa bagi karya moral. Selain itu, sasterawan Tamil juga menggalakkan penyampaian etika moral dalam bentuk yang diringkaskan. Mereka berpendapat penjelasan panjang lebar akan menimbulkan kekeliruan. Selaras dengan itu, kajian ini telah menganalisis karya-karya moral terdahulu dan terkemudian yang mematuhi penjelasan ringkas. Pengajaran yang dibawah oleh kedua karya ini adalah sama tetapi *Tirukkuraḷ* mempunyai makna yang tersurat dan tersirat yang memerlukan pemikiran aras tinggi untuk menginterpretasikan.

Muthukumarasaamy (1990), meneliti *Tirukkuraḷ* dengan kajian 'Tiruvalluvar *vakutta putuneri ōr oppītu*' (Analisis perbandingan etika ajaran Tiruvalluvar) di Universiti Chennai. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Tiruvalluvar telah melakarkan satu garis panduan etika kehidupan. Etika ini membicarakan kebolehan seseorang dalam menyempurnakan sesuatu tugas dengan berperanan sebagai ahli sosiologi, tokoh agama, pendidik dan pakar ekonomi. Etika ini jelas menunjukkan bahawa seseorang akan mengharungi perjalanan yang lebih jelas sekiranya menjadikan *Tirukkuraḷ* sebagai pedoman hidup. Penyelidik melihat aspek-aspek sosiologi, rohani

dan ekonomi dalam Tirukkural secara kritis terutamanya berpusatkan elemen menilai hujah.

Nadesan (2007), pula meneliti ‘Tirukkuralil kalvic cintanaikal’ (Pemikiran pendidikan dalam Tirukkural) di Universiti Chennai. Kajian yang dilakukannya adalah tentang kepentingan pendidikan yang diterapkan dalam Tirukkural. Ilmuwan-ilmuwan diserata dunia mengibaratkan pendidikan dengan keperluan asas manusia seperti makanan, udara, dan cahaya matahari. Mereka berpendapat, pendidikan memainkan peranan dominan dalam kehidupan manusia seperti yang dimainkan oleh keperluan asas. Tiruvalluvar pula mengibaratkan pendidikan dengan penglihatan. Terdapat perbezaan di antara manusia dalam mendapatkan keperluan asas. Pengkaji menjelaskan pandangan Tirukkural yang menegaskan bahawa manusia mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang sama rata tanpa mengira status dan jantina. Pengkaji menggunakan pendekatan interpretasi dalam mentafsirkan kuplet-kuplet Tirukkural yang menyentuh unsur pendidikan.

Seterusnya, kajian oleh Saktivel (1987), dari Universiti Madurai Kaamarasar yang bertajuk ‘Tirukkuralum tirukaṭukamum’ (Tirukkural dan Tirukaṭukam) juga memperincikan nilai-nilai moral yang terdapat dalam kedua-dua karya tersebut. Kajian ini telah berjaya menganalisis perubahan yang berlaku dalam karya-karya tersebut semasa zaman peralihan (*Caṅkamaruviya kalam*). Struktur *Veṅpā* dalam Tirukkural dan *Tirikaṭukam* telah dianalisis. Tambahan pula, sistem perubatan dan kesihatan yang diterapkan dalam karya-karya tersebut juga telah dianalisis secara kritis.

Kajian yang dilakukan oleh Maria Alexander Iruthayaraj (2003), dari Universiti Madurai Kaamarasar dengan tajuk ‘Tirukkural maṇunerit tirunūl ōr oppāyvu’ (Analisis

perbandingan di antara Tirukkuraḷ dan karya *Maṇuṇeri*) menegaskan nilai-nilai moral yang terperap dalam karya *Maṇuṇeri* dan Tirukkuraḷ akan menjadikan kehidupan rakyat lebih sistematis. Karya etika sebegini melahirkan kematangan dalam diri selain membina masyarakat yang progresif dan mewujudkan hubungan yang sejahtera. Pematuhan kepada garis panduan karya-karya ini akan menghilangkan kedukaan sekaligus mewujudkan kehidupan yang aman. Hasil kajian juga telah menekankan nilai-nilai yang terdapat dalam Thirukkuraḷ dan *Maṇuṇeri* sesuai dengan peredaran masa dan keperluan semasa masyarakat.

Penyelidikan berasaskan Tirukkuraḷ turut dikaji oleh Sattiyam (1979), dari Univerisiti Chennai dalam tajuk '*Irupatām nūrrāṇṭil Tirukkuraḷ ārayccikaḷ vaḷarcci*' (Perkembangan penyelidikan Tirukkuraḷ pada abad ke-20). Dalam kajian tersebut, pengkaji telah menyatakan persamaan di antara Tiruvaḷḷuvar dengan cendikiawan Bahasa Tamil Ilakkuvanaar yang juga disanjung sebagai Tiruvaḷḷuvar moden. Pengkaji telah menjelaskan nasihat yang diberikan oleh Tiruvaḷḷuvar yang hidup pada zaman pemerintahan beraja sesuai dengan zaman pemerintahan demokrasi. Pengkaji juga telah berjaya menyatakan persamaan isi yang terdapat dalam penjelasan Ilakkuvanaar yang sesuai dengan keadaan semasa. Dalam masa yang sama kajian "Pengertian Tirukkuraḷ dalam abad ke-20" yang dijalankan oleh Thanabaakiyavathi (1989), dari Universiti Chennai juga menjelaskan pengertian Tirukkuraḷ dari pandangan Ilakkuvanaar. Hasil kajian membuktikan bahawa interpretasi Tirukkuraḷ oleh Ilakkuvanaar mempunyai gaya yang tersendiri dan amat mendalam mengenai pengertian Tirukkuraḷ.

Dalam melihat kajian-kajian lepas mengenai karya Tirukkuraḷ, terdapat juga beberapa buku hasil penulisan pakar-pakar dalam bidang kesusasteraan Tamil. Pandangan penulis-penulis ini terhadap interpretasi kuplet-kuplet dalam Tirukkuraḷ

agak berbeza mengikut zaman dan peredaran masa. Selain itu, penulis-penulis ini cuba menginterpretasikan makna Tirukkural secara mendalam darisegi pemikiran kritis, kreatif dan juga inovatif. Terdapat beberapa orang penulis hanya melihat makna tersurat dalam Tirukkural dalam penulisan mereka. Walaubagaimanapun, kebanyakan penulis cuba menggambarkan makna tersirat setiap kuplet Tirukkural secara kritis. Penyelidik ingin melihat sejauh manakah interpretasi penulis-penulis ini berbentuk kritis ke arah pemahaman yang lebih jitu terhadap kuplet-kuplet ini. Antara rujukkan yang telah dilakukan oleh penyelidik adalah seperti yang dibincangkan di bawah.

'Tiruvalluvar *allatu vāḷkkai viḷakkam*' yang dihasilkan oleh Varatharasan (2009), merupakan satu karya yang agak padat dengan maklumat yang jelas tentang Tirukkural. Memang tidak dapat dinafikan bahawa hasil penulisan ini memberi perincian tentang kehidupan sejahtera yang bakal dikecapi sekiranya seseorang individu mengamalkan nilai-nilai murni sepertimana yang disarankan oleh Tiruvalluvar. Pengarang buku ini telah membuktikan bahawa Tirukkural merupakan karya sastera terunggul dan tiada bandingannya dengan menyatakan realiti hidup yang agak sukar diterima oleh kebanyakan masyarakat kini. Pandangan kritis Varatarasan tentang kuplet-kuplet Tirukkural telah memberikan satu impak positif tentang penghargaan karya unggul ini.

Veramani (2009), merupakan seorang pengarang yang hebat diperkatakan dalam dunia penulisan kesusasteraan Tamil. Karyanya yang bersangkutan rapat dengan Tirukkural adalah '*Valluvarum camayamum*' di mana karya ini membincangkan tentang nilai-nilai murni dalam Tirukkural yang selaras dengan nilai-nilai sejagat yang disarankan dalam pelbagai jenis agama misalnya agama Hindu, Jainisme dan Buddha.

Analisis beliau yang berpusar mengenai keunikan kuplet-kuplet Tirukkural seharusnya dijadikan normat pengajaran setiap insan.

Thevaneya Paavanar (2000), merupakan pengarang bagi Tirukkural yang bertajuk '*Tirukkural Tamil Maraburai*' yang diterbitkan dalam 4 buah edisi. Buku ini banyak membincangkan tentang asal-usul, konsep, falsafah serta nilai-nilai hidup yang ingin diterapkan oleh Pujangga Tiruvalluvar. Melalui karya ini, kita dapat merasakan kehebatan penulis-penulis sastera pada zaman dahulu yang berpengetahuan luas dan berpandangan jauh malahan ia juga melambangkan zaman kegemilangan kaum Tamil pada ketika itu.

*'The Traditions in Tirukkural'* yang dihasilkan oleh Mohanaraj (1981), merupakan sebuah karya di antara kajian-kajian yang dijalankan berasaskan Tirukkural. Karya ini membicarakan tentang usul-usul, istilah penggunaan serta pembahagian karya tersebut secara lebih lanjut berbanding karya-karya yang lain. Sebuah kajian yang terperinci dan unik seperti ini tentunya membantu pengkaji dalam huraian tesis.

Annamalai (1994), merupakan seorang sarjana yang tidak dapat dikecualikan apabila menerangkan tentang ketulenan Tirukkural. Karya popular beliau bertajuk '*Tirukkural cintanaikal*' menjelaskan pemikiran ilmiah karya Tirukkural. Beliau cuba membicarakan tentang maksud tersirat di sebalik setiap Tirukkural dengan pandangan yang amat berbeza dan perkara ini jelas memaparkan bakatnya untuk berfikir secara kritis dalam bidang yang diceburi, dan boleh dikatakan bahawa kajian ini merupakan sesuatu yang bermakna dalam sejarah Tirukkural.

Buku yang berjudul 'Tirukkuraḷ *kūrum iraimaiyāṭcci*' yang ditulis oleh Murugaratnam (1974), menggambarkan kewibawaan seseorang pemerintah mengikut lunas-lunas karya Tirukkuraḷ. Tirukkuraḷ membincangkan tentang kualiti dan sifat mulia yang harus diamalkan oleh pemerintah sesebuah negara. Suatu pandangan yang relevan dalam kajian pengkaji kerana iainya berkaitan pemikiran aras tinggi seperti pemikiran kritis dan kreatif.

'*Valḷuvar valāṅkum uṭaimaikal pattu*' merupakan sebuah buku Ramalingam (1998). *Uṭaimaikal* yang beliau maksudkan adalah berkait rapat dengan konsep 'kepunyaan' untuk menjalankan kehidupan yang aman dan damai dalam dunia kini. Penulisan ini menggariskan 10 konsep karya Tirukkuraḷ yang mustahak untuk membentuk kehidupan yang bermakna. Nilai etika yang dititikberatkan oleh penulis ini sangat berfaedah kepada setiap ummah untuk menjamin kehidupan yang harmonis dari semua aspek.

Manikkam (1982), dalam karyanya berjudul *Valḷuvam* membicarakan tentang kehebatan karya Tirukkuraḷ. Beliau memuja Tiruvalḷuvar yang telah menghasilkan sebuah karya yang dapat dijadikan pedoman hidup oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, mahupun budaya. Bukan itu sahaja, beliau juga menyanjung Tirukkuraḷ yang dapat diguna pakai walaupun peredaran zaman yang agak lama telah berlaku. Secara langsungnya, karya ini membantu pengkaji untuk menafsir makna kuplet secara mendalam.

Hasil karya Sivapriya (2001), yang berjudul 'Tirukkuraḷum *tirumuraikaḷum*' membandingkan persamaan di antara Tirukkuraḷ dengan lagu-lagu suci agama Hindu yang menekankan nilai-nilai kebatinan. Pengarang buku tersebut berjaya membuktikan

bahawa banyak kuplet Tirukkuraḷ mempunyai nilai-nilai agama seperti yang disarankan dalam buku *Thirumurai*. Tokoh-tokoh agama turut menyokong saranan beliau yang memperkatakan bahawa Tirukkuraḷ sebagai karya agama yang sesuai bagi semua masyarakat berbilang bangsa dan buku yang bermakna dalam membuktikan konsep kemuliaan dalam karya Tirukkuraḷ.

Seorang lagi sarjana yang tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan Tamil di India ialah Sethupillai (1987). Hasil tulisannya berjudul '*Vāḷi vāḷi vaḷḷuvam*', mengukuhkan lagi penguasaan Tirukkuraḷ dari pelbagai aspek kerana penulis membuktikan keunikan dan kehebatan Tirukkuraḷ dengan memberi contoh-contoh yang relevan mengenai kemurniaannya. '*Vāḷi vāḷi vaḷḷuvam*' merupakan karya unggul yang menggambarkan keunikan karya Tirukkuraḷ dengan membandingkan karya hasil kesusasteraan yang lain seperti Cilappatigaram, Bhagavad Geethai, Manimegalai, Kambaramayanam, dan sebagainya.

Suatu lagi hasil tulisan Manikkam (1987), yang bertajuk '*Tirukkuraḷ Cutar*', banyak membincangkan tentang nilai etika, konsep Tirukkuraḷ, makna tersurat dan tersirat, teknik penulisan dan sebagainya. Suatu buku yang sangat bermakna kepada pengkaji dalam penafsiran makna kuplet-kuplet Tirukkuraḷ.

Saamy Sithambaranaar (2000), merupakan seorang penulis berwibawa dalam dunia kesusasteraan Tamil. Buku tulisannya bertajuk '*Vaḷḷuvar vāḷnta tamilaḱam*' merupakan suatu hasil karya yang menerangkan tentang kemuliaan karya Tirukkuraḷ dalam kehidupan manusia pada umumnya. Pengarang mengaitkan kehidupan ummah dengan kuplet Tirukkuraḷ yang terpilihnya dengan jelas. Hasil teks tersebut banyak



membincangkan nilai murni sejagat yang mana sesuai untuk dirujuk dalam bentuk keunikannya.

Visvanathan (1974), juga merupakan seorang ahli ilmunan terkemuka di Tamilnadu, India. Beliau banyak menulis tentang karya Tirukkural. Antara bukunya bertajuk 'Tirukkural *putaipporul*', banyak memberi penerangan untuk kuplet-kuplet Tirukkural dengan jelas dan panjang lebar. Pengarang mengaitkan kehidupan harian manusia dengan nilai kemurnian kuplet tersebut. Setiap penerangan pengarang boleh dirujuk sebagai bahan rujukan pengkaji dalam membicarakan nilai-nilai murni unggul yang terdapat dalam karya Tirukkural.

'Tirukkural *ārāycci*' merupakan suatu lagi hasil tulisan tentang karya Tirukkural oleh seorang penulis yang tidak asing lagi dalam bidang kesusasteraan Tamil iaitu Maraimalaiyadigal (1985). Buku ini sedikit sebanyak membentangkan asal-usul nama Tirukkural, zaman penulisan karya, kehebatan karya serta pengarang dan kepercayaan yang terkandung dalam karya Tirukkural.

'Tirukkural (*eliya telivurai*)' merupakan hasil penerangan Tamizh Vetpan (2004), yang berasaskan karya Tirukkural yang boleh dikatakan mudah dan jelas. Pembahagian karya Tirukkural dapat dijelaskan dengan baik dan teratur. Terdapat juga kata-kata pujian tentang karya Tirukkural oleh ahli pujangga terkemuka dalam bukunya.

'Tirukkuralil *iraiyanpu*' merupakan hasil karya yang disusun oleh Agamudaya Nambi (2007), merupakan suatu terbitan yang mengandungi 39 esei ilmiah yang membincangkan tentang karya Tirukkural. Hampir keseluruhan esei tersebut

membicarakan tentang ciri-ciri etika Tirukkural yang sangat berguna terhadap umat manusia dan dapat dirujuk sebagai tulisan ilmiah oleh pengkaji.

Isanthimangkalam Murugesan (2008), merupakan seorang sarjana di Tamilnadu yang menghasilkan sebuah buku berjudul '*Valluvamum camūka mēmpāṭṭut tattuvamum*' adalah merupakan suatu hasil kajian kesusasteraan Tamil klasik. Kebanyakan esei dalam buku ini menghurai serta membincangkan keunggulan ciri-ciri etika karya Tirukkural yang membantu pengkaji dalam penaakulan doktrin karyanya.

'Tirukkural: *Valluvar kaṇṭa tattuvam*' merupakan suatu hasil tulisan Shanmugasuntharam (2005), adalah sebuah hasil tulisan yang membicarakan konsep serta nilai falsafah karya Tirukkural dengan lebih jelas serta terperinci. Beliau mengaitkan kuplet-kuplet Tirukkural dalam kehidupan harian umat manusia. Segala etika hidup dalam karya tersebut dihuraikan dengan baik serta bernas yang boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji.

Thandamil Pittan (1989), '*Tirukkural cuvai amutam*' adalah pengarang bagi buku berjudul Tirukkural *Suvai Amutham*. Buku ini sedikit sebanyak mengaitkan nilai hidup karya Tirukkural dalam kehidupan harian masyarakat pada zaman ini. Konsep kemuliaan yang dibincangkan oleh pengkaji dapat diselitkan oleh pengarang dalam huraian bukunya.

Sebuah karya hasil tulisan Perunchitiranar (1997), yang bertajuk '*Tirukkural meyporulurai*' merupakan suatu tulisan berbeza yang memberi pendekatan baru pada kuplet-kuplet Tirukkural. Penjelasan unik yang diberikan oleh pengarang sedikit

sebanyak berbeza daripada penerangan yang diberikan oleh penulis-penulis sebelum ini. Skop gambaran pengarang ini amat berbeza dan bermakna dalam kajian pengkaji.

'*Tirukkuralin taniccirappu*' merupakan hasil tulisan Ilankumaranaar (1997), yang menjelaskan tentang keunikan karya Tirukkural. Beberapa bukti yang nyata boleh dirujuk dalam buku ini. Hasil tulisan pengarang yang jelas dan jitu itu dapat dijadikan sebagai bahan rujukan terpenting.

Buku bernama '*Tirukkural putaipporul*' dikarang oleh Visvanathan (1995). Melalui buku ini, beliau mengatakan bahawa Tirukkural merupakan sebuah buku yang menceritakan tentang kehidupan. Beliau juga menyarankan manusia perlu mengamalkan kesopanan untuk kesejahteraan hidup seperti saranan Tirukkural. Selain itu, Tirukkural menceritakan bahawa jangan lakukan perkara-perkara yang buruk yang mencederakan orang lain samada manusia ataupun haiwan. Tambahan pula, Tiruvalluvar menasihatkan umat manusia supaya mengawal emosi terutamanya perasaan marah kita. Di sini penulis mengatakan bahawa sekiranya seseorang tidak dapat mengawal emosi, bukan sahaja ia membawa kesan buruk kepada keluarga sendiri malah ia juga akan membawa kesan kepada saudara-mara, jiran, rakan-rakannya dan lain-lain lagi secara tidak langsungnya. Beliau juga memberikan beberapa idea-idea bernas berdasarkan Tirukkural bagi menghapuskan masalah pengangguran, bagaimana kita boleh membangunkan keadaan ekonomi dan mengembangkan pengetahuan tentang sesebuah kerjaya. Bahkan beliau juga, menyatakan bahawa setiap orang perlu mengamalkan diet makanan yang seimbang kerana memastikan tubuh badan seseorang sentiasa dalam keadaan yang sihat bagi menjamin kehidupan yang sihat dan sejahtera. Oleh yang demikian kehidupan manusia tidak berkekalan, setiap insan perlu berfikir baik, berkelakuan baik, bertutur baik. Selain itu, beliau menekankan bahawa setiap

insan perlu cinta akan Tuhan dan percaya kepada-Nya. Beliau juga mengatakan bahawa setiap orang perlu mengabaikan kelakuan buruk seperti menindas orang lain, menghilangkan perasaan cemburu. Kesemua pandangan ini dibuktikan melalui kuplet-kuplet Tirukkural. Penulis berjaya menginterpretasikan maksud-maksud Tirukkural dalam pelbagai dimension.

Buku bernama '*Valluvan ulakac cintanaiyālan*' dikarang oleh Gothandam (2005). Dalam buku ini, beliau mencetus beberapa idea yang bernas bagi memelihara kesejahteraan hidup dari aspek menjaga kesopanan diri sendiri, sikap tolong-menolong, keagamaan, politik dan sebagainya. Selain itu, beliau juga menceritakan tentang kesamarataan hak antara lelaki dan wanita dan memberi beberapa pandangan tentang kejahilan masyarakat dunia.

'*Kural kaṇṭa nāṭum vīṭum*' merupakan sebuah buku yang dikarang oleh penulis yang bernama Aandiyappan (1978). Dalam buku ini, beliau menyatakan bahawa punca pembentukan corak kehidupan adalah bermula dari seksual. Beliau juga, menceritakan tentang bagaimana masyarakat boleh memelihara sikap sosialisme di kalangan masyarakat. Selain itu, beliau juga memberi pandangan bahawa sekiranya setiap orang rajin bekerja dan menjalankan kewajipan masing-masing sebagai anak warganegara maka keadaan ekonomi akan meningkat dan menjamin kesejahteraan hidup dan negara. Tambahan pula, beliau juga menitikberatkan bahawa setiap orang perlu bersikap cinta akan negara, menjaga keadilan, tingkah laku kekeluargaan, keakraban suami isteri dan lain-lain lagi.

'*Valluvan kaṇṭa tattuvam*' merupakan sebuah buku yang dikarang oleh penulis bernama Meenaachi Suntharanaar (2005). Dalam buku ini beliau menceritakan bahawa

kehidupan manusia dirangkumi tiga aspek yang terpenting iaitu Aram, Porul, Inbam. Oleh sebab itu, beliau mengatakan bahawa sekiranya setiap manusia menyaran kehidupan masing-masing dengan mengikut apa yang dikatakan dalam tiga aspek ini, maka ia boleh menjamin kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Beliau juga mengatakan bahawa sesiapa yang mengamalkan sikap seperti sayang akan orang lain, tolong-menolong, adil, memikir sosialisme dan lain-lain maka orang seperti ini memang dipuji oleh masyarakat dan menjadi orang yang dihormati dan dihargai. Akhirnya, beliau menceritakan dari segi aspek hak kesamarataan antara lelaki dan wanita dan juga politik.

Buku yang berjudul '*Vaḷḷuvar vaḷaṅkiya vāḷviyal neri*' ditulis oleh Nyanateeva Barathi Swamigal (2013). Buku ini memberikan banyak info yang berkaitan dengan *Kaṭavuḷ vāḷttu* dan *Nīttār perumai*. *Kaṭavuḷ vāḷttu* dan *Nīttār perumai* merupakan *Atikāram* (bab) dalam buku Tirukkuṛaḷ yang disanjung oleh dunia. ini, mangkaitkan Tirukkuṛaḷ dalam *Atikāram* ini dengan kehidupan harian manusia dan keesahaan Tuhan dengan lebih mendalam. Dengan ini beliau telah menjelaskan kuplet-kuplet Tirukkuṛaḷ tersebut dari perspektif yang lain iaitu dengan menggunakan agama Hindu. Selain menyatakan dan menjelaskan maksud semua kuplet Tirukkuṛaḷ dalam *Atikāram Kaṭavuḷ vāḷttu* dan *Nīttār perumai*, beliau juga mengkaitkan dengan falsafah agama Hindu (Saiva Samayam). Penulis buku ini juga, menggunakan cerita-cerita tentang pengikut Tuhan Shiva (*Nāyaṅmārkaḷ*) sebagai rujukan dan juga sebagai bukti untuk mengukuhkan lagi pandangan beliau tentang kural dalam *Atikāram Kaṭavuḷ vāḷttu* dan *Nīttār perumai*. Boleh dikatakan beliau banyak memberitahu tentang agama Hindu dan Tuhan Shiva sekaligus pegangan hidup sebagai penganut agama ini.

Buku '*Tamilar kōtpātu*' ditulis oleh Narayanan (2012), menceritakan tentang dasar dan falsafah masyarakat Tamil. Namun bukan semua dasar dan falsafah (*Tattuvak kōtpātu*) masyarakat Tamil dapat diterangkan dalam buku ini. Penulis buku ini menjelaskan unsur yang utama dalam dasar dan falsafah masyarakat Tamil iaitu, dasar keilmuan. Beliau menggunakan dasar keilmuan dari falsafah Utara India untuk menjelaskan dasar keilmuan masyarakat Tamil lebih mendalam lagi. Tujuan utama buku ini adalah untuk mengenal pasti masalah dasar keilmuan masyarakat Tamil dan mengumpul cara penyelesaiannya daripada buku-buku Kesusasteraan Tamil. Buku ini juga cuba mengambil rujukan daripada ahli ilmunan Barat untuk membentuk dasar ilmu orang Tamil yang sempurna. Ini boleh dikatakan sebagai baju falsafah yang baru dijahit daripada kain Kesusasteraan Tamil.

Tirukkuraḷ merupakan sebuah karya yang agung dan petunjuk untuk kehidupan manusia yang harmoni. Buku Tirukkuraḷ juga merupakan satu medium yang membincangkan tentang keterampilan budaya orang tamil. Buku '*Tirukkuraḷil karpaṇai tiramum nāṭaka nalamum*' ini ditulis oleh Thirunaavukkarasu (1982), untuk mengkaji tentang kapakaran berimajinasi dan budaya drama dengan berpandukan buku Tirukkuraḷ. Buku ini juga menjelaskan kapakaran Tiruvaḷḷuvar dalam aspek imaginasi yang dapat menghasilkan Tirukkuraḷ yang disanjung oleh seluruh dunia. Bab pertama buku ini telah mengkaji tentang maksud untuk perkataan imaginasi dan salah satu daripadanya adalah 'Budaya Kesusasteraan' (*Ilakkiya paṇpu*). Pengayaan seni dan pemikiran kreatif Tiruvaḷḷuvar telah dibincangkan dalam bab Tirukkuraḷil *Karpaṇai*.

Buku '*Tirukkuraḷum potu arivum*' ditulis oleh Kalai Arasu (2003). Kandungan buku ini bukan dalam bentuk esei tetapi ianya berbentuk cerita. Perjalanan cerita buku ini telah menjelaskan tentang Tirukkuraḷ dengan menggunakan watak-watak dalam

cerita tersebut. Beliau membincangkan elemen-elemen dalam unsur keagamaan seperti air, udara, api dan juga langit. Beliau juga mengambil bukti dalam buku-buku kesusasteraan tamil seperti *Puranānūru*. Beliau juga memberikan rujukan daripada sains untuk mungukuhkan lagi pandangan beliau. Beliau juga memberikan pandangan yang agak berbeza daripada penulis-penulis lain yang menerangkan tentang Tirukkural. Beliau mengaitkan Tirukkural yang dihasilkan pada zaman klasik dengan pengetahuan am yang sesuai walaupun selepas peredaran zaman yang agak ketara.

Soosai (1978), adalah pengarang buku 'Puisi Lama Tirukkural' yang merupakan sebagai suatu terbitan awal karya Tirukkural dalam Bahasa Melayu. Semua kuplet Tirukkural diterjemahkan oleh pengarang dalam bentuk puisi bahasa Melayu klasik. Buku ini agak menarik perhatian pembaca kerana puisi-puisi yang tersebut membawa makna yang tepat sepertimana yang diperkatakan oleh Tirukkural malahan ianya memberi peluang kepada masyarakat Melayu dan Cina di Malaysia untuk menghayati sebuah karya kesusasteraan Tamil yang dianggap sebagai khazanah dunia.

Perbicaraan Dias (2003), dalam bukunya bertajuk Tirukkural yang menjelaskan makna bagi 'Tirukkural' dalam dua buah edisi. Beliau menterjemahkan Tirukkural yang pada asalnya dihasilkan dalam bahasa Tamil kepada Bahasa Inggeris dan penerangannya juga diberikan secara teliti dalam Bahasa Inggeris. Sesuatu yang istimewa mengenai kajian beliau adalah, keupayaannya untuk membandingkan penjelasan kuplet Tirukkural dengan pengajaran agama lain seperti Buddha.

Pope (1981), merupakan cendekiawan yang tidak pernah letih menyumbang ke arah pembangunan Bahasa Tamil dan juga masyarakat Tamil. Karya terjemahannya yang berjudul 'Tirukkural' membicarakan segala kuplet Tirukkural iaitu 1330 kuplet

malahan beliau turut memberikan sedikit sebanyak penjelasan tentang konsep Tirukkural yang dibincangkan oleh Tiruvalluvar.

Karya terjemahan Ismail Hussein (1967), yang bertajuk 'Tirukkural' adalah salah satu karya terjemahan awal dalam bahasa Melayu di negara ini. Segala kuplet Tirukkural telahpun diterjemahkan oleh pengarang dalam bahasa Melayu dengan baik. Penulisan ini sangat membantu penyelidik dalam penulisan kajian ini.

Buku terjemahan, pengertian dan pembicaraan dalam versi bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Persatuan Hindu Universiti Malaya yang dieditkan oleh Kumaran dan Rajantheran (2000), banyak memberi pengertian yang bernas untuk kuplet Tirukkural. Teks tersebut sangat membantu pengkaji dalam penulisan kajian dalam bahasa Melayu.

Kajian-kajian mengenai Tirukkural dan kaitannya dengan aspek sosial, budaya, agama, politik dan pendidikan telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Dapatan kajian-kajian ini mengukuhkan bahawa Tirukkural memang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan nilai-nilai insaniah dalam diri seseorang individu. Penelitian terhadap kebanyakan kajian-kajian lepas ini telah membantu penyelidik menetapkan tumpuhannya terhadap pemikiran kritis. Kebanyakan kajian yang dipetik hanya menyatakan bahawa pemikiran kritis wujud dalam setiap kuplet Tirukkural tetapi tidak menjelaskannya secara terperinci. Kebanyakan pengkaji hanya menganalisis elemen kehidupan yang dibincangkan dalam Tirukkural dan juga keunggulan Tirukkural secara kritis. Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji meliputi aspek pemikiran kritis yang diaplikasikan dalam kuplet Tirukkural. Namun begitu, pengamatan terhadap kajian-kajian awal ini membuka ruang dan jalan yang luas terhadap kajian yang dijalankan ini. Disamping itu, kajian-kajian ini juga memberi



pendedahan yang luas terhadap penghuraian permasalahan kajian, penetapan objektif kajian dan pemilihan metodologi yang tepat untuk melaksanakan penyelidikan ini.

## **2.8 Kajian Lepas Dalam Pemikiran Kritis**

Masyarakat yang berfikir mempunyai daya intelektual yang tinggi. Mereka mempunyai kebolehan mencorak kehidupan yang dinamik, sesuai dengan keperluan semasa sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial, dan moral. Masyarakat berfikir ialah masyarakat proaktif yang dapat menyumbang ke arah kemajuan sendiri dan negara. Selaras dengan itu, pelbagai kajian yang melibatkan pemikiran terutamanya pemikiran kritis telah dilakukan.

Kajian kuantitatif berpusatkan pemikiran telah dilakukan oleh Jennifer (1998), bertajuk "*Effect of a model for critical thinking on student achievement in primary source document analysis and interpretation, argumentative reasoning, critical thinking dispositions, and history content in a community college history course.*" Pengkaji telah menganalisis keberkesanan pengintegrasian Model Richard Paul dalam pemikiran kritis dalam kalangan pelajar kolej komuniti yang mengambil kursus Sejarah dalam 3 aspek berikut. Aspek pertama ialah kebolehan berfikir secara kritis mengenai sejarah Amerika dan isu-isu harian. Aspek kedua pula mengenai kecenderungan pemikiran kritis manakala aspek ketiga ialah pengetahuan kandungan sejarah. Kajian ini juga menganalisis sama ada perbezaan umur dan jantina mempengaruhi keberkesanan kaedah instruksional. Dua bahagian dipilih sebagai kumpulan rawatan. Manakala, dua bahagian lagi dijadikan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan yang mempunyai seramai 29 orang telah diberikan arahan secara terperinci sepanjang semester menggunakan pemikiran kritis menurut model Paul bagi menganalisis dan

menginterpretasi dokumen sumber primer. Model tersebut telah disepadukan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kelas. Kumpulan kawalan yang mempunyai murid seramai 23 pula mengikuti pengajaran tradisional. Pelajar telah mengambil tiga pra-ujian dan empat ujian pos.

Hasil keputusan dianalisis bagi menilai keberkesanan kaedah instruksional yang meliputi *Documents Based Question (DBQ)* dari *Advanced Placement Examination*, *Ennis-Weir Critical Thinking Essay Test*, *the California Critical Thinking Dispositions Inventory (CCTDI)* dan *History Content Exam*. Statistik utama kajian telah dianalisis dengan 2 (kumpulan) x 2 (umur) x 2 (jantina) menggunakan pra-ujian ANOVA sebagai kovariansi. Kumpulan rawatan menunjukkan keputusan signifikan melebihi DBQ,  $p = .004$ , dan *Ennis-Weir*,  $p = .0001$ . *Effect sizes* (Cohen's  $f$ ) adalah DBQ=.48 dan *Ennis-Weir* =.83. Ujian statistik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam CCTDI atau *History Content Exam*. Selain itu, tiada perbezaan signifikan didapati dalam keberkesanan kaedah instruksional dari segi umur atau jantina.

Hasil dapatan kajian merangkumi tiga keputusan iaitu kebolehan pelajar kolej komuniti untuk berfikir secara kritis dan berasaskan sejarah telah meningkat dalam satu kursus. Hasil kajian kedua pula melihatkan pengintegrasian pemikiran kritis dalam bahan kursus telah berjaya mengekalkan pengetahuan kandungan sejarah pelajar kolej komuniti. Dapatan kajian ketiga pula menyatakan umur dan jantina tidak mempunyai peranan yang signifikan dalam memperkembangkan pemikiran kritis pelajar.

Julia Suleeman Chandra (2008), dari Murdoch Universiti telah menjalankan satu kajian yang bertajuk "*A Vygotskian perspective on promoting critical thinking in young children through mother-child interactions*". Kajian ini menganalisis peranan golongan

ibu dalam menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan anak mereka yang berusia sekitar 4-5 tahun. Dua teori perspektif yang diwakili oleh Piaget and Vygotsky menjadi asas konseptual kajian ini. Piaget berpendapat bahawa pemikiran kognitif kanak-kanak berkembang ketika berhadapan dengan masalah konkrit dan praktikal. Manakala, Vygotsky pula menyatakan bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak mengalami perkembangan melalui interaksi dalaman. Dalam kajian ini, pendekatan Piaget dalam menyiasat pemikiran aras tinggi kanak-kanak digunakan bagi mereka bentuk tugas yang memerlukan pemikiran kritis. Pendekatan Vygotsky pula diaplikasikan untuk membina program intervensi keseluruhan untuk mengembangkan pemikiran kritis kanak-kanak melalui komunikasi yang bermakna bersama ibu mereka.

Kajian ini juga telah menganalisis bagaimana interaksi ibu dapat mengembangkan pemikiran kritis anak-anak dalam konteks kehidupan seharian. Kajian ini melibatkan kumpulan rawatan dan kawalan bagi menganalisis perbandingan pemikiran di antara anak-anak. Dalam budaya Indonesia, sifat ingin tahu kanak-kanak sering disalah anggap sebagai satu iritasi. Oleh itu, masalah kajian ini berfokuskan ke arah pembinaan program yang mampu mengubah persepsi ibu mengenai sifat ingin tahu anak-anak dan cara-cara menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan mereka.

Kajian ini melibatkan dua kaedah yang digunakan untuk membina program yang berorientasikan pemikiran kritis. Kaedah pertama melibatkan penilaian kualitatif dinamik di mana setiap kanak-kanak berinteraksi dengan ibu masing-masing dalam situasi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kedua pula melibatkan penilaian kuantitatif yang seakan akan penilaian Piaget yang menggunakan tetapan permainan. Kajian ini melibatkan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi membuat analisa perbandingan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat menonjolkan

pemikiran kritis yang mengandungi elemen kognitif dan afektif seperti persoalan, pengesahan, penaakulan moral, dan emosi yang sesuai. Kajian juga mendapati sikap pasif dan pematuhan keterlaluan kepada ibu bapa membantutkan pemikiran kritis dalam kalangan anak-anak. Melalui program intervensi, golongan ibu dalam kumpulan rawatan telah belajar untuk meneliti, menggalak dan menyokong kanak-kanak ketika mereka belajar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Walaupun pemikiran kritis kanak-kanak dalam kumpulan kawalan menunjukkan peningkatan selaras dengan kematangan namun perbezaanya tidaklah begitu signifikan jika dibandingkan dengan kumpulan rawatan yang menunjukkan peningkatan yang drastik. Tambahan pula, golongan ibu dalam kumpulan rawatan didapati seronok ketika berinteraksi dengan kanak-kanak dan memberikan keutamaan kepada makluman dan penaakulan.

Dalam masa yang sama, kajian yang bertajuk "*Critical thinking in higher education: The influence of teaching styles and peer collaboration on science and maths learning*" oleh Quitadamo dan Ian Joseph (2002), menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar tidak mempunyai kebolehan menaakul, menilai, dan membuat pertimbangan. Ketiga-tiga aspek ini dilihat sebagai ciri-ciri mustahak dalam pencapaian akademik dan kerjaya dalam bidang sains dan matematik. Kemahiran-kemahiran ini yang terlingkung dalam pemikiran kritis yang dipengaruhi oleh gaya pengajaran (satu kombinasi kepercayaan, kelakuan dan sikap yang digunakan semasa mengajar) dan pembelajaran kolaboratif kumpulan kecil (*small group collaborative learning (SGCL)*).

Kajian ini meneliti bagaimana kombinasi gaya pengajaran yang dikenali sebagai kluster dan pengendalian rakan sebaya (satu bentuk SGCL) akan mempengaruhi pemikiran kritis pelajar. Kajian ini menggunakan pra-ujian kuasi eksperimen/

rekabentuk ujian pos dan indikator pencapaian pemikiran kritis yang dipercayai. Analisis kuantitatif tiga gaya pengajaran model kluster (Model kluster Grasha, Model kluster wajaran dan model kluster berpusatkan pelajar / tenaga pengajar) dan pengendalian rakan sebaya SGCL telah dijalankan untuk menilai kebolehannya dalam mewujudkan perbezaan dalam pemikiran kritis pelajar. Hasil kajian menunjukkan gaya pengajaran wajaran dan pengendalian rakan sebaya SGCL menunjukkan perubahan yang signifikan dalam pemikiran kritis pelajar.

Cassane dan Jo Anne Kerry (2002), telah menjalankan kajian yang bertajuk "*Critical thinking leading to transformative learning: Understanding the impact of one's family on adult learners*" di Universiti St. Francis Xavier. Matlamat utama kajian ini adalah untuk memahami bagaimanakah mesej berunsur positif atau negatif yang diterima mempengaruhi pencapaian seseorang dalam kehidupan terutamanya semasa berada di alam kolej. Tujuan kajian ini adalah untuk membina satu kaedah yang berstrategik untuk membantu pelajar kolej yang terpengaruh dengan mesej-mesej berunsur negatif. Bantuan diberikan agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan mesej tersebut dengan membuat pertimbangan yang wajar. Data yang dikumpul dari kajian ini menunjukkan strategi yang diaplikasi meningkatkan pencapaian pelajar dan tahap penyelesaian dalam persekitaran kolej. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa pelajar yang mengadakan perjumpaan bersama fakulti dalam kumpulan kecil berupaya membina kepercayaan. Selain itu, mereka juga dapat mewujudkan tahap penyelesaian di antara pelajar dan fakulti.

Satu lagi kajian berpusatkan pemikiran kritis telah dilakukan oleh Puthikanon dan Nunthika (2009), dari Universiti Indiana dengan tajuk "*Examining critical thinking and language use through the use of WebQuests in an EFL reading class*". Kajian

membuktikan keberkesanan penggunaan *WebQuests* sebagai alat dalam menggalakkan kemahiran pemikiran kritis. Namun begitu, aplikasi *WebQuests* dalam kelas EFL masih dalam peringkat awal dan tidak berleluasa. Kajian ini mengkaji penggunaan pemikiran kritis di kalangan pelajar kolej kursus EFL di Thailand. Selain itu, kajian ini juga mengkaji peranan guru dalam memperkembangkan pemikiran kritis pelajar. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam *WebQuests* juga telah dianalisis. Kajian ini menggunakan kaedah campuran. Data kajian dikumpul daripada dua kelas Kursus Membaca Bahasa Inggeris di sebuah universiti di Thailand. Dua *WebQuests* telah digunakan dalam aktiviti membaca. Rubrik Pemikiran Kritis dari Universiti Washington telah digunakan untuk menilai pemikiran kritis pelajar. Melalui pemerhatian yang dilakukan dalam kelas aspek-aspek seperti perbincangan kumpulan, hasil penulisan pelajar, temuduga dan soal selidik serta peranan guru telah dianalisis.

Hasil kajian menunjukkan penggunaan pemikiran kritis pada kadar yang tinggi semasa pelajar terlibat dalam aktiviti *WebQuests*. Pelajar berupaya menganalisis, mensintesis, menilai dan mencerminkan maklumat yang diberikan dalam *WebQuests*. Namun begitu, pelajar yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang tinggi berupaya untuk mengolah, menaakul dan mempersembahkan idea yang bernas dalam *WebQuests* berbanding pelajar yang kurang penguasaannya. Dapatan kajian juga menyatakan peranan guru dalam mengembangkan pemikiran kritis pelajar sentiasa berubah mengikut tahap penglibatan mereka dalam aktiviti *WebQuests*. Konklusinya, kajian ini menyatakan bahawa *WebQuests* sangat berkesan dalam menggalakkan pemikiran kritis dan juga meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris.

Selain itu, kajian yang bertajuk “Kesan strategi Orientasi Kitaran Inkuiri terhadap pencapaian kemahiran inkuiri, pemikiran kritis, motivasi pencapaian dan sikap

pembelajaran” yang dijalankan oleh Abd Aziz Abd Shukor (2005), juga berfokuskan konsep pemikiran kritis. Kajian ini dijalankan untuk membina dan menilai keberkesanan Strategi Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dengan bantuan Model Orientasi Kitaran Inkuiri (PBI+OKI) di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. PBI+OKI merupakan strategi yang diubah suai daripada model –model pembelajaran inkuiri yang berasaskan teori-teori kognitif, khususnya yang berkaitan dengan pemikiran kritis. Prestasi dalam kefahaman inkuiri, pemikiran kritis, motivasi pencapaian, sikap dan kesedaran metakognitif, yang telah terbentuk di kalangan pelajar-pelajar adalah antara aspek-aspek yang dinilai dalam perubahan tingkah laku pelajar. Kaedah kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Responden seramai 120 orang pelajar telah dibahagikan mengikut kumpulan iaitu kumpulan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dengan bantuan modal Orientasi Kitaran Inkuiri (PBI+OKI), Pembelajaran Berasaskan Inkuiri tanpa bantu model (PBI) dan Pembelajaran Amalan Biasa (PAB). Pelajar-pelajar telah dipilih secara rawak daripada tiga buah sekolah menengah di daerah Kinta di negeri Perak Darul Ridzuan. Hasil kajian mendapati hipotesis-hipotesis nul telah ditolak. Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi semua pemboleh ubah bersandar terhadap pemboleh ubah bebas. Melalui kajian ini kita dapat mengetahui terdapatnya hubungan yang jelas antara pemikiran kritis, motivasi pencapaian dan sikap terhadap pembelajaran dengan pencapaian kefahaman inkuiri selepas Model PBI+OKI digunakan. Selain itu, penggunaan PBI + OKI juga telah meningkatkan kesedaran metakognitif yang tinggi di kalangan pelajar.

Satu kajian kualitatif dan kuantitatif telah dikaji oleh Saroja (2008) yang bertajuk “*Cultivating critical and creative thinking skills through an integrated approach to the teaching of literary texts*”. Kajian ini berfokuskan pemikiran kritis dan

kreatif di kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar sekolah serta memastikan aplikasi sistem integrasi yang mencakupi teori “*reader response*” dan “*stylistics*” untuk mengajar komponen sastera dalam matapelajaran Bahasa Inggeris akan dapat meningkatkan tahap pemikiran kritis dan kreatif para pelajar. Taxonomi CCT akan digunakan sebagai dasar kajian untuk kajian ini. Taxonomi ini adalah gabungan taxonomi Benjamin Bloom dan Cogaff (Taxonomi yang dihasilkan oleh Dr Ghazali Mustapha).

Data bagi kajian ini telah dikumpulkan melalui satu survey yang dijalankan di dua buah sekolah menengah, satu di bandar dan satu lagi di luar bandar. Pelajar-pelajar Tingkatan 4 dipilih sebagai responden kajian ini. Kajian ini meliputi satu eksperimen dengan kaedah “*pre test*” dan “*post test*”, temuduga dengan para guru dan pemerhatian pengajaran guru di bilik darjah. Bagi mengetahui keberkesanan kaedah-kaedah tersebut dalam memupuk pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar-pelajar di Malaysia, kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru pada masa kini perlu dikaji. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah integrasi dalam pengajaran di sebuah kelas di kedua-dua buah sekolah dan membuktikan keberkesanannya dalam memupuk pemikiran kritis dan kreatif. Hasil kajian di kedua-dua sekolah adalah konsisten. Kajian ini memberikan konklusi bahawa kaedah integrasi lebih efektif berbanding dengan kaedah yang diamalkan oleh para guru pada masa kini.

Sabri Mohd Salleh (2008), telah melakukan kajian “Pembelajaran pemikiran kritis di kalangan pelajar sekolah Menengah”. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti status pemikiran kritis di kalangan pelajar sekolah menengah harian dan faktor yang mempengaruhi pembelajaran pemikiran kritis mereka ini. Responden kajian ini



adalah seramai 1200 orang pelajar Tingkatan 1,2 dan 4. Pelajar-pelajar ini dipilih dari 12 buah sekolah menengah harian dalam daerah Hulu Langat Selangor. Kajian ini menggunakan *expo facto causal comparative extreme group design*. Teori Produktiviti Pendidikan (TPP) telah digunakan dalam kajian ini.

Pemikiran kritis yang merupakan pemboleh ubah bersandar diukur dengan *instrument Cornell Critical Thinking Test Level X*. TPP mengklasifikasikan pemboleh ubah bebasnya kepada tiga faktor iaitu faktor kelakuan, faktor persekitaraan, dan faktor pengajaran. Faktor kelakuan mengandungi empat pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah prestasi akademik lepas yang diukur menggunakan keputusan UPSR, umur kognitif yang diukur dengan *Classroom Test of Scientific Reasoning*, penaakulan moral yang diukur dengan *Socio Reflection Measure - Short Form* serta motivasi. Manakala, faktor persekitaraan meliputi lima pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah persekitaraan-persekitaraan kelas, sekolah, keluarga, rakan, dan media. Faktor ketiga pengajaran diwakili oleh pemboleh ubah kualiti pengajaran. SPPK telah digunakan untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah persekitaraan, kualiti pengajaran dan motivasi.

Hasil kajian menunjukkan prestasi pemikiran kritis pelajar sekolah menengah harian adalah lebih rendah iaitu ( $\mu=28.63$ ,  $sp=7.13$ ) berbanding prestasi pelajar sekolah menengah berasrama penuh ( $\mu=38.94$ ,  $sp=6.58$ ) dan pelajar dalam manual pemikiran kritis. Skor pemikiran kritis pelajar perempuan adalah lebih tinggi ( $\mu=29.33$ ,  $sp=7.20$ ) berbanding pelajar lelaki ( $\mu=27.73$ ,  $sp=6.93$ ). Pelajar Tingkatan 4 menunjukkan skor tertinggi ( $\mu=30.64$ ,  $sp=8.01$ ), diikuti oleh pelajar Tingkatan 2 ( $\mu=29.06$ ,  $sp=7.38$ ) dan pelajar Tingkatan 1 ( $\mu=27.09$ ,  $sp=5.94$ ). Kajian mendapati korelasi antara pemikiran kritis dengan UPSR ( $r=.35$ ), umur kognitif ( $r=.38$ ), penaakulan moral ( $r=.29$ ), motivasi

( $r=.33$ ), persekitaraan kelas ( $r=.20$ ), persekitaraan keluarga ( $r=.18$ ), persekitaraan rakan ( $r=.18$ ), persekitaraan media ( $r=.24$ ) dan kualiti pengajaran ( $r=.18$ ). Semua korelasi adalah signifikan pada  $p=0.5$ . Hanya persekitaraan sekolah tidak menunjukkan perkaitan ( $r<.005$ ,  $p>.05$ ). Regresi yang telah dijalankan menunjukkan pengaruh utama pembelajaran pemikiran kritis para pelajar dalam kajian adalah pemboleh-pemboleh ubah aptitud (nilai B antara .20 hingga 2.54 dan nilai  $\beta$  antara .13 hingga .24), diikuti oleh pemboleh-pemboleh ubah persekitaraan. Pemboleh ubah kualiti pengajaran menunjukkan pengaruh paling kecil.

Model pembelajaran pemikiran kritis yang dicadangkan dalam kajian ini dengan menggunakan analisa laluan menunjukkan bahawa persekitaraan keluarga menunjukkan pengaruh yang besar terhadap pembelajaran pemikiran kritis melalui kesan langsung dan kesan tidak langsung. Dengan menggunakan SPKK, kajian juga mendapati terdapat 60 persekitaraan, amalan dan tingkah laku yang membezakan pelajar berpemikiran kritis tinggi dengan pelajar yang berpemikiran kritis rendah (iaitu 15 dari aspek motivasi, 11 dari aspek persekitaraan kelas, 7 dari aspek persekitaraan keluarga, 5 dari aspek persekitaraan rakan, 10 dari aspek persekitaraan media dan 12 dari aspek kualiti pengajaran). Di kalangan pelajar berprestasi UPSR rendah juga terdapat pelajar yang prestasi pemikiran kritis mereka adalah tinggi. Pelajar-pelajar menunjukkan 10 persekitaraan, amalan dan tingkah laku yang membezakan mereka dengan pelajar yang berprestasi UPSR rendah dan berpemikiran kritis rendah.

Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2005), dari Universiti Putra Malaysia telah menjalankan satu kajian yang bertajuk “Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu”. Kajian ini dijalankan untuk mengumpulkan maklumat dan rumusan mengenai pemikiran dan teknik

penceritaan dalam novel-novel komponen sastera bahasa Melayu. Pendekatan psikologi digunakan untuk mendapatkan maklumat dari 20 buah novel yang dijadikan bahan kajian. Etika ini diharap dapat memperkukuh kenyataan bahawa kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan dengan manusia. Kajian ini berobjektif untuk menganalisa pemikiran yang dinyatakan oleh pengarang dan melihat kepelbagaian teknik penceritaan yang diaplikasikan dalam novel-novel yang dikaji. Pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi dalam karya-karya pilihan telah dianalisis dalam kajian ini. Aspek-aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat. Seterusnya, penganalisan teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, tuturan yang terdiri daripada dialog, monolog dan monolog dalaman seterusnya imbas kembali, imbas muka, ketegangan dan kejutan. Teknik-teknik tersebut mempunyai fungsi masing-masing dalam memperkembangkan plot cerita.

Satu kajian kuantitatif yang berfokus pemikiran kritis dijalankan oleh Haslina Kamarudin (2011), dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bertajuk “Pengetahuan dan amalan pengajaran pemikiran kritis dari persepsi pensyarah perakaunan kolej Matrikulasi.” Kajian tersebut dijalankan untuk melihat hubungan di antara tahap pengetahuan pemikiran kritis dengan tahap amalan pengajaran pemikiran kritis. Seramai 60 orang pensyarah perakaunan kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadi responden kajian ini. Soal selidik 40 item dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian I (16 item - tahap pengetahuan pemikiran kritis), Bahagian II (19 item - amalan pengajaran pemikiran kritis) dan Bahagian III (5 item - demografi). Hasil kajian membuktikan hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dengan amalan pengajaran pemikiran kritis. Selain itu, kajian juga telah menganalisis keberkesanan kursus berkaitan pemikiran kritis dan mendapati ia menghasilkan kesan yang positif. Dapatan kajian ini memberikan maklumat empirikal bagi penambahbaikan

peluang latihan pensyarah dan kurikulum matapelajaran Perakaunan. Kajian ini terhad kepada pensyarah matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja.

Siti Azian Azrol Nasoha (2013), telah menjalankan kajian yang bertajuk “Pembinaan modul pembelajaran berasaskan masalah (PBM BIO-SCORE) dan kesannya terhadap pencapaian dan pemikiran kritis pelajar”. Objektif kajian ini adalah untuk membina dan menilai kesan modul (PBM BIO-SCORE) berlandaskan pendekatan pengajaran berasaskan masalah (PBM). Adaptasi model Sidek & Jamaludin telah digunakan sebagai dasar untuk membina modul. Modul tersebut telah melalui proses pengesahan menggunakan pekali persetujuan Cohen’s Kappa. Kajian juga menilai kesan modul terhadap pencapaian, pemikiran kritis dan hubungan pencapaian dengan tahap pemikiran kritis pelajar. Kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen. Pemilihan subjek kajian melibatkan 60 orang pelajar tingkatan empat aliran sains yang mengambil mata pelajaran Biologi di sebuah sekolah di Daerah Kuala Selangor. Subjek kajian terdiri daripada 30 orang pelajar kumpulan rawatan dan 30 orang pelajar kumpulan kawalan. Modul (PBM BIO-SCORE), ujian pencapaian bertajuk ‘Ekosistem Terancam’ dan ujian pemikiran kritis Watson Glaser merupakan antara tiga jenis instrumen kajian yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian pada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan, dengan kumpulan rawatan memperoleh peningkatan pencapaian yang lebih tinggi secara signifikan berbanding kumpulan kawalan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan peningkatan tahap pemikiran kritis pada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan dengan kumpulan rawatan memperoleh peningkatan pencapaian yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan secara signifikan. Analisis korelasi Pearson menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara tahap pemikiran kritis dengan pencapaian pelajar. Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan modul pembelajaran

berasaskan masalah (PBM BIO-SCORE) meningkatkan pencapaian dan pemikiran kritis pelajar.

Pengamatan seterusnya tertumpu kepada kajian yang dijalankan oleh Yusmanitha Othman (2012), yang bertajuk “Kajian tahap penguasaan dan hubungan kemahiran berfikir kritis terhadap pencapaian dalam kalangan pelajar Biologi tingkatan empat di zon Rawang”. Melalui pemikiran kritis pelajar dapat menyuarakan pandangan, pendapat dan kritikan untuk mempengaruhi proses membuat keputusan serta menyelesaikan masalah. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penguasaan dan hubungan kemahiran pemikiran kritis pelajar biologi tingkatan empat di Zon Rawang terhadap tahap pencapaian. Dua buah sekolah di zon Rawang telah dipilih untuk kajian ini. Seramai 100 orang pelajar telah menjawab dua instrument kajian iaitu Ujian Kemahiran Berfikir Kritis *Watson–Glaser Critical Thinking Appraisal* bentuk A (WGCTA) dan Ujian Pencapaian Kemahiran Berfikir Kritis (UPKK). Instrumen WGCTA mengandungi 80 item aneka pilihan yang terdiri daripada lima sub Ujian Kemahiran Berfikir Kritis iaitu Inferens, Mengusul Periksa Andaian, Deduksi, Interpretasi dan Penilaian Hujah. UPKK yang merupakan instrumen kedua terdiri daripada 9 soalan subjektif yang juga mempunyai 5 sub ujian yang sama. Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis (Inferens, Mengusul, Periksa andaian, Interpretasi, Penilaian hujah) menrentas pencapaian pelajar. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang amat rendah di antara WGCTA dan UPKK ( $r=0.097$ ,  $p<0.05$ ). Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa penguasaan pemikiran kritis pelajar adalah lemah menrentas pencapaian. Oleh itu, guru Biologi disarankan untuk memberi penekanan terhadap penguasaan kemahiran berfikir kritis melalui pelbagai teknik Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang berkesan.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Wan Norehan Bt Wan Mamat (2013), dengan tajuk “Tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan hubungannya dengan pencapaian pelajar”. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. Responden kajian ini adalah seramai 317 orang pelajar yang terdiri daripada 151 orang pelajar lelaki dan 166 orang pelajar perempuan dari tiga fakulti kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kajian ini telah menggunakan Instrumen Kemahiran Pemikiran Kritis Malaysia (*Malaysian Critical Thinking Skills Instrument – MyCT*) sebagai alat kajian. Instrumen ini mengandungi 61 item. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritis pelajar kejuruteraan di UTHM secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana (57.76%). Melalui analisis ujian Mann-Whitney U didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam kemahiran pemikiran kritis (taakulan, analitikal dan logik, kecenderungan dan andaian) antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis korelasi Spearman’s Rho dua hujung menunjukkan terdapat pertalian yang bererti antara pencapaian CPA terkini pelajar dengan tahap kemahiran pemikiran kritis (taakulan, analitikal dan logik, kecenderungan dan andaian) pada aras 0.05. Walau bagaimanapun nilai kofisien korelasi menunjukkan perkaitan yang sangat lemah. Melalui kajian ini, kita dapat membuat konklusi bahawa kemahiran berfikir perlu diterapkan dalam proses P&P kerana ia akan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis.

Dalam masa yang sama kajian mengenai pemikiran turut diberi fokus dalam kajian yang dijalankan oleh Nahari Mastano Arukin (2008). Tajuk kajian beliau adalah “Analisis pemikiran dalam espen-espen Mohd. Affandi Hassan”. Dua kutub pandangan yang berbeza tentang aspek pemikiran yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu masa

kini telah menjadi perangsang untuk melakukan kajian ini. Di satu pihak, karya-karya sastera Melayu masa kini dianggap menawarkan pemikiran tertentu yang jelas dan serius. Di pihak yang lain, kehadiran pemikiran tersebut diragui dan dipertikaikan. Dua pandangan yang berbeza ini mengundang penelitian yang lebih lanjut tentang aspek “pemikiran” dalam kesusasteraan Melayu. Sehubungan itu, karya-karya Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi), seorang penulis kreatif dan pengkritik yang tidak asing dalam dunia kesusasteraan Melayu masa kini telah dipilih untuk dikaji. Pilihan ini adalah berdasarkan reputasi Mohd. Affandi sendiri yang sedia dikenali sebagai penulis masa kini yang giat menyeru supaya aspek pemikiran diberi keutamaan dalam karya sastera. Ini telah membangkitkan persoalan tentang apakah Mohd. Affandi dapat merealisasikan seruan beliau sendiri. Dalam usaha menjawab persoalan ini, kajian ini meneliti 20 buah “espen” karya Mohd. Affandi sebagai teks kajian. Pemilihan genre “espen” sebagai teks kajian ini mengambil kira kenyataan Mohd. Affandi yang menganggap bahawa genre (espen) ini sememangnya dikonsepsikan oleh beliau untuk menyampaikan pemikiran. Idea-idea Persuratan Baru (seterusnya PB) diterapkan sebagai kerangka analisis dalam kajian ini. Idea ini merupakan gagasan yang dibina oleh Mohd. Affandi sendiri. Perbezaan antara “ilmu” (pemikiran) dan “cerita” yang turut membentuk ciri-ciri asasi genre espen merupakan antara idea yang diterapkan dalam PB. Dapatan kajian ini membuktikan kewujudan pemikiran tertentu dalam teks-teks yang dikaji, dan pemikiran ini telah disampaikan dengan cara penulisan bersifat ilmiah.

Berdasarkan penelitan kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan pemikiran kritis, penyelidik dapat merumuskan bahawa pemikiran kritis sangat penting untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam kehidupan seharian. Kemahiran penelitian terhadap sebab dan akibat secara kritis untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara

berkesan harus dimiliki oleh setiap individu. Walaupun terdapat pelbagai karya seperti Tirukkural yang menyarankan pemikiran kritis pada zaman sekarang, penguasaan ilmu berfikir secara kritis terhadap sesuatu masalah masih lagi kurang dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tirukkural merupakan salah satu karya yang sememangnya menegaskan personaliti ke arah kesejahteraan hidup. Berdasarkan ungkapan ini, penyelidik ingin melihat sejauh manakah teks Tirukkural dijadikan panduan dalam kehidupan seharian masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.

## **2.9 Kesimpulan**

Pemikiran kritis telahpun menjadi sesuatu yang wajib di praktikkan dalam kehidupan seharian manusia sejagat. Ianya telah mula diusahakan untuk diajar kepada kanak-kanak di bangku sekolah lagi. Pelbagai kajian bagi mengukur tahap pemikiran kritis juga telah dijalankan. Antara kumpulan fokus yang paling popular dalam penyelidikan seperti ini adalah golongan pelajar sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Jarang sekali penyelidik memilih responden daripada kumpulan umur yang berlainan. Disamping itu, kajian-kajian lepas tentang karya Tirukkural juga telah dihalusi oleh penyelidik kajian ini sebelum menetapkan fokus utama kajian ini. Kajian-kajian berasaskan Tirukkural sebelum ini telah menilai kandungan teks dari pelbagai perpektif seperti keunikaan bahasa, prinsip-prinsip kehidupan dan sebagainya. Sehingga kini, boleh dikatakan tiada kajian yang melihatkan pengaplikasian pemikiran kritis dibuat berpandukan teks Tirukkural. Maka, ini membuka ruang kepada pengkaji supaya meneruskan kajian pengaplikasian pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil berpandukan karya agung Tirukkural.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab ini penyelidik akan melaporkan dapatan kajian berdasarkan skor mentah dan norma ujian yang piawai bagi 400 orang responden yang mewakili populasi kajian. Bahagian pertama merangkumi latar belakang demografi kajian serta analisis diskriptif. Analisis diskriptif digunakan untuk menjelaskan faktor-faktor asas pembolehubah kajian. Penjelasan dari segi peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai serta penghasilan gred juga akan dilaksanakan dalam bahagian ini. Bahagian kedua merupakan analisis inferensi yang akan membantu penyelidik melihat dan menghuraikan perbezaan, dan perhubungan yang wujud di antara pembolehubah-pembolehubah kajian. Analisis ujian-t sampel tidak bersandar dan ujian ANOVA sehalu akan digunakan bagi menjelaskan penerimaan dan penulakan hipotesis nul kajian.

#### 4.2 Elemen-Elemen Pemikiran Kritis Dalam Tirukkural

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua, Tirukkural memang sarat dengan pemikiran kritis. Secara amnya, hampir setiap kuplet mempamerkan kelima-lima elemen pemikiran kritis iaitu inferens, mengenalpasti andaian, deduktif, interpretasi dan menilai hujah. Namun begitu, kesemua kuplet ini masing-masing mempunyai elemen pemikiran kritis yang menampakkan ciri dominan dalamnya. Penetapan ini telah dibincangkan bersama dan dipersetujui oleh pakar-pakaar rujuk yang dilantik untuk mendapatkan kesahan soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Jadual di bawah

mengklasifikasikan kandungan elemen pemikiran kritis yang tersirat dalam setiap kuplet Tirukkural yang dipilih dalam kajian ini.

Jadual 4.1 Elemen-elemen pemikiran kritis dalam Tirukkural

Bil	Konsep	Nombor Kuplet Tirukkural
1.	Inferens	5, 7, 10, 26, 30, 34,40, 41, 48 50, 58, 63, 75, 90, 98, 105, 106, 108, 116, 129, 133, 137, 140, 145, 148, 154, 155, 167, 170, 171, 180, 183, 185, 192, 207, 213, 221, 244, 255, 256, 265, 276, 277, 281, 286, 287, 297, 308, 310, 316, 320, 325, 326, 329, 331, 341, 351, 352, 356, 365, 366, 370, 371, 386, 387, 388, 396, 398, 399, 403, 404, 410, 434, 435, 437, 438, 444, 455, 460, 461, 462, 463, 464, 465, 466, 467, 468, 469, 470, 475, 477, 478, 481, 483, 484, 485, 486, 487, 488, 489, 490, 491, 494, 496, 508, 509, 510, 514, 515, 519, 531, 538, 540, 545, 546, 551, 554, 557, 560, 562, 563, 566, 569, 576, 579, 584, 585, 592, 593, 601, 603, 609, 610, 611, 613, 615, 616, 630, 631, 634, 635, 638, 641, 644, 645, 649, 651, 663, 667, 669, 678, 680, 688, 689, 692,694, 696, 698, 733, 734, 737, 739, 741, 760, 764, 768, 776, 777, 783, 786, 791, 810, 811, 814, 818, 825, 834, 842, 850, 853, 859, 861, 866, 870, 876, 879, 885, 886, 888, 898, 901, 905, 934, 940, 945, 954, 955, 961, 962, 963, 964, 965, 966, 967, 968, 969, 970, 989, 992, 995, 1005, 1034, 1037, 1039, 1042, 1046, 1047, 1050, 1062, 1069, 1082, 1088, 1107,1108, 1111, 1114, 1121, 1122, 1123, 1124, 1125, 1126, 1127, 1128, 1129, 1130, 1141, 1142, 1143, 1144, 1145, 1146, 1147, 1148, 1149, 1150,1161, 1162, 1163, 1178,1179,1180,1182,1224, 1228, 1231, 1234, 1240, 1253, 1263, 1271, 1275, 1284,1289, 1302, 1310 ,1322, 1325,1330. Jumlah = 269 Kuplet (20.2%)
2.	Mengenal pasti andaian	6, 8, 11, 16, 27, 42, 43, 59, 60, 61, 64, 69, 73, 80, 88, 92, 96, 107, 114, 115, 121, 127, 131, 132, 139, 143, 147, 162, 168, 172, 177, 181, 186, 187, 191, 199, 203, 210, 212, 225, 230, 232, 236, 238, 240, 243, 247, 253, 258, 260, 262, 278, 282, 284,

		<p>296, 305, 306, 307, 309, 313, 319, 327, 328, 342, 343, 354, 362, 363, 372, 378, 384, 385, 400, 405, 406, 422, 433, 439, 440, 447, 451, 452, 457, 474, 476, 479, 480, 492, 493, 495, 499, 500, 507, 513, 520, 535, 539, 541, 544, 547, 556, 559, 561, 565, 567, 568, 577, 578, 586, 589, 590, 594, 596, 604, 608, 612, 614, 621, 623, 624, 625, 628, 632, 633, 639, 650, 652, 653, 668, 670, 675, 679, 681, 690, 695, 699, 700, 701, 711, 712, 713, 715, 716, 717, 718, 719, 720, 738, 740, 742, 743, 792, 800, 805, 815, 817, 819, 823, 824, 829, 858, 863, 864, 865, 867, 868, 869, 869, 880, 883, 884, 892, 893, 899, 900, 933, 935, 939, 941, 946, 947, 953, 956, 960, 971, 972, 973, 974, 975, 976, 977, 978, 979, 980, 990, 991, 993, 1006, 1025, 1030, 1045, 1055, 1061, 1066, 1073, 1074, 1078, 1083, 1086, 1106, 1115, 1165, 1170, 1189, 1190, 1191, 1192, 1193, 1194, 1195, 1196, 1197, 1198, 1199, 1200, 1201, 1202, 1203, 1204, 1208, 1209, 1210, 1211, 1212, 1213, 1214, 1215, 1220, 1233, 1235, 1239, 1244, 1249, 1255, 1257, 1262, 1266, 1274, 1283, 1290, 1291, 1292, 1293, 1294, 1295, 1296, 1297, 1298, 1299, 1300, 1301, 1311, 1312, 1313, 1314, 1315, 1316.</p> <p>Jumlah = 267 Kuplet (20.0%)</p>
3.	Deduktif	<p>3, 4, 13, 14, 17, 21, 25, 28, 33, 35, 37, 44, 45, 47, 55, 62, 65, 70, 72, 74, 76, 82, 84, 89, 91, 97, 101, 109, 112, 117, 119, 122, 128, 123, 126, 134, 158, 164, 173, 174, 179, 182, 193, 194, 196, 197, 200, 201, 206, 209, 218, 223, 227, 229, 234, 235, 245, 274, 280, 283, 288, 289, 290, 295, 298, 302, 311, 344, 346, 347, 357, 367, 368, 369, 373, 377, 389, 393, 425, 427, 428, 429, 430, 432, 448, 453, 454, 456, 472, 473, 497, 498, 506, 512, 516, 518, 521, 522, 523, 525, 526, 527, 528, 529, 530, 532, 533, 536, 542, 543, 548, 549, 550, 553, 564, 570, 571, 572, 575, 580, 583, 588, 606, 607, 619, 620, 622, 627, 640, 646, 654, 658, 659, 666, 672, 674, 596, 697, 702, 703, 704, 705, 706, 707, 708, 709, 710, 731, 732, 736, 744, 745, 746, 750, 751, 756, 759, 761, 762, 766, 769, 770, 778, 780, 782, 784, 785, 793, 794, 795, 798, 807, 813, 816, 820, 828, 830, 836, 837, 841, 845, 847, 852, 857, 872, 873, 877, 878, 882, 887, 889, 890, 891, 895, 896, 902, 904, 908, 910, 914, 921, 922, 923, 924, 925, 926, 927, 928, 929, 930,</p>

		<p>936, 942, 944, 952, 958, 959, 994, 996, 1003, 1024, 1028, 1033, 1049, 1051, 1056, 1060, 1071, 1072, 1075, 1077, 1084, 1087, 1105, 1109, 1110, 1112, 1116, 1189, 1139, 1140, 1169, 1174, 1175, 1177, 1183, 1188, 1205, 1206, 1207, 1223, 1226, 1227, 1230, 1236, 1238, 1254, 1261, 1264, 1265, 1269, 1272, 1278, 1280, 1282, 1304, 1307, 1317, 1318, 1319, 1320, 1324, 1329</p> <p>Jumlah = 272 Kuplet (20.5%)</p>
4.	Interpretasi	<p>1, 9, 12, 15, 22, 23, 29, 32, 36, 38, 39, 49, 51, 52, 56, 66, 67, 77, 78, 81, 86, 87, 93, 94, 95, 102, 103, 104, 110, 111, 118, 124, 125, 130, 138, 146, 149, 150, 151, 153, 157, 159, 160, 161, 163, 165, 166, 169, 176, 178, 195, 198, 202, 205, 208, 214, 215, 216, 217, 219, 220, 222, 224, 226, 231, 233, 239, 241, 242, 246, 248, 249, 257, 261, 264, 266, 270, 271, 273, 279, 285, 291, 292, 294, 299, 303, 312, 314, 317, 321, 322, 323, 330, 332, 334, 335, 336, 337, 338, 339, 348, 349, 355, 358, 361, 364, 374, 381, 382, 383, 390, 392, 394, 401, 407, 411, 412, 413, 414, 415, 416, 417, 418, 419, 420, 424, 431, 441, 442, 445, 446, 449, 458, 459, 471, 501, 504, 511, 517, 524, 552, 558, 579, 582, 587, 595, 605, 617, 629, 642, 647, 657, 660, 671, 683, 684, 691, 735, 747, 748, 749, 757, 765, 767, 758, 774, 787, 788, 796, 797, 799, 801, 802, 804, 808, 809, 821, 826, 831, 832, 835, 840, 843, 844, 846, 848, 849, 851, 854, 871, 881, 894, 903, 909, 911, 913, 919, 920, 937, 938, 948, 949, 950, 951, 957, 981, 983, 984, 985, 987, 988, 997, 998, 999, 1001, 1002, 1010, 1022, 1023, 1026, 1027, 1032, 1035, 1036, 1040, 1041, 1043, 1044, 1052, 1053, 1054, 1057, 1058, 1064, 1065, 1068, 1076, 1079, 1091, 1092, 1093, 1094, 1095, 1096, 1097, 1098, 1099, 1100, 1101, 1113, 1120, 1134, 1166, 1173, 1229, 1232, 1250, 1251, 1252, 1259, 1268, 1273, 1276, 1279, 1281, 1286, 1288, 1303, 1306, 1326, 1327.</p> <p>Jumlah = 271 Kuplet (20.4%)</p>

5.	Menilai Hujah	<p>2, 18, 19, 20, 24, 31, 46, 53, 54, 57, 68, 71, 79, 83, 85, 99, 100, 113, 120, 135, 136, 141, 142, 144, 152, 156, 175, 184, 188, 189, 190, 211, 204, 228, 237, 250, 251, 252, 254, 259, 263, 267, 268, 269, 272, 275, 293, 300, 301, 304, 315, 318, 324, 333, 340, 345, 350, 353, 359, 360, 375, 376, 379, 380, 391, 395, 397, 402, 408, 409, 421, 423, 436, 426, 443, 450, 502, 503, 505, 534, 537, 555, 573, 574, 581, 591, 597, 598, 599, 600, 602, 618, 626, 636, 637, 655, 656, 661, 662, 664, 665, 673, 676, 677, 682, 685, 686, 687, 693, 714, 721, 722, 723, 724, 725, 726, 727, 728, 729, 730, 752, 753, 754, 755, 763, 771, 772, 773, 775, 779, 781, 789, 790, 803, 806, 812, 822, 827, 833, 838, 839, 855, 856, 860, 862, 874, 875, 897, 906, 907, 912, 915, 916, 917, 918, 931, 932, 943, 960, 982, 986, 1000, 1004, 1007, 1008, 1009, 1011, 1012, 1013, 1014, 1015, 1016, 1017, 1018, 1019, 1020, 1021, 1029, 1031, 1038, 1048, 1059, 1063, 1067, 1070, 1080, 1081, 1085, 1089, 1090, 1102, 1103, 1104, 1117, 1119, 1131, 1132, 1133, 1135, 1136, 1137, 1138, 1151, 1152, 1153, 1154, 1155, 1156, 1157, 1158, 1159, 1160, 1164, 1167, 1168, 1171, 1172, 1176, 1181, 1184, 1185, 1186, 1187, 1216, 1217, 1218, 1219, 1221, 1222, 1225, 1237, 1241, 1242, 1243, 1245, 1246, 1247, 1248, 1256, 1258, 1260, 1267, 1270, 1277, 1285, 1287, 1305, 1308, 1309, 1321, 1323, 1328.</p> <p>Jumlah = 251 Kuplet (18.9%)</p>
----	---------------	---

Kajian ini hanya memfokuskan beberapa kuplet Tirukkural sebagai contoh untuk elemen-elemen pemikiran kritis dalam Tirukkural.

#### 4.2.1 Inferens

Inferens adalah satu andaian yang dibuat mengenai sesuatu perkara di mana ia mungkin betul atau salah. Ia merupakan persepsi pertama yang lahir berasaskan pengetahuan dan pengalaman seseorang tentang perkara tersebut. Inferens juga satu proses yang berkaitan dengan mental yang menjurus kepada kesimpulan berdasarkan bukti yang

khusus. Aspek inferens sentiasa digunakan dalam kehidupan seharian. Setiap kali kita membuat inferens, kita mempunyai alasan-alasan yang kuat. Sebagai contoh, semasa menunggu bas, kita membuat inferens bahawa bas akan datang pada masa yang tepat tetapi mungkin juga akan berlaku kelewatan. Kita membuat inferens sedemikian kerana dalam pengalaman yang lalu kita pernah banyak kali menunggu bas dan bas tiba tepat pada masanya. Inilah yang menyebabkan kita membuat inferens sedemikian.

Inferens membantu manusia berfikir secara relevan dan membuat kesimpulan yang cepat. Hal ini secara langsung, menjimatkan masa di mana kita tidak perlu mencari bukti atau alasan yang kukuh, kerana kita mempunyai pengalaman lepas yang memberikan tunjuk ajar kepada kita untuk membuat inferens. Dengan ini, kita dapat merumuskan bahawa inferens adalah sangat penting untuk meneruskan kehidupan. Hal ini jelas dinyatakan dalam kuplet-kuplet Tirukkuraḷ seperti berikut.

*Ceyarkariya ceyvār periyar cīriyar*  
*ceyarkariya ceykalā tār* (Kuplet 26)

(Orang yang menyempurnakan perbuatan baik akan disanjung sebaliknya orang yang tidak sedemikian dipandang rendah)

Kuplet Tirukkuraḷ ini bermaksud, orang yang menyempurnakan perbuatan yang disanjung adalah orang yang mulia dan beretika. Mereka dikenali sebagai ‘orang besar’ (orang yang dihormati) ataupun *Periyār* oleh *Tiruvalluvar*. Manakala, orang yang tidak dapat melakukan perbuatan yang disanjung adalah orang yang bertaraf rendah dan dipanggil sebagai *Cīriyār*. Manusia biasanya akan membuat tanggapan awal yang positif ataupun negatif dalam pertemuan yang pertama. Bagi membuat inferens yang tepat mengenai seseorang kita harus meneliti personalitinya bagi satu jangka masa tertentu. Ini kerana kita membuat keputusan atau rumusan tentang personaliti seseorang dengan hanya memerhati perbuatannya. Tetapi ada juga kemungkinan di mana

perbuatannya adalah hasil tekanan orang lain ataupun ditiru daripada orang lain. Ini mungkin menyebabkan pandangan kita tidak tepat sepenuhnya.

Seterusnya kuplet,

*Enñit tuñika karumam tuñintapiñ  
enñuvam enpatu ilukku* (Kuplet 467)

(Berfikirilah sebelum bertindak; menyesal kemudian tidak berguna)

juga menekankan konsep inferens kepada kita. Kuplet ini bermaksud, kita perlu berfikir secara mendalam tentang sesuatu tindakan sebelum melaksanakannya. Adalah tidak sesuai berfikir tentang tindakan yang sedang diambil setelah kita mula bertindak dalam perkara tersebut. Melalui kuplet ini, konsep inferens dapat dilihat dengan jelas di mana sebelum memulakan perkara yang baharu inferens akan memberikan maklumat ataupun tunjuk ajar kepada kita. Dengan itu kita boleh merancang dengan lebih baik lalu membetulkan kesilapan yang pernah dibuat sebelum bertindak. Inferens akan mempengaruhi setiap tindakan dengan menjadi panduan dan seterusnya menjurus kepada kejayaan.

Seterusnya kuplet yang berbunyi,

*Colluka collaip piritōrcol accollai  
velluñcol iñmai arintu* (Kuplet 645)

(Ketahuilah dahulu bahawa tiada perkataan lain yang akan mengatasi perkataan yang ingin diucap, dan kemudian ucapilah perkataan itu)

Kuplet ini turut menekankan konsep inferens kepada kita. Kuplet ini menjelaskan bahawa seseorang harus berfikir dengan baik sebelum memberikan sebarang pandangan atau penyelesaian sesuatu masalah supaya tidak dibangkang oleh orang lain. Apabila kita memberi pandangan atau hujah kita haruslah berfikir sama ada perkataan yang

disampaikan itu, menepati maksud yang sempurna dan tiada tandingannya. Kuplet ini juga menyarankan manusia agar memandang serius terhadap perkataan yang mereka gunakan semasa berkomunikasi. Oleh yang demikian, maksud kuplet ini akan menggerakkan kita supaya mengamalkan elemen inferens untuk berkomunikasi secara berkesan.

#### 4.2.2 Mengenalpasti andaian

Mengenalpasti andaian membawa maksud kebolehan untuk mengenalpasti anggapan yang dibuat dalam sesuatu kenyataan yang diberi. Mengenalpasti andaian adalah satu proses menganalisis sama ada anggapan ataupun ramalan tentang seseorang terhadap sesuatu perkara adalah benar atau tepat. Sebagai contoh, jika kita berpendapat bahawa seseorang itu mulia maka kita perlu mengenalpasti ciri-ciri mereka. Seorang yang mulia perlu mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran mulia, arif dan berbudi menilai hujah.

Kuplet Tirukkural yang menjelaskan konsep mengenalpasti andaian adalah seperti yang berikut.

*Porivāyil aintavittāṇ poytīr olukka  
nerinīrār nītuvāl vār* (Kuplet 6)

(Kawallah pancaindera supaya menjadi insan yang mulia dan panjang umur)

Orang yang berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama dan nilai-nilai moral dianggap sebagai insan yang mulia. Kebiasaannya individu yang berperwatakan mulia dianggap sebagai insan yang sempurna dan boleh dijadikan idola. Berdasarkan ajaran *Tiruvalluvar*, kita seharusnya meramal dahulu ciri-ciri seorang insan dari segi ajaran agama dan nilai-nilai moral supaya menjadi pegangan hidup. Tindakan ini akan membantu insan yang dapat mengawal nafsu serta mengamal kehidupan yang disanjung



oleh semua orang. Maka dengan meneliti secara kritis kuplet ini, kita seharusnya membuat andaian kearah pembentukan insan yang sempurna mengikut ajaran agama.

Tirukural yang seterusnya adalah,

*Uḷḷuva tellām uyarvuḷḷal maṙratu  
tallinun tallāmai nīrttu* (Kuplet 596)

(Fikirlah perkara yang bermutu tinggi, biarpun fikiran itu belum lagi tercapai, tetapi ia tidak seharusnya ditinggalkan)

Kuplet ini menyarankan kepentingan berfikiran positif dalam setiap tindakan manusia.

*Tiruvalluvar* menitikberatkan anggapan positif dalam setiap pergerakan kita.

Tanggapan positif ini akan menjadi dasar perjuangan manusia semasa menghadapi pelbagai cabaran hidup. Ia akan meningkatkan sifat-sifat seperti ingin mencuba, berani memberikan pendapat, semangat berjuang dan sentiasa bersedia menerima hakikat yang terhasil dari perbuatannya. Oleh yang demikian, membuat andaian secara positif sangat penting dalam kehidupan seharian kita.

Seterusnya kuplet yang mengalakkan pemikiran kritis dari segi elemen mengenalpasti andaian adalah,

*Ceytēmañ cārāc cīriyavar punkēṇmai  
eytaliṇ eytāmai nanṙu* (Kuplet 815)

(Adalah baik tiada kawan berbanding persahabatan yang kurang beriman)

Kuplet ini menggambarkan risiko persahabatan dengan individu yang tidak beretika.

Sebagai seorang manusia yang mengharapkan kehidupan aman damai, kita seharusnya bijak membuat andaian terhadap risiko-risiko yang bakal dihadapi sekiranya berkawan dengan individu yang tidak beretika ini. *Tiruvalluvar* menegaskan, adalah lebih baik persahabatan dengan orang yang kurang beretika tidak wujud dalam kehidupan seharian

kita kerana ia akan membawa pelbagai masalah yang tidak diingini. Maka, kuplet ini jelas memberi ruang kepada kita untuk membuat andaian yang wajar dalam pemilihan persahabatan.

#### 4.2.3 Deduktif

Deduktif atau deduksi bermaksud penalaran daripada kesimpulan atau rumusan umum kepada kes-kes khusus. Konsep ini membantu manusia mengamalkan kebudayaan turun temurun atau nilai murni yang sepatutnya perlu diamalkan. Selain itu, konsep deduktif juga membantu kita untuk membuat kesimpulan yang tepat dan mempunyai alasan yang kukuh. Konsep deduktif ini membolehkan manusia meluahkan pemikiran yang khusus dari segi kebaikan dan keburukan terhadap sesuatu isu atau pandangan luas yang sedang difikirkan. Elemen deduktif juga diterapkan dalam kuplet-kuplet Tirukkural.

Salah satu kuplet Tirukkural yang menerangkan konsep deduktif ialah,

*Viṇinru poyppin virinīr viyaṇulakattu*  
*uḷinru utarum paci* (Kuplet 13)

(Walaupun bumi dikelilingi dengan lautan yang luas, sekiranya hujan tidak turun kebuluran akan berleluasa dan menyakiti nyawa)

Kuplet ini mengutamakan pemikiran kritis yang memerlukan kemahiran menganalisis dan menyatakan ciri-ciri, kesan dan akibat sesuatu fenomena. Sebagai contoh *Tiruvalluvar* menyarankan kepentingan air dalam kehidupan seharian melalui kuplet ini. Manusia seharusnya bijak menganalisis dan menghuraikan penelitian sebab dan akibat sekiranya berlaku fenomena kemarau yang membawa masalah kekurangan air. Walaupun dunia ini dikelilingi dua per tiga bahagian air, tidak semuanya dapat dijadikan sebagai air minuman. Manusia harus sedar kepentingan air dan menjaga alam

sejagat ini dengan memperincikan setiap komponen pemeliharaan dan pemuliharaan alam ini.

Kuplet seterusnya yang mengutamakan pemikiran deduktif adalah,

*Alukkāru avāvekuli inṅāccol nāṅkum*

*ilukkā iyanraturam* (Kuplet 35)

(Sikap cemburu, tamah, kemarahan dan bertutur kasar menunjukkan ketidakadilan dan menjauhi daripada kesusilaan)

Kuplet ini memberi maksud bahawa masyarakat perlu menjauhkan diri daripada sikap cemburu, tamak, kemarahan dan bertutur kasar perlu bertindak dengan bijak dalam usaha mencirikan komponen-komponen kehidupan di jalan kebenaran. Melalui kuplet ini kita dapat membuat deduktif secara terperinci terhadap kebenaran hidup dengan melepaskan sikap cemburu, tamak haloba, kemarahan dan bertutur kasar. Seringkali manusia cemburu terhadap orang yang hidup lebih bahagia berbanding dengannya. Mereka berfikir seolah-olah golongan yang bahagia ini menjadi penghalang kepada kemajuan mereka. Ada juga yang tidak suka melihat pertolongan yang dihulurkan kepada orang lain. Sikap tamak haloba menyebabkan kita menjadi hamba kepada hawa nafsu dan pelbagai kehendak kehidupan. Kebendaan lebih diutamakan daripada sifat kemanusiaan. Secara ringkasnya, kuplet ini mengatakan bahawa manusia yang mempunyai nilai ketatasusilaan perlu menghapuskan atau menjauhi diri daripada sikap cemburu, tamak haloba dan kemarahan. Maka dengan itu kita dapat membuat satu deduktif iaitu, manusia perlu mematuhi kebenaran dan ketatasusilaan agar dapat mengelak diri daripada sebarang musibah.

Tirukkural seterusnya yang menunjukkan elemen deduktif ialah,

*Anpilār ellām tamakkuriyar anpuṭaiyār*

*enpum uriyar piṛarkku*

(Kuplet 72)

(Mereka yang tidak berkasih sayang hidup untuk diri sendiri sahaja; bagi mereka yang berkasih sayang akan korbankan segala-galanya untuk menolong orang lain)

Kuplet ini menggambarkan ciri-ciri seorang insan yang memiliki sifat penyayang berbanding dengan orang yang bukan penyayang. Manusia dilahirkan dengan tubuh dan akal yang sempurna untuk memainkan peranan dalam kehidupan sehariannya. Selain itu, harta dan kekayaan dunia juga penting. Namun, kehidupan manusia hanya akan sempurna sekiranya dia berhati mulia dengan perasaan kasih sayang. Ia akan menjadi pemangkin utama untuk mengatasi pemikiran yang kusut. Insan yang mempunyai perasaan kasih sayang akan menghormati hak orang lain. Dia tidak akan mementingkan diri dan tidak teragak-agak untuk membantu orang lain yang memerlukan bantuan.

Bagi mereka yang tidak ada perasaan kasih sayang, mereka akan sentiasa cuba untuk mendapatkan segala-galanya untuk diri sendiri. Di samping bermotif memiliki hak orang lain. Sebaliknya, insan yang penyayang sanggup mengorbankan hak miliknya demi orang yang disayangi. *Tiruvalluvar* menekankan konsep deduksi dengan mengenalpasti ciri-ciri seorang penyayang dan bukan penyayang supaya dijadikan pegangan hidup. *Tiruvalluvar* menyatakan bahawa seorang penyayang adalah insan yang sempurna dan disanjung tinggi.

#### **4.2.4 Interpretasi**

Interpretasi merujuk kepada penterjemahan dan pertimbangan terhadap sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan berdasarkan bukti atau dalil yang sah. Interpretasi

juga boleh dikatakan sebagai penerangan yang jelas bagi andaian awal atau hipotesis yang sesuai pada pandangan kita.

Dengan adanya konsep interpretasi kita boleh menganalisis maklumat dari segi kebaikan dan keburukan. Interpretasi membolehkan kita untuk bersikap terbuka. Kita mampu berfikir dari pelbagai sudut. Pemikiran sebegini selalu disokong dengan kenyataan yang kukuh. Interpretasi juga membolehkan kita mengenal pasti kebolehpercayaan sesuatu maklumat. Ini dapat mengelakkan diri kita dari tertipu.

Kuplet Tirukkuraḷ yang menjelaskan elemen interpretasi ialah,

*Vāymai eṇappatuvalu yāteṇiṇ yātonrum*  
*tīmai ilāta colal* (Kuplet 291)

(Sikap kebenaran melambangkan pertuturan yang tidak memburukan hati orang lain)

Kuplet ini membawa maksud bahawa, *Vāymai* (kebenaran) merujuk kepada pengucapan kata-kata yang tidak memberikan keburukan kepada orang lain. Sekiranya mendalami maksud kuplet kita mengetahui bahawa aspek kebenaran sentiasa berpihak kepada nilai kesopanan. Kita perlu sentiasa berbudi bahasa dan berhati-hati dalam pemilihan perkataan yang akan digunakan untuk bercakap agar ia tidak menyakiti hati orang lain. Kita mesti menggunakan perkataan yang baik dan manis agar dapat mengekalkan hubungan yang harmonis.

Dalam kuplet ini, seseorang harus mendalami maksud sebenar sesuatu ungkapan seperti *Vāymai* di mana individu tersebut harus berkebolehan menterjemah atau menginterpretasikan dan mengamalkannya mengikut situasi dan keperluan. Bagi menguasai kemahiran ini, seseorang harus memiliki pemikiran kritis yang membolehkan mereka bertindak dengan cemerlang.

Tirukural yang seterusnya ialah,

*Kaṇaikōṭitu yālkōṭu cevvitān kaṇṇai*  
*viṇaipatu pālār koḷal* (Kuplet 279)

(Anak panah yang berbentuk lurus bersifat kejam darisegi perbuatannya; serunai berbentuk lengkung tetapi memancarkan keharmonian merata; maka nilailah orangnya berdasarkan perbuatan dan bukannya berdasarkan kecantikan)

yang juga turut menjurus kepada elemen interpretasi. Kuplet ini bermaksud anak panah berbentuk lurus, tajam dan kelihatan menarik tetapi ia mampu mencederakan seseorang. Akan tetapi alat muzik *Yāl* yang kelihatan bengkok dan kurang menarik mampu mengeluarkan bunyi yang sangat merdu. Ini membuktikan bahawa, jangan menilai seseorang hanya berpandukan paras rupanya.

Kuplet ini juga menerangkan setiap tindakan manusia ada sebab musababnya. Walaupun sesuatu tindakan itu tidak betul atau salah di sisi undang-undang kemanusiaan, ia mesti ada sebabnya tersendiri. *Tiruvalluvar* menegaskan bahawa setiap individu harus menginterpretasikan keadaan dan kenapa sesuatu tindakan itu berlaku sebelum membuat sebarang keputusan. Ada kalanya, sesuatu tindakan yang menyakiti hati kita, apabila diteliti secara rasional kita dapat menerima akibat berlakunya tindakan tersebut.

Kuplet Tirukkural yang seterusnya juga menekankan elemen interpretasi,

*Cerukkuñ ciṇamum ciṇumaiyum illār*  
*perukkam perumita nīrttu* (Kuplet 431)

(Kekayaan orang yang bebas daripada keangkuhan, kemarahan dan hawa nafsu akan bertambah)

Maksud tersurat kuplet ini adalah, seorang insan akan mencapai kehidupan yang sempurna dan sejahtera sekiranya dia dapat menghindarkan tiga perkara seperti angkuh,

nafsu dan kemarahan. Sekiranya kita menginterpretasikan kuplet ini secara kritis, ia akan membawa makna yang lebih mendalam dan memerlukan kita berfikir secara rasional untuk menilai sikap angkuh, nafsu dan kemarahan mengikut situasi semasa. Seorang individu yang bijak harus menginterpretasikan setiap tindakbalas yang akan diterimanya apabila mengamalkan ketiga-tiga sikap negatif ini dalam kehidupan seharian. Pendek kata, dengan menghayati kuplet ini, seseorang dapat mengamalkan tingkah laku yang waras mengikut jalan kebenaran kerana berjaya menginterpretasikan baik-buruk sesuatu amalan.

#### **4.2.5 Menilai hujah**

Menilai hujah merujuk kepada perbuatan membezakan antara hujah yang kuat dan relevan dengan hujah yang lemah dan tidak relevan bagi sesuatu persoalan atau isu. Maksud menilai hujah ini membantu seseorang untuk membuat perbandingan terhadap pemikiran. Sekiranya pendapat mereka tidak sebegitu bernas, maka kenyataan itu tidak boleh diterima oleh semua. Seorang yang ingin mendapat pujian daripada masyarakat mestilah mengeluarkan hujah yang bernas

Apabila kita berhujah, matlamat kita ialah untuk membuktikan hujah kita adalah benar. Dengan hujah juga kita dapat membuktikan sama ada sesuatu dakwaan itu boleh diterima atau tidak. Berhujah adalah penting dalam konteks pembinaan ilmu pengetahuan. Kita perlu tahu sejauh mana sesuatu konsep atau teori itu dapat dipertahankan. Ini dapat dilakukan sebagai asas konsep tersebut. Berhujah dan menilai kesahan hujah-hujah orang lain adalah aktiviti penting dalam kehidupan intelektual. Aspek berhujah adalah intipati pemikiran kritis. Apabila kita menilai hujah orang lain kita menilai secara kritis pendapat dan penjelasan seseorang.

Berikut adalah beberapa contoh kuplet yang menggambarkan elemen menilai hujah dalam pemikiran kritis.

*Epporu! yāryārvāyk kētpiṇum apporu!  
meypporu! kāṇpa tarivu. (Kuplet 391)*

(Biarkan orang mengatakan apa-apa tentang sesuatu perkara, orang yang bijaksana akan mencari kebenaran fakta tersebut sebelum membuat keputusan)

Kuplet ini membawa maksud: 'kita harus menilai kebenaran sesuatu hujah atau maklumat yang diberikan oleh orang lain sebelum bertindak.' Berdasarkan saranan *Tiruvalluvar*, kita harus berkeupayaan menilai setiap maklumat atau hujah seseorang secara kritis mengikut situasinya. Kebenaran sesuatu maklumat biasanya bergantung kepada kehendak penyampainya. Adakalanya, kita mudah tertipu dengan fakta-fakta yang tidak betul dan relevan kerana terpicik dengan gaya penyampaian seseorang. Oleh yang demikian, *Tiruvalluvar* menegaskan bahawa kita harus meneliti dan menilai setiap informasi atau fakta yang diterima walaupun penyampainya merupakan orang yang berpengaruh.

Tirukkural yang seterusnya yang menerangkan elemen menilai hujah ialah,

*Karka kacaṭarak karpavai karrapin  
nirka atarkut taka (Kuplet 391)*

(Belajarlah bersungguh yang sepatutnya, dan amalkan dalam kehidupan)

Kuplet ini membawa maksud, kita harus menimba ilmu sepanjang hayat dan ilmu yang diperolehi harus diamalkan mengikut keperluan. Ilmu membolehkan seseorang menjadi celik huruf. Pendidikan amat penting bagi setiap insan untuk mencapai kemajuan. Manusia yang berpendidikan tinggi disanjung oleh masyarakat dunia. Jadi adalah sangat penting untuk kita mendapatkan ilmu dalam kehidupan kita. Ilmu itu juga perlu diperolehi dengan sempurna dan dengan hati yang terbuka. Selepas mendapat ilmu,



seseorang perlu menilai kerelevanan, keperluan dan kaitannya dengan kehidupan supaya ilmu yang diperolehi kekal dalam mindanya untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Selain daripada itu, individu juga harus peka dalam penilaian sesuatu hujah samaada maklumat yang disampaikan itu mengikut peredaran masa dan keperluan semasa.

Tirukural yang seterusnya adalah,

*Kaṇṇinru kaṇṇarac collinūm collarka*  
*munṇinru piṇṇōkkāc col* (Kuplet 184)

(Beranilah berucap di depan seseorang; jangan berucap kata-kata fitnah di belakangnya)

Kuplet ini bermaksud, kita harus berani memberikan pendapat atau berhujah apabila bersemuka dengan seseorang. Sekiranya, kita memberi pandangan negatif tanpa kehadiran individu tersebut implikasi negatifnya sangat tinggi dan kita akan dipandang hina oleh orang lain.

Dalam kuplet ini, pemikiran aras tinggi dari segi aspek menilai hujah dapat dikesan. Kita harus menilai hujah diri sendiri sebelum menyampaikan kepada orang lain. *Tiruvalluvar* menegaskan penilaian sendiri di samping penilaian terhadap maklumat yang diterima. Penilaian sendiri sangat penting supaya apa yang ingin disampaikan benar, relevan dan diterima tanpa bantahan oleh orang lain. Dengan membuat penilaian sendiri individu dapat menyampaikan maklumat secara tepat dan bernas. Bagi tindakan ini, kita harus memiliki kemahiran penilaian hujah yang berkesan.

### 4.3 Analisis Data Deskriptif

Analisis diskriptif kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk menghuraikan faktor demografi, skor ujian serta pencapaian pelajar. Kajian ini dijalankan terhadap 400 orang responden masyarakat India di Semenanjung Malaysia. Penyelidik menetapkan 50 peratus subjek lelaki dan 50 peratus subjek perempuan iaitu 200 orang bagi setiap jantina. Rujuk Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Taburan sampel mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	200	50.0
Perempuan	200	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Selain itu penetapan umur responden turut diagihkan sama rata mengikut jantina. Responden yang berumur 25 tahun dan kurang adalah seramai 100 orang (50 orang lelaki dan 50 orang perempuan). Kriteria yang sama digunakan dalam pemilihan responden yang berumur antara 26 tahun hingga 40 tahun, 41 tahun hingga 60 tahun seta 61 tahun dan ke atas iaitu masing-masing 100 orang bagi setiap kumpulan umur (50 orang lelaki dan 50 orang perempuan bagi setiap kumpulan). Rujuk Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Taburan sampel mengikut jantina dan kumpulan umur

Jantina	25 tahun dan ke bawah		26 tahun – 40 tahun		41 tahun – 60 tahun		61 tahun dan ke atas	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	50	12.5	50	12.5	50	12.5	50	12.5
Perempuan	50	12.5	50	12.5	50	12.5	50	12.5
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>25.0</b>	<b>100</b>	<b>25.0</b>	<b>100</b>	<b>25.0</b>	<b>100</b>	<b>25.0</b>

Kajian ini turut melibatkan responden yang pendidikan berijazah dan bukan berijazah. Responden lelaki yang berpendidikan peringkat ijazah adalah seramai 55 orang (13.7%) manakalah bukan ijazah adalah seramai 145 orang (36.3%). Bagi bagi responden perempuan yang membantu kajian ini seramai 52 orang (13.0%) merupakan orang yang mempunyai pendidikan berijazah manakala 148 orang (37.0%) merupakan orang yang bukan berijazah. Rujuk jadual 4.4.

Jadual 4.4: Taburan sampel mengikut jantina dan tahap pendidikan

Jantina	Bukan Berijazah		Berijazah	
	Bil	%	Bil	%
Lelaki	145	36.3	55	13.7
Perempuan	148	37.0	52	13.0
<b>Jumlah</b>	<b>293</b>	<b>73.3</b>	<b>107</b>	<b>26.7</b>

Taraf kerjaya responden turut dijadikan salah satu pembolehubah kajian ini. Bagi tujuan kategori kerjaya penyelidik membahagikan kerjaya dalam dua bahagian yang utama iaitu kerjaya sebagai seorang profesional dan bukan profesional. Seramai 130 orang responden (32.5%) yang dipilih bekerja sebagai profesional manakala 270 orang responden (67.5%) bekerja sebagai bukan profesional. Rujuk jadual 4.5.

Jadual 4.5: Taburan sampel mengikut jantina dan taraf kerjaya

Jantina	Bukan Profesional		Profesional	
	Bil	%	Bil	%
Lelaki	134	33.5	66	16.5
Perempuan	136	34.0	64	16.0
<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>67.5</b>	<b>130</b>	<b>32.5</b>

#### 4.3.1 Tahap Pengaplikasian Kemahiran Pemikiran Kritis Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural

Penyelidik telah menggunakan analisis diskriptif untuk menjelaskan kesemua komponen persoalan kajian kedua hingga keempat. Persoalan kajian kedua adalah “sejauhmanakah tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?” Persoalan kajian ketiga pula berbunyi “sejauhmanakah tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?” manakala persoalan kajian keempat adalah “sejauhmanakah tahap pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?” Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian ini penyelidik telah menggunakan analisis diskriptif untuk menetapkan gred pencapaian berdasarkan min dan sisihan piawai skor mentah.

Penentuan gred adalah salah satu proses yang biasa digunakan untuk mengkategorikan pencapaian responden dalam bentuk rujukan norma. Norma rujukan

responden digunakan untuk membanding responden dengan responden yang lain dalam kumpulan yang sama mengikut keupayaan masing-masing. Kaedah gred lengkung norma dikira berdasarkan min dan sisihan piawai skor sesuatu kumpulan responden (Pallant, 2011 : 285).

Pengkaji telah menjalankan analisis min dan sisihan piawai terlebih dahulu kerana skor min dan sisihan piawai bagi setiap komponen kajian merupakan asas kepada pembentukan gred tahap pengaplikasian. Hasil analisis menunjukkan min dan sisihan piawai inferens,  $M = 34.24$ ;  $SP = 4.88$ . Min dan sisihan piawai andaian,  $M = 34.92$ ;  $SP = 4.95$ . Min dan sisihan piawai deduksi,  $M = 34.09$ ;  $SP = 5.29$ . Min dan sisihan piawai interpretasi,  $M = 33.14$  ;  $SP = 5.23$ . Min dan sisihan piawai bahasa –  $M = 32.99$ ;  $SP = 5.31$ . Rujuk Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai kesemua komponen pemikiran kritis

Komponen	Bilangan (N)	Min	Sisihan piawai
Inferens	400	34.24	4.88
Andaian	400	34.92	4.95
Deduksi	400	34.09	5.29
Interpretasi	400	33.14	5.23
Bahas	400	32.99	5.31

Seterusnya, hasil rumusan bagi pembahagian dua gagasan utama pemikiran kritis menunjukkan min dan sisihan piawai bagi gagasan penyelesaian masalah,  $M = 103.25$ ;  $SP = 14.00$ . Min dan sisihan piawai bagi gagasan penelitian sebab dan akibat pula adalah  $M = 65.96$ ; dan  $SP = 9.80$ . Rujuk Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai dua gagasan utama pemikiran kritis

Komponen	Bilangan (N)	Min	Sisihan piawai
Penyelesaian Masalah	400	103.25	14.00
Penelitian Sebab dan Akibat	400	65.96	9.80

#### 4.3.1.1 Tahap pengaplikasian penelitian sebab dan akibat

Sebanyak 18 item iaitu item bernombor 7, 8, 9, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 26, 33, 34, 35, 37, 38, 41, dan 42 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian gagasan penelitian sebab dan akibat. Berdasarkan Jadual 4.8, tahap pengaplikasian gagasan penelitian sebab dan akibat di tahap cemerlang adalah 5.0% sahaja iaitu 20 orang responden. Seramai 99 orang responden, 24.7% berada di tahap sangat baik dan 43.0% iaitu 172 orang di tahap baik. 21.3% iaitu 85 orang responden berada di tahap sederhana dan 24 orang atau 6.0% masih lagi lemah dalam gagasan penelitian sebab dan akibat. Tahap sederhana dan lemah hampir 27.3% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.8: Tahap pengaplikasian gagasan penelitian sebab dan akibat

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
82 dan ke atas	Cemerlang	20	5.0
72 – 81	Sangat baik	99	24.7
61 – 71	Baik	172	43.0
51 – 60	Sederhana	85	21.3
50 dan ke bawah	Lemah	24	6.0
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

Gagasan penelitian sebab dan akibat merangkumi dua bahagian utama dalam kemahiran pemikiran kritis iaitu kemahiran interpretasi dan kemahiran berbahasa. Analisis diskriptif untuk menetapkan gred pencapaian berdasarkan min dan sisihan piawai skor mentah bagi kemahiran-kemahiran tersebut adalah seperti berikut:

#### 4.3.1.1.1 Interpretasi

Sebanyak 9 item iaitu item bernombor 8, 12, 13, 14, 16, 19, 34, 35, dan 41 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian kemahiran interpretasi. Berdasarkan Jadual 4.9, tahap pengaplikasian kemahiran interpretasi di tahap cemerlang adalah 3.5% sahaja iaitu 14 orang responden. Seramai 83 orang responden, 20.7% berada di tahap sangat baik dan 47.0% iaitu 188 orang di tahap baik. 24.0% iaitu 96 orang responden berada di tahap sederhana dan 19 orang atau 4.8% masih lagi lemah dalam kemahiran interpretasi. Tahap sederhana dan lemah hampir 28.8% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.9: Tahap pengaplikasian kemahiran interpretasi

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
42 dan ke atas	Cemerlang	14	3.5
37 – 41	Sangat baik	83	20.7
31 – 36	Baik	188	47.0
25 – 30	Sederhana	96	24.0
24 dan ke bawah	Lemah	19	4.8
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

#### 4.3.1.1.2 Menilai hujah

Sebanyak 9 item iaitu item bernombor 7, 9, 15, 17, 26, 33, 37, 38, dan 42 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian kemahiran menilai hujah. Berdasarkan Jadual 4.10, tahap pengaplikasian kemahiran menilai hujah di tahap cemerlang adalah 4.5% sahaja iaitu 18 orang responden. Seramai 88 orang responden, 22.0% berada di tahap sangat baik dan 47.7% iaitu 191 orang di tahap baik. 20.3% iaitu 81 orang responden berada di tahap sederhana dan 22 orang atau 5.5% masih lagi lemah dalam kemahiran menilai hujah. Tahap sederhana dan lemah hampir 25.8% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.10: Tahap pengaplikasian kemahiran menilai hujah

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
42 dan ke atas	Cemerlang	18	4.5
37 – 41	Sangat baik	88	22.0
30 – 36	Baik	191	47.7
25 – 29	Sederhana	81	20.3
24 dan ke bawah	Lemah	22	5.5
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>



#### 4.3.1.2 Tahap pengaplikasian penyelesaian masalah

Sebanyak 27 item iaitu item bernombor 1, 2, 3, 4, 5, 6, 10, 11, 18, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 36, 39, 40, 43, 44 dan 45 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian gagasan penyelesaian masalah. Berdasarkan Jadual 4.11, tahap pengaplikasian gagasan penyelesaian masalah di tahap cemerlang adalah 7.5% sahaja iaitu 30 orang responden. Seramai 94 orang responden, 23.5% berada di tahap sangat baik dan 38.0% iaitu 152 orang di tahap baik. 24.0% iaitu 96 orang responden berada di tahap sederhana dan 28 orang atau 7.0% masih lagi lemah dalam gagasan penyelesaian masalah. Tahap sederhana dan lemah hampir 31.0% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.11: Tahap pengaplikasian penyelesaian masalah

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
125 dan ke atas	Cemerlang	30	7.5
111 – 124	Sangat baik	94	23.5
96 – 110	Baik	152	38.0
82 – 95	Sederhana	96	24.0
81 dan ke bawah	Lemah	28	7.0
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

Gagasan penyelesaian masalah merangkumi tiga bahagian utama dalam kemahiran pemikiran kritis iaitu kemahiran inferens, kemahiran andaian dan kemahiran deduksi. Analisis diskriptif untuk menetapkan gred pencapaian berdasarkan min dan sisihan piawai skor mentah bagi kemahiran-kemahiran tersebut adalah seperti berikut:

#### 4.3.1.2.1 Inferens

Sebanyak 9 item iaitu item bernombor 3, 11, 18, 23, 30, 32, 36, 43, dan 45 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian kemahiran inferens. Berdasarkan Jadual 4.12, tahap pengaplikasian kemahiran inferens di tahap cemerlang adalah 1.5% sahaja iaitu 6 orang responden. Seramai 112 orang responden, 28.0% berada di tahap sangat baik dan 37.7% iaitu 151 orang di tahap baik. 27.0% iaitu 108 orang responden berada di tahap sederhana dan 23 orang atau 5.8% masih lagi lemah dalam kemahiran inferens. Tahap sederhana dan lemah hampir 32.8% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.12: Tahap pengaplikasian kemahiran inferens

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
43 dan ke atas	Cemerlang	6	1.5
33 – 42	Sangat baik	112	28.0
32 – 37	Baik	151	37.8
27 – 31	Sederhana	108	27.0
26 dan ke bawah	Lemah	23	5.8
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

#### 4.3.1.2.2 Andaian

Sebanyak 9 item iaitu item bernombor 1, 10, 21, 22, 25, 31, 39, 40, dan 44 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian kemahiran berandaian. Berdasarkan Jadual 4.13, tahap pengaplikasian kemahiran berandaian di tahap cemerlang adalah 5.7% sahaja iaitu 23 orang responden. Seramai 103 orang responden, 25.8% berada di tahap sangat baik dan 40.7% iaitu 163 orang di tahap baik.

22.5% iaitu 90 orang responden berada di tahap sederhana dan 21 orang atau 5.3% masih lagi lemah dalam kemahiran berandaian. Tahap sederhana dan lemah hampir 27.8% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.13: Tahap pengaplikasian kemahiran berandaian

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
43 dan ke atas	Cemerlang	23	5.7
38 – 42	Sangat baik	103	25.8
32 – 37	Baik	163	40.7
27 – 31	Sederhana	90	22.5
26 dan ke bawah	Lemah	21	5.3
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

#### 4.3.1.2.3 Deduksi

Sebanyak 9 item iaitu item bernombor 2, 4, 5, 6, 20, 24, 27, 28, dan 29 daripada soalselidik telah digunakan untuk mengetahui tentang tahap pengaplikasian kemahiran deduksi. Berdasarkan Jadual 4.14, tahap pengaplikasian kemahiran deduksi di tahap cemerlang adalah 5.2% sahaja iaitu 21 orang responden. Seramai 91 orang responden, 22.8% berada di tahap sangat baik dan 45.0% iaitu 180 orang di tahap baik. 21.2% iaitu 85 orang responden berada di tahap sederhana dan 23 orang atau 5.8% masih lagi lemah dalam kemahiran deduksi. Tahap sederhana dan lemah hampir 27.0% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.14: Tahap pengaplikasian kemahiran deduksi

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
43 dan ke atas	Cemerlang	21	5.2
38 – 42	Sangat baik	91	22.8
31 – 37	Baik	180	45.0
26 – 30	Sederhana	85	21.2
25 dan ke bawah	Lemah	23	5.8
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

#### 4.3.1.3 Tahap keseluruhan pemikiran kritis

Secara keseluruhannya, sebanyak 45 item digunakan untuk mengetahui tentang tahap keseluruhan pemikiran kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Berdasarkan Jadual 4.15, tahap keseluruhan pemikiran kritis di tahap cemerlang adalah 6.0% sahaja iaitu 24 orang responden. Seramai 111 orang responden, 27.7% berada di tahap sangat baik dan 35.8% iaitu 143 orang di tahap baik. 21.7% iaitu 87 orang responden berada di tahap sederhana dan 35 orang atau 8.8% masih lagi lemah. Tahap sederhana dan lemah hampir 30.5% daripada jumlah sebenar. Kebanyakan responden berada di tahap baik sahaja.

Jadual 4.15: Tahap keseluruhan pemikiran kritis

Julat Skor Min	Tahap	Bil	%
204 dan ke atas	Cemerlang	24	6.0
181 – 203	Sangat baik	111	27.7
158 – 180	Baik	143	35.8
135 – 157	Sederhana	87	21.7
134 dan ke bawah	Lemah	35	8.8
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>100%</b>

#### 4.4 Analisis Inferensi

##### 4.4.1 Pengaruh Jantina Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia

Kaedah analisis inferensi telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ke kelima hingga kelapan. Penyelidik telah membina dan menjawab satu hipotesis nul utama dan dua hipotesis sampingan berikut berdasarkan persoalan kajian kelima, “Adakah jantina mempengaruhi tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?”

HO<sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 2.286$ ,  $p = 0.702$  ( $p > 0.05$ ) adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi jantina lelaki masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia ( $\underline{M} = 168.62$ ,  $\underline{SP} = 22.25$ ) berbanding perempuan ( $\underline{M} = 169.49$ ,  $\underline{SP} = 23.46$ ). HO<sub>1</sub> diterima. Rujuk Jadual 4.16 dan 4.17.

Jadual 4.16: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina

Jantina	Pemikiran Kritis		
	N	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	200	168.62	22.25
Perempuan	200	169.49	23.46

Jadual 4.17: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Pemikiran</i>	Persamaan Varian	0.406	0.524	-0.383	398	0.702
<i>Kritis</i>	Andaian					
	Persamaan Varian B/Andaian			-0.383	396.90	0.702

Signifikan pada aras 0.05

$H_{0.1}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 0.981$ ,  $p = 0.795$  ( $p > 0.05$ ) adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi jantina lelaki masyarakat India yang

berpendidikan Tamil di Malaysia ( $\underline{M} = 65.84$ ,  $\underline{SP} = 9.48$ ) berbanding perempuan ( $\underline{M} = 66.01$ ,  $\underline{SP} = 10.14$ ).  $HO_1$  diterima. Rujuk Jadual 4.18 dan 4.19.

Jadual 4.18: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina.

Jantina	Penelitian Sebab dan Akibat		
	N	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	200	65.84	9.48
Perempuan	200	66.09	10.14

Jadual 4.19: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Sebab dan</i>	Persamaan Varian	0.013	0.908	-0.260	398	0.795
<i>Akibat</i>	Andaian					
	Persamaan Varian			-0.260	396.21	0.795
	B/Andaian					

Signifikan pada aras 0.05

$HO_{1.2}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan jantina.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 1.402$ ,  $p = 0.770$  ( $p > 0.05$ ) adalah tidak signifikan. Keputusan

ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi jantina lelaki masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia ( $\underline{M} = 103.05$ ,  $\underline{SP} = 13.41$ ) berbanding perempuan ( $\underline{M} = 103.46$ ,  $\underline{SP} = 14.61$ ).  $H_{01}$  diterima. Rujuk Jadual 4.20 dan 4.21.

Jadual 4.20: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan jantina.

Jantina	Penyelesaian Masalah		
	N	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	200	103.05	13.41
Perempuan	200	103.46	14.61

Jadual 4.21: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Penyelesaian Masalah</i>	Persamaan Varian Andaian	3.041	0.082	-0.292	398	0.770
	Persamaan Varian B/Andaian			-0.292	395.10	0.770

Signifikan pada aras 0.05

#### 4.4.2 Pengaruh Umur Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia

Penyelidik telah membina dan menjawab satu hipotesis nul utama dan dua hipotesis sampingan berikut berdasarkan persoalan kajian keenam, “Adakah kumpulan umur



mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?”

HO<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

Hasil keputusan analisis ANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan pada aras  $p > 0.05$ ,  $F(3,396) = 480.53$ ,  $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Berdasarkan keputusan analisis ini, hipotesis nul 2 ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan bagi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur. Jadual 4.22, 4.23 dan 4.24.

Jadual 4.22: Analisis statistik ANOVA sehalu bagi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural berdasarkan kumpulan umur

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
25 tahun dan ke bawah	100	158.400	19.087
26 hingga 40 tahun	100	168.380	22.923
41 hingga 60 tahun	100	174.370	25.025
61 tahun dan ke atas	100	175.060	20.152
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>169.052</b>	<b>22.839</b>

Jadual 4.23: Ujian Kehomogenan Varian(a)

<i>Statistik Levene</i>	<i>Dk1</i>	<i>Dk2</i>	<i>Sig.</i>
3.171	3	396	0.024

Jadual 4.24: Ujian ANOVA Sehala

	<i>Jumlah Kuasa Dua</i>	<i>dk</i>	<i>Min Kuasa Dua</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Antara kumpulan</i>	17829.387	3	5943.129	12.368	0.000
<i>Dalam kumpulan</i>	190290.510	396	480.532		
<b><i>Jumlah</i></b>	<b>208119.897</b>	<b>399</b>			

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>2.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

Hasil keputusan analisis ANOVA Sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan pada aras  $p > 0.05$ ,  $F(3,396) = 90.162$ ,  $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Berdasarkan keputusan analisis ini, hipotesis nul 2.1 ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan bagi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur. Jadual 4.25, 4.26 dan 4.27.

Jadual 4.25: Analisis statistik ANOVA sehalu bagi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuṛal berdasarkan kumpulan umur

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
25 tahun dan ke bawah	100	61.870	8.855
26 hingga 40 tahun	100	65.760	10.270
41 hingga 60 tahun	100	67.900	9.925
61 tahun dan ke atas	100	68.320	8.845
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>65.963</b>	<b>9.799</b>

Jadual 4.26: Ujian Kehomogenan Varian(a)

Statistik Levene	Dk1	Dk2	Sig.
1.070	3	396	0.362

Jadual 4.27: Ujian ANOVA Sehalu

	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara kumpulan	2610.128	3	870.043	9.650	0.000
Dalam kumpulan	35704.310	396	90.162		
<b>Jumlah</b>	<b>38314.438</b>	<b>399</b>			

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>2.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India di yang berpendidikan Tamil Malaysia berdasarkan kumpulan umur.

Hasil keputusan analisis ANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan pada aras  $p > 0.05$ ,  $F(3,396) = 181.231$ ,  $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Berdasarkan keputusan analisis ini, hipotesis nul 2.2 ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan bagi tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kumpulan umur. Jadual 4.28, 4.29 dan 4.30.

Jadual 4.28: Analisis statistik ANOVA sehalu bagi tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural berdasarkan kumpulan umur

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
25 tahun dan ke bawah	100	96.670	11.249
26 hingga 40 tahun	100	103.300	14.045
41 hingga 60 tahun	100	106.220	15.959
61 tahun dan ke atas	100	106.810	12.101
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>103.250</b>	<b>14.004</b>

Jadual 4.29: Ujian Kehomogenan Varian(a)

<i>Statistik Levene</i>	<i>Dk1</i>	<i>Dk2</i>	<i>Sig.</i>
7.150	3	396	0.000

Jadual 4.30: Ujian ANOVA Sehalu

	<i>Jumlah Kuasa Dua</i>	<i>dk</i>	<i>Min Kuasa Dua</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Antara kumpulan</i>	6479.340	3	2159.780	11.917	0.000
<i>Dalam kumpulan</i>	71767.660	396	181.231		
<b><i>Jumlah</i></b>	<b>78247.000</b>	<b>399</b>			

Signifikan pada aras 0.05

#### 4.4.3 Pengaruh Pendidikan Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia

Penyelidik telah membina dan menjawab satu hipotesis nul utama dan dua hipotesis sampingan berikut berdasarkan persoalan kajian ketujuh iaitu, “Adakah tahap pendidikan mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?”

HO3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 2.533$ ,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Keputusan ujian

menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berpendidikan peringkat ijazah di Malaysia ( $\underline{M} = 176.44$ ,  $\underline{SP} = 20.33$ ) berbanding masyarakat India yang berpendidikan tidak berijazah di Malaysia ( $\underline{M} = 166.35$ ,  $\underline{SP} = 20.33$ ).  $H_0$  ditolak. Rujuk Jadual 4.31 dan 4.32.

Jadual 4.31: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.

Jantina	Pemikiran Kritis		
	N	Min	Sisihan Piawai
Bukan Berijazah	293	166.35	23.14
Berijazah	107	176.44	20.33

Jadual 4.32: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Pemikiran</i>	Persamaan Varian	4.682	0.031	-3.981	398	0.000
<i>Kritis</i>	Andaian					
	Persamaan Varian			-4.228	212.77	0.000
	B/Andaian					

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>3.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 1.095$ ,  $p = 0.002$  ( $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berpendidikan peringkat ijazah di Malaysia ( $M = 68.46$ ,  $SP = 7.98$ ) berbanding masyarakat India yang berpendidikan tidak berijazah di ( $M = 65.05$ ,  $SP = 10.25$ ). HO<sub>3.1</sub> ditolak. Rujuk Jadual 4.33 dan 4.34.

Jadual 4.33: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.

Jantina	Penelitian Sebab dan Akibat		
	N	Min	Sisihan Piawai
Bukan Berijazah	293	65.05	10.25
Berijazah	107	68.48	7.98

Jadual 4.34: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Sebab dan</i>	Persamaan Varian	9.801	0.002	-3.111	398	0.002
<i>Akibat</i>	Andaian					
	Persamaan Varian			-3.489	240.36	0.001
	B/Andaian					

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>3.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan tahap pendidikan.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 1.553$ ,  $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berpendidikan peringkat ijazah di Malaysia ( $M = 107.81$ ,  $SP = 12.73$ ) berbanding masyarakat India yang berpendidikan tidak berijazah di ( $M = 101.58$ ,  $SP = 14.10$ ). HO<sub>3.2</sub> ditolak. Rujuk Jadual 4.35 dan 4.36.



Jadual 4.35: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan tahap pendidikan.

Jantina	Penyelesaian Masalah		
	N	Min	Sisihan Piawai
Bukan Berijazah	293	101.58	14.10
Berijazah	107	107.81	12.73

Jadual 4.36: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Penyelesaian Masalah</i>	Persamaan Varian	3.538	0.061	-4.012	398	0.000
	Andaian Persamaan Varian B/Andaian			-4.208	207.19	0.000

Signifikan pada aras 0.05

#### 4.4.4 Pengaruh Kerjaya Ke Atas Tahap Pengaplikasian Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Masyarakat India Yang Berpendidikan Tamil Di Malaysia

Penyelidik telah membina dan menjawab satu hipotesis nul utama dan dua hipotesis sampingan berikut berdasarkan persoalan kajian ketujuh, “Adakah kerjaya mempengaruhi tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia?”

HO4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara menyeluruh dari segi pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 2.425$ ,  $p = 0.022$  ( $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berkerja sebagai profesional ( $M = 172.82$ ,  $SP = 21.06$ ) berbanding masyarakat India yang berkerja sebagai bukan profesional di Malaysia ( $M = 167.24$ ,  $SP = 23.47$ ). HO<sub>4</sub> ditolak. Rujuk Jadual 4.37 dan 4.38.

Jadual 4.37: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.

Jantina	Pemikiran Kritis		
	N	Min	Sisihan Piawai
Profesional	130	172.82	21.06
Bukan Profesional	270	167.24	23.47

Jadual 4.38: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Pemikiran Kritis</i>	Persamaan Varian	2.799	0.095	2.303	398	0.022
	Andaian					
	Persamaan Varian B/Andaian			2.393	281.25	0.017

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>4.1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 1.044$ ,  $p = 0.115$  ( $p > 0.05$ ) adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berkerja sebagai profesional di Malaysia ( $M = 67.08$ ,  $SP = 8.51$ ) berbanding masyarakat India yang berkerja sebagai bukan profesional di ( $M = 65.43$ ,  $SP = 10.33$ ). HO<sub>4.1</sub> diterima. Rujuk Jadual 4.39 dan 4.40.

Jadual 4.39: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.

Jantina	Penelitian Sebab dan Akibat		
	N	Min	Sisihan Piawai
Profesional	103	67.08	8.51
Bukan Profesional	270	65.43	10.33

Jadual 4.40: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Sebab dan</i>	Persamaan Varian	5.812	0.016	1.581	398	0.115
<i>Akibat</i>	Andaian					
	Persamaan Varian			1.691	303.71	0.092
	B/Andaian					

Signifikan pada aras 0.05

HO<sub>4.2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berdasarkan kerjaya.

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai  $t(398) = 1.486$ ,  $p = 0.017$  ( $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berkerja sebagai profesional di Malaysia ( $M = 105.66$ ,  $SP = 13.45$ ) berbanding masyarakat India yang berkerja sebagai bukan profesional di ( $M = 102.09$ ,  $SP = 14.14$ ). HO<sub>4.2</sub> ditolak. Rujuk Jadual 4.41 dan 4.42.

Jadual 4.41: Analisis statistik diskriptif skor min dan sisihan piawai tahap pengaplikasian penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural berdasarkan kerjaya.

Jantina	Penyelesaian Masalah		
	N	Min	Sisihan Piawai
Profesional	130	105.66	13.45
Bukan Profesional	270	102.09	14.14

Jadual 4.42: Ujian-t Sampel Tidak Bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
<i>Penyelesaian Masalah</i>	Persamaan Varian	0.594	0.442	2.404	398	0.017
	Andaian Persamaan Varian B/Andaian			2.447	266.70	0.015

Signifikan pada aras 0.05

#### 4.5 Analisis Temubual

Pendekatan kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini bertujuan untuk memperincikan lagi dapatan yang diperolehi daripada analisis kuantitatif. Kaedah temubual individu digunakan untuk mendapat penjelasan lanjut tentang faktor-faktor di atas. Maklumat yang disebut dalam temubual secara berulang-ulang merupakan perkara penting. Hal ini demikian kerana bukti kualitatif dari maklumat tersebut akan dianalisis bersama bukti kuantitatif. Gabungan analisis data kuantitatif dan kualitatif membolehkan kajian ini lebih kaya maklumat dan kebolehpercayaan dapatan kajian adalah lebih tinggi.

Kajian ini mengumpulkan data daripada sepuluh informan dengan menggunakan teknik temu bual.

#### **4.5.1 Tema kajian**

Soalan-soalan kajian telah ditetapkan berdasarkan lima tema berikut:

1. Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India
2. Dorongan dan halangan yang terdapat dalam pemikiran kritis
3. Aspek yang mempengaruhi pemikiran kritis
4. Pengaruh Tirukkural dalam memperkembangkan pemikiran kritis
5. Penerapan Tirukkural dalam kehidupan seharian

##### **4.5.1.1 Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India**

Pemikiran kritis mula berkembang pada abad ke -20.

*Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India Malaysia pula tercetus pada tahun 1966 di Konferens Tamil Antarabangsa ke -1 yang dipengerusikan oleh Thaninaayagam Adigalaar. Selaras dengan itu, konsep pemikiran ini dibangunkan di institutsi-institutsi pengajian. Pemikiran kritis tersebut sedikit sebanyak dipengaruhi dengan kefahaman liberalisme bersifat barat.*

*(Informan 1)*

Informan rata-rata menyatakan bahawa pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India Malaysia masih berada di tahap sederhana. Kebanyakan masyarakat India mengutamakan dan terlebih lahirkan emosi semasa bertindak. Mereka gagal untuk berfikir secara rasional dan terlalu mengikut perasaan.

*Kadar pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India adalah masih kurang. Mereka terlalu mengikut perasaan yang menyerabutkan fikiran. Apabila tertarik dengan sesuatu mereka mendekatkan diri dan cuba untuk memilikinya secepat mungkin. Namun, sekiranya hasrat tidak tercapai, mereka menjauhkan diri dengan segera dan mengundang sengsara di jiwa. Tindakan sebegini menunjukkan kegagalan masyarakat untuk berfikir secara rasional.*

*(Informan 2)*

Pada masa yang sama, penumpuan terhadap golongan muda India zaman sekarang pula menunjukkan perkembangan pemikiran kritis dalam kehidupan seharian mereka. Namun begitu, bilangan tersebut juga masih kurang. Hanya segelintar golongan menampilkan gagasan pemikiran kritis dalam tindakan mereka.

*Pemikiran kritis dalam kalangan generasi muda pada masa kini mula menunjukkan perkembangan. Pemikiran golongan ini kebanyakannya masih lagi berpusatkan tradisional, kesusasteraan, agama dan menilai hujah. Mereka sudah mula berfikir secara sistematik dan merancang kehidupan mereka. Contohnya, golongan muda kini berpandangan jauh dalam proses mendirikan rumah tangga.*

*(Informan 3)*

Kegagalan masyarakat India dalam menampilkan pemikiran kritis dapat dilihat dalam kes jenayah yang semakin berleluasa di negara ini. Kes-kes sebegini menampakkan kesan yang berlaku akibat tidak berfikir.

*Masyarakat India biasanya terpengaruh dengan naluri dan emosi serta bertindak mengikutnya. Keadaan sebegini meningkatkan kadar jenayah dalam kalangan mereka.*

*(Informan 4)*

Selain itu, sikap manusia itu sendiri mewujudkan kekangan kepada pemikiran kritis masyarakat India. Sikap materialistik dan individualistik semakin berleluasa. Keinginan untuk memiliki harta benda menguasai minda dan menghalang mereka untuk mempertimbangkan baik buruk sesuatu perkara.

*Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India dapat dilihat dalam sesetengah perkara. Namun, kebanyakannya hanya mementingkan kebendaan. Penerimaan pemikiran ala moden yang bersifat 'segera' dan sikap sambil lewa telah memanipulasi pemikiran masyarakat India. Hal ini dapat dilihat secara jelas dalam politik dan media. Kedua-dua medium ini memperlihatkan segelintir golongan yang bercakap dan bertindak tanpa berfikir. Situasi ini tidak selari dengan makna tersurat kuplet Tirukkuraḷ yang berbunyi "yaagava raayinum naakaake kaavaakel soogapper sollilukkap pattu" Nilai yang terdapat dalam Tirukkuraḷ ini tidak diaplikasikan dalam insititutsi keluarga, sosial mahupun negara. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India Malaysia masih menjadi satu persoalan.*

*(Informan 5)*

Ada juga informan yang mengetengahkan pengaruh jurang generasi dalam pemikiran kritis. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi pemikiran rasional diantara kedua-dua generasi ini. Persekitaraan yang berbeza dan lingkungan zaman merupakan antara faktor generasi lama kaya dengan pemikiran bernas. Walaupun pada zaman sekarang pemikiran kritis diterapkan dalam pendidikan namun keberkesanannya masih menjadi persoalan.

*Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India berada di tahap sederhana. Walaupun sistem pendidikan menjurus kepada pemikiran namun ia tidak mampu memberi kesan penghayatan kepada generasi muda. Akirnya keadaan ini mengakibatkan tiada kewujudan masyarakat pemikir dan memberi kesan negatif kepada pelajar, keluarga, sekolah dan hubungan masyarakat.*

*(Informan 6)*

Sebagai rumusan awal, dapat dikatakan bahawa pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India masih berada di peringkat sederhana. Kebanyakan masyarakat bertindak mengikut emosi tanpa berfikir terlebih dahulu. Mereka tidak mempunyai keseimbangan pemikiran di antara rasional dan emosional.



Walaupun golongan muda pada masa kini berfikir dan menganalisis setiap perkara namun bilangannya masih lagi kurang. Pemikiran kritis ini terbatas dan terikat dengan sikap kebendaan manusia yang semakin menguasai minda mereka.

#### **4.5.1.2 Dorongan dan halangan yang terdapat dalam pemikiran kritis**

Penularan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India dapat dihubungkan dengan beberapa faktor. Ada sesetengah faktor menjadi dorongan manakala ada juga yang menjadi halangan. Antara faktor dorongan yang dikemukakan oleh informan dalam perkembangan pemikiran kritis masyarakat India ialah sistem pendidikan, kemajuan kaum lain, penghayatan prinsip agama, dan teknologi.

*Falsafah Pendidikan Negara dan kurikulum pendidikan telah dibentuk secara sistematik dan mempunyai visi dan misi yang bertujuan untuk membentuk lapisan masyarakat ke arah transformasi pemikiran kritis. Mereka yang jelas dan sedar akan matlamat falsafah tersebut melibatkan diri bagi mengembangkan potensi kemajuan individu. Golongan ini mengambil inisiatif bagi memajukan diri dengan membaca dan merujuk kepada pelbagai sumber. Usaha sebegini mewujudkan individu yang berkeupayaan untuk berfikir.*

*(Informan 2)*

*Kemajuan kaum lain juga mendorong masyarakat India berfikir untuk memajukan kehidupan mereka. Walaupun masyarakat India tidak dapat menikmati sesetengah peluang yang dihulurkan oleh kerajaan namun mereka tidak berputus asa. Mereka memanipulasi situasi ini dengan berfikir secara kritis dan kreatif serta mencari alternatif lain bagi mengembangkan diri. Mereka berupaya untuk berfikir dan merancang tanpa bertindak terburu-buru. Namun, bilangan masyarakat yang bertindak sedemikian masih lagi kurang.*

*(Informan 3)*

*Penghayatan prinsip agama juga telah mencetuskan pemikiran kritis masyarakat India. Amalan agama berupaya mewujudkan kelakuan yang berakhlak. Namun adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan penjelasan yang lebih bersifat konkrit untuk setiap amalan lebih – lebih*

*lagi pada zaman ini. Pada zaman dahulu, penjelasan sebegini tidak diperlukan bagi mantera-mantera yang diucapkan. Hal ini demikian kerana, wujud satu tanggapan bahawa Mantera dan amalan cukuplah sekadar diucap serta diamalkan. Namun, pada masa kini golongan muda lebih menumpukan perhatian dan berminat untuk mengetahui maksud yang tersirat disebalik setiap amalan tersebut. Keadaan sebegini memantulkan perubahan pemikiran dalam kalangan masyarakat India.*

*(Informan 4)*

*Perkembangan teknologi juga membawa kepada perkembangan pemikiran kritis terutamanya dalam kalangan golongan muda yang kurang berpendidikan. Penggunaan alat serba canggih oleh golongan ini mencetuskan pemikiran kritis. Keinginan mereka untuk berada di arus pembangunan teknologi dan mencuba serta mengumpulkan maklumat membolehkan mereka untuk berfikir dari aspek yang berbeza.*

*(Informan 5)*

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa semua faktor dorongan di atas, membolehkan masyarakat menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan dan kewajaran sesuatu idea, meneliti kebernasan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti. Setiap faktor dorongan bertindak sebagai pemangkin pemikiran kritis. Selain itu, dapat juga kita simpulkan bahawa perubahan pemikiran sebegini banyak tertumpu kepada perkembangan diri dalam ekonomi, rohani dan teknologi.

Namun, pada masa yang sama terdapat juga pelbagai halangan yang dihadapi dalam usaha memperkembangkan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India. Antaranya ialah ketiadaan amalan membaca, pendidikan yang terlalu mengutamakan pencapaian akademik, kurangnya didikan agama, persekitaraan kehidupan, dan perkembangan ekonomi.

Amalan membaca merupakan suatu amalan yang baik. Namun, rakyat Malaysia khususnya masyarakat India belum bersedia menjadikan amalan membaca sebagai gaya

hidup. Walaupun peluang membaca terbuka luas, tahap pembacaan masih berada di tahap rendah. Kebanyakan masyarakat India tidak memilih bahan bacaan berbentuk informasi dan pengetahuan. Mereka lebih suka memilih bahan bacaan berbentuk gosip dan santai.

*Kecemerlangan dalam pelbagai bidang dapat diperolehi sekiranya mempunyai ilmu. Namun ketiadaan amalan membaca tidak mampu meningkatkan ilmu pengetahuan. Masyarakat India tidak suka membaca bahan berkualiti yang memerah minda. Mereka juga kurang membaca bahan ilmiah dalam Bahasa Tamil. Bagi mereka Bahasa Tamil hanya digunakan sebagai medium komunikasi untuk luangan masa dan hiburan. Keadaan sebegini tidak mencetuskan minda dan menjadikannya beku.*

*(Informan 2)*

Sistem pendidikan negara kita yang terlalu berorientasikan peperiksaan serta mengutamakan pencapaian akademik menyebabkan pemikiran kritis masyarakat terbantut. Kesannya, kebanyakan pelajar yang kita lahirkan bersifat beku dan kurang responsif terhadap perubahan persekitaran serta tidak berdaya saing dalam pasaran kerja.

*Pencapaian akademik diberikan keutamaan. 7A, 8A, dan sepuluh A menjadi pujaan masyarakat. Kuantiti diutamakan lebih daripada kualiti. Malah institusi pengajian lebih menumpukan kepada pengajaran berasaskan peperiksaan dan tidak mendalami skop pelajaran. Selain itu, pemikiran pelajar universiti juga tidak begitu terserlah. Mereka lebih mengutamakan zon selesa apabila membuat kajian. Mereka enggan turun padang dan kurang berusaha untuk mengumpul dan menganalisis maklumat. Mereka meniplak kajian orang lain dan merumuskannya mengikut gaya bahasa tersendiri. Ini merupakan perkara yang perlu dipandang serius.*

*(Informan 1)*

Didikan agama yang sarat dengan nilai-nilai moral memainkan peranan dominan dalam melahirkan lapisan masyarakat yang berakhlak. Insan yang berakhlak mempunyai keupayaan untuk berfikir, menganalisis baik buruk sesuatu dan membuat

pertimbangan yang wajar. Namun, nilai-nilai moral yang ingin diterapkan semakin pudar dalam kalangan masyarakat. Nilai-nilai moral perlu diterapkan sejak kecil lagi. Penerapan akan menjadi lebih efektif sekiranya ia dilakukan dalam bahasa ibunda. Kajian menyatakan bahawa gaya pemikiran manusia dipengaruhi oleh pertuturan bahasanya. Seseorang kanak-kanak yang diajar untuk berfikir dalam bahasa ibundanya akan lebih cepat menguasai dan menghayati nilai yang diajar. Namun, kebanyakan masyarakat India gagal berbuat sedemikian.

*Di negara kita kebanyakan kanak-kanak tidak berfikir dalam bahasa ibundanya. Penggunaan Bahasa Tamil sebagai bahasa utama kian dilupakan. Segala nilai yang diajar adalah dalam bahasa Inggeris ataupun Bahasa Melayu. Keberkesanan nilai yang diajar dalam menilai hujah asing menjadi satu persoalan. Selain itu, penghayatan terhadap nilai yang dididik juga berada di tahap yang sederhana. Contohnya, penghayatan daripada perimenilai hujah “Aram seyva virumbu” dan Tirukkura! “Kollan Pulaalai Marattaanei kaikuupi Ella uyirum thozhum” juga adalah kurang. Kedua-dua kata pujangga ini masing-masing menekankan kepentingan membuat derma dan mengelakkan pengambilan daging. Namun, sejauhmanakah masyarakat India mematuhi prinsip yang terdapat dalam nilai tersebut*

*(Informan 4)*

Tambahan pula, persekitaran hidup juga menjadi salah satu faktor halangan dalam perkembangan pemikiran kritis. Dunia kini penuh dengan cabaran. Sekiranya kita tidak mempunyai wang maka kita tidak dapat hidup didalam dunia yang serba mencabar. Bagi memenuhi keperluan dan meningkatkan perkembangan diri, manusia terlalu mengejar kebendaan. Boleh dikatakan, wang kertas sudah menjadi penentuan kehidupan. Namun, bagi mereka yang ketinggalan dari segi ekonomi, kehidupan harian itu sendiri penuh dengan cabaran. Mereka tidak mempunyai masa untuk menganalisis ataupun membuat pertimbangan.

*Golongan-golongan yang kurang bernasib baik seperti penganggur, miskin, dan penduduk kawasan penempatan haram ini hidup dalam keadaan yang serba kurang dan sentiasa menghadapi cabaran.*

*Kehidupan mereka umpama “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Dalam keadaan sebegini tumpuan mereka hanyalah kepada sesuap nasi. Mereka tidak begitu memberikan penekanan kepada baik buruk sesuatu perkara. Ini menunjukkan pemikiran kritis dalam kalangan golongan ini agak kurang. Walaupun mempunyai keinginan untuk pulih dari keadaan ini namun bilangan masyarakat pemikir ini agak kurang.*

*(Informan 5)*

Manakala ada juga responden yang menyatakan pendapat yang berbeza. Golongan yang sentiasa memikirkan perkembangan ekonomi juga tergelincir dalam aspek kehidupan.

*“Perkembangan pemikiran ekonomi merupakan satu perubahan yang bagus. Namun, sekiranya meneliti perubahan ini ia juga membawa kepada kegagalan pengaplikasian pemikiran kritis. Hal ini demikian kerana, kebanyakan masyarakat India sanggup melampaui dan melanggar etika, akhlak atas sifat kebendaan mereka untuk meningkatkan kualiti kehidupan selaras dengan pembangunan persekitaraan. Perkembangan diri lebih diutamakan daripada perkembangan sosial. Perubahan drastik dapat dilihat dalam cara kehidupan terutamanya pemakaian. Kebanyakan masyarakat India beranggapan bahawa mereka boleh mendapatkan balik nilai-nilai ini menggunakan wang.*

*(Informan 7)*

Namun begitu, faktor halangan melebihi faktor dorongan. Ini mengukuhkan lagi kenyataan pemikiran kritis masyarakat India yang berada di tahap sederhana. Faktor halangan ini membantutkan pemikiran kritis masyarakat.

#### **4.5.1.3 Aspek yang mempengaruhi pemikiran kritis**

Perbezaan jantina, jurang umur, kelayakan pendidikan, kerjaya professional dan bukan professional adalah antara aspek yang dikaji dalam pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India.

#### 4.5.1.3.1 Perbezaan jantina

Kebanyakan informan menyatakan bahawa kaum wanita lebih tenang, sabar dan mendalami sesuatu perkara semasa berfikir. Ada juga yang mengatakan bahawa perbezaan jantina tidaklah menunjukkan sebarang perbezaan ketara dalam cara pemikiran.

*Lelaki dan wanita kini bertindak berdasarkan pemikiran 'safety security'. Kedua-duanya ingin mengekalkan sesuatu yang mereka sukai, cintai, merasai dan mereka sangat jelas dalam perkara ini. Contohnya lelaki yang sudah berkahwin inginkan perempuan mengikuti dan mematuhi. Perempuan yang sudah berumah tangga pula mereka tidak mahu suami terlepas dari pegangan. Bagi merealisasikan keinginan itu mereka memikirkan pelbagai teknik. Dalam masa yang sama, konsep 'living together' semakin berleluasa walaupun bilangannya agak kurang dalam kalangan masyarakat India. Golongan ini mengikuti kehidupan ala Barat. Sekiranya kehidupan tidak berjalan seperti yang dirancang mereka berpisah dan mula mencari kehidupan sendiri kerana mempunyai status ekonomi yang stabil. Ini bermakna manusia mempunyai keinginan lain. Mereka tersangkut dalam perjuangan antara kehidupan berakhlak dan kehidupan bebas.*

*(Informan 2)*

Informan menyatakan pendapatnya bahawa jantina tidak menentukan tahap pemikiran. Sikap lelaki dan wanita yang tidak mempunyai pegangan dalam tindakan dan percakapan menjadi penghalang kepada perkembangan pemikiran kritis. Mereka lebih bersikap sambil lewa. Tindakan yang dilakukan bersifat sementara; keuntungan diberikan keutamaan.

Namun ada juga yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan pemikiran diantara lelaki dan wanita. Jika diteliti wanita lebih berkemahiran dalam membuat sebarang keputusan.

*Tahap pemikiran kedua-dua jantina ini adalah bagus. Namun, kaum wanita berfikir secara lebih mendalam. Mereka mementingkan kesabaran semasa berfikir dan bertindak. Sikap ini kurang dalam kalangan lelaki.*

*(Informan 8)*

Tambahan pula, aspek biologi lelaki dan wanita yang masing-masing memiliki struktur dan fungsi otak yang berbeza mempengaruhi cara pemikiran mereka.

*Walaupun keputusan yang diambil oleh lelaki mengalami kegagalan sebagai seorang lelaki mereka tidak akan bersedia untuk mengaku kesilapan mereka. Sikap egoistik mereka dilahirkan dalam keadaan sebegini. Sikap ini menyebabkan mereka untuk bertindak sedemikian dan juga tidak mpedulikan keputusan orang lain. Namun, kaum wanita mempunyai sifat yang tenang. Sebab itulah mereka mampu mengambil keputusan yang tepat. Perimenilai hujah “Pen butti pin butti” bertepatan dengan corak pemikiran mereka. “Pin butti” disini merujuk kepada sifat perempuan yang sentiasa mendalami sesuatu perkara dan memikirkan kesan jangka panjang. Pemikiran mereka bersifat futuristik. Oleh itu, lelaki dan wanita perlu berbincang bersama-sama sebelum bertindak.*

*(Informan 7)*

Namun, ada juga informan yang mengatakan penjelasan yang bercanggah mengenai keputusan wanita.

*Kaum wanita lebih mengikutkan emosi. Mereka bertindak tanpa berfikir. Bak kata pepatah “Pen butti pin butti’ golongan ini yang terikat dengan kasih sayang tidak membuat keputusan yang rasional.*

*(Informan 6)*

#### **4.5.1.3.2 Jurang umur**

Terdapat perbezaan yang ketara dalam pemikiran golongan muda dan golongan tua. Golongan muda dikatakan lebih bersikap terbuka dan bertindak rasional berbanding golongan tua yang mengutamakan sentimen.

*Generasi masa kini tidak bersikap terburu-buru apabila berdepan dengan masalah. Sebaliknya mereka berfikir dan mempertimbangkan segala-galanya sebelum bertindak. Namun, golongan tua yang terlalu mengikutkan emosi tidak berfikir. Mereka terburu-buru semasa mengambil tindakan atau keputusan. Mereka tidak mempunyai kesabaran.*  
(Informan 2)

Selain itu, ada juga pendapat yang bercanggah dengan kenyataan di atas. Mereka menyatakan bahawa golongan tua bertindak secara rasional dan lebih pandai membuat pertimbangan jika dibandingkan dengan golongan muda. Aspek kematangan diketengahkan dalam perkara ini. Kematangan yang meningkat dengan usia mematangkan lagi pemikiran.

*Peningkatan usia menandakan perkembangan pemikiran. Golongan tua mempunyai kematangan yang secukupnya kerana melalui pelbagai pengalaman hidup. Perubahan pemikiran dapat dilihat dalam tindakan mereka. Manakala, golongan muda masih mementingkan emosi dan bertindak mengikutinya.*

(Informan 5)

Namun kebanyakan informan menyatakan bahawa, kedua-dua golongan ini mempunyai kemampuan untuk berfikir secara kritis. Pendidikan dan pengalaman hidup merupakan antara faktor yang diketengahkan dalam kematangan yang terdapat dalam pemikiran mereka.

*Golongan muda yang mempunyai kelakuan baik dan hubungan rapat dengan sebarang pertubuhan menonjolkan pemikiran kritis. Mereka suka menjalani kehidupan yang aman. Selain itu, mereka juga bertindak atas dasar pertimbangan. Manakala golongan tua yang berpendidikan dan suka meluangkan masa dengan mengumpul informasi semasa juga menunjukkan kematangan dalam pemikiran. Mereka selalu mendalami sesuatu perkara dengan memikirkan kesan jangka panjang.*

(Informan 9)

Dapat disimpulkan bahawa perbezaan gender dan jurang umur tidaklah begitu mempengaruhi pemikiran. Sekiranya, kedua-dua golongan ini mempunyai kematangan,



pengalaman, pengetahuan am dan berpendidikan mereka mampu berfikir secara rasional.

#### 4.5.1.3.3 Kelayakan pendidikan

Pendidikan dapat membentuk kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Pendidikan tidak mampu ditingkatkan tanpa membaca. Hasil pembacaan bahan berkualiti membawa kepada perkembangan pemikiran yang hebat. Namun begitu, rata-rata informan menyatakan bahawa kelayakan pendidikan tidak dapat digunakan untuk mengukur perkembangan pemikiran. Namun sebahagiannya mengatakan bahawa orang yang kurang berpendidikan lebih mementingkan budaya, etika dan bersifat berperikemanusiaan manakala orang yang berpendidikan lebih mengutamakan perkembangan diri.

*Kebanyakan golongan berpendidikan terlalu bersikap terbuka dan sosial dengan alasan perlu mengikuti arus perkembangan dunia. Mereka semakin kehilangan kemuliaan. Hal ini dapat dilihat secara jelas dalam bidang kesenian terutamanya dalam sastera moden. Pemikiran ala barat lebih diutamakan dalam penulisan. Mereka menulis secara terbuka dan tidak memikirkan isu kesensitifan seperti menerangkan anggota badan. Mereka tidak lagi berpandukan penulisan tradisional.*

*(Informan 2)*

Namun ada juga responden yang menyatakan pandangan yang berbeza. Mereka berpendapat bahawa masyarakat berpendidikan menggunakan pemikiran kritis lebih daripada masyarakat yang tidak berpendidikan. Orang yang berpendidikan dikatakan mempunyai pemikiran yang lebih bernas dan mempunyai keyakinan diri menghadapi sebarang situasi dan cabaran.

*Masyarakat berilmu akan mempersoalkan setiap perkara dan bertindak setelah menganalisis mengenai perkara tersebut. Masyarakat berilmu*

*juga tahu menjaga tingkah laku mereka di tempat awam. Masyarakat tidak berilmu pula menerima sesuatu perkara sebulat-bulatnya dan bertindak mengikut emosi.*

*(Informan 5)*

Tambahan pula, orang yang tidak berilmu mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir luar. Mereka tidak dapat membuat pertimbangan yang wajar kerana asyik dengan perkara yang telah mempengaruhi mereka.

*Masyarakat yang tidak berpendidikan memerlukan panduan hidup. Namun, masyarakat kini lebih mengutamakan hiburan yang tidak berkualiti dan menjadikannya sebagai panduan. Bahan hiburan sebegini tidak mencetuskan pemikiran mereka. Contohnya, drama yang ditonton mudah mempengaruhi minda mereka dan mereka cuba untuk mengaplikasinya dalam keluarga masing-masing.*

*(Informan 8)*

Dapat dirumuskan disini bahawa, golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangannya dari segi pemikiran. Dasar pendidikan negara menekankan tiga aspek iaitu melahirkan insan yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak. Ketiga-tiga aspek ini melahirkan insan yang sempurna. Namun, sekiranya diteliti, golongan berpendidikan lebih mementingkan aspek ilmu dan kemahiran. Nilai akhlak tidak menjadi keutamaan mereka. Oleh itu pemikiran mereka lebih berorientasikan perkembangan diri. Pada masa yang sama golongan tidak berpendidikan pula kurang dari segi ilmu dan kemahiran. Namun nilai akhlak mereka tinggi. Oleh itu, pemikiran mereka bersifat perikemanusiaan dan menggalakkan pemikiran kritis.

#### 4.5.1.3.4 Kerja professional dan bukan professional

Aspek professionalisme mempengaruhi pemikiran kritis masyarakat India Malaysia. Rata-rata informan menyatakan bahawa golongan professional lebih mengeluarkan idea-idea bernas dan bertindak secara produktif berbanding dengan golongan bukan professional.

*Golongan professional bekerja di suasana yang menggariskan disiplin, mengutamakan pengoperasian sistematik dan produktiviti. Selaras dengan itu, pekerjaannya perlu memahami kehendak dan mematuhi kelayakan-kelayakan tersebut untuk terus kekal bekerja dan mendapatkan kenaikan pangkat. Oleh itu, golongan ini bekerja berdasarkan pemikiran kritis. Pengalaman yang diperolehi semasa bekerja akan cuba diterapkan dalam kehidupan seharian.*

*(Informan 1)*

*Golongan bukan professional tidak perlu memerah otak. Pemikiran adalah kurang dalam kerjaya mereka. Mereka hanya perlu memberikan keutamaan kepada badan. Mereka perlu mematuhi arahan yang diberikan dan tidak boleh bertindak berdasarkan keputusan sendiri. Mereka tidak mempunyai peluang untuk berfikir dari sudut yang berbeza untuk melaksanakan tugas. Golongan ini boleh diumpamakan sebagai replika mesin.*

*(Informan 10)*

Seorang responden mengemukakan pendapat yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa kedua-dua golongan ini menonjolkan pemikiran kritis dalam kehidupan harian mereka dan mereka perlu bergabung tenaga bagi mewujudkan lapisan masyarakat yang sejahtera.

*Golongan professional mempunyai kemahiran untuk membuat sesuatu secara sistematik. Namun gaya hidup yang sibuk tidak membenarkan mereka untuk bersosial serta mendengar masalah orang yang memerlukan. Namun, golongan bukan professional yang mempunyai niat yang jelas serta pemikiran yang terbuka memiliki hati dan masa untuk diluangkan. Walaupun mereka tidak mempunyai kemahiran seperti golongan professional mereka tetap mempunyai niat untuk melakukan*

*sesuatu kepada masyarakat. Dalam keadaan sebegini golongan professional perlu tampil ke depan dan membantu serta bekerjasama untuk melaksanakan tugas.*

*(Informan 9)*

#### **4.5.1.4 Pengaruh Tirukkural dalam memperkembangkan pemikiran kritis**

Kesemua responden bersetuju dengan menyatakan bahawa Tirukkural memang mengembangkan pemikiran kritis. Tirukkural diakui salah satu karya Tamil yang sarat dengan kandungan mengenai pemikiran.

*Tiruvalluvar telah menyentuh mengenai aspek pemikiran dalam salah satu babnya yang bertajuk 'Arivudaimai'. Dalam kupletnya "Arivu atram kaakkum karuvi seruvaarkkumUll azikkalaaka aran" beliau menekankan bahawa ilmu merupakan benteng pertahanan diri daripada kemusnahan. Ilmu dikatakan sebagai pemangkin pemikiran yang menggalakkan kita untuk sentiasa berwaspada dan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Dalam satu lagi kupletnya beliau menyatakan "ulagathodu otte olugel palakattrum kallaar arivilaa thaar". Sekiranya meneliti kuplet ini Tiruvalluvar merujuk 'ulagathodu' kepada masyarakat berilmu yang menikmati kehidupan sistematik dan berakhlak. Masyarakat ini mempunyai kedudukan yang tinggi kerana mempunyai keupayaan untuk berfikir. Selain itu, satu lagi kural yang berbunyi "epporul yaaryaarvaayk ketpinum apporul meyporul kanbathu arivu" menjelaskan kepentingan menganalisis dan membuat pertimbangan sesuatu perkara. Dalam aspek komunikasi, kuplet "Enporul Vaakach Chelachchollith Thaampiravaai Nunporul Kaanpa Tharivu" menekankan komunikasi yang efisien yang mana memerlukan seseorang berfikir sebelum berkongsi maklumat.*

*(Informan 3)*

Tirukkural dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai bidang kerana ia mencakupi pelbagai aspek. Namun, penghayatannya masih berada di tahap sederhana. Antara alasan yang dikemukakan adalah seperti berikut;

*Tirukkural bantu mengembangkan pemikiran kritis. Namun, kebanyakan daripada kita tidak mempunyai kemahiran untuk menginterpretasi dan menyampaikan maklumat serta nilai yang diterapkan kepada orang awam.*

*Kita kekurangan pakar ataupun pemandu yang dapat melakukan tugas tersebut. Sekiranya kita mempunyai pakar yang secukupnya Tirukkuraḷ dapat mencapai matlamatnya.*

*(Informan 8)*

Tirukkuraḷ merupakan karya kedua terbanyak yang diterjemahkan ke dalam menilai hujahan asing. Selain daripada masyarakat India, bangsa lain juga menunjukkan penghayatan yang tinggi terhadap Tirukkuraḷ. Setiap kuplet mempunyai kebolehan untuk mewujudkan insan yang sempurna. Namun sejauhmanakah masyarakat kita mematuhi?

*Masa kini Tirukkuraḷ hanya dilihat sebagai satu medium untuk dihafal dan dilafaz. Masyarakat hanya dinilai berdasarkan kebolehan mereka melafazkan kuplet-kuplet tersebut. Penilaian tidak berdasarkan penghayatan. Situasi ini memang menyedihkan. Ada juga pihak yang mengatakan bahawa sesetengah kuplet ini tidak sesuai untuk diamalkan pada masa kini. Janganlah lihat kepada maksud tersurat kuplet tersebut. Jika berbuat demikian kita hanya akan mempertikaikan bahawa maksud tersebut dikaitkan dengan kehidupan masyarakat pada masa tersebut dan ia tidak lagi sesuai untuk masyarakat masa kini. Lihat dan hayatilah falsafah yang terkandung dalamnya. Rujuklah kepada maksud tersirat.*

*(Informan 7)*

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang dibuat berdasarkan Tirukkuraḷ, namun usaha untuk mematuhi dan menghayati nilai karya tersebut masih berada di tahap sederhana. Jika dilihat dalam sistem pendidikan, karya ini hanya digunakan untuk peperiksaan dan bukannya untuk penghayatan. Keadaan ini perlu diubah secepat mungkin. Kajian-kajian Tirukkuraḷ yang menganalisis keadaan semasa berlandaskan nilai Tirukkuraḷ dan kesannya terhadap zaman dahulu dan kini perlu diperbanyakkan. Inisiatif sebegini perlu untuk menyedarkan masyarakat.

Dapat dirumuskan disini bahawa, Tirukkural memang membantu dalam mengembangkan pemikiran kritis namun penghayatannya adalah sangat kurang dalam kalangan masyarakat.

#### **4.5.1.5 Penerapan Tirukkural dalam kehidupan masyarakat**

Rata-rata informan menyatakan bahawa masyarakat tidak mengamalkan nilai yang ditekankan oleh Tirukkural dalam kehidupan seharian mereka. Masyarakat India dikatakan tidak mempunyai matlamat yang jelas dalam kehidupan mereka.

*Sikap sambilewa masyarakat menjadi penghalang kepada penerapan Tirukkural dalam kehidupan . Mereka tidak mempunyai kesedaran agama dan pengetahuan menilai hujah ibunda yang mana menyukarkan proses pemahaman dan penghayatan Tirukkural. Mereka perlu bertindak atas insiatif sendiri dan tidak mengharapkan orang lain untuk menyuap mereka. Penglibatan perlulah atas dasar kesukarelaan dan bukannya dipaksa. Hati perlu sehati dengan nilai agar dapat menghayatinya.*

*(Informan 9)*

Masyarakat India kebanyakannya mengutamakan hiburan semata-mata. Mereka tidak lagi mendengar atau membaca bahan berkualiti. Oleh itu, mereka tidak berfikir secara kritis dan rasional.

*Sekiranya masyarakat kita mengamalkan Tirukkural sudah pasti mereka akan mempunyai semangat mempertahankan menilai hujah dan membantu dalam perkembangan sosial. Penyebaran nilai Tirukkural masih kurang dan jikalau adapun masyarakat tidak melibatkan diri secara sukarela. Contohnya, kehadiran pelajar sekolah ke ceramah berbentuk motivasi atau agama selalunya diwajibkan dan pelajar terpaksa menghadirinya. Jika mengadakan ceramah di luar tanpa sebarang syarat kita tidak akan dapat melihat kehadiran yang sama. Masyarakat masih tidak bersedia untuk menerima maklumat yang berkualiti.*

*(Informan 10)*

## **4.5.2 Rumusan Temubual**

### **4.5.2.1 Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India**

Pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India masih berada dalam tahap sederhana. Mereka terlalu mengutamakan emosi dan gagal berfikir secara rasional dan mendalam.

### **4.5.2.2 Dorongan dan halangan yang terdapat dalam pemikiran kritis**

Antara faktor dorongan yang dikemukakan oleh informan dalam perkembangan pemikiran kritis masyarakat India ialah sistem pendidikan, kemajuan kaum lain, penghayatan prinsip agama, dan teknologi. Antara faktor halangan yang diketengahkan ialah ketiadaan amalan membaca, pendidikan yang terlalu mengutamakan pencapaian akademik, kurangnya didikan agama, persekitaraan kehidupan, dan perkembangan ekonomi. Faktor halangan melebihi faktor dorongan dan ini menjelaskan keadaan pemikiran kritis yang masih berada dalam tahap sederhana.

### **4.5.2.3 Aspek yang mempengaruhi pemikiran kritis**

#### **4.5.2.3.1 Perbezaan jantina**

Kebanyakan informan menyatakan bahawa kaum wanita lebih menunjukkan kematangan dalam pemikiran. Ada juga yang mengatakan bahawa perbezaan jantina tidaklah menunjukkan sebarang perbezaan ketara dalam cara pemikiran.

#### **4.5.2.3.2 Jurang umur**

Golongan tua dan golongan muda masing-masing mempunyai pemikiran kritis. Pendidikan dan pengalaman hidup merupakan antara faktor yang mengukur

kematangan yang terdapat dalam pemikiran mereka. Pengalaman menjadi guru untuk berfikir secara kritis berbanding kandungan sesuatu buku.

#### 4.5.2.3.3 Kelayakan pendidikan

Golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangannya dari segi pemikiran.

#### 4.5.2.3.4 Kerjaya professional dan bukan professional

Golongan professional lebih mengeluarkan idea-idea bernas dan bertindak secara produktif berbanding dengan golongan bukan professional.

#### **4.5.2.4 Pengaruh Tirukkural dalam memperkembangkan pemikiran kritis**

Tirukkural memang mengembangkan pemikiran kritis. Namun, masyarakat India masih kurang bersedia untuk menghayatinya.

#### **4.5.2.5 Penerapan Tirukkural dalam kehidupan masyarakat**

Masyarakat kurang mengamalkan nilai yang ditekankan oleh Tirukkural dalam kehidupan harian mereka. Bilangan yang hidup berlandaskan nilai ajaran Tirukkural pula masih kurang. Mereka lebih bersikap individualistik dan materialistik.

### **4.6 Kesimpulan**

Berdasarkan data yang diperolehi daripada sampel kajian, tahap pengamalan penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam



kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil menunjukkan paras yang memuaskan. Kebanyakan responden iaitu sebanyak 43% berada di tahap baik sahaja. Tahap pengaplikasian penyelesaian masalah juga menunjukkan paras yang memuaskan di mana sebanyak 38% berada di tahap baik. Ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia dan berada dalam tahap yang memuaskan.

Pengaruh demografi dalam pemikiran kritis masyarakat India masing-masing menunjukkan kesan yang berbeza. Pengaruh jantina tidak begitu menunjukkan perbezaan yang signifikan. Manakala, pengaruh umur pula menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan dalam pemikiran kritis. Golongan tua yang mempunyai pengalaman hidup dikatakan lebih mengaplikasikan pemikiran kritis dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, segala pengalaman yang diperolehi dijadikan sebagai panduan untuk membuat keputusan dan melaksanakan tugas. Dari segi pendidikan pula, terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam pemikiran kritis. Dapatan kajian mendapati golongan berpendidikan lebih menggunakan pemikiran kritis dalam kehidupan berbanding golongan yang tidak berpendidikan. Akhir sekali, faktor kerjaya juga menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan dalam pengaplikasian pemikiran kritis. Golongan professional dikatakan lebih berfikiran rasional berbanding golongan bukan professional.

Bab seterusnya akan membincangkan dapatan kajian yang akan dijelaskan secara satu per satu dengan lebih mendalam.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk menilai pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia berpandukan teks Tirukkural. Maklum balas kajian ini akan memberikan gambaran sebenar mengenai tahap penghayatan Tirukkural berasaskan pemikiran kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Kajian ini akan membantu pengkaji menganalisis sejauhmanakah penghayatan Tirukkural mempengaruhi tindakan dan aktiviti seharian masyarakat India yang berpendidikan Tamil di negara kita.

Secara keseluruhannya, pemikiran masyarakat India dipengaruhi oleh beberapa faktor demografi iaitu umur, jantina, kelayakan akademik dan kerjaya. Berdasarkan keputusan yang diperolehi dalam bab empat, pengkaji telah membincangkan setiap dapatan kajian secara terperinci dalam bab ini. Maklumat yang diperolehi membantu pengkaji mengetahui penerapan pemikiran kritis dalam Tirukkural dan mengulas sejauhmanakah pengaplikasiannya dalam kehidupan seharian masyarakat India. Perbincangan dan cadangan akan diulas berasaskan kajian-kajian lepas, teori yang digunakan mengikut keperluan semasa.

#### **5.2 Perbincangan**

Dalam bahagian ini, dapatan kajian kuantitatif dan kualitatif akan dibincangkan satu per satu mengikut persoalan kajian.

### 5.2.1 Aspek pemikiran kritis dalam teks Tirukkural

Karya-karya kesusasteraan merupakan hasil refleksi kehidupan manusia dalam bentuk estatika yang tidak dapat dipisahkan dengan aspek pemikiran. Menyadari hubungan yang saling berkait rapat ini, karya-karya sastra Tamil dipenuhi dengan pelbagai jenis pemikiran yang dijelaskan secara tersurat mahupun tersirat. Contohnya, *Akanānūru*, *Puranānūru*, *Patirrupattu*, *Narriṇai*, *Aiṅkurunūru*, *Panniru Tirumurai*, *Nālāyirat Tivya Pirapantam* dan sebagainya secara keseluruhannya menekankan konsep pemikiran dalam nukilannya.

Karya agung Tirukkural yang berunsurkan kehidupan manusia juga tidak ketinggalan dalam menyumbang ke arah perkembangan pelbagai jenis pemikiran. Walaupun Tirukkural dapat dihubungkan dengan pelbagai jenis pemikiran, namun ia sangat berkait rapat dengan perkembangan pemikiran kritis. Karya ini mempunyai kebolehan untuk membangkitkan persoalan dalam diri setiap pembacanya. Kebangkitan persoalan akan menjurus kepada penganalisan Tirukkural secara terperinci. Penganalisan membolehkan seseorang itu berfikir secara kritis dan mempunyai keupayaan untuk menghasilkan dan mencetuskan idea yang bernas. Fakta ini menjadi kukuh dengan kata-kata bekas Perdana Menteri yang kedua Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di mana beliau menyatakan bahawa karya Tirukkural boleh mencanaikan pemikiran. Penjanaan dan pengaplikasian idea sebegini akan melahirkan masyarakat yang bersahsiah tinggi, produktif dan sistematik. Ini secara kolektifnya akan membawa kepada kehidupan yang sempurna.

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya, kita sedia maklum bahawa Tirukkural memang kaya dengan pemikiran kritis yang merangkumi elemen

inferens, mengenalpasti andaian, deduktif, interpretasi dan menilai hujah berpandukan model *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal*. Hampir kesemua 1330 buah kuplet Tirukkural menerapkan dan menggalakkan pemikiran kritis kerana kesemuanya mempunyai makna yang mendalam dan membawa kepada kesejahteraan umum. Kenyataan ini disokong dengan hasil kajian Ramachandran (1977 : 83), yang membuktikan bahawa Tirukkural membantu dalam pembentukan individu berakhlak dan progresif yang menentukan masyarakat sejahtera.

Kenyataan ini turut disokong oleh seorang informan yang ditemubual.

*Tirukkural sarat dengan pemikiran kritis yang membantu kita mencari kesilapan, kesalahan dan kelemahan yang ada pada diri sendiri. Ia secara langsung membolehkan kita untuk membanding, membeza dan membuat pertimbangan baik buruk sesuatu perkara. Ini secara langsung dapat mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan remaja.*

*(Informan 1)*

Atas dasar tersebut, Timbalan Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang, DCP Datuk A.Theiveegan telah mengambil inisiatif untuk mengedarkan teks Tirukkural kepada banduan-banduan berbangsa India untuk memberi peluang dan membuka mata ke jalan benar (sumber: dalam temubual di Minnal fm, 4.1.2015 RTM). Beliau menyatakan kadar jenayah yang semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat India dapat dikurangkan sekiranya remaja dapat menghayati Tirukkural yang merupakan karya klasik. Nilai-nilai yang tersirat dalam kuplet Tirukkural sesuai dengan peredaran masa. Walaupun karya tersebut adalah klasik namun intipatinya mengikut keadaan semasa dan dapat dijadikan sebagai panduan. Kenyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Sattiyam (1979 : 142 ), yang menyatakan bahawa nasihat yang diberikan oleh Tiruvalluvar yang hidup pada zaman pemerintahan beraja sesuai diaplikasi pada era pemerintahan demokrasi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap Tirukkural mempunyai gabungan elemen pemikiran kritis. Contohnya, kuplet

*Elumai elupirappum ulluvar taṅkaṅ  
viḷuman tuṭaittavar naṭpu* (Kuplet 107)

(Mereka yang berbudi akan mengenangkan orang-orang yang menolongnya dengan penuh kesyukuran dalam setiap kelahiran)

Kuplet Tirukkural ini menegaskan seseorang perlu mengenang budi dan berterima kasih kepada orang yang menghulurkan bantuan kepadanya. Orang yang mengingati bantuan yang diterima disimpulkan sebagai orang yang mengenang budi. Dalam kata lain orang yang sedar serta menghargai pertolongan yang diterima diandaikan sebagai orang yang mengenang budi. Golongan ini akan mempertimbangkan kebaikan yang dilakukan oleh orang yang pernah menolongnya sebelum bertindak. Jelas di sini bahawa kuplet ini menunjukkan gabungan beberapa elemen pemikiran kritis sekiranya dibaca sekali pintas. Antaranya ialah inferens, mengenal pasti andaian dan interpretasi.

Selain itu kuplet,

*Kallā tavarin kaṭaiyenpa karrarintum  
nallā ravaiyañcu vār.* (Kuplet 729)

(Lihatlah mereka yang berpengetahuan tetapi takut berhadapan dengan himpunan orang yang budiman, mereka dipandang lebih rendah daripada orang yang tidak berilmu)

Tirukkural ini mengatakan bahawa individu yang berpendidikan tetapi takut untuk mengemukakan idea ataupun pendapat berdasarkan ilmu yang telah dipelajarinya dalam kalangan orang terpelajar adalah sia-sia sahaja. Mereka gagal untuk membuat pertimbangan bagi sesuatu perkara kerana takut pendapatnya tidak akan diterima ataupun akan ditolak. Mereka juga tidak dapat meluahkan hujah yang bernas dan relevan kerana tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Tirukkural ini terdiri daripada elemen-elemen pemikiran iaitu inferens, mengenalpasti andaian, deduksi,

interpretasi dan menilai hujah. Namun apabila diteliti secara mendalam, kuplet Tirukkural tersebut menonjolkan elemen pemikiran kritis yang dominan dan bergantung kepada aspek di mana ianya ditafsirkan.

Pengkaji telah mentafsir dan menganalisis setiap kuplet Tirukkural mengikut elemen-elemen pemikiran kritis. Pembahagian Tirukkural mengikut elemen pemikiran kritis ini adalah berdasarkan pemahaman penyelidik. Elemen pemikiran kritis iaitu inferens (sebanyak 269 kuplet), mengenal pasti andaian (sebanyak 267 kuplet), deduktif (sebanyak 272 kuplet), interpretasi (sebanyak 271 kuplet), dan menilai hujah (sebanyak 251 kuplet) dapat diterapkan dalam kuplet-kuplet Tirukkural. Angka-angka ini juga menunjukkan bahawa tiada sebarang perbezaan ketara wujud dalam bilangan penerapan elemen pemikiran kritis dalam Tirukkural.

Hasil pembahagian Tirukkural mengikut elemen ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa setiap kuplet mempunyai elemen pemikiran yang dominan. Antara elemen yang mempunyai bilangan kuplet yang tertinggi ialah mengenalpasti andaian yang diikuti dengan inferens. Inferens bermaksud menentukan kesimpulan awal yang munasabah berdasarkan maklumat yang diberi. Kesimpulan awal ini belum tentu lagi kebenarannya. Manakala, mengenal pasti andaian merujuk kepada kebolehan untuk mengenal pasti anggapan yang dibuat dalam sesuatu kenyataan yang diberi. Kedua-dua elemen ini telah diterapkan dalam kuantiti yang banyak dalam kural. Dapat dirumuskan disini bahawa Tiruvalluvar telah memberikan penekanan yang secukupnya kepada kedua-dua elemen ini yang menjadi asas kepada pencetusan pemikiran kritis yang membantu mencapai elemen-elemen yang lain.

Contohnya, dalam kuplet Tirukkuraḷ

*Aṛivarrāṅ kākkuṅ karuvi ceṛuvārkkum*  
*uḷḷalikka lākā araṅ* (Kuplet 421)

(Kebijaksanaan ibarat baju besi menghalangi sebarang serangan; ia merupakan kubu kukuh menghindarkan segala musuh)

Elemen pemikiran kritis seperti inferens, mengenal pasti andaian dan deduksi dapat dilihat dalam kuplet ini. Namun begitu, elemen mengenal pasti andaian diterapkan secara dominan. Tirukkuraḷ ini bermaksud kebijaksanaan bertindak sebagai alat yang melindungi seseorang daripada kemusnahan dan menjadi kubu pertahanan yang tidak dapat dihancurkan oleh musuh. Dalam kuplet ini kebijaksanaan yang dianggap sebagai alat perlindungan adalah satu andaian. Andaian ini dapat dikenalpasti berdasarkan ciri-ciri kebijaksanaan yang mampu menghalang sebarang musibah. Orang yang bijak mampu berfikir secara waras dan jelas. Mereka akan mempunyai pelbagai jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah dan dapat mengelakkan diri daripadanya. Kebijaksanaan ini juga membantu mereka mengukuhkan semangat diri.

Nilai dan elemen pemikiran yang sama juga telah diterapkan dalam karya-karya sastera Bahasa Tamil yang lain. Contohnya, dalam karya sastera *Paḷamoḷi Nāṅṅuru*,

*Aṛiviṅṅāl māṭciyon(ru) illā oruvaṅ*  
*piṛitiṅṅāl māṅṅatu evaṅṅām? - Poṛiyiṅ*  
*maṅiponṅṅum cāntamum mālaiyum iṅṅa*  
*aṅiyellām āṭaiyiṅ piṅ.*

(*Paḷamoḷi nāṅṅuru* -11)

(Pemilikan intan berlian tidak bermakna tanpa pemilikan ilmu, ibarat pemakaian barang kemas tanpa baju yang sempurna)

Ceiyul ini mengandaikan bahawa segala hasil daripada kebijaksanaan seseorang merupakan sesuatu yang perlu dibanggakan. Seseorang yang memiliki kebendaan tanpa kebijaksanaan tidak mempunyai sebarang keistimewaan untuk dibanggakan. Kebendaan

tanpa kebijaksanaan hanyalah sia-sia sahaja. Dapat dirumuskan di sini bahawa orang yang memiliki kebijaksanaan dapat diandaikan sebagai orang yang lebih berkedudukan tinggi jika dibandingkan dengan orang yang hanya memiliki harta benda tanpa kebijaksanaan.

Selain itu, elemen inferens dan interpretasi juga dapat dilihat dalam *Paḷamoli Nānūru* yang berbunyi seperti berikut;

*Oṭṭiya katal umaiyāl oru pālā,  
kaṭṭaṅkam vel koṭi koṇṭāṇum, koṇṭāṇē;-  
viṭṭu āṅku akalā muḷu meyyum koḷpavē,  
naṭṭārai oṭṭiyūli (Paḷamoli nānūru -124)*

(Mengambil bahagian dalam suka dan duka rakan adalah persahabatan tulin ibarat Tuhan Sivan bersama Umayal dan benderanya)

*Ceyul* ini bermaksud persahabatan yang tidak mementingkan perbezaan status dan berkongsi segala suka dan duka adalah dianggap sebagai persahabatan yang mulia. Elemen intepretasi menonjol dalam *ceiyul* ini. Persahabatan tidak akan terjalin berdasarkan kedudukan seseorang. Ianya memerlukan pertimbangan yang wajar daripada kedua-dua pihak yang berkongsi masalah dan kegembiraan serta sanggup menerima kekurangan satu sama lain. Ia juga memerlukan persefahaman yang tinggi. Konsep yang sama diterapkan dalam kuplet Tirukkuṛaḷ yang berbunyi

*Nakutar poruṭṭaṅru naṭṭal mikutikkaṅ  
mērcenru iṭṭitar poruṭṭu (Kuplet 784)*

(Persahabatan bukan hanya untuk gelak ketawa; tegurlah kesilapan kawan apabila persahabatannya melampaui batas)

dan juga Tirukkuṛaḷ seterusnya iaitu,

*Uṭukkai ilantavaṅ kaipōla āṅkē  
iṭukkaṅ kaḷaivatām naṭṭpu (Kuplet 788)*



(Tangan akan menutup aurat secara spontan bila terdedah begitulah kawan yang setia cepat membantu bila malang menimpa)

Kedua-dua kuplet ini menekankan nilai persahabatan yang mulia. Persahabatan membentuk personaliti seseorang individu. Ada kawan yang sanggup melalui suka dan duka bersama-sama. Ada juga yang hanya menunjukkan batang hidung semasa senang dan hanya berkongsi kegembiraan. Kawan yang sanggup berkongsi segala-galanya akan menegur jika salah seorang daripadanya membuat kesilapan. Teguran tersebut bantu untuk mencapai matlamat. Teguran yang dibuat adalah berdasarkan pertimbangan dari segi tindakan ataupun kesilapan yang dilakukan oleh kawannya. Pertimbangan sebegini memerlukan elemen pemikiran interpretasi. Manakala, kuplet yang kedua pula menerangkan pertolongan yang dihulurkan oleh kawan tepat pada masanya. Sahabat yang sentiasa membantu kita ketika susah dan senang merupakan sahabat yang baik. Ada peribahasa Melayu yang juga menekankan nilai yang sama iaitu ‘rakan ketawa senang dicari tetapi rakan tangis sukar ditemui’. Di sini kita dapat menginterpretasi ciri-ciri sahabat baik yang mampu mengisi kekosongan dan sentiasa ada di saat-saat yang diperlukan.

Kuplet Tirukkural yang seterusnya adalah,

*Muyarci tiruviṇai ākkum muyarṛinmai*  
*iṇmai pukutti viṭum* (Kuplet 616)

(Usaha berulang kali membawa kejayaan; tanpa usaha kegagalan menanti seseorang)

Kuplet ini juga menekankan aspek pemikiran yang sama dengan karya sastera *Nālaṭiyār* dan peribahasa Tamil yang lain. Tirukkural ini bermaksud kerajinan akan menjanakan kekayaan manakala ketiadaannya pula akan mendatangkan kemiskinan. Di sini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa orang yang rajin berusaha akan memperolehi kesenangan dan matlamat yang diharapkan. Setiap kejayaan yang dikecapi bertitik tolak

daripada usaha dan kerajinan. Ini boleh dipadankan dengan peribahasa Melayu iaitu “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakah dapat sagunya”. Jelaslah di sini bahawa kerajinan asas kejayaan manakala kemalasan pula penghalang kejayaan. Konsep yang sama ditonjolkan dalam peribahasa Bahasa Tamil iaitu “*muyarchi udaiyaar igalchi adaiyaar*” dan juga *Nālaṭiyār* yang berbunyi seperti berikut:

*Āṭukōṭāki atariṭai ninratū'um*  
*kālkoṇṭa kaṇṇē kaḷiraṇaikkum kantākum;*  
*vāḷtalum aṇṇa takaittē oruvaṇṭāṇ*  
*tālvinrit tannaic ceyiṇ.* (Nālaṭiyār-192)

(Usaha gigih memajukan seorang insan ibarat pohon muda membesar sekukuh mengikat seekor gajah)

Kata-kata pujangga ini juga membawa nilai yang sama iaitu usaha tangga kejayaan. Laluan yang dilalui untuk mencapai matlamat penuh dengan cabaran dan kesusahan. Kita tidak boleh menjadikannya sebagai alasan untuk tidak berusaha. Kita perlu mengharunginya untuk menguatkan semangat mencapai kejayaan. Karya-karya yang disebutkan menampakkan elemen pemikiran inferens yang membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa orang yang rajin berusaha akan mencapai kejayaan. Pandangan ini turut diutarakan dalam buku tulisan Aandiyappan (1978 : 63) Tirukkuṛal *kaṇṭa nāṭum vīṭum* yang menyatakan bahawa sekiranya setiap orang rajin bekerja dan menjalankan kewajipan masing-masing maka keadaan ekonomi akan meningkat. Dapat disimpulkan bahawa kerajinan memberi kejayaan kepada diri dan negara.

Seterusnya, elemen pemikiran deduksi dapat dilihat secara terang dalam Tirukkuṛal

*Akaḷvārait tāṅkum nilampōlat tam'mai*  
*ikaḷvārp poruttal talai* (Kuplet -151)

(Seperti bumi yang memikul orang yang menggalnya, kesusilaan yang paling utama seseorang ialah adalah bersabar dengan orang yang menghina)

yang membawa maksud bahawa seperti bumi yang memikul orang yang menggalnya, manusia perlu mengamalkan kesabaran dengan orang yang menghina. Kita dapat menentukan orang yang penuh dengan kesabaran adalah orang yang penuh dengan kesusilaan. Seseorang itu perlu menjaga dan mempertahankan sikap sabar dalam saat dilanda musibah. Hal ini kerana, masalah tersebut berperanan untuk mendidik jiwa dan menguatkan serta meneguhkan hati dan sikap. Nilai yang sama dapat dilihat dalam peribahasa Tamil seperti *Poruttār pūmi ālvār*, *Ātirakkāraṅkkuṭṭuṭṭi maṭṭu*, *Porumai kaṭaliṇum peritu* dan juga *Nālaṭiyār* seperti berikut:

*Kōtai yaruvik kuḷirvarai naṅṅāta  
pētaiyōṭu yātum uraiyarṅka – pētai  
uraippir cītainturaikkum ollum vakaiyān  
vaḷukkik kaḷitalē naṅru. (Nālaṭiyār -71)*

(Hindarilah orang yang kurang bijak, kalau tidak perbicaraan disalah tafsir dan membawa malapetaka)

Kata pujangga di atas bermaksud kita perlu mengelakkan diri daripada orang yang tidak berfikir. Ini kerana, orang yang tidak berfikir akan meluahkan kata-kata yang bersifat kasar dan melukai hati orang lain. Mereka tidak mempunyai kesabaran dalam menangani sesuatu isu. Bagi menghindari masalah dari berkembang kita dinasihati supaya mengelakkan diri daripada golongan sebegini. Elemen deduktif dapat dibuat berdasarkan masalah yang dihadapi oleh orang yang panas baran dan tidak mengamalkan kesabaran. Nilai-nilai sebegini tersirat dalam kandungan Tirukkuraḷ dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menghayatinya. Ini selaras dengan pendapat informan yang mengatakan bahawa,

*Tirukkuraḷ mematangkan pemikiran. Ia memandu kehidupan manusia ke arah pembentukan individu yang berakhlak. Pemilihan satu kuplet sebagai panduan sudah memadai untuk diamalkan sepanjang hayat kerana ia berkebolehan memenuhi segala keperluan rohani.*

*(Informan 7)*

Penyelidik membuat kesimpulan bahawa Tirukkural kaya dengan pemikiran kritis. Pandangan penyelidik ini sama dengan pendapat beberapa orang informan yang turut menyatakan Tiruvalluvar telah menyentuh aspek pemikiran dalam kuplet Tirukkuralnya.

*Tirukkural dan pemikiran kritis tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat. Hal ini dapat dilihat apabila Thiruvalluvar sendiri menekankan konsep pemikiran dalam salah satu babnya yang bertajuk "arivudaimai".*

(Informan 1)

Kebanyakan informan rata-rata menyatakan pendapat yang sama. Ini membuktikan dapatan kajian bahawa teks Tirukkural memang sarat dengan elemen pemikiran kritis. Pendapat Palanisamy (2012 : 127), Maraimalaiyadigal (1985 : 47), Gothandam (2005 : 55-60), Gaandhi (2007 : 94) dan Ilangkumaranaar (1997), juga mengukuhkan lagi dapatan kajian penyelidik yang menyatakan Tirukkural memang mempunyai pemikiran kritis. Ini menggambarkan Tirukkural sebagai karya yang sesuai diadaptasi dalam kehidupan harian. Oleh itu, masyarakat diseru agar membaca dan menghayati Tirukkural dalam kehidupan seharian. Ini akan dapat membantu untuk meningkatkan perkembangan pemikiran kritis dan membolehkan manusia menjalani kehidupan yang sempurna sebagaimana yang telah disarankan dalam buku nukilan Visvanaathan (1990 : 113-115).

### **5.2.2 Tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Penilaian terhadap tahap pengaplikasian penelitian sebab dan akibat menunjukkan sebanyak 20 orang responden iaitu 5% berada dalam tahap cemerlang. Seramai 99

orang responden, 24.7% berada di tahap sangat baik dan 43.0% iaitu 172 orang di tahap baik. 21.3% iaitu 85 orang responden berada di tahap sederhana dan 24 orang atau 6.0% masih lagi lemah dalam gagasan sebab dan akibat. Analisis menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat yang baik hingga cemerlang adalah lebih ramai iaitu 72.7% berbanding dengan responden yang sederhana dan lemah iaitu 27.3%. Dapatan ini kurang memuaskan kerana tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil masih berada pada paras yang baik sahaja. Bilangan ini perlu ditingkatkan ke tahap yang sangat baik dan cemerlang. Ini kerana, kita perlu mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan progresif. Zaman kini, manusia hanya mementingkan kebendaan. Segala kemudahan telah dibekalkan oleh ibu bapa dan mudah diperolehi oleh anak-anak. Ini menyebabkan mereka tidak berusaha dan berfikir untuk mendapatkan sesuatu. Mereka kurang mempersoalkan setiap perkara. Oleh itu mereka gagal menganalisis kebaikan dan keburukan sesuatu perkara.

Dapatan ini selaras dengan teori Vygotsky yang menekankan peranan persekitaran dalam perkembangan intelek. Kita tidak boleh mengatakan bahawa semua responden mempunyai ilmu pengetahuan Tirukkuṛaḷ. Ada di antara mereka yang menerapkan pemikiran kritis daripada persekitaran. Komunikasi dan interaksi yang dilakukan bersama ibu bapa, rakan, dan orang luar turut membantu mengembangkan elemen pemikiran kritis dalam diri mereka. Mereka memang mempunyai pengetahuan sedia ada mengenai pemikiran kritis namun penghayatannya tidak begitu mendalam. Mereka mengamalkan sikap sambil lewa dan ini menjelaskan bilangan responden yang kurang pada tahap cemerlang.

Sekiranya meneliti kemahiran interpretasi dalam gagasan sebab dan akibat, pengaplikasiannya di tahap cemerlang adalah 3.5%. Tahap sangat baik dan baik masing-masing merekodkan 20.7% dan 47.0%. Manakala pengaplikasian di tahap sederhana adalah sebanyak 24.0% dan 4.8% di tahap lemah. Kebanyakan responden berada di tahap yang baik. Namun begitu, bilangan tahap sederhana dan lemah yang berjumlah 28.8% menunjukkan keadaan yang membimbangkan. Golongan yang berada dalam tahap ini tidak dapat mentafsir baik buruk sesuatu perkara. Mereka mengalami kesukaran untuk mengenalpasti isu dan ini menjadi penghalang bagi mereka untuk menerangkan masalah tersebut. Ini mencerminkan ketidakupayaan mereka untuk memahami sesuatu konsep secara menyeluruh.

Manakala, kemahiran menilai hujah dalam gagasan penelitian sebab dan akibat juga menunjukkan tahap yang kurang memuaskan. Walaupun tahap pengaplikasian kemahiran menilai hujah di tahap cemerlang, sangat baik dan baik masing-masing menunjukkan kadar sebanyak 4.5%, 22.0% dan 47.7% serta meyakinkan bahawa kebanyakan responden berada di tahap baik namun bilangan peratusan responden pada tahap sederhana dan lemah menunjukkan angka yang kurang memuaskan. Pengaplikasian kemahiran menilai hujah pada tahap sederhana adalah 21.3% dan lemah pula ialah 6.0%. Secara keseluruhannya 27.3% masih kurang mempraktikkan kemahiran berbahas. Masyarakat tidak dapat membezakan hujah yang bernas dan lemah bagi sesuatu persoalan. Hal ini sedemikian kerana mereka tidak berfikir di luar kotak. Pemikiran mereka hanya terpaku kepada satu bentuk atau pola sahaja. Oleh itu, pemikiran pada diri mereka terbatas. Mereka tidak akan mempunyai sebarang idea untuk berhujah kerana mereka tidak mampu membezakan kerelevanan sesuatu isu. Sikap masyarakat sebegini tidak selari dengan teori konstruktivisme yang menyatakan manusia membina realiti sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai dan

menyusun atur maklumat agar dapat mengembangkan pemikirannya. Golongan yang membataskan pemikiran tidak dapat bertindak seperti yang disarankan dalam teori konstruktivisme.

Konklusinya, ramai responden sedar akan saranan teks Tirukkural tetapi kurang menghayatinya dalam kehidupan seharian. Kebanyakan responden memahami maksud kuplet Tirukkural secara umum tetapi mereka gagal menelitinya secara terperinci. Oleh itu, mereka tidak dapat menyelami, mentafsir serta membahas maksud tersirat kuplet dan akhirnya gagal untuk mengamalkannya.

### **5.2.3 Tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Penilaian terhadap tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah menunjukkan sebanyak 30 orang responden iaitu 7.5% berada pada tahap cemerlang. Seramai 94 orang responden, 23.5% berada di tahap sangat baik dan 38.0% iaitu 152 orang di tahap baik. 24.0% iaitu 96 orang responden berada di tahap sederhana dan 28 orang atau 7.0% masih lagi lemah dalam gagasan penyelesaian masalah. Analisis menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah yang baik hingga cemerlang adalah sebanyak 69.0%. Manakala, tahap sederhana dan lemah pula menunjukkan peratusan 31.0%. Bilangan responden yang mempunyai tahap baik hingga cemerlang mengatasi bilangan responden yang berada pada tahap sederhana dan lemah. Walaupun begitu, angka 31% ini memerlukan perubahan yang segera. Masyarakat perlu meningkatkan potensi minda bagi memahami, menakluki dan menyelesaikan sesuatu masalah.

Responden yang tahap penyelesaian masalahnya baik, mempunyai pengalaman lepas yang memberikan mereka tunjuk ajar. Pengajaran yang diperolehi daripada pengalaman lepas dijadikan sebagai panduan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Namun, mereka kurang bertindak berdasarkan nilai yang terdapat dalam Tirukkural. Boleh dikatakan keputusan dan tindakan responden kebanyakannya bergantung kepada pengalaman lepas. Dapatan ini, boleh dihubungkan dengan teori konstruktivisme yang menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada pada seorang individu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang hidupnya akan membantu individu tersebut untuk menjana idea ataupun mencari penyelesaian masalah.

Jika meneliti kemahiran inferens yang terdapat dalam gagasan penyelesaian masalah, masih ramai lagi yang berada dalam tahap yang kurang memuaskan walaupun kebanyakannya berada dalam tahap baik. Pengaplikasian kemahiran inferens di tahap cemerlang adalah sebanyak 1.5%. Manakala bagi tahap sangat baik dan baik pula 28.0% dan 37.8%. Tahap sederhana dan lemah masing-masing menunjukkan peratusan sebanyak 27.0% dan 5.8%. Sebanyak 32.8% masyarakat masih gagal dalam membuat kesimpulan awal mengenai sesuatu perkara. Angka ini tidak selaras dengan impian ataupun saranan Tiruvalluvar kepada umat manusia. Beliau menginginkan kewujudan lapisan masyarakat yang dapat membuat kesimpulan awal. Namun begitu, golongan ini tidak dapat mengenal pasti punca sesuatu masalah yang merupakan asas pembentukan kesimpulan. Ini menyebabkan mereka menghadapi jalan buntu dan tidak dapat menyelesaikan masalah kehidupan. Mereka gagal menguasai, menganalisis, dan memahami secara kritis saranan Tirukkural tersebut.



Inferens membolehkan kita bertindak secara berani dan mempunyai pegangan yang kukuh dalam keputusan yang diambil kerana kita pasti dengan sesuatu perkara. Inferens akan dibuat berdasarkan pemerhatian ataupun pengalaman lepas yang diperolehi oleh manusia. Penerapan inferens dalam Tirukkural membolehkan manusia untuk menganalisis sesuatu isu dan membuat kesimpulan awal berkenaan situasi yang dihadapi.

Dari segi kemahiran mengenalpasti andaian pula, tahap pengaplikasiannya di tahap cemerlang, sangat baik dan baik masing-masing merekodkan peratusan 5.7%, 25.8% dan 40.7%. Tahap sederhana dan lemah mencatatkan 27.8% daripada jumlah sebenar. Angka yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap pengaplikasian kemahiran mengenalpasti andaian perlu ditingkatkan. Lebih banyak masyarakat perlu digerakkan ke tahap cemerlang seiring dengan impian Tiruvalluvar. Kemahiran mengenal pasti andaian diperlukan dalam menyelesaikan masalah. Penyelesaian masalah merangkumi proses mental yang mengkaji dan meneliti bagaimana masalah boleh terjadi dan cara menghadapi serta menyelesaikan masalah tersebut. Bagi melaksanakan proses ini andaian perlu dikenal pasti. Ketika mengenal pasti andaian, beberapa kemungkinan penyelesaian perlu diteliti dengan melihat kesan dan akibat yang mungkin berlaku dan juga kepentingannya. Contohnya, penerapan elemen mengenal pasti andaian ini dapat dilihat dalam kuplet berikut;

*Yākāvā rāyiṇum nākāka kāvākkāl  
cōkāppar collilukkup paṭṭu. (Kuplet -127)*

(Kawallah lidah bila bertutur; kegagalannya akan membawa binasa)

Tirukkural ini menekankan kepentingan mengawal percakapan yang boleh mengakibatkan penderitaan sekiranya tidak dikawal. Secara langsung kuplet ini menyeru kita untuk meneliti subjek atau orang yang terlibat ketika kita berkomunikasi.

Kita perlu berhati-hati dalam pengucapan kata dengan membuat andaian dan mengambil langkah berjaga-jaga supaya tidak terlanjur kata yang kemudiannya berkemungkinan mewujudkan masalah yang besar kepada kedua-dua pihak. Andaian membantu kita untuk mengelakkan masalah kerana kita akan mempersoalkan setiap tindakan atau luahan kata diri dan balasan yang akan diperolehi melaluinya selepas itu.

Manakala, pengaplikasian kemahiran deduksi pula melihatkan bilangan yang ramai pada tahap cemerlang hingga baik iaitu sebanyak 73.0%. Pengaplikasiannya pada tahap sederhana dan lemah pula adalah sebanyak 27.0%. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa masyarakat perlu memberikan lebih perhatian kepada kaedah menyelesaikan masalah. Mereka perlu mengutamakan penyelesaian logik yang melibatkan proses rasional dan deduktif. Ini sejajar dengan impian yang diutarakan oleh Tiruvalluvar dalam kuplet-kupletnya. Masyarakat menghadapi masalah untuk membentuk satu generalisasi yang merupakan kunci kepada penyelesaian masalah. Mereka gagal menentukan masalah yang dihadapi dan tidak berupaya untuk menyusun maklumat yang diperolehi. Ini menyebabkan mereka gagal mempamerkan satu konsep generalisasi kerana fikiran mereka bercelaru.

Contohnya dalam bab kesabaran, Tiruvalluvar menekankan nilai kesabaran yang perlu diamalkan dalam apa jua situasi kehidupan seharian. Konsep ini sesuai untuk segala perkara dan masyarakat perlu berupaya untuk membuat generalisasi bahawa kesabaran penting dalam segala urusan dan perlu diberi keutamaan. Contoh Tirukkural yang melihatkan maksud di atas ialah,

*Poruttal irappinai enrum atanai  
marattal ataninum nanru (Kuplet 152)*

(Melupakan perbuatan keji seseorang adalah lebih baik dari menerimanya dengan kesabaran)

Konklusinya, masyarakat perlu meningkatkan lagi kebolehan mereka membuat inferens, andaian dan deduksi bagi mencari jalan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Seseorang individu boleh memperoleh kemahiran penyelesaian masalah yang kukuh sekiranya dapat menjadikan ketiga-tiga teori yang dijadikan panduan dalam kajian ini. Di mana, teori konstruktivisme menekankan pengalaman dan pengetahuan sedia ada sebagai asas bagi pembinaan ilmu baru, manakala teori Vygotsky pula menyarankan sokongan persekitaran menjadi asas pembinaan ilmu baru. Teori Penaakulan Moral Kohlberg pula mengutamakan amalan nilai-nilai murni dalam penyelesaian sesuatu masalah supaya keputusan yang dibuat berlandaskan etika kehidupan manusia. Penyelesaian sesuatu masalah berasaskan panduan ini akan berkekalan, relevan dengan keperluan semasa dan boleh diterima oleh semua orang. Sebenarnya saranan inilah yang cuba diutarakan oleh Tiruvalluvar dalam kuplet-kuplet Tirukkural, tetapi manusia sejagat masih lagi kurang arif dalam penghayatan dan pengamalan pemikiran Tirukkural.

#### **5.2.4 Tahap pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural yang wujud dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Tahap pemikiran kritis secara menyeluruh yang berpandukan teks Tirukkural menunjukkan bahawa sebanyak 6.0% berada di tahap cemerlang diikuti dengan 27.7% di tahap sangat baik. 35.8% responden berada di tahap baik. 21.7% responden pula berada di tahap sederhana. Manakala, tahap lemah pula mencatatkan sebanyak 8.8%. Tahap pemikiran kritis di tahap sederhana dan lemah adalah 30.5%. Angka 30.5% ini merupakan sesuatu yang perlu diteliti kerana ia mencerminkan bahawa tahap pemikiran

kritis masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia masih berada di paras yang kurang memuaskan.

Tahap pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India perlu ditingkatkan bagi melahirkan lapisan masyarakat yang dapat menganalisis kebaikan dan keburukan sesuatu perkara dan bertindak secara rasional. Masyarakat sebegini sudah pastinya dapat memelihara kesejahteraan hidup, kesopanan diri kerana mereka akan mempunyai sikap tolong-menolong sepertimana yang telah dibincangkan dalam buku *Valluvan ulakac cintanaiyālan* nukilan Gothandam (2005 : 78). Kebanyakan masyarakat India masih lagi dikongkong oleh emosi. Walaupun pendidikan menjurus ke arah pemikiran, namun masyarakat gagal untuk menghayati nilai-nilai yang diterapkan. Berikutan itu, mereka gagal membuat pertimbangan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa informan temubual.

*Masyarakat India kini lebih bertindak mengikut emosi. Mereka kurang memberi perhatian kepada perincian masalah dan tidak menganalisis akibat yang akan diperolehi daripada tindakan yang dilakukan. Walaupun ada segelintir remaja mempunyai pengetahuan sastera Tamil namun mereka tidak berupaya untuk menonjolkannya dalam kehidupan seharian. Mereka beranggapan bahawa ia hanya membuang masa.*

(Informan 7, 10)

*Masyarakat India kini berubah kepada kehidupan segera. Mereka hidup ibarat mesin yang memenuhi keperluan fizikal. Keperluan mental dan rohani tidak diberi keutamaan. Contohnya, golongan wanita yang bekerja kini tidak mempunyai masa untuk menjaga anak-anak. Mereka tidak dapat meluangkan masa yang berkualiti. Ini menyebabkan hubungan ibu dengan anak menjadi renggang. Oleh itu, anak-anak tidak dapat menbanding bezakan baik buruk sesuatu perkara yang seharusnya diajar oleh ibu bapa. Maka, mereka menerima sahaja perkara-perkara tersebut tanpa mempersoalkannya.*

(Informan 4, 6, 9)

Masyarakat India perlu sedar bukan semua perkara yang dinyatakan atau dilihat adalah benar dan adil. Perkara tersebut berkemungkinan diselewengkan. Oleh itu, masyarakat tidak boleh menerima sesuatu perkara itu secara bulat-bulat. Mereka perlu menganalisis setiap aspek dan menilai kebaikan dan kelemahan yang terdapat dalamnya (Muthusamy, 1981). Ini dapat membantu untuk mengelakkan kesilapan dan kesalahan. Sekiranya pemikiran kritis masyarakat India mencapai tahap cemerlang, hasrat Tiruvalluvar untuk membina bangsa yang proaktif dapat dicapai seperti yang telah dinyatakan dalam kajian Gaandhi (2007 : 106). Pembentukan individu yang sempurna akan mencorakkan lapisan masyarakat yang penuh berakhlak. Oleh itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa pemikiran kritis perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian sepanjang masa.

Ungkapan ini selari dengan saranan Kohlberg di Tahap 6 di mana beliau menegaskan pembentukan falsafah diri akan menjadikan seseorang itu berfikir dan bertindak berasaskan falsafah kehidupan yang dibinanya sendiri. Individu yang berjaya membina falsafah kehidupannya sendiri mampu berfikir secara kritis dan membuat penyelesaian yang bernas berasaskan falsafah tersebut.

## **5.2.5 Tahap pemikiran kritis masyarakat India berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, pendidikan, dan kerjaya.**

### **5.2.5.1 Pengaruh jantina dalam tahap pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Analisis terhadap kajian menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi pengaplikasian pemikiran kritis. Skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkuraḷ bagi lelaki dalam masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia ialah ( $M = 168.62$ ,  $SP = 22.25$ ). Manakala bagi perempuan ialah ( $M = 169.49$ ,  $SP = 23.46$ ). Analisis menunjukkan tiada perbezaan ketara dalam pemikiran kritis di antara kedua-dua jantina ini.

Daripada sepuluh orang informan hanya seorang informan sahaja yang mempunyai pandangan yang sama dengan keputusan ini. Beliau menyatakan bahawa tahap pemikiran wanita dan lelaki adalah sama.

*Lelaki dan wanita kini bertindak berdasarkan pemikiran 'safety security'. Mereka tidak mempunyai pegangan dalam tindakan dan percakapan. Kebendaan lebih diutamakan. Oleh itu, mereka tidak memberi peluang kepada pemikiran kritis .*

(Informan 2)

Kebanyakan informan meluahkan pendapat bahawa tahap pemikiran kaum wanita adalah lebih baik daripada kaum lelaki. Kaum wanita dikatakan sentiasa mengutamakan ketelitian dan keperincian sesuatu perkara semasa berfikir dan membuat keputusan yang rasional.

*Kedua-dua jantina ini mempunyai tahap pemikiran yang bagus. Namun, kaum wanita berfikir secara lebih mendalam. berbanding dengan kaum lelaki. malah sikap ini kurang dalam kalangan lelaki kaum perempuan mementingkan kesabaran semasa berfikir dan bertindak..*

(Informan 1, 8)

Apabila meneliti analisis kuantitatif dan kualitatif, penyelidik dapat melihat perbezaan hasil yang nyata. Responden yang menjawab soal selidik menyatakan tiada perbezaan berdasarkan jantina, manakala hasil temubual pula menunjukkan kaum wanita memiliki kebolehan berfikir secara kritis yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Percanggahan pendapat ini boleh dikaitkan dengan beberapa teori seperti teori Vygotsky dan teori Kohlberg.

Teori Vygotsky menekankan pengalaman, pengetahuan sedia ada dan sokongan persekitaran ke arah pembinaan ilmu baru yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik. Sekiranya diteliti dengan terperinci, ketiga-tiga faktor yang diutarakan oleh Vygotsky amat berkait rapat dengan gaya hidup seseorang lelaki. Di mana, lelaki biasanya akan cuba menyelesaikan sesuatu masalah dengan cepat dan mudah berasaskan pengalaman dan pengetahuan sedia adanya. Akan tetapi, cara seorang wanita berfikir biasanya agak berbeza dengan seorang lelaki di mana secara kebiasaannya kaum wanita akan mengkaji sebab musabab dan implikasi sesuatu tindakan terhadap diri dan keluarganya. Kebanyakan wanita sentiasa berpandukan ajaran agama, nilai-nilai murni serta etika kehidupan sejagat. Mereka sentiasa berwaspada supaya tidak berlakunya keruntuhan moral, ahlak dan maruah diri dan keluarga. Inilah yang menyebabkan wanita berfikir secara kritis sebelum bertindak. Dapatan kajian yang menunjukkan wujudnya perbezaan pandangan ini boleh dikaitkan dengan teori Kohlberg.

Dapatan kuantitatif pula menjelaskan tiada perbezaan jantina dari segi tahap pemikiran kritis. Sekiranya diteliti dari segi teori Konstruktivisme, pemikiran kritis berlaku berdasarkan pengalaman, pengetahuan sedia ada dan penghasilan ilmu baru. Dalam dunia era teknologi moden ini, peluang pembelajaran adalah sama bagi kedua-dua jantina. Perbezaan pemilikan ilmu yang tinggi atau rendah bergantung kepada usaha individu tersebut.

Dengan ini, penyelidik dapat menyatakan bahawa faktor jantina bukanlah sesuatu penghalang ke arah pemikiran secara kritis dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Masyarakat kini sentiasa berhadapan dengan sumber-sumber maklumat dan hidup dalam persekitaran yang sentiasa memberi sesuatu pengajaran ke arah kemakmuran kehidupan seharian. Selain daripada itu, kaum wanita dilayan dan diberi peluang yang setara dengan kaum lelaki dalam bidang kerjaya. Ramai wanita berpeluang menjawat jawatan tertinggi dalam sektor kerajaan dan swasta serta menjadi usahawan yang setanding dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, tidak hairanlah hasil kuantitatif ini menunjukkan tiada gender bias dalam pemikiran kritis di kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.

Selain itu, faktor psikologi juga diketengahkan dalam perubahan yang terdapat dalam tahap pemikiran antara kaum lelaki dan kaum wanita. Lelaki dikatakan mempunyai ego yang tinggi. Sifat ini akan menghalang mereka untuk bersikap terbuka. Pemikiran mereka hanya akan berpusatkan satu benda sahaja. Mereka juga tidak sanggup menerima kritikan daripada orang lain disebabkan oleh sikap egostiknya (Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008 : 129).

*Walaupun adakalanya keputusan yang diambil oleh lelaki mengalami kegagalan mereka tidak akan bersedia untuk mengaku kesilapannya.*



*Mereka juga tidak mepedulikan keputusan orang lain. Namun, kaum wanita berbeza daripada sikap ini. Mereka mempunyai sifat yang tenang. Sebab itulah mereka mampu mengambil keputusan yang tepat.*

(Informan 5, 7)

Sekiranya meneliti gagasan penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis mengikut jantina kita dapat menyimpulkan bahawa kedua-dua jantina mempraktikkan kemahiran kritis. Kedua-dua golongan ini pandai menginterpretasi dan menilai hujah yang timbul dalam tugas harian. Ini kerana, seperti kaum lelaki kaum wanita juga kini terdedah kepada persekitaraan sosial. Zaman ini wanita juga mendapat kesamarataan hak dengan lelaki seperti mana yang telah diceritakan dalam buku *Vaḷḷuvan ulakac cintanaiyālan* tulisan Gothandam (2005 : 90). Mereka berpeluang untuk bertemu, berkomunikasi dan bekerja dengan pelbagai orang yang mempunyai perbezaan dari segi pendidikan, ekonomi, pandangan, pegangan dan lain-lain lagi. Ketika berhadapan dengan orang sebegini mereka berpeluang untuk menjelaskan pandangan ataupun hujah mereka serta menilai hujah yang dilontarkan oleh orang lain. Perkongsian maklumat dan pandangan membolehkan mereka untuk melatih diri untuk berfikir dari pelbagai aspek dan juga di luar kotak. Pandangan ini selaras dengan peribahasa Melayu yang berbunyi “jauh perjalanan luas pemandangan”. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui teori Vygotsky yang turut menyatakan bahawa peluang komunikasi dan interaksi dengan orang luar akan membantu penerimaan ilmu pengetahuan dan pembelajaran apabila elemen-elemen dalam persekitaraan menerangkan penelitian sebab dan akibat berlakunya sesuatu perkara.

Penelitian terhadap gagasan penyelesaian masalah dalam pemikiran kritis menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan diantara kedua-dua jantina ini. Namun begitu kaum wanita dikatakan lebih bersikap terbuka serta menerima pandangan orang lain ketika menyelesaikan masalah. Mereka mengamalkan kaedah divergen di mana

akan mempertimbangkan setiap perkara sebelum bertindak untuk menyelesaikan masalah. Kaum wanita akan menganalisis dan memberikan perincian yang begitu teliti kepada setiap perkara walaupun ia kelihatan kecil. Mereka mempunyai sifat yang tenang dan ini menyebabkan mereka untuk mengambil keputusan yang tepat. Ini menjelaskan pendapat sesetengah informan yang menyatakan wanita lebih berfikir secara rasional. Pandangan ini selaras dengan teori konstruktivisme yang menyatakan bahawa manusia akan membina realitinya sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai realiti tersebut dengan menyusunatur dan mengurus maklumat supaya dapat membekalkan konteks terbaik. Golongan wanita berkebolehan menguruskan pelbagai tugas pada satu waktu dan ini telah melatih mereka untuk menyusun atur perkara mengikut keutamaan dan melaksanakannya pada masa yang tepat. Oleh itu, mereka dapat membuat kesimpulan awal, andaian dan deduksi secara lebih sistematik.

#### **5.2.5.2 Pengaruh kumpulan umur dalam tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Pengkaji telah membahagikan golongan umur kepada dua iaitu golongan muda dan golongan tua. Umur golongan muda melingkupi 40 tahun ke bawah. Manakala, umur golongan tua pula melingkupi 41 tahun ke atas. Pengamatan terhadap pengaruh kumpulan umur dalam tahap pemikiran kritis menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan. Skor min dan sisihan piawai tahap pemikiran golongan tua adalah sebanyak ( $M=174.72$ ,  $SP=22.59$ ) manakala bagi golongan muda ialah ( $M=163.39$ ,  $SP=21.00$ ). Ini menunjukkan tahap pemikiran kritis dalam golongan tua adalah tinggi berbanding dengan golongan muda.

Data empirikal ini sama dengan pandangan tiga orang informan yang turut menyatakan golongan tua lebih berfikir secara mendalam. Mereka berpendapat bahawa golongan tua bertindak secara rasional dan lebih pandai membuat pertimbangan yang wajar jika dibandingkan dengan golongan muda. Aspek kematangan diketengahkan dalam perkara ini. Kematangan yang meningkat dengan usia mematangkan lagi pemikiran dan menyebabkan mereka untuk bersikap lebih terbuka.

*Peningkatan usia menandakan perkembangan pemikiran. Melalui pelbagai pengalaman hidup golongan tua mempunyai kematangan yang secukupnya. Kita dapat melihat perubahan pemikiran melalui tindakan mereka. Manakala, golongan muda masih mementingkan emosi dan bertindak mengikutinya.*

(Informan 3, 5, 9)

Dapatan ini selaras dengan teori Vygotsky yang mempunyai bahawa pengetahuan sedia ada menjadi asas yang kukuh dan membantu mengembangkan idea baru bagi menyelesaikan masalah. Oleh itu, golongan tua yang kaya dengan pengalaman hidup menggunakan pengetahuan sedia ada untuk bertindak lebih rasional.

Walaupun begitu, ada juga informan yang menyatakan pendapat yang berbeza dengan data empirikal di atas. Mereka berpendapat bahawa golongan muda masyarakat India lebih mengaplikasikan pemikiran kritis dalam kehidupan seharian berbanding dengan golongan tua yang dikatakan berfikiran tertutup.

*Generasi masa kini sabar apabila berdepan dengan masalah. Mereka akan berfikir secara dalam sebelum bertindak. Namun, golongan tua yang terlalu mengikutkan emosi. Mereka terburu-buru semasa mengambil tindakan atau keputusan.*

(Informan 2, 10)

Pendapat responden ini selaras dengan isi yang tersirat dalam Buku *Tirukkural putaipporul* tulisan Visvanaathan (1974 : 83), yang menekankan tentang pengawalan

emosi terutamanya perasaan marah. Di sini, beliau menegaskan bahawa sekiranya tidak dapat mengawal emosi ia akan membawa kesan buruk kepada keluarga sendiri, saudara mara, jiran dan rakan-rakan kerana tindakan yang mengikut emosi akan mencelaruhan fikiran.

Ada juga yang mengatakan tiada perbezaan ketara dalam tahap pemikiran kedua-dua golongan ini.

*Golongan muda yang mempunyai hubungan rapat dengan sebarang pertubuhan menonjolkan pemikiran kritis. Mereka akan berfikir dan meluangkan masa untuk mengembangkan diri dan masyarakat. Selain itu, mereka juga bertindak atas dasar pertimbangan. Manakala golongan tua yang berpendidikan dan suka meluangkan masa dengan mengumpul informasi semasa juga menunjukkan kematangan dalam pemikiran. Mereka selalu mendalami sesuatu perkara dengan memikirkan kesan jangka panjang.*

(Informan 4, 6)

Secara keseluruhannya, penelitian terhadap gagasan penelitian sebab dan akibat pemikiran kritis dari aspek usia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penafsiran dan menilai hujah di antara golongan muda dan tua. Kematangan memainkan peranan yang penting dalam perbezaan ini. Kematangan berkait rapat dengan peningkatan umur. Tidak dapat disangkal bahawa kematangan dipengaruhi oleh masa dan pengalaman yang dilalui. Semakin meningkat usia semakin banyak pengalamannya. Namun begitu, kita perlu menyedari bahawa setiap manusia mempunyai kebolehan yang berbeza. Ada yang mampu menguasai sesuatu dalam masa yang singkat. Manakala, ada juga yang memerlukan tempoh masa yang lama bagi memahami sesuatu perkara dan bergerak balas terhadapnya. Ini sejajar dengan penemuan kajian yang dilakukan oleh Kohlberg yang mendapati gerak balas responden bukan sahaja berbeza dari segi peringkat umur tetapi juga berbeza alasan mengenai tindakan yang perlu diambil (Woolfolk, 1997 : 319-330).

Pengalaman yang dihayati dan ditafsir dan dinilai dalam realiti kehidupan akan membentuk pemikiran kritis manusia. Kenyataan ini menjelaskan percanggahan yang terdapat di antara data empirikal dan jawapan informan. Walaupun data empirikal menyatakan bahawa golongan tua lebih mengaplikasikan pemikiran kritis dan sesetengah responden pula mengatakan yang sebaliknya namun segala-galanya bergantung kepada sejauhmanakah penghayatan terhadap pengalaman dan ilmu yang diperolehi dan bukannya usia.

Dari konteks gagasan penyelesaian masalah pula, perbezaan yang signifikan dapat dilihat di antara kedua-dua golongan ini. Pengalaman memainkan peranan yang penting. Secara praktikal kita hanya akan memperolehi pengalaman dengan memahami sesuatu perkara yang dilalui. Orang yang mempunyai pengalaman akan bersedia dan membuat pertimbangan dalam menghadapi sesuatu masalah. Golongan tua yang dikatakan lebih berpengalaman pandai membuat kesimpulan, andaian dan deduksi. Pengalaman menjadikan mereka begitu sistematik. Namun begitu, peredaran masa dan masalah yang dihadapi dalam tugas harian telah mempengaruhi sedikit sebanyak pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Kita perlu mempunyai pandangan yang berbeza mengenai masalah yang dihadapi. Contohnya, pada zaman sekarang golongan muda menghadapi pelbagai jenis cabaran yang berwajah baru. Ada kebarangkalian sesetengah daripadanya tidak dihadapi oleh golongan tua. Perbezaan dari segi cabaran ini menjadikan golongan muda untuk lebih berfikir secara rasional. Hal ini dapat dilihat dalam masalah yang melibatkan penyakit. Golongan muda terdedah kepada informasi mengenai sesuatu penyakit dan cara-cara untuk mengatasinya. Ini menjadikan mereka lebih prihatin akan kesihatan diri dan keluarga. Perubahan akan dilakukan dari segi pemakanan, aktiviti

harian dan lain-lain lagi kerana pemikiran mereka lebih ke arah kehidupan yang sejahtera. Manakala, golongan tua yang tidak mempunyai pendedahan mengenai penyakit-penyakit baharu akan kekal dalam pola pemikiran tetap. Mereka kurang membawa perubahan dalam cara kehidupan dan bergantung kepada anak masing-masing.

Peredaran masa juga menyebabkan perubahan pemikiran dalam kalangan golongan muda. Perkara yang dahulu menjadi isu besar kepada golongan tua kini tidak lagi diberi perhatian oleh golongan muda. Ini memudahkan penyelesaian masalah sesuatu isu oleh golongan muda kerana mereka tidak memberi perincian kepada masalah tersebut. Contohnya, isu penceraian dan berkahwin semula diberi penelitian oleh golongan tua. Mereka mengutamakan budaya dan amalan serta pegangan keluarga masing-masing ketika menghadapi situasi yang disebutkan di atas. Ini sejajar dengan teori Kohlberg yang menyatakan bahawa individu mestilah mempunyai kesanggupan melakukan sesuatu tanggungjawab dengan mematuhi segala peraturan yang sedia ada bagi menjamin keharmonian. Namun, golongan muda masa kini tidak begitu mementingkan pegangan keluarga. Mereka bertindak mengikut naluri hati.

Sesuatu masalah patut dilihat sebagai ruang pembaikan diri. Musibah yang menimpa seseorang, pasti ada kebaikan dan perlu pandai membuat pertimbangan dan bersedia menghadapinya. Di sinilah kematangan akan berkembang. Tanggapan sebegini akan membantu menyelesaikan sebarang masalah. Analisis ini disokong dengan teori Piaget yang menyatakan bahawa pemikiran kognitif seseorang akan berkembang ketika berhadapan dengan masalah konkrit dan praktikal. Oleh itu, golongan muda dan golongan tua yang menghayati pengalaman hidup dan melihat masalah sebagai

pemangkin perkembangan pemikiran akan berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

### **5.2.5.3 Pengaruh pendidikan dalam tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkural dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam tahap pemikiran kritis di antara golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan. Skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkural bagi masyarakat India yang berpendidikan peringkat ijazah di Malaysia ialah ( $\underline{M} = 176.44$ ,  $\underline{SP} = 20.33$ ). Nilai ini sangat tinggi berbanding masyarakat India berpendidikan tidak berijazah di Malaysia yang mencatatkan skor ( $\underline{M} = 166.35$ ,  $\underline{SP} = 20.33$ ). Oleh itu, golongan berpendidikan dikatakan lebih mendalami pemikiran secara kritis.

Pandangan penyelidik ini sama dengan pandangan beberapa informan yang turut menyatakan golongan berpendidikan lebih mengamalkan pemikiran kritis dalam kehidupan. Orang yang berpendidikan dikatakan mempunyai pemikiran yang lebih bernas dan mempunyai keyakinan diri menghadapi sebarang situasi dan cabaran. Selain itu, golongan berpendidikan sentiasa membuat pertimbangan. Dapatan ini selaras dengan pendapat informan yang menyatakan,

*Golongan berpendidikan sentiasa mempersoalkan setiap perkara dan bertindak setelah menganalisis mengenai perkara tersebut. Masyarakat tidak berilmu pula menerima sesuatu perkara sebulat-bulatnya dan bertindak mengikut emosi.*

(Informan 5, 8, 10)

Manakala golongan yang tidak berpendidikan dipengaruhi dengan anasir-anasir luar. Mereka tidak dapat membuat pertimbangan yang wajar kerana asyik dengan perkara yang telah mempengaruhi minda mereka. Ini menyebabkan penyekatan dalam perkembangan pemikiran mereka. Data emperikal dan data kualitatif merumuskan bahawa golongan berpendidikan lebih mengaplikasikan pemikiran kritis dalam kehidupan harian. Dapatan ini, dikukuhkan lagi dengan teori konstruktivisme di mana seseorang individu mempunyai pengetahuan yang sedia ada dan pada masa yang sama mengembangkan pengetahuan tersebut dengan mendapatkan ilmu baru dan berinteraksi dengan orang lain. Situasi ini sesuai dengan golongan berpendidikan.

Penelitian yang dibuat atas kedua-dua gagasan penelitian sebab dan akibat serta penyelesaian masalah menunjukkan golongan berpendidikan lebih terdedah kepada pemikiran di luar kotak. Mereka mempunyai keupayaan yang lebih tinggi dalam membuat kesimpulan, andaian, deduksi, tafsiran dan penilaian hujah. Segala pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari institusi pendidikan akan diaplikasi dan dijadikan sebagai medium untuk menerapkan elemen pemikiran yang disebutkan di atas.

Ilmu pengetahuan mewujudkan wawasan dalam diri setiap orang yang menuntut ilmu. Golongan berpendidikan yang berwawasan akan membantu mencorakkan halatuju negara pada masa akan datang. Ini kerana, ilmu pengetahuan yang diperolehi membantu mereka memperinci dan menganalisis setiap isu yang timbul dalam kehidupan seharian. Selain itu, sistem pendidikan negara yang sentiasa mengalami perubahan menginginkan produk yang berkualiti. Bagi mencapai sasaran ini, golongan ini akan berusaha untuk mencapai wawasan yang telah ditentukan. Oleh itu, mereka akan cuba untuk mengembangkan diri dengan mempelajari pelbagai bidang agar mereka dapat mengikuti



perkembangan dunia. Mereka akan sentiasa cuba meningkatkan pengetahuan agar dapat berkomunikasi dan meluahkan hujah dalam kalangan ilmuwan. Golongan yang tidak berpendidikan pula tidak begitu risau untuk mengukur perkembangan diri. Oleh itu, mereka tidak memberi tumpuan untuk perkara yang memerlukan pencerakinan minda.

Golongan berpendidikan mempunyai pemikiran yang luas. Mereka mampu berfikir secara kreatif, inovatif, luar biasa dan dapat menyelesaikan masalah yang akan atau telah berlaku menjadi sesuatu yang berguna atau lebih baik lagi. Golongan ini berpeluang untuk berfikir secara mendalam kerana penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti di institusi pendidikan mencetuskan pemikiran kritis. Aktiviti-aktiviti sosial seperti seminar, ceramah, bengkel, kebajikan sosial dan lain-lain lagi membuka peluang kepada mereka untuk bertemu dengan pelajar-pelajar dari institusi lain dan juga ilmuwan dari pelbagai bidang. Perkongsian maklumat yang akan dilakukan di antara mereka mengembangkan pola pemikiran. Mereka akan memperolehi banyak pengalaman disebabkan oleh pendedahan ilmiah sebegini. Kenyataan atas turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Muthusamy (1981 : 97). Kajian yang bertajuk *Tamil culture as revealed in Tirukkural* menjelaskan kepentingan penglibatan dalam kebajikan sosial yang mampu mewujudkan individu yang sempurna.

Golongan berpendidikan juga minat mengumpul maklumat melalui pembacaan pelbagai jenis bahan dan juga mendengar isu-isu terkini. Golongan pendidikan tidak mudah dimanipulasi oleh sebarang penyelewengan kerana mereka berupaya menganalisis kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Mereka juga pandai membuat inferens dan dapat mengenalpasti andaian. Kelebihan golongan berpendidikan juga telah ditekankan oleh Tiruvalluvar dalam kuplet berikut;

*Arivutaiyār āva tarivār arivilār  
aḥtari kallā tavar. (Kuplet 427)*

(Orang berpendidikan dapat meramal masa depan, malah orang tidak berpendidikan bergantung pada nasib)

Tirukkuraḷ ini bermaksud orang yang berpengetahuan mempunyai kebolehan untuk membuat kesimpulan dan andaian awal tentang apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Buku bertajuk *Tirukkuraḷil kalvi cintaṅaikaḷ* oleh Nadesan (2007 : 13), juga menekankan konsep pendidikan yang diibaratkan dengan keperluan asas dan manusia berhak mendapatkan pendidikan yang sama rata tanpa mengira status dan jantina. Ia sesuai dengan saranan Tiruvalluvar yang menekankan kepentingan pendidikan dalam kehidupan manusia dan mengibaratkannya dengan penglihatan.

#### **5.2.5.4 Pengaruh kerjaya dalam tahap pemikiran kritis yang berpandukan teks Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia.**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerjaya memang mempengaruhi tahap pemikiran kritis masyarakat Tamil. Analisis data menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai pengaplikasian pemikiran kritis yang berpandukan Tirukkuraḷ bagi masyarakat India yang berkerja sebagai professional dan juga bukan professional. Golongan professional mencatatkan nilai ( $\underline{M} = 172.82$ ,  $\underline{SP} = 21.06$ ). Manakala golongan bukan profesional mencatatkan skor ( $\underline{M} = 167.24$ ,  $\underline{SP} = 23.47$ ). Skor min dan sisihan piawai golongan profesional adalah lebih tinggi berbanding golongan bukan profesional. Ini menunjukkan bahawa golongan professional lebih mengaplikasikan pemikiran kritis dalam kehidupan seharian. Pengalaman akan memberi pembelajaran yang kekal dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian,

penganalisaan penelitian sebab dan akibat boleh berlaku dengan sempurna dalam kalangan kedua-dua pihak profesional dan bukan profesional.

Dapatan pengkaji disokong dengan pendapat informan. Ramai informan menyatakan bahawa golongan professional lebih produktif berbanding dengan golongan bukan professional. Mereka mampu menjana idea-idea yang berkualiti yang membawa kepada perkembangan dan kemajuan.

*Golongan professional bekerja di suasana yang menggariskan disiplin, mengutamakan pengoperasian sistematik dan produktiviti. Selaras dengan itu, pekerja perlu memahami dan bekerja berdasarkan pemikiran kritis.*

(Informan 3)

*Golongan bukan professional tidak perlu memerah otak. Mereka tidak mempunyai peluang untuk berfikir dari sudut yang berbeza untuk melaksanakan tugas.*

(Informan 10)

Dapatan kajian ini selaras dengan Teori Kolberg. Dalam teori ini peringkat poskonvensional yang merangkumi tahap orientasi konstruk sosial mengemukakan nilai moral dalam usaha mendapatkan pandangan orang dewasa moraliti. Ahli-ahli professional berurusan dengan pelbagai pihak dalam tugas harian mereka. Oleh itu, mereka harus mewujudkan hubungan dengan pelbagai pihak. Mereka mengutamakan hubungan sosial bagi mewujudkan hubungan harmonis. Bagi merealisasikannya mereka akan mempertimbangkan sesuatu situasi dan bertindak mengikut keperluannya. Golongan professional memiliki etika pekerjaan yang tersendiri. Kepentingan etika diterapkan dalam buku nukilan Muthukumarasaamy (1990 : 61-64), yang membicarakan etika membolehkan seseorang menyempurnakan sesuatu tugas dengan berperanan sebagai ahli sosiologi, tokoh agama, pendidik, dan pakar ekonomi. Etika ini jelas menunjukkan bahawa seseorang akan mengharungi perjalanan yang lebih jelas sekiranya menjadikan Tirukkural sebagai panduan hidup.

Sekiranya meneliti gagasan penelitian sebab dan akibat dalam pemikiran kritis masyarakat dari segi professionalisme ia tidak menunjukkan sebarang perbezaan signifikan. Ini menjelaskan bahawa kedua-dua golongan professional dan bukan professional mempunyai kemahiran untuk menginterpretasi dan menilai hujah. Manakala dari segi gagasan penyelesaian masalah pula, pengaplikasian kemahiran inferens, mengenal pasti andaian dan membuat deduksi menunjukkan tahap yang lebih tinggi dalam kalangan golongan professional berbanding dengan bukan professional. Pendekatan yang digunakan oleh golongan professional dalam menyelesaikan masalah membuktikan bahawa mereka lebih berkeupayaan menyelesaikan sesuatu masalah secara sistematik. Pendidikan dan ilmu yang ditimba boleh diketengahkan dalam penjelasan keupayaan mereka. Kelebihan yang terdapat dalam kalangan golongan professional ialah mereka mempunyai etika kerja professional. Etika ini menjadi garis panduan kepada mereka untuk cemerlang dalam bidang masing-masing, bersikap inisiatif, pandai menguruskan masa dan sentiasa membuat penilaian diri.

Prestasi kerja golongan professional akan sentiasa tinggi. Hal ini jelas kelihatan dalam pendekatan mereka ketika menemui kesulitan semasa melaksanakan tugas. Mereka akan terus berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Bagi mencapai tahap kecemerlangan, mereka mempunyai disiplin diri untuk bekerja dengan baik dalam semua keadaan. Kerjaya professional mengutamakan pencerakinan minda atas inisiatif sendiri. Golongan professional berusaha melakukan sesuatu sebelum dipaksa atau diarah. Oleh itu, mereka akan begitu tekun dan teliti untuk mengelakkan kesilapan dan mengembangkan bidang pekerjaan mereka. Ini menyebabkan mereka mempunyai pemikiran yang mendalam dalam sesuatu isu.

Selain itu, golongan professional juga sentiasa melakukan penilaian sendiri. Penilaian sendiri membolehkan seseorang untuk mengetahui kekurangan diri, kesilapan yang dilakukan serta memikirkan cara untuk penambahbaikan. Tambahan pula, seseorang itu dapat menggariskan, merancang dan menentukan apa yang hendak dilaksanakan dalam tempoh tertentu. Kelebihan yang dimiliki seperti yang dinyatakan di atas inilah menjelaskan keupayaan golongan professional untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara sistematik jika dibandingkan dengan golongan bukan professional.

### **5.3 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan yang dihuraikan dalam bab ini, penyelidik dapat membuat satu kesimpulan bahawa hampir setiap kuplet Tirukkural memiliki ciri-ciri pemikiran kritis sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Dapatan kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif juga menyokong kenyataan ini. Tetapi, apabila dilihat darisegi amalan aspek pemikiran yang disarankan oleh Tirukkural dalam kalangan masyarakat India di Malaysia, ia belum mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Kebanyakan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia menyedari dan mempraktikkan pemikiran kritis yang disarankan dalam Tirukkural. Akan tetapi, mereka gagal mengamalkannya secara menyeluruh atas beberapa faktor demografi seperti perbezaan jantina, umur, pendidikan dan kerjaya. Sekiranya seseorang individu dapat menguasai faktor-faktor demografi yang menjadi cabaran terhadap penguasaan dan amalan Tirukkural ini, maka kehidupannya akan lebih sempurna mengikut aspirasi Tiruvalluvar.

## BAB 6

### RUMUSAN DAN KESIMPULAN

#### 6.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik mengutarakan rumusan yang dapat dibuat berasaskan dapatan kajian ini. Di samping itu, penyelidik juga menyarankan beberapa cadangan untuk memperluaskan kajian berasaskan pemikiran kritis dan kesusasteraan ini pada masa akan datang. Di antara cadangan yang diberikan adalah kepada masyarakat India secara umumnya, warga pendidik dan bakal penyelidik yang berminat dalam kajian ini.

#### 6.2 Rumusan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dalam Bab 5, penyelidik dapat merumuskan bahawa teks Tirukkural menggalakkan pemikiran kritis. Hampir semua kuplet menerapkan elemen pemikiran kritis. Namun begitu, terdapat elemen dominan yang menonjol dalam setiap kuplet Tirukkural. Elemen pemikiran kritis yang begitu domain dalam Tirukkural ialah mengenal pasti andaian iaitu sebanyak 310 (23.3%) diikuti dengan inferens sebanyak 283 iaitu 21.3%. Elemen seterusnya adalah menilai hujah iaitu sebanyak 257 (19.3%), diikuti deduktif sebanyak 249 (18.7%) dan interpretasi sebanyak 231 (17.4%).

Analisis di atas memang mengukuhkan kenyataan bahawa Tirukkural kaya dengan elemen pemikiran kritis. Namun begitu, tahap pengaplikasian elemen pemikiran kritis dalam kehidupan seharian adalah berbeza. Situasi ini dipengaruhi oleh faktor demografi seperti jantina, umur, pendidikan dan kerjaya. Dunia pada masa kini

mengalami kemajuan drastik yang membawa kepada perubahan persekitaran dan perkembangan teknologi. Konsep “*hands one*” telah sebatikan dengan kehidupan masyarakat. Segala maklumat boleh diperolehi dalam masa yang singkat. Ini telah menjadikan manusia lebih cenderung mendapatkan sesuatu dengan cara yang lebih mudah.

Sifat menginginkan sesuatu dengan kadar segera menyebabkan masyarakat India kurang meneliti sesuatu perkara dengan terperinci. Ini kerana, bagi mereka pandangan umum tentang perkara tersebut sudah mencukupi pada masa kini. Kita perlu mengelakkan situasi sebegini kerana Tirukkural merupakan sebuah khazanah ilmu yang perlu dipelihara dan dihargai. Sekiranya kita tidak mendalami Tirukkural, nilai-nilai yang terdapat dalamnya mungkin akan lenyap bersama dengan peredaran masa. Secara keseluruhannya, kita dapat merumuskan bahawa pengaplikasian pemikiran kritis berpandukan teks Tirukkural tidak begitu menyeluruh dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil di Malaysia. Bagi mengatasi masalah ini, nilai-nilai Tirukkural perlu disemaikan dalam diri masyarakat sejak kecil lagi.

Berdasarkan penelitian hasil kajian ini, penyelidik berpandangan bahawa masyarakat ilmuan yang mempelajari Tirukkural secara formal harus berusaha mengintegrasikannya secara kritis. Kebolehan mengintegrasikan kuplet-kuplet Tirukkural dengan bernas ini harus disebarkan kepada individu yang kurang berpendidikan ataupun yang gagal menghayati Tirukkural mengikut saranan Tiruvalluvar.

Bagi golongan cendekiawan yang Berjaya mengamalkan ajaran-ajaran Tirukkural sepertimana yang diwar-warkan oleh pakar-pakar pemikiran, haruslah

berusaha menyebarkan dan mendidik masyarakat India Malaysia yang masih lagi kurang arif dalam penghayatan Tirukkural. Akhir kata, apakah gunanya memiliki ilmu yang tinggi tetapi tidak dimanfaatkan bersama rakyat sejagat?

### **6.3 Cadangan**

Berdasarkan maklumat yang diperolehi menerusi pembacaan pelbagai sumber rujukan serta dapatan kajian ini, pengkaji memberikan beberapa cadangan kepada pelajar, ibu bapa, guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, badan bukan kerajaan dan pengkaji akan datang. Cadangan-cadangan yang diberikan adalah untuk meningkatkan penerapan pemikiran kritis berdasarkan Tirukkural dalam kehidupan harian. Cadangan ini perlu diamalkan oleh semua pihak yang terlibat dalam usaha melahirkan masyarakat India yang berkeupayaan untuk berfikir secara kritis.

#### **6.3.1 Cadangan kepada Individu**

Bagi mencapai matlamat sejagat iaitu mengaplikasikan Tirukkural dalam kehidupan seharian, perubahan sikap perlu berlaku dahulu. Cara pemikiran juga perlu diubah. Perubahan drastik diperlukan bagi menanamkan nilai-nilai Tirukkural. Nilai-nilai yang ingin disampaikan oleh Tiruvaḷḷuvar perlu diberikan nafas baru. Individu perlu mengambil inisiatif mengkaji Tirukkural dan saranan Tiruvaḷḷuvar. Selain itu, mereka juga perlu mengamalkannya dalam kehidupan seharian tanpa berasa segan silu. Tanggapan bahawa Tirukkural tidak sesuai untuk zaman sekarang perlu dibuang. Intipatinya perlu diserapkan dan diubahsuai mengikut cara kehidupan. Contohnya, amalan membaca doa boleh digantikan dengan melafazkan kuplet Tirukkural. Kita boleh melafazkan kuplet dari bab pertama. Ia bukanlah sesuatu yang salah. Namun



bilangan masyarakat yang memulakan ucapan dengan lafazan Tirukkural adalah masih kurang, mereka perlu mengubah pemikiran mereka. Ada juga sesetengah masyarakat telah mula menjadikan kuplet tersebut sebagai bacaan doa. Perubahan sebegini patut digalakkan. Selain itu, mereka juga perlu membaca lebih banyak karya-karya yang berasaskan Tirukkural. Ilmu pengetahuan yang diperolehi pula perlu dihayati. Setiap individu harus mempunyai sikap tanggungjawab. Mereka perlu sedar akan tanggungjawab mereka dalam mewujudkan masyarakat pemikir yang berakhlak.

Bagi mencapai cita-cita tersebut, mereka harus berkongsi pengetahuan Tirukkural. Nilai-nilai Tirukkural patut disebarkan kepada ahli keluarga dan masyarakat di persekitaraan. Contohnya, seseorang itu boleh menghadiahkan karya Tirukkural kepada orang yang disayangi. Hadiah sebegini merupakan sesuatu yang tidak akan luput dan jika digunakan sebaik mungkin akan mewujudkan nilai insaniah dalam diri. Bandar Michigan di Amerika Syarikat telah mengadakan satu program yang dinamakan '*Born to Read*'. Program tersebut memfokuskan bayi yang baru dilahirkan di hospital yang akan dihadiahkan dengan sebuah buku. Malahan ibu bapa bayi tersebut juga akan menerima satu senarai cadangan menyemai amalan membaca dalam kalangan anak-anak. Alternatif yang serupa boleh dilakukan dengan sedikit perubahan dalam kalangan masyarakat India. Bayi tersebut boleh dihadiahkan dengan karya Tirukkural dan ia akan menjadi buku pertama dalam kehidupan bayi tersebut. Perubahan pemikiran sebegini memang dialu-alukan. Sekiranya setiap individu berubah diri dan melaksanakan tanggungjawab nescaya mereka akan dapat mempengaruhi orang yang berada di sekeliling untuk turut mengimplementasi Tirukkural dalam kehidupan.

### **6.3.2 Cadangan kepada Ibu bapa**

Masyarakat India seharusnya memberikan keutamaan kepada nilai-nilai Tirukkural. Mereka perlu mengaplikasikan nilai tersebut dan mendidik anak-anak supaya mematuhi. Segala-galanya bermula di rumah. Perubahan yang bermula di rumah akan mewujudkan lapisan masyarakat pemikir yang penuh berakhlak. Ibu bapa perlu menyemaikan budaya membaca dalam kalangan anak-anak. Mereka harus menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan dan jika mampu wujudkan perpustakaan mini bagi melahirkan suasana belajar yang kondusif. Ia merupakan langkah awal yang bijak untuk suasana pertumbuhan membaca yang dapat meningkatkan konsep pemikiran. Bahan bacaan yang berteraskan Tirukkural perlu diberi keutamaan. Mereka boleh membeli buku cerita berasaskan Tirukkural dan membacakan untuk anak mereka. Selain itu, mereka juga boleh membaca bersama mereka. Masa yang diluangkan juga akan menjadi kualiti. Ibu bapa perlu menekankan kepentingan hidup berdasarkan Tirukkural. Jika boleh mereka perlu menceritakan pengalaman hidup mereka dan menjelaskan Tirukkural yang dipatuhi kepada anak-anak. Hal ini sedemikian kerana, kanak-kanak sentiasa mempersoalkan perkara yang diajar dan sekiranya pengajaran disertakan bersama pengalaman hidup ia sedikit sebanyak dapat mempengaruhi anak-anak.

### **6.3.3 Cadangan kepada guru**

Kita tidak boleh menidakkan peranan para pendidik dalam melahirkan masyarakat kritis dan inovatif. Mereka perlu membawa perubahan kepada diri sendiri dan juga anak didik. Perubahan diri memerlukan peningkatan tahap profesionalisme bagi menghadapi cabaran yang akan ditemui dalam kehidupan seharian. Mereka harus sedar tentang tugas dan amanah yang dipikul untuk mendidik generasi yang menguasai budaya fikir dan

berakhlak. Guru-guru perlu menambah pembacaan pelbagai bahan untuk peningkatan ilmu. Pendidik yang berpengetahuan dapat melahirkan generasi cemerlang yang boleh berfikir secara kritis dan berinovasi dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Manakala, perubahan dalam diri anak didik memerlukan tenaga pengajar yang menjuruskan pengajaran dan pembelajaran ke arah pemikiran. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam usaha membangkitkan penghayatan Tirukkural. Guru-guru dan pensyarah mempunyai peluang yang luas dalam mengajar Tirukkural kepada golongan muda. Mereka perlu menggunakan peluang ini sebaik mungkin dan menerapkan Tirukkural dalam setiap matapelajaran yang diajar. Pengajaran dan pembelajaran perlu menekankan aspek percambahan idea dalam kalangan murid agar murid-murid dapat mengemukakan idea-idea yang bernas dan seterusnya berkongsi idea ini dengan kawan sekelas untuk menghasilkan idea yang bermanfaat. Percambahan idea ataupun pemikiran kritis boleh dirangsang melalui pendekatan pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah atau *problem-based learning*. Para guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran Tirukkural agar dapat terus mengekalkan minat pelajar untuk mendalaminya. Alat bantu mengajar yang digunakan untuk mengajar Tirukkural perlu disediakan secara lebih kreatif bagi menarik perhatian anak didik. Pendidikan visual boleh dikaitkan dengan langkah sebegini. Manakala, di peringkat universiti lembaran kerja berkaitan Tirukkural yang memerlukan pengaplikasian pemikiran kritis dan kreatif perlu diperbanyakkan serta dipelbagaikan. Tugas yang diberi melibatkan Tirukkural perlulah berdasarkan situasi semasa dan mencakupi penyelesaian masalah.

#### 6.3.4 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Dapatan kajian ini sangat bermakna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Seperti yang diketahui oleh semua, KPM mengatur langkah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Segala perancangan dan pelaksanaan dalam sistem pendidikan Malaysia, KPM sudah tentu merujuk FPK sebagai panduan. FPK telah dirumuskan pada tahun 1988 dan dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 yang berbunyi:

*“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.*

*(Akta Pendidikan 1996, Akta 550)*

Falsafah Pendidikan Kebangsaan lahir melalui suatu proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi. FPK yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal berlandaskan tiga ideologi iaitu, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (RMK 3, 1976-1980) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999). FPK yang digubal oleh pakar-pakar pendidikan, secara teliti mengambil berat tentang keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Ini menegaskan sistem pendidikan di Malaysia memberi penekanan terhadap perkembangan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh kearah melahirkan insan yang baik berdasarkan kepercayaan, keyakinan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini bermakna, FPK berhasrat melahirkan insan yang seimbang berdasarkan keperluan dunia dan akhirat.

Maka, jelas terbukti bahawa Tirukkural yang menegaskan melahirkan manusia yang seimbang dari semua aspek yang disanjung oleh masyarakat dunia serta aspek keperluan akirat yang universal dapat membantu KPM untuk merealisasikan FPK dengan berkesan. Tirukkural dapat dijadikan satu bahan pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dalam matapelajaran bahasa Tamil malah matapelajaran-matapelajaran yang lain. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah perubahan perlu diambil oleh KPM untuk mengoptimumkan penggunaan ajaran kuplet-kuplet Tirukkural dalam sistem pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu membuat perubahan dalam sukatan pelajaran. Setakat ini sukatan pelajaran hanya memberi ruang kepada 55 buah kuplet Tirukkural dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Bahagian buku teks perlu menyelitkan lebih banyak Tirukkural selain dari sukatan pelajaran sebagai bacaan tambahan. Ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali lebih banyak Tirukkural selain daripada 55 buah kuplet. Penerapan nilai Tirukkural tidak seharusnya memfokuskan buku teks Bahasa Tamil sahaja. Nilai-nilainya juga perlu diterapkan dalam buku-buku lain contohnya buku Pendidikan Moral. Ini kerana, ada juga sesetengah pelajar yang tidak berpendidikan Tamil tidak mendapat peluang untuk menghayati Tirukkural. Ini akan menyenangkan mereka selain membuka ruang kepada kaum lain untuk meneliti kuplet Tirukkural. Selain itu, pemilihan Tirukkural juga perlu sesuai dengan kehidupan semasa untuk memudahkan penghayatan Tirukkural.

Tambahan pula, kementerian juga perlu merancang kandungan dan pedagogi pelajaran institusi pendidikan yang lebih menjuruskan penerapan Tirukkural. Langkah sebegini dapat menyediakan tenaga pengajar yang lebih berpengetahuan dalam

Tirukkural. Ini akan membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan yang luas bagi mengaitkan teknik pengajaran mereka dengan aplikasi Tirukkural. Selain itu, kursus-kursus berkaitan pengaplikasian Tirukkural dalam pedagogi perlu dijalankan dari semasa ke semasa kepada tenaga pengajar yang sedang bekerja. Refleksi daripada setiap teknik yang diamalkan perlu dibincang dan dianalisis bagi merancang langkah yang lebih proaktif.

Kementerian perlu mencadangkan pihak sekolah untuk mengadakan kempen Tirukkural sama ada di peringkat sekolah ataupun nasional. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan perlu dikurangkan agar pelajar tidak berasa terlalu terikat dengan beban sekolah. Para pelajar perlu didedahkan lagi dengan bahan bacaan yang berkaitan dengan dunia luar yang lebih berkonsepkan nilai Tirukkural agar mereka dapat menghayatinya. Ini akan dapat meluaskan pengetahuan Tirukkural dan memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan golongan ilmuwan.

### **6.3.5 Cadangan kepada badan bukan kerajaan.**

Badan bukan kerajaan dirujuk sebagai pertubuhan sukarela, agensi pembangunan sosial atau alternatif kepada sokongan professional atau kumpulan yang tidak berunsurkan keuntungan. Badan bukan kerajaan berfungsi sebagai pemangkin untuk membantu dalam proses pembangunan serta berfungsi sebagai suatu agen mobilisasi. Ia juga bertindak sebagai agen perubahan kepada institusi dan komuniti. Oleh itu, badan tersebut boleh dikatakan mempunyai peranan dalam mengembangkan pemikiran masyarakat bagi mewujudkan lapisan yang berwawasan dan produktif.

Badan bukan kerajaan yang lebih kepada khidmat masyarakat bolehlah mengadakan kelas, bengkel, dan seminar yang berorientasikan Tirukkural. Persatuan-persatuan yang berkenaan perlu mengambil tanggungjawab menyediakan kelas, tenaga pengajar dan kemudahan lain bagi memulakan kelas. Kelas-kelas boleh diadakan secara percuma kerana tujuannya bukan untuk mengumpulkan duit tetapi mengumpulkan masyarakat yang berupaya untuk berfikir secara kritis. Sasaran kumpulan bagi kelas dan ceramah yang diadakan boleh dimulakan dengan kanak-kanak dan remaja, bah kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Kanak-kanak dan remaja memerlukan panduan untuk mengikuti jalan yang betul. Bagi mencetuskan penghayatannya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, penjelasan Tirukkural yang lebih mudah difahami perlu diberikan. Kelas yang diadakan tidak patut bersifat bermusim. Ia perlu diadakan sekerap mungkin contohnya setiap minggu. Segala nilai yang terdapat perlu dijelaskan dalam gaya yang menarik perhatian serta mudah difahami. Ini kerana, maksud Tirukkural yang kompleks menyukarkan pemahaman dan akhirnya menyebabkan golongan muda kehilangan minat untuk terus mendalaminya.

Manakala bagi golongan tenaga pengajar bengkel berorientasikan perkembangan Tirukkural perlu diadakan. Perbincangan perlu mendalami Tirukkural dan mencari langkah alternatif untuk mengembangkan penyebaran nilai-nilainya. Bengkel Tirukkural boleh melatih para tenaga pengajar untuk menyampaikan Tirukkural menggunakan pelbagai kaedah kepada masyarakat umum. Tambahan pula, ia juga boleh membincangkan serta membantu tenaga pengajar dan ilmuwan untuk melakukan penyelidikan dari pelbagai aspek berorientasikan Tirukkural. Kepelbagaian penyelidikan yang dilakukan selaras dengan peredaran masa dapat membantu masyarakat ilmuwan mempunyai perspektif yang berbeza terhadap Tirukkural dan menunjukkan minat untuk mendalaminya. Selain itu hasil penyelidikan yang dilakukan

bolehlah diterbitkan dalam bentuk buku atau risalah dan diedarkan untuk tatapan umum. Penggunaan bahasa yang mudah difahami dan ringkas dapat membantu masyarakat awam untuk lebih menghayatinya.

Tambahan pula, badan-badan bukan kerajaan juga boleh mengadakan seminar tahunan. Seminar peringkat antarabangsa amat digalakkan. Ibu bapa, dan masyarakat awam perlu digalakkan untuk menyertai seminar ini. Ahli-ahli ilmuwan yang berpengalaman perlu dilantik menjadi ahli jawatankuasa dan mengendalikan seminar ini. Selain itu, pembentangan kajian dari pelbagai pihak terutamanya pelajar-pelajar universiti perlu digalakkan. Sebarang pemberian inisiatif berbentuk sijil atau wang daripada badan bukan kerajaan akan menggalakkan ramai golongan muda untuk mendalami kajian. Langkah-langkah alternatif sebegini sudah pastinya akan membawa perubahan dalam tahap pemikiran kritis masyarakat India. Selain itu, langkah alternatif perlu diluaskan untuk mengkomersialkan Tirukkuraḷ dalam kalangan masyarakat India. Penulisan kuplet dalam sebarang dokumen atau kad adalah amat digalakkan kerana ia dapat sampai kepada masyarakat dengan senang. Contohnya, kad-kad perayaan seperti kad Deepavali boleh disertakan dengan kuplet Tirukkuraḷ dengan tulisan yang menarik. Selain itu, paparan Tirukkuraḷ di dinding atau papan kenyataan juga bantu dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat kerana tempat sebegini menjadi tatapan harian masyarakat.

Malahan, badan-badan berkanun juga boleh menerbitkan filem pendek '*short film*' yang menampakkan ajaran-ajaran Tirukkuraḷ. Masyarakat kini lebih suka untuk meluangkan masa dengan bahan hiburan berbentuk audio dan video. Kebanyakannya hilang budaya membaca. Bagi golongan sebegini, filem, lagu atau perwatakan yang



berunsurkan nilai Tirukkural tentu akan menjadi satu sajian yang menarik perhatian. Langkah sebegini sedikit sebanyak dapat menanamkan nilai kupet dalam hati.

### **6.3.6 Cadangan kepada pengkaji akan datang**

Kajian Tirukkural yang akan dilakukan pada masa depan memerlukan perubahan dari segi konsepnya. Kajian yang berbentuk perbandingan lebih dialu-alukan. Perbandingan karya Tirukkural dengan karya sastera yang lain dapat mengukuhkan lagi pemahaman terhadap Tirukkural. Analisis daripada kajian sebegini bolehlah disampaikan dalam bentuk yang jelas dan menarik kepada masyarakat. Contohnya, jika dibandingkan Tirukkural dengan novel '*The Secret*' keduanya-duanya menekankan perkara yang sama iaitu cinta. Cinta menjadi dasar kepada segala-galanya. Namun Tirukkural menyertakan satu lagi aspek bersama cinta iaitu akhlak mulia. Kedua-duanya membentuk insan dan kehidupan yang sempurna. Perbandingan sebegini dapat menggalakkan perkongsian pendapat di antara masyarakat dan mengembangkan lagi pemikiran kerana setiap orang akan berfikir dari sudut yang berbeza. Selain itu, usaha-usaha penterjemahan kajian Tirukkural yang dilakukan dalam bahasa asing perlu digiatkan. Ini akan memudahkan pemahaman masyarakat terutamanya pelajar terhadap hasil kajian tersebut. Melalui usaha menterjemah minat membaca kajian Tirukkural dapat ditingkatkan.

Kajian ini berfokuskan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Kajian-kajian akan datang boleh diubah skop dan batasannya. Contohnya, sasaran kajian boleh ditumpukan kepada golongan pelajar, remaja, jantina, kerjaya dan lain-lain lagi. Kajian kuantitatif berlandaskan Tirukkural perlu diperbanyakkan. Dapatan kajian ini hanya melibatkan 400 orang responden yang menjawab soal selidik dan sepuluh orang informan yang ditemubual. Hasil kajian ini lebih tepat dan bernas

boleh diperolehi sekiranya pengkaji akan datang menambahkan bilangan responden serta memperluaskan lokasi kajiannya. Selain daripada itu, kajian yang menumpukan pemikiran lain selain daripada pemikiran kritis berdasarkan Tirukkural juga amat digalakkan. Tirukkural juga mengembangkan pemikiran-pemikiran lain. Malahan, kajian terhadap karya-karya sastera Tamil yang membantu meningkatkan pemikiran kritis juga boleh dilakukan.

Kajian lanjutan yang lebih menumpukan pengaplikasian Tirukkural dalam kehidupan seharian adalah amat digalakkan kerana ia akan membantu peningkatan penghayatan terhadap Tirukkural.

#### **6.4 Penutup**

Kajian ini dijalankan untuk melihat penghayatan Tirukkural dalam pemikiran kritis masyarakat India. Dapatan kajian menunjukkan amalan pemikiran kritis berdasarkan teks Tirukkural berada dalam tahap yang sederhana kerana dipengaruhi oleh beberapa faktor demografi seperti jantina, umur, pendidikan dan kerjaya. Situasi ini perlu diatasi dengan memberikan penekanan yang lebih luas kepada nilai-nilai yang terdapat dalam teks Tirukkural. Karya Tirukkural merupakan sebuah karya unggul yang dapat membentuk insan sempurna. Karya ini bukan sahaja menerapkan pemikiran kritis bahkan hampir semua kemahiran berfikir yang disarankan oleh ahli-ahli falsafah terkandung dalamnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai masyarakat India untuk membaca dan menghayati teks Tirukkural. Perkara ini tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang pendek kerana penerapan nilai Tirukkural patut menjadi pembelajaran sepanjang hayat. Namun langkah-langkah awal perlu dimulakan bagi mencapai hasrat yang diinginkan.

Tindakan yang drastik perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat dalam mempromosi dan mengkomersialkan Tirukkural agar dapat dijadikan sebagai pegangan hidup. Bagi menjayakan aspirasi ini, perubahan cara pemikiran dalam diri individu diutamakan. Seseorang individu itu perlu sedar akan tanggungjawabnya menjadikan karya Tirukkural sebagai panduan hidup. Sikap individu sebegini secara kolektifnya akan mewujudkan lapisan masyarakat yang berkualiti.

Akhir kata, nilai etika Tirukkural bersifat universal yang membawa kepada kemakmuran masyarakat global. Ia dapat mewujudkan sahsiah hidup manusia yang suci dan benar. Penguasaan, penghayatan, pengamalan dan penyebaran ajaran Tirukkural adalah tanggungjawab kita bersama kerana Tirukkural merupakan khazanah manusia sejagat untuk kebaikan bersama.

## Bibliografi

Aandiyappan, T. (1978). *Kuraḷ kaṅṅa nāṭum vīṭum*. Chennai: Vaanathi Publication.

Abd Aziz Abd Shukor. (2005). *Kesan strategi orientasi kitaran inkuiri terhadap pencapaian kemahiran inkuiri, pemikiran kritis, motivasi pencapaian dan sikap pembelajaran*. (Disertasi Doktor Falsafah). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Abd Rahim Abd Rashid. (1999). *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Abdul Aziz Md. Noor. (2003). *An investigation into the headship training programme for aspiring primary school headteachers*. (Disertasi Doktor Falsafah). University of Bristol.

Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar teori & kritikan sastera barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.

Agamudaya Nambi. (2007). *Tirumuraikaḷil iraimai*. Madurai: Menakshi Puthaka Nilayam.

Ahmad Hashim (2004). *Pengukuran kecergasan motor*. Tanjong Malim: Quantum Books.

Ahmad, A., Mohamad, M. M., & Subari, K. (2006). *Aplikasi corak pembelajaran kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan pelajar dalam subjek pengajian kejuruteraan awam sekolah menengah teknik negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2003). *Belajar berfikir*. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Alec Fisher, & Michael Scriven. (1997). *Critical thinking - its definition and assessment*. USA: Edge Press.

Alec Fisher. (2001). *Critical thinking: an introduction*. UK: Cambridge University Press.

Amy Natisya. (2015). *Migrasi luar bandar – bandar masyarakat minoriti india dan impak ke atas aspek sosioekonomi: kajian kes di petaling jaya, selangor*. (Disertasi Sarjana Pengajian Asia Tenggara). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya.

Andrew Lawless. (2014). *Critical thinking*. Canada: Oxford University Press.

Annadurai, K. (2015). *Malaysia tamilmozhi kalaithiddak kuralkal manithanai mulumaiyakkukindrana: 9<sup>th</sup> International Conference – Seminar On Tamil Studies*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Annamalai, Su. (1994). *Tirukkural cintanai (pakuti 1) porutpāl*. Chennai: Vaanathi Publication

Arba'ie. (2004). *Interpretasi pemikiran dan teknik pengungkapan dalam sajak-sajak dewan* (Disertasi Doktor Falsafah). Serdang: Universiti Putra Malaysia

Ares, N., & Gorrell, J. (2002). Middle school and students understanding of meaningful learning and engaging classroom activities. *Journal of Research in Childhood Education*, 16 (2), 263-278.

Aretz, A. J., Bolen, M. T. & Devereux, M. (1997). Critical thinking assessment of college students. *Journal of College Reading and Learning*, 28 (1), 12-24.

Arons, A. B. (1985). Critical thinking and the baccalaureate. *Journal of Curriculum Liberal Education*, 71, 141-155.

Ary, D., Jacobs, L., & Razauieh, A. (1996). *Introduction to research in education*. New York: Holt, Rinehart, and Winston, Inc.

Atan Long. (1976). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Atan Long. (1984). *Sosiologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Aziz Yahaya, & Shahrin Hashim. (Eds.). (2010). *Psikologi pendidikan*. Johor: Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru. (1993). *Model persediaan mengajar pengajaran pembelajaran kbkk*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Balaji Uthayasankar. (2005). *Tirukkuraḷiḷ taṇiṃaṇita aṛamum camutāya aṛamum*. Chitambaram: University Annamalai.
- Barbie, E. (1990). *Survey research method Belmont* (2<sup>nd</sup> ed.). CA: Wadsworth Publishing Company.
- Baron, J., Granato, L., Spranca, M., & Teubal, E. (1993). Decision making biases in children and early adolescents: *Exploratory studies*, 39, 23–47.
- Bartlett, J. E., Kotrlík, J. W. & Higgins, C. C. (2001). Determining appropriate sample size in survey research. *Learning and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Baumgartner, T. A., Jackson, A.S., Mahar, M. T., & Rowe, A. D. (2003). *Measurement for evaluation. in physical education and exercise science* (7th ed.). USA: McGraw-Hill
- Baumgartner, T. A., Strong, C. H., & Hensley, L. D. (2002). *Conducting and reading research in health and human performance* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Bensley, D. A. (1998). *Critical thinking in psychology: a unified skills approach*. Pacific Grove, CA: Brooks Cole Publishing Co.
- Berdie, D. R., & Anderson, J. R. (1974). *Questionnaires: design and use*. New Jersey: The Scarecrow Press.

Beyer, B. K. (1995). *Critical thinking*. Bloomington, Ind: Phi Delta Kappa Educational Foundation.

Beyer, B. K. (1988). *Developing a thinking skills program*. Boston: Allyn and Bacon.

Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives handbook I: cognitive domain*. New York: Mckay.

Bohlken, B. (2000). *Training citizens in a democratic society to listen critically*. Washington, D.C.: ERIC Clearinghouse.

Bond, T. G., & Fox, C. M. (2001). *Applying the rasch model: fundamental measurement in the human science*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Bono, D. E. (1984). Critical thinking is not enough. *Educational Leadership*. 16-17. September, 1984.

Bonyamin, N. Z. (2006). *Hubungan personaliti dan tekanan belajar dengan pencapaian prestasi akademik di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir fakulti pendidikan, UTM. Johor : Universiti Teknologi Malaysia*.

Boone, T. (1995). What critical thinking may mean to the student and the teacher. *College Student Journal* 29, 30-33.

Bordens, K. S., & Abbott, B. B. (2002). *Research design and methods: a process approach* (10th ed.). New York: McGraw Hill.

Brants, R. (2000). On teaching brains to think: a conversation with robert syswester. *Educational Leadership*. 72-75. April, 2000.

Brenda Vance Rollins (2010). *Critical thinking*. San Diego, California: Classroom Complete Press.

Briner, M. (1999). [Online] Available:  
[http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc\\_data/constructivism.html](http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc_data/constructivism.html)

Brooke Noel Moore, & Richard Parker (2007). *Critical thinking*. Boston: McGraw Hill.

- Brookfield, S. D. (1987). *Developing critical thinkers. challenging adults to explore alternative ways of thinking and acting*. Buckingham, England. Open University Press: Milton Keynes.
- Brooks, J. G., & Brooks, M. G. (1993). *In search of understanding: the case for constructivist classrooms*. Alexandria VA: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD)
- Brooks, J. G., & Books, M. G. (1999). The courage to be constructivist. *Educational Leadership*, 57(3).42-57
- Byers, W. (2001). Using questions to promote active learning in lectures. *University Chemistry Education*, 5, 24-30.
- Capon, N., & Kuhn, D. (1979) Logical reasoning in the supermarket: adult females' use of proportional reasoning strategy in an everyday context. *Developmental Psychology*, 15 (4), 450-452.
- Capon, N., & Kunh, D. (1982). Can consumers calculate best buys? *Journal of Consumer Research*, 8, 449-453.
- Cappelleri, J., Darlington, R. B., & Trochim, W. (1994). Power analysis of cutoff-based randomized clinical trials. *Evaluation Review*, 18, 141-152.
- Cappelleri, J. C., Trochim, W. M. K., Stanley, T. D., & Reichardt, C. S. (1991). Random measurement error does not bias the treatment effect estimate in the regression-discontinuity design: I. the case of no interaction. *Evaluation Review*, 15, 395-419.
- Carlson, E. R. (1995). Evaluating the credibility of sources: a missing link in the teaching of critical thinking. *Teaching of Psychology*, 22(1), 19-40.
- Cassane, & Jo Anne Kerry. (2002). *Critical thinking leading to transformative learning: Understanding the impact of one's family on adult learners*. Canada: St. Francis Xavier University Canada.
- Chandra, J. S. (2008). *A Vygotskian perspective on promoting critical thinking in young children through mother-child interactions*. Australia: Murdoch University.



- Chen Cheu Foong. (1999). *Satu tinjauan penguasaan komponen-komponen kbkk oleh pelajar sains*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Chiodo, J. J., & Tsai, M. H. (1995). Taiwanese students in American Universities: Are they ready for critical thinking? *College Student Journal*, 29(3), 374-382.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan buku 1*, Kuala Lumpur : Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan* (3rd ed.). Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Cicciarella, C. F. (1997). *Research in physical education, exercise science, and sport: An introduction*. Scottsdale, AZ: Gorsuch Scarisbrick.
- Cleland, F. E., & Pearse, C. (1995). Critical thinking in middle school physical education: reflections on a yearlong study. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 66(6), 31-38.
- Cohen, J., & Cohen, P. (1975). *Applied multiple regression / correlation analysis for the behavioral sciences*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Pub.
- Cohen, J. (1977). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. New York: Academic Press.
- Cohen, J. B. (1990). Things I have learned (so far). *American Psychologist*, 45, 1304–1312.
- Cohen, J. B. (1967). An interpersonal orientation to the study of consumer behavior. *Journal of Marketing Research*, 4, 270-278.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison. K. (2007). *Research methods in education*. (6<sup>th</sup> ed.). London: Routledge.
- Colin Boylan, Sharifah Nor, & Azizzah Abdul Rahman. (1996). Rural education provision: Insights from Malaysia and Australia. Paper presented at AARE-ERA Conference Singapore. (Dalam Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif &

Muhammad Yusof Arshad. (2008). *Kepentingan pemikiran dan amalan refleksi dalam pengajaran sains di kawasan luar bandar*. Universiti Teknologi Malaysia. Akses: 25 September 2008.

Connell, W. F. (1981). *Asas pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cortes, C. E., & Richardson, E. (1983). "Why in the world": Using television to develop critical thinking skills. *Phi Delta Kappan*, 64, 715-716.

Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed-methods approaches* (3rd. ed.). London: SAGE.

De Bono, E. (1976). *Teaching Thinking*. Middlesex: Penguin.

Devaraasu, A. (2003). *Tirukkuraḷ kāmattuppālum kaṇṇatācaṅ kavitaikaḷum*. Chennai: Ghandi Kiraamam.

Debra Hills. (2011). *Critical thinking*. Richmond: Trotman.

Derry, S. J., Levin, J. R., Osana, H. P., Jones, M. S., & Peterson, M. (2000). Fostering students' statistical and scientific thinking: Lessons learned from an innovative college course. *American Educational Research Journal*, 37(3), 747-773.

*Developing Minds. A Resource book for teaching thinking*. Ed. semak Jil. I hlm. 6-9. Alexandria, VA. ASCD.

Dewey, J. (1933). *How we think: A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process*. D.C: Heath And Co Mass.

Dhandayutham, R. (1982). *Malēciyāvil tamiḷk kalvi*. Madras: University Chennai.

Dias, S. (2003). *Tirukkuraḷ (Vol 1 & 2)*, Coimbatore: Ramanandha Adigalar Foundation.

Dillon, J. T. (1988c). *Questioning and teaching: A manual of practice*. London: Croom.

Dim J. N. Mangieri, & Block, C. (Eds.). (2008). *Creating powerful thinking in teachers and students: Diverse perspectives*. Fort Worth, TX: Harcourt.

Dobson, C. (2001). *Measuring higher cognitive development in anatomy and physiology students*. (Ph.D. Dissertation). United States: Idaho State University.

Edward de Bono. (1990). *Lateral thinking*. London : Penguin Books.

Edward de Bono. (2001). *Pemikiran praktikal: Membincangkan cara-cara praktikal bagi pemikiran yang betul*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Elangko, M. (2015). *Perkembangan sosioekonomi masyarakat india sebelum dan selepas dasar ekonomi baru (1957-2000)*. (Disertasi Doktor Falsafah). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Elantamil, M. (2008). *Pedagogi bahasa Tamil*. Selangor: Open University Malaysia.

Engler, B. (2009). *Personality theories* (8<sup>th</sup> ed.). Houghton: Mifflin Harcourt Publishing Company.

Ennis, R. (1987). *Taxonomy of critical thinking disposition and abilities*. Dlm J. B Baron & Sternberg, R. (pnyt). *Teaching thinking skill: Theory and practice*. New York: Freeman.

Ennis, R. H. (1962). A concept of critical thinking. *Harvard Education Review*, 32 (1), 81-111.

Ennis, R. H. (1958). An appraisal of the Watson-Glaser critical thinking appraisal. *Journal of Educational Research*, 52, 155-158.

Ennis, R. H., Millman, J., & Tomko, T. N. (1985). *Cornell critical thinking test level X and level Z manual* (3<sup>rd</sup> ed.). Pacific Grove, CA: Midwest Publication.

Ennis, R. H. (1989). Critical thinking and subject specificity: Clarification and needed research. *Educational Researcher*, 18 (3), 4-10.

- Facione, N. C., Facione, P.A., & Sanchez, C. A. (1994). Critical thinking disposition as a measure of competent clinical judgement: The development of the California critical thinking disposition inventory. *Journal of Nursing Education*, 33, 345-350.
- Facione, P., & Facione, N. (1996b). *The professional judgment rating form: Novice / intern level*. Millbrae, CA: California Academic Press.
- Facione, P. A. (1990). *Executive summary: Critical thinking: A statement of expert consensus for purposes of educational assessment and instruction*. Millbrae, CA: The California Academic Press.
- Facione, P. A., & Facione, N. C. (1992). *The California critical thinking disposition inventory*. Millbrae, CA: California Academic Press.
- Facione, P. A. (1984). Toward a theory of critical thinking. *Liberal Education*, 70 (3), 253-61.
- Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. (2010). *Manual Instruksi*. Tanjong Malim: UPSI
- Freeley, A. J. (1996). *Argumentation and debate. critical thinking for reasoned decision making* (9<sup>th</sup> ed.). Belmont: Wadsworth Publishing Co.
- Gaandhi, K. (2007). *Tirukkuraḷil camūkaviyal cintaṅaikaḷ*. Chennai: Ghandi Kiraamam.
- Ganesan. (2013). *Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid india di sekolah menengah rendah*. (Disertasi Doktor Falsafah Pendidikan). Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Gall, M. D. (1970). The use of questions in teaching. *Review of Education Research*, 40(5), 707-721.
- Gall, M. D., & Rhody, T. (1987). *Review of research on questioning techniques*. Dim.
- Ganesalinggan, S. (2000). *Peṅṅiyap pārvaiyil tirukkuraḷ*. Chennai: Kumaran Publishers.

- Gary D. Borich, & Martin L. Tombari (1996). *Educational psychology: a contemporary approach*. New York: Longman
- Gay, L. R., & Mills, G. (1992). *Educational research. competencies for analysis and application*. (10<sup>th</sup> ed.). New York: McMillan Pub. Co.
- Gibson, G. (1995). Critical thinking: *Implication For Instruction RQ*, 35 (1), 27-36.
- Goleman, D. (1995) *Emotional intelligence: why it can matter more than IQ*. New York: Bantan Books.
- Goodlad, J. I. (1983). *A placed called School: Prospects for the future*. New York. Mc Graw-Hill.
- Goodwin Watson & Edwin Glaser. (2002). *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal*. London: Pearson.
- Gothandam, M. (2005). *Valluvan ulakac cintaniyālan*. Chennai: Anbarasi Patippagam.
- Gray, T., & Mill, D. (1990). Critical abilities, graduate education (Biology vs English) and belief in unsubstantiated phenomenon. *Canadian Journal of Behavioral Science*, 22(2), 162-172.
- Greenockle, K. M., & Purvis, H. J. (1995). Redesigning a secondary school wellness unit using the critical thinking model. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 66(6), 49-53.
- Gregory Bassham (et al). (2008). *Critical thinking: a student's introduction*. Boston: McGraw-Hill.
- Gregory Bassham. (2005). *Critical Thinking: A Student's Introduction* (2nd ed.). Boston: McGraw-Hill Companies.
- Hare, V. C., & Pulliam, C. A. (1980). *Teacher questioning: A verification and an extension*. *Journal of Reading Behaviour*, 12(1), 69-72.

Harnadek, A. (1981). *Critical thinking: Book one, teacher's manual*. Pacific Grove, CA: Critical Thinking Press & Software.

Haslina Kamarudin. (2011). *Pengetahuan dan amalan pengajaran pemikiran kritis dari persepsi pensyarah perakaunan kolej Matrikulasi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hine, A., & Peacock, L. (2000). *Thinking skills to creatively enhance information competence*. New York: Academic Exchange.

Howe, R., & Warren, C. (1989). *Teaching critical thinking through environmental education*. Retrieved September 6, 2006, from <http://www.ericdigests.org/pre-9217/thinking.htm>

Huberty, C. J., & Davis, E. J. (1998). Evaluation of a state critical thinking skills training program. *Studies in Educational Evaluation*, 24, 45–69.

Hunkins, F. P. (1989). *Teaching thinking through effective questioning*. Boston: Gordon.

Hurst, R. W., & Milkent, M. M. (1996). Facilitating successful prediction problem solving in biology through application of skill theory. *Journal of Research in Science Teaching*, 33 (5), 541-552.

Hynd, C. R. (1999). Teaching of think critically using multiple texts I history. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 42 (6), 428-437.

Hynam, G. H. (1957). An experiment in developing critical thinking in children. *Journal of Experimental Education*, 26, 125-132.

Iampuranan, K. (2015). *Analisis masalah sosial dalam cerpen karya a.nagappan*. (Disertasi Sarjana Sastera). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ilangkumaranaar, Ra. (1997). *Tirukkuraliṅ taṅipperum ciṛappu*. Chennai: Thiruvalluvar Tahavachalaai,

Ilangkumaranaar, Ra. (1991). *Vaḷḷuvar vaḷiyil naḷvīrāk.*, Chennai: Kuralalayam.

- Institut Bahasa Melayu Malaysia. (1999). *Kajian pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran bacaan oleh guru-guru bahasa Melayu sekolah rendah tahap II*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa.
- Isaac, S., & Michael, W. B. (1982). *Handbook in research and evaluation* (2<sup>nd</sup> ed.). California: EDITS.
- Isanthimangkalam Murugesan. (2008). *Valluvarum Vaḷḷuvamum camūka mēmpāṭṭut tattuvamum*. Chennai: Rajakumari Pathippagam.
- Ismail Hussein. (1967). *Tirukkuraḷ*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Jagathan Naidu. (1996). *Masyarakat india malaysia dan dasar ekonomi baru: satu kajian terhadap penyertaan ekuiti*. (Disertasi Sarjana Pentadbiran Awam). Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Jamal Badi, & Mustapha Tajdin. (2005). *Creative thinking : An islamic perspective* (2<sup>nd</sup> ed.). Gombak: Research Centre, IIUM.
- Jennifer, R. (1998). *Effect of a model for critical thinking on student achievement in primary source document analysis and interpretation, argumentative reasoning, critical thinking dispositions, and history content in a community college history course*. Florida: University of South Florida.
- Joe L. Kincheloe, & Danny Weil. (2004). *Critical thinking and learning*. London: Greenwood Press.
- Joe Y .F. Lau. (2011). *An introduction to critical thinking and creativity*. New Jersey, USA: John Wiley & Sons
- Johari Talib. (1995). *Satu Kajian Kes Mengenai Masalah Implimentasi KBKK Di Kalangan GuruPelatih Semester 5 1995 Di Maktab Perguruan Batu Pahat*. Johor: Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Batu Pahat.
- Julia Suleeman Chandra. (2008) *A Vygotskian perspective on promoting critical thinking in young children through mother-child interactions*. (PhD Dissertation). Australia: Murdoch University.

Jungwirth, E. (1989). The intellectual skill of suspending judgment - Do pupils possess it? *Gifted Education International* 6, 71-77.

Kalai Arasu. (2003). *Tirukkuralum potu arivum*. Coimbatore: Arun Publishers.

Kamarudin Hj. Husin, & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (2004). *Pedagogi asas pendidikan*. Kuala Lumpur: Kayazano Enterprise.

Kamatchi Srinivasan. (1979). *Kural kūrūm camayam*. Madurai: Kamaraj University.

Kamrin, S. (2008). Tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis pelajar sains tingkatan empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. 13, 58-72.

Kamsiah Abdullah. (1994). *The critical reading and thinking abilities of Malay secondary school pupils in Singapore*. (Tesis PhD). UK: University of London.

Kamsiah Binti Ismail. (2006). *Psychological predictors of academic achievement of adolescent: caree and educational aspiration as mediating variable*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia

Kanthaiya, N. S. (2003). *Tirukkural agarathi*. Chennai: Amiltham Publication.

Karthegees Ponniah. (2015). *Fenomena kes bunuh diri dalam kalangan masyarakat india di sungai petani, kedah : Penyelidikan Dalam Bidang Bahasa & Sastera*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Karunaanithi, M. (2000). *Tirukkural*. Chennai: Thirumagal Nilayam.

Keeley, S. M., & Browne, M. N. (1986). How college seniors operationalise critical thinking behavior. *College Student Journal*, 20(4), 389-322.

Keeley, S. W. (1992). Are college students learning the critical thinking skill of finding assumptions? *College Student Journal*, 26(3), 316-322.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz.



- Kindsvatter, R., Wilen, W., & Ishler, M. (1992). *Dynamics of effective teaching* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Longman.
- Komathy, V. (2015). *Analisis masalah sosial dalam cerpen karya m.ramaiah*. (Disertasi Sarjana Sastera). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kuhn, Deanna. (1999). A developmental model of critical thinking. *Educational Researcher*, 28, 56-72.
- Kumaran, S. (2015). *Thirukkural kaaddum sikkal kalaital thiran: 9<sup>th</sup> International Conference – Seminar On Tamil Studies*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kumaran, S., & Rajantheran, M. (1994), *Tirukkural*, Kuala Lumpur: Persatuan Hindu Universiti Malaya.
- Kurfiss, L. (1988). Critical thinking: theory, research practice and possibilities. *ASHE-ERIC Higher Education Report (2) 1988*. Washington, DC: Association for the Study of Higher Education.
- Kursus Kesusasteraan Tamil Klasik. (2014). *Program akademik 2014 Fakulti Bahasa dan Komunikasi*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kursus Pengantar Kesusasteraan Tamil Klasik. (2014). *Program akademik Fakulti Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Kwang, N. A. (2000). *Why Asian are less creative than Westerners*. Singapore: Pearson Education Asia Pte.Ltd
- Lamb, W. G., (1976). Ask a higher-level question get a higher-level answer. *The Science Teacher*, 43(4), 22-23.
- Laughlin, J. S. (1992). When students confront the experts: Toward critical thinking. *English Journal*, 81(2), 72-79.
- Lawson, A. E. (1985). A review of research on formal reasoning and science teaching. *Journal of Research in Science Teaching*, 22(7), 569-617.

- Lee Shok Mee. (1994). *Asas Pengajaran Sains Sekolah Rendah : Edisi 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Levin, T., & Long, R. (1981). *Effective instruction*. Washington, DC: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Liamputtong, P. & Ezzy, D. (2005). *Qualitative research methods*. Victoria: Oxford University Press.
- Lim Ann Lay. (1997). *Pemeliharaan dan penggeseran bahasa di kalangan mahasiswa indiaendah*. (Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Lipman, M. (1988). Critical thinking - what can it be? *Educational Leadership*, 46(1), 38-43.
- Lipstein, R. L., & Renninger K. A. (2007). Interest for writing: How teachers can make a difference. *The English Journal*, 96 (4), 79-85.
- Liz Brown. (2008). *Critical thinking*. New York: Weigl Publishers.
- Ludwig, M. (2005). Thinking critically about over the counter and prescription drugs. *American Journal of Health Education*, 36(2), 124-126.
- Luis C. Moll (2014). *L.S.Vygotsky and education*. New York: Routledge.
- Lynch, O. (1993). An analysis of achievement scores and types of crimes among Arizona's adult male prison population. *Journal of Correctional Education*, 44 (1), 32-36.
- Mal Leicester. (2010). *Teaching critical thinking skills*. London. New York: Continuum.
- Malaysia dan Banci 2001-2009: Anggaran penduduk pertengahan tahun antara banci*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014).

- Mana Sikana. (2006). *Teori sastra teksdeamisme*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Manikkam, Suba. (1987). *Tirukkuraḷ cuṭar*. Citahmbaram: Manivasagam Patippagam.
- Manikkam, Suba. (1982). *Vaḷḷuvam*. Chennai: Pari Nilayam.
- Maraimalaiyadigal. (2008). *Tamiḷar matam*. Chennai: Poompukar Patippagam.
- Maraimalaiyadigal. (1985). *Tirukkuraḷ ārāycci*. Chennai: Saiva Siddhantha Works Publishing.
- Maria Alexander Iruthayaraj, A. (2003). *Tirukkuraḷ maṇunerit tirunūḷ ōr oppāyvu*. Madurai: University Kamaraasar.
- Marlina Ali, & Shaharom Noordin. (2006). Tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis di kalangan pelajar pendidikan fizik merentas jantina. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor*, 15, 5-9.
- Marzano, R. J. (Summer, 1993). How classroom teachers approach the teaching of thinking. theory into practice. *Teaching for Higher Order Thinking*, 32 (3), 23-40.
- McBride, R. E., & Reed, J. (1998). Thinking and college athletes: Are they predisposed to critical thinking? *College Student Journal*, 32, 443-450.
- McBrien, J. L., & Brandt, R. S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- McBurney, D. H. (1998). *Research Methods* (4<sup>th</sup> ed.). New York: Brooks / Cole.
- McPeck, D. B. (1981). Persistent repetition priming in picture naming and its disassociation from recognition memory. *Journal of Experimental Psychology, Learning and Cognition*, 14, 213-222

- McTighe, J., & Schollenberg, J. (1991). Why teach thinking? A statement of rationale. In *Developing minds: A resource book for teaching thinking*. (A. Costa) (Eds.). Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- McWhorter, K. T. (2000). *Study and critical thinking skills in college* (4<sup>th</sup> ed.). England: Longman. Harlow.
- Meenaachi Suntharanaar, T. P. (2005). *Valluvan kanṭa tattuvam*. Chennai: Kaavya Distributer.
- Melissa L. Potesio, & McLaren Lindsay. (2008). Childhood obesity: perceptions held by the public in Calgary, Canada. *Canadian journal of public health*, 99 (2), 86-90.
- Mohamad Muda. (1998). *Cabaran dan harapan dalam pendidikan menghadapi alaf baru*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia. [http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/1998/98\\_Muhd.pdf](http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/1998/98_Muhd.pdf)
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera: Perkembangan dan masa depan menjana pemikiran kritikal dalam pengajaran dan pembelajaran sastera*. Institut Pendidikan Nasional: Universiti Teknologi Nanyang.
- Mohan Kumar, C. (2014). *Amalan nilai-nilai murni yang unggul dalam karya Tirukkural*. (Disertasi Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Mohanaraj, K. (1981). *The traditions in Tirukkural*, Chennai: Department of Tamil Literature, University of Madras.
- Mohd Azhar Ab. Hamid. (2001). *Pengenalan pemikiran kritis dan kreatif*. Skudai. Penerbit UTM.
- Mohd Nashuha Jamidin. (1997). *Kemahiran berfikir dan belajar*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1995). *Metodologi penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Othman. (1998). *Isu dalam ilmu dan pemikiran*. Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hasan. (2001). *Sistem pemikiran bersepadu 4L*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Zamir Bahall. (2003). Berhati-hati terima sesuatu khabar. *Berita Minggu* 2 Mac:18.
- Mok, S. S. (2011). *Psikologi pendidikan* (2<sup>nd</sup> ed.). Puchong, Selangor: Penerbit Multimedia Sdn Bhd.
- Mook Soon Sang. (2001). *Psikologi pendidikan untuk kursus Diploma Pergurua Semester 1*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman. Sdn Bhd.
- Morrow, J., Jackson, A., Disch, J., & Mood, D. (2005). *Measurement and evaluation in human performance* (3<sup>rd</sup> ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Morrow, J. R., & Jackson A. W. (1993). How significant is your reliability? *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 64, 352- 355.
- Morse, J. M. (2003). Principles of mixed methods and multimethod research design. In Tashakkori, A., & Teddlie, C. (Eds.). *Handbook of mixed methods in social & behavioral research* (189-208). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Munir, S., & Azlena, Z.(2004). *Aktiviti berfikir*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Murugan, S. (1997). *Tirukkuraḷum thammabathamum manuratam*. Madurai : Universiti Kamaraasar.
- Murugaratnam, T. (1974). *Tirukkuraḷ kūrūm iraimāṭci*. Madras: Madras University.
- Muthukumarasaamy, R. (1990). *Tiruvalluvar vakutta putuneri or oppiṭu*. Chennai: Chennai University.

- Muthusamy, S. S. (1981). *Tirukkuraḷil tamīlar paṇpāṭu*. Chennai: Chennai University.
- Myers, I. B. (1998). *MBTI manual: A guide to the development and use of the Myers-Briggs Type Indicator* (3<sup>rd</sup> ed.). CA: Consulting Psychologists Press, Inc.
- Nadesan, D. (2005). *Ara ilakkiya neṛiyil tirukkuraḷiṇ paṅku*. Sithambaran: Annamalai University
- Nadesan, R. (2007). *Tirukkuraḷil kalvic cintaṅaikaḷ*. Chennai : Chennai University.
- Nagappan Arumugam. (2008), *Cittānta caivam*. Kuala Lumpur: Siva Enterprise
- Nahari Mastano Arukin. (2008). *Analisis pemikiran dalam espen-espen Mohd. Affandi Hassan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Narayanan, K. (2012) *Tamīlar kōṭpāṭu*. Chennai: Tamil Puttaga Nilayam.
- Narayanasamy, K. (2012). *Cintikka karpittalum cintaṅai karpittalum*. Selangor: Radan Creative.
- Nelson-Jones, R. (1985). *Personal responsibility counseling and therapy: An integrative approach*. New York: Harpercollins
- Nickerson, R. S. (1987). Why Teach Thinking? Dlm Baron, J.B. & Sternberg, R.J. (pnyt). *Teaching thinking skills: Theory and practice*. New York: WH Freeman.
- Nik Azis Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam matematik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2005). *Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nixon, J. (1992). *Evaluating the whole curriculum*. Philadelphia: Open University Press.

- Noran Fauziah Yaakub, & Ahmad Mahdzan Ayob. (1990). *Guru dan perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norashikin Arif, & Zuhaidi Mukrim. (2005). *Proses pembelajaran dan hubungan dengan pencapaian matematik*. Gopeng, Perak: Kolej Matrikulasi Perak.
- Noreen C. Facione, & Peter A. Facione. (2008). Critical thinking and clinical judgment, In *Critical thinking and clinical reasoning in the health sciences: A Teaching Anthology*. Published by Insight Assessment / The California Academic Press: Millbrae CA. 1-13.
- Norris, S. P. (1985). Synthesis of research on critical thinking. *Educational Leadership*, 42(8), 40-45.
- Nyanatheeva Barathi Swamigal. (2013). *Valluvam valankiya vālvīyal neṛi*. Chennai: Geetam Publication.
- Nyanatheeva Barathi. (2006). *Tirukkuralil yōka vilakkam*. Sivagangai: Nyanateeva Biidam.
- Onosko, J. J., & Newmann, F. M. (1994). *Creating more thoughtful learning environments*. London: Oxford University.
- Palanisamy. (2012). *Tirukkuraliṅ etirkālam*. Chennai: Kaaruur Thirumoli Patippagam.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS program*. China: Everbest Printing.
- Parimelazhakar. (1994). *Tirukkural*. Chennai: Saiva siddhantha Works Publishing.
- Paul, R. W., & Elder, L. (2002). *Critical thinking: Tools for taking charge of your professional and personal life*. New Jersey: Financial Times Prentice Hall.
- Paul, R. W. (1984). Critical thinking: Fundamental to education for a free society. *Educational Leadership*, 42(1), 4-41.

- Paul, R. W. (1987). Dialogical thinking: Critical thought essential to the acquisition of rational knowledge and passion. Dlm Baron, J. B. & Sternberg, R. J. (Eds.). *Teaching thinking skills: Theory and practice*. New York: WH Freeman.
- Perkin, D. N., & Swartz, R. J. (1990). *Teaching thinking issues and approaches*. Pasific Grove, CA: Critical Thinking Press & Software.
- Perkins, D. N. (1992). *Smart Schools: From training memories to educating mind*. New York: The Free Press
- Perunchitiranar. (1997). *Tirukkural meyyporulurai*. Chennai: Annai Patippagam.
- Peter Berkow, Anita Berkow, & Annenberg. (2000). *Critical thinking*. Burlington, VT: Annenberg.
- Philips, J. (1999). *Pengajaran kemahiran berfiki: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Philips, V., & Bond, C. (2004). Undergraduates experience of critical thinking. *Higher Education Research & Development*, 23(3), 277-294.
- Pike, J., & Barnes, R. (1996). *TQM in action: A practical approach to continuous performance improvement*. London: Chapman and Hall.
- Pope, G. U. (1981). *Tirukkural*. Chennai : Saiva siddhantha Works Publishing.
- Presseisen, B. Z. (1988). Avoiding battle at curriculum gulch: Teaching thinking and content. *Educational Leadership*, 45(7), 7-9.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1993). *Kemahiran berfikir: Konsep, model dan strategi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.



- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1999). *Kemahiran berfikir dan strategi berfikir dalam pengajaran sains dan matematik*. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Puthikanon, & Nunthika.(2009). *Examining critical thinking and language use through the use of WebQuests in an EFL reading class*. Universiti Indiana. Amerika Syarikat.
- Puvaneswaran. (2014). *Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar india di daerah kuala selangor*. (Disertasi Sarjana Pendidikan). Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Quenk, N. L. (2000). *Essentials of Myers-Briggs type indicator assessment*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Quitadamo, & Ian Joseph. (2002). *Critical thinking in higher education: The influence of teaching styles and peer collaboration on science and math learning*. USA: Universiti Washington.
- Ragbir Kaur Joginder Singh. (2012). *Panduan ilmu pendidikan untuk DPLI psikologi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rahil Hj Mahyuddin, Abd Majid Mhd Isa, & Zaidatol Akmaliah (1995). *Asas pendidikan II (Psikologi dalam bilik darjah)*. Serdang Raya, Selangor. Penerbit Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Rajendran, N. S. (1998). *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms. The need for transformation of teaching practice*. (Unpublished Doctoral Dissertation, Michigan State University). Dalam Rajendran, N.S. 2000. Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rajendran, N. S. (2010). *Teaching & acquiring higher-order thinking skills: Theory & practice*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rajenthiran, N. S. (2013). *Tamilpallikalilum idainilaipallikalilum payilum tamil manavarkal ethirnokkum sikkalkalum avadrirkku thirvukalum*. Kertas Kerja yang dibentangkan Dalam Tamil Kappu Maadadhu di Universiti Malaya pada 20.6.2013. Kuala Lumpur: Pertubuhan Tamil Kappagam.

Rajendran, V. (1986). *Tirukkuraḷil camutāyak kūrukaḷ*. Sithambaram: Annamalai University.

Rajendran, M (1998). *Tirukkuraḷil uḷḷa carvatēca maṟṟum uḷṇāṭṭuc caṭṭak kūrukaḷ*. Sithambaram: Annamalai University.

Ramachandran, K. (1977). *Tirukkuraḷil maṇitap potumai nalam*. Chennai: Chennai University.

Ramalingam, N. E. (1998). *Vaḷḷuvar vaḷaṅkum uṭaimaikaḷ pattu*, Chennai: Thiruvalluvar Pathipagam.

Ramasamy Pillai, Se. Re. (1959). *Tirukkuraḷil poruḷ viḷakkam*. Chennai: Saiva siddhantha Works Publishing.

Ramasamy, V. (1991). *Tirukkuraḷil aangkila mozi peyarpil ulla sikkal*. Chennai : Chennai University.

Ramasamy, P. (1999), *Malēciyat tōṭṭat toḷilālar vāḷyum pōrāṭṭamum*. Kuala Lumpur: Semparuti Publication.

Rathakrishnan, 1992, *Nāmakkaḷ kaviṅariṅ tirukkuraḷ teḷivurai ṍr āyvu*. Sithambaram: Annamalai University.

Ravindrakumar, S. (1971). *Tiruvalluvarum kamparum ṍr oppiyalāyvu*. Delhi: Delhi Tamil Sanggam.

- Reed, J. H., & Kromrey, J. D. (2001). Teaching critical thinking in a community college history course: Empirical evidence from infusing Paul's model. *College Student Journal*, 35(2), 201-215.
- Reichenbach, B. R. (2002). *An introduction to critical thinking* (7<sup>th</sup> ed.). McGraw: Hill Publishing Co.
- Revegno, I. & Dolly, (2006). Construalist perspectives on learning. In MacDonald, K.D. & O'Sullivan, M. (editors). *Handbook of Physical Education*. London: Sage.
- Richard L Epstein. (1999). *Critical thinking*. Belmont, CA : Wadsworth Pub. Co.
- Richard, H. Hersh. (2006). *Assessing critical thinking, analytical reasoning, problem-solving and writing in high school. 21st century skills and high school reform, partnership for 21st century skills*, March 2006.
- Riinah, P. (2015). *Imej wanita dalam cerpen n.mageswari*. (Disertasi Sarjana Sastera). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roger Heacock, & Edouard Conte. (2011). *Critical research in the social sciences. A transdisciplinary East-West handbook*. Austria: Ibrahim Abu-Lughod Institute of International Studies Birzeit University and the Institute for Social Anthropology Austrian Academy of Sciences.
- Rohana Man. (2010). *Punca gengsterisme kaum india*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia (22.09.2010)
- Rollins, T. J. (1990). Levels of critical thinking of secondary agriculture students. *Journal of Agriculture Education*, 31(3), 47-53.
- Rosnani Hashim & Suhailah Hussein. (2003). *The teaching of thinking in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Ruggiero, V. R. (1984). *Beyond feelings: A guide to critical thinking* (2<sup>nd</sup> ed.). Mountain View, CA: Mayfield.

- Ruth Matthews & Jo Lally. (2010). *The thinking teacher's toolkit :Critical thinking, thinking skills, and global perspectives*. London ; New York, NY : Continuum.
- Rykman, R. M. (2009). *Theories of personality* (9<sup>th</sup> ed.). Wadsworth: Publication Company.
- Saamy Sithambaranaar. (2001) *Vaḷḷuvar vāḷṅta tamilaḷakam*. Chennai: Maaniccavaasagar Pathippagam
- Saamy Sithambaranaar. (2012). *Tirukkuraḷ*. Chennai: Subra Printing.
- Sabri Mohd Salleh. (2008). *Pembelajaran pemikiran kritis di kalangan pelajar sekolah Menengah*. (Disertasi Doktor Falsafah). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sachithanathan, K. (2009). *Ulakeṅkum tamiḷar*. Chennai: Kaanthalam.
- Safrit, M. J.( 1995). *Complete Guide to Youth Fitness Testing*. New York: Human Kinetics.
- Saktivel, S. (1987). *Tirukkuraḷum tirukaṭukamum*. Madurai: Kamaraasar University.
- Santrock, J. W. (2007) *Child Development* (11<sup>th</sup> ed.). New York: McGraw-Hill
- Sarantakos, S. (2005). *Social research* (3<sup>rd</sup> ed). Houndmills: Palgrave Macmillan.
- Sarimah Kamrin, & Shaharom Noordin. (2008). *Tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis pelajar sains tingkatan empat di daerah Kulai merentas etnik*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Universiti Teknologi Malaysia, 11-12 Okt 2008.
- Saroja, D. (2008). *Cultivating critical and creative thinking skills through an integrated approach to the teaching of literary texts*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sattiyam, T. S. (1979). *Irupatām nūrrāṅṅil tirukkuraḷ āraḷyccikaḷ vaḷarcci*. Chennai: Chennai University.

- Schafersman, S. D. (1998). Critical thinking and its relation to science and humanism. (atas talian). [Http://www.freeinquiry.com/critical-notes.html](http://www.freeinquiry.com/critical-notes.html) M. (5 Mei 2004).
- Scheffer, B. K., & Rubenfeld, M. G. (2000). A consensus statement on critical thinking in nursing. *Journal of Nursing Educational*, 39(8), 352-360.
- Schwager, S., & Labate, C. (1993). Teaching for critical thinking in physical education. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 64(5), 24-26.
- Seiger-Ehrenberg, S. (1991). Educational outcomes for a K-12 curriculum. In A. Costa (Eds.). *Developing Minds: A Resource Book for Teaching Thinking* (Rev. ed., Vol. 1, pp. 6–9). Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach* (3<sup>rd</sup> ed.). NewYork: John Wiley and Sons.
- Selambumani, S. (2006). *Tirukkuraḷum piṛkāla nīti nūlkaḷum*. Madurai: Kamaraasar University.
- Sellammal, T. (1999). *Piṛaturai nōkkil tirukkuraḷ*. Tricy: Barathidhasan University.
- Serlin, R. C. (1987). Theory building, hypothesis testing, and the philosophy of science. *Journal of Counseling Psychology*, 34, 365-371.
- Sethupillai, Ra. Pi. (1987). *Vāli vāli vaḷḷuvar*. Chennai: Palaniyappa Pathippagam.
- Shanmugasuntharam, Su. (2005). *Tiruvaḷḷuvar: Vaḷḷuvar kaṇṭa tattuvam*. Chennai: Kavviya.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Selangor: Longman Malaysia. Sdn. Bhd.
- Sigel, E. I. (1984). A constuctivist perspective for teaching thinking. *Educational Leadership*, 18-21.
- Singaravelu Sachithanantham. (2013). *Tirukkuraḷ*. Kuala Lumpur: Uma Publications.

Singgam, E. V. (1977). *Kaṭavul vālttu*. Singapore: EVS Enterprises.

Sinnathamby, M. (2000), *Peranan parti politik Malaysian Indian Congress (MIC) Dalam perkembangan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia selepas kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siti Azian Azrol Nasoha.(2013). *Pembinaan modul pembelajaran berasaskan masalah (PBM BIO-SCORE) dan kesannya terhadap pencapaian dan pemikiran kritis pelajar*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Siti Fazriah Raja Mohamed. (2005). *Analisis kecerdasan pelbagai menggunakan pendekatan model Rasch: Isu kebolehpercayaan dan kesahan instrumen*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Rahayah Ariffin, & Noriah Mohd Ishak. (2006). Multiple intelligences among science stream students in Malaysia. *International Proceeding in Teaching and Learning Conference*, Sydney, Australia 2006.

Siti Rahayah Ariffin, Noriah Mohd Ishak, Abdul Ghafur Ahmad, Rosadah Majid, Norshidah Salleh, & Rohaty Mohd Majzud. (2005). Manual penggunaan Malaysian multiple intelligences checklist for adult (MyMICA). *Laporan penyelidikan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi*. Universiti Kebangsaan Malaysia: 35-55.

Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, & Hafsa Mohamed Makki. (2008). Contribution factors in multiple intelligences among adolescence students. *Journal of Education*, 33, 35-46.

Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, Siti Fazriah Raja Mohamed, & Akbariah Mohd. Mahdzir. (2006). Multiple intelligences: Theory and application of the Rasch's Model. *Proceeding for Third International Conference On Measurement and Evaluation in Education (ICMEE)*. 287-289.

Siti Rahayah Ariffin, Subahan Mohd Meerah, Norasmah Othman, & Ibrahim Mohamed Zin. (2004). Multiple intelligences among lecturers at higher institutions. *Journal of Technology*, 41, 33-42.

- Sivalinganaar, A. (2000). *Tirukkuraḷ cintaṅaikaḷ*. Chennai: Manivasagar Publication.
- Sivapriya. (2001) *Tirukkuraḷum tirumuraikaḷum*. Delhi: Thiruthondhu Veliyidhu.
- Smart School Project Team. (1997). *The Malaysian smart school: An MSC flagship application - a conceptual blueprint*. Kuala Lumpur: Ministry of Education.
- Smith, F. M., & Kienzler, D. (2004). *The use of critical thinking process by family and consumer science students*. Kappan Omicron Nu Forum 14(2). (atas talian) [www.Icon.org/archives/forum/14-2/forum14\\_2\\_article\\_1.html](http://www.Icon.org/archives/forum/14-2/forum14_2_article_1.html). (17 February 2004).
- Solomon Pappiah. (2006). *Tirukkuraḷ*. Chennai: Kavitha Publication.
- Som Hj Nor., & Mohamad Dahalan Mohd Ramli. (1998). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Som, Hj. N., & Mohd Dahalan, M. R. (1998). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Malaysia: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Soomasundaranar, P. (1993). *Tirukkuraḷ karuvūlam*. Madurai: Rani Peddakai.
- Soosai, G. (1978). *Puisi Lama Thirukkural*. Pulau Pinang: Insitut Libido.
- Spaulding, S. C., & Kleiner, K. (1992). The relationship of college and critical thinking: are critical thinkers attracted or created by college disciplines? *College Student Journal*, 26(2), 162-166.
- Spicer, K. L., & Hanks, W. E. (1995). *Multiple measures of critical thinking and predisposition in assessment of critical thinking*. Documento presentado en the Annual Meeting of the Speech Communication, San Antonio Texas, EU
- Sprinthall, R. C., Sprinthall, N. A., & Oja, S. N. (1998), *Educational psychology a developmental approach*. Boston: Mc Graw-Hill Company.
- Stanovich, K. E., & West, R.F. (1997). *Advancing the rationality debate*. *Behavioral and Brain Sciences*, 23;-701-726

Stenning, K. (2002). *Seeing reason: Image and language in learning to think*. Oxford: Oxford University

Stephen Brookfield. (2012). *Teaching for critical thinking : Tools and techniques to help students question their assumptions*. San Francisco: Jossey-Bass.

Sternberg, L. (1986). Latchkey children and susceptibility to peer pressure: An ecological analysis. *Developmental Psychology*, 22, 433-349.

Sternberg, R. J., & Baron, J. B. (1985). A statewide approach to measuring critical thinking skills. *Educational Leadership*, 43(8), 40-43.

Sternberg, R. J., & Bhana, K. (1986). Synthesis of research on the effectiveness of intellectual skills programs: Snake-oil remedies or miracle cures? *Educational Leadership*, 44(2), 60-67.

Steve Padget. (2013). *Creativity and critical thinking*. Milton Park, Abingdon, Oxon: Routledge.

Stevens, R. (1912). *The question as a measure of efficiency in instruction: A critical study of classroom practice*. New York: Columbia University, Teachers College.

Subadrah Nair, & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 20, 21-41.

Sufiah Su'ut. (1996). *Critical thinking skills: A comparison of acquisition between form six science students and form six arts students*. (M.Ed. thesis). University of Houston. Dalam. Rosnani Hashim dan Suhailah Hussein. (2003). *The Teaching of Thinking In Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

*Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Menengah*. (2008). Putrajaya: Pusat Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

*Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Rendah*. (2008). Putrajaya: Pusat Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.



*Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil STPM*. (2012). Putrajaya: Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sulaiman Ngah Razali. (2000). *Pengajaran sains KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan, & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Surizan Md. Adil. (2000). *Analisis kualitatif pelaksanaan kemahiran berfikir dan proses sains oleh guru-guru sains sekolah rendah di kawasan Merlimau, Melaka*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Swanson, H. I. (1990). Influence of metacognition knowledge and aptitude on problem solving. *Journal of Educational Psychology*, 82(2), 306-314

Swarts, R. (2003). Towards developing and implimenting a thinking curriculum. Keynote Address presented at the *First Annual Thinking Qualities Initiative Conference*, Hong Kong.

Sweetland. (Eds). *Test critiques Volume III* Kansas City, MO: Test Corporation of America. ( PP. 682 – 685 ).

Tama, T. M. (1989). *Critical thinking. Promoting it in the classroom*. ERIC Digest, 6. Retrieved from [Http://www.ericdigests.org/pre-9211/critical.htm](http://www.ericdigests.org/pre-9211/critical.htm) doi:ED306554.

*Tamilmarai Maanaaddu Kalanjiyam*. (18.6.2005). Malaysia: Taad Printing.

Tamizh Vetpan. (2004). *Tirukkuraḷ*. Chennai: Sri Shenpagam Patippagam.

Tamizharasan, K. (2005). *Kuraḷ neri, pautta neri ṓr oppāyvu*. Chennai: Chennai University.

Tan, J. (2005). Sad reflection of malay politics. *Sunday Star*, 20 Feb: 21.

Tashakkori, A., & Teddlie, C. (2002). *Handbook of mixed methods in social & behavioral research*. Thousands Oak: Sage Publications.

*Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Perasmian Persidangan Tamil Antarabangsa yang Ke-9, 29.1.2015 di Kuala Lumpur, Universiti Malaya.*

ten Dam, G., & Volman, M. (2004). Critical thinking as a citizenship competence: Teaching strategies. *Learning & Instruction, 14*, 359-379.

Thamilmani, P. A. (Eds.). (2005). *Tamilmarai mānāṭṭuk kaḷañciyam*. Selangor: International Symposium On Holy Tamil Script Tirukkuraḷ.

Thanabaakiyavathi, D. (1989). *Irupatām nūrrāṇṭu tirukkuraḷ uraikal*. Chennai: Chennai University.

Thandamil Pittan. (1989). *Tirukkuraḷ cuvai amutam*. Chennai: Revathi Patippagam.

Thevaneya Paavanar, Nya. (2000). *Tirukkuraḷ tamil marapurai 1: Arattuppāl 1*. Chennai: Tamilman Pattippagam.

Thiagarajah, C. (2003). *Socio-political philosophy of Tiruvalluvar*. Kuala Lumpur: Department Of Indian Studies, University of Malaya.

Thirunaavukkarasu, K. T. (1977). *Tirukkuraḷ nīti ilakkiyam*. Chennai: Chennai University.

Thirunaavukkarasu, K. T. (1982). *Tirukkuraḷil karṇanait tirāṇum nāṭaka nalamum*. Chennai: Chennai University.

Thomas, J. R., & Nelson, J. K. (1996). *Research methods in physical activity* (3<sup>rd</sup> ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.

Thomas, J. R., Nelson, J. K., & Silverman, S. J. (2005). *Research methods in physical activity*. (5<sup>th</sup> ed.). USA: Human Kinetics.

Tishman, S., & Perkins, D. (1995). Critical thinking and physical education. *Journal of physical education and recreational dance, 66(6)*, 24-31.

Tomlinson, H. (2004). *Educational leadership - Personal growth for professional development*. London: Sage Publications.

Tsui, L. (1999). Courses and instruction affecting critical thinking. *Research In Higher Education*, 40(2), 185-200.

Tuckman, B. W. (1972). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace.

Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa. (1998). *Penerapan Nilai Murni Di dalam Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

*Ulaka tirukkuraḷ mānāṭṭuc ciṟappu malar*. (6.10.2001). Chennai: Tiruvalluvar Tirukkural Narpani Maiyam.

Uthayasangkar, K. (2005). *Tirukkuraḷil taṇimaṇita aramum camutāya aramum* CithambaraM: Annamalai University

Varatharasan, Mu. (2009). *Tiruvalluvar allatu vāḷkkai viḷakkam* . Chennai: Paari Nilayam

Varatharasan, Mu. (2000). *Tirukkuraḷ telivurai* (152<sup>th</sup> ed.). Tinnevely: The South India Saiva Siddhanda Works Publishing Society.

Velu, R. (1979). *Tirukkuraḷ kauṭilīyam oppāyvu*. Madurai: Kamaraasar University.

Vengadasalam, P. (2003). *Kuraḷamutam*. Thiruvannamalai: Thiruvalluvar Tamil ilakkiya Peravai.

Veramani, P. (2009). *Valluvarum camayamum*. Tinnevely: Saiva Siddhantha Work Publishing.

Vincent Ryan Ruggiero. (1984). *The art of thinking: A guide to critical and creative thought*. New York: Harper & Row.

Visvanathan, Ki. Aa. Pe. (1995). *Tirukkuraḷ putaipporuḷ*. Chennai: Pari Nilaiyam.

Visvanathan, Ki. Aa. Pe. (1974). *Tirukkuraḷ putaipporuḷ II*, Chennai: Pari Nilayam.

Visvanathan, Ki. Aa. Pe.(1990). *Valluvarum kuraḷum*. Chennai: Pari Nilayam

Vygotsky, L. S. (1962). *Thought and language*. Cambridge, MA: MIT Press.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Wahti Mahidin. (2005). Do they really have it so easy? *Sunday Mail*, 24 April: 11.

Wan Mohd Rani Wan Abdullah. (1996). Laporan kajian analisis item SRP 1992 dalam enam matapelajaran KBSM dan analisis item data ujian Tingkatan 1, 2 dan 3 dalam laporan matapelajaran KBSM. *Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM: Isu dan Hala Tuju Strategik Kea rah Abad 21*. Institut Aminudin Baki, Genting Higlands.

Wan Norehan Bt Wan Mamat. (2013). *Tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan hubungannya dengan pencapaian pelajar*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Watson, G. B., & Glasser, E. M. (1980). *Watson – Glaser critical thinking manual*. Sam Antonio: The Psychological Corporation, Harcourt Brace & Co.

Wiersma, W. (2008). *Research method in education: An introduction*. (9<sup>th</sup> ed.). Massachusettes: Allyn and Bacon Inc.

Wilén, W. W. (1995). *A rationale for developing students: Critical thinking through questioning*. *Jurnal Pendidikan Guru*, 10, 33-44.

William Hughes. (2000). *Critical thinking: An introduction to the basic skills*. Peterborough, Ont: Broadview Press.

Woehlke, P. L. (1985). Watson-Glasser critical Thinking Appraisal. In D. J. Keyser & R. C. Sweetland (Eds.), *Test critiques, Vol.III*. (pp. 682-685). Kansas city, Mo: Test Corporation of America.

Woolfolk, A. (1997). *Educational psychology* (3<sup>rd</sup> ed.). New Jersey: Prentice Hall Inc.

Woolfolk, A. (2012). *Educational psychology* (12<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Prentice Hall Inc.

Wright, B. D & Masters, G.N. (1982). *Rating Scale Analysis*. Chicago Il. Cesa. Press.

Yahaya, A. (2010). *Hubungan antara sejarah silam dengan perkembangan personaliti di kalangan pelajar bandar dan luar bandar*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme.

Yusmanitha Othman. (2012). *Kajian tahap penguasaan dan hubungan kemahiran berfikir kritis terhadap pencapaian dalam kalangan pelajar Biologi tingkatan empat di zon Rawang*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris..

Zainal Kling. (1993). *Asas ketuhanan dalam pemikiran sosiopolitik melayu. Dalam Tamadun Melayu*. Ismail Hussein (Eds.). Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zevin, J. (1995). *A guide on classroom testing (With emphasis on higher order questioning)*. UNESCO Participation Programme (Project No: 8152). Kuala Lumpur: Ministry of Education.

Zohar, Anat, Weinberger, Y., & Tamir, P. (1994). The effect of the biology critical thinking project on the development of critical thinking. *Journal of Research in Science Teaching*, 31, 183-196.